


Ketika Dunia Berada di Gerbang
Kiamat Muncul

mesti baca dan
dimiliki

3



TOKOH BAKAL MENAKLUK DUNIA

AL-MAHDI – DAJJAL – NABI ISA AL MASIH

AL-MAHDI & ISA

PEMBAWA

KEAMANAN SEJAGAT

Ustaz Jaafar bin Salleh



Sebelum dunia ini dikiamatkan, Islam pasti menjadi agung semula setelah sekian lama Islam bersama penganutnya dipencilkan oleh umat lain. Kini kita di suatu zaman dimana musuh Islam menjadikan umat Islam mangsa kerakusan dan kejahatan mereka.

Seolah-olah apa yang diberitakan kepada kita bahawa nasib umat Islam bagaikan 'telur' di hujung tanduk. Tiada pembela dan tiada siapa yang memperdulikannya. Itulah cabaran yang besar ke atas umat Islam yang menentukan keimanan dan keyakinan mereka kepada Allah Azawajallah.

Inilah proses yang ditempuhi oleh umat Islam untuk mengembalikan keyakinan mereka kepada Hari Kebangkitan dan adanya Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa. Pasti dan janji Allah swt tidak akan biarkan Islam ini terus di robek oleh musuh-musuhnya.

Ini tidak akan terjadi sehingga Allah S.W.T datangkan kepada mereka Al Mahdi dan Isa Al-Masih. Sesungguhnya saat itu semakin hampir untuk meletakan Islam dan umatnya gemilang dan terbilang. Untuk mengetahui bagaimana Islam ini berdaulat semula maka anda perlu memiliki dan terus membaca buku ini. Tentunya nanti anda akan tahu yang orang lain tidak tahu tentang kejayaan umat islam yang berada di akhir zaman.

Harga \$ 34.90

ISBN 978-983-3092-77-2



9 789833 092772



www.pustakaazhar.com

“Ketika Dunia Beredar di Gerbang Kiamat
Muncul 3 Sang Penakluk”

3 TOKOH BAKAL MENAKLUK DUNIA

**Mesti
Baca
dan
Dimiliki**

AL-MAHDI-DAJJAL-NABI ISA AL MASHI

AL-MAHDI & ISA

PEMBAWA KEAMANAN SEJAGAT

Ustaz Jaafar bin Salleh

3 TOKOH BAKAL MENAKLUK DUNIA

AL-MAHDI-DAJJAL-NABI ISA AL MASIH

AL-MAHDI & ISA

PEMBAWA KEAMANAN SEJAGAT

Ustaz Jaafar bin Salleh

Cetakan 2007

ISBN : 978-983-3092-77-2

© Hakcipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada dengan komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada penerbit secara bertulis.

Diterbitkan oleh:

PUSTAKA AZHAR

5B/110(B), Ground Floor,
Larkin Transport Terminal,
Jalan Garuda,

80310 Johor Bahru,

Tel : 07-2210 244

Fax : 07-2210 243

Email : pustakaazhar@yahoo.com

Kandungan

	Halaman
Prakata Penerbit	1
Muqaddimah	3
BAB 1	
KEPERCAYAAN PADA HARI KIAMAT DAN TANDA-TANDANYA ADALAH RUKUN IMAN DAN KIAMAT PASTI BERLAKU	7
BAB 2	
TANDA-TANDA DAN ISYARAT-ISYARAT SEBELUM KEMUNCULAN AL-MAHDI, DAJJAL DAN ISA A.S.	11
Tanda-Tanda Kecil Kiamat yang Telah Berlaku Pada Abad-Abad Pertama Islam Semasa Nabi, Para Sahabat, dan Para Tabi'in	11
1. Diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. petanda dunia berada di hujung usia	11
2. Peristiwa terbelahnya bulan purnama	14
3. Penaklukan Baitul Maqdis	15
4. Berlakunya peristiwa pertempuran dua kelompok besar kaum Muslimin	18

5. Kematian mengejut kerana wabak penyakit	20
6. Munculnya api di Hijaz	21
Tanda-Tanda Kecil Kiamat Yang Pada Abad-Abad Terakhir Islam Hingga Zaman Sekarang	22
7. Para hamba (wanita) melahirkan tuannya	22
8. Orang dungu dijadikan pemimpin	23
9. Orang miskin tinggal di bangunan tinggi	25
10. Perzinaan berleluasa sehingga masuk ke dalam rumah persendirian dan dihalalkan aktiviti	28
1). Penzina akan ditimpa empat bala	32
2). Maksud bertaubat yang sebenar bagi penzina	34
11. Berlaku perbuatan menghalalkan sutera bagi lelaki	36
12. Arak diminum berleluasa dan dihalalkan jualannya	37
13. Kaum Muslimin diserang dan dicatur oleh musuh dengan sesuka hati	38
14. Salam hanya diucapkan kepada orang dikenali sahaja dan diubahkan kepada ucapan lain	40
15. Manusia tidak lagi berhati-hati dalam mencari rezeki, sama ada halal atau haram	42
16. Banyaknya tersebar perbuatan bohong	42
17. Waktu menjadi singkat	44

18. Tersebarnya banyak pasar (meningkatnya kegiatan perdagangan dan perusahaan)	45
19. Ilmu agama atau amalan agama berkurang	46
20. Pembunuhan berleluasa dan secara terang-terangan	47
21. Jumlah wanita melebihi lelaki	48
22. Para pemuda jahat perangai	49
23. Wanita bersolek dan berhias dengan pelbagai fesyen mendedah aurat	49
24. Lahir golongan lelaki dan wanita yang aktif di tengah masyarakat tidak berada di atas jalan Allah	50
25. Wanita ikut bekerja seperti lelaki	54
26. Umat Islam ikut jejak langkah Yahudi dan Nasrani dan lain-lain ideologi sejengkal demi sejengkal	54
27. Muncul golongan pejuang yang memcampurkan uslub dan matlamat perjuangan dengan hak dan batil	63
28. Timbul pejuang yang menyuarakan perjuangan mereka dengan cara demonstrasi	65
29. Banyak timbul kesaksian palsu dan lenyap kesaksian yang sebenar	66
30. Berkembangnya kegiatan penulisan	67
31. Anak bulan mengembung (besar) dan lihat anak bulan guna teleskop	68

32. Masjid hanya dijadikan jalan raya, digambar dan dijadikan hiasan dinding, dibina dengan cantik dan dijadikan tempat berbual urusan dunia	69
33. Banyaknya kejadian mati secara mendadak	71
34. Banyaknya jumlah polis dan pengawal keselamatan	71
35. Penjual belian jabatan atau amanah	72
36. Darah tidak berharga lagi	72
37. Al-Quran hanya untuk dilagukan	73
38. Ilmu agama dituntut dari orang yang berilmu jahil	73
39. Mewarna rambut dengan warna hitam	74
40. Lahir segolongan orang yang bercita-cita untuk mati	76
41. Berlaku perkara-perkara ganjil dan luar biasa	77
42. Munculnya pelbagai kenderaan moden dan kenderaan tradisional dikumpul di dalam zoo	78
43. Muncul kenderaan dan rumah untuk syaitan	80
44. Munculnya cara hidup mewah dan boros	83
45. Umat Islam berpecah belah	85
46. Muncul para pembaca al-Quran yang menjadikan al-Quran sebagai sumber mencari keduniaan	88
47. Muncul golongan menolak sunnah	89
48. Muncul kaum Khawarij mengkafirkan sesama Islam	90

49. Meluasnya sifat kebakhilan	92
50. Munculnya fitnah-fitnah yang menyesatkan agama manusia	93
51. Diangkatnya ilmu dan diturunkan kejahilan	94
52. Banyak terjadi gempa bumi	96
53. Tanah dan bangunan runtuh	98
54. Harta hak rakyat dan negara akan diseleweng dan menjadi milik sekelompok orang tertentu	99
55. Manusia berat melaksanakan syariat agama	102
56. Seorang lelaki akan mentaati isterinya sedangkan dia derhaka kepada ibunya	103
57. Seorang lelaki bersikap memandang rendah kepada ayahnya, sebaliknya memulia dan mengkagumi temannya	104
58. Meninggikan suara di dalam masjid	105
59. Agama dipelajari bukan untuk kemaslahatan agama	106
60. Seseorang akan dihormati kerana orang takut akan kejahatannya	108
61. Anak-anak akan mudah menjadi pemarah	109
62. Hujan akan menjadi bencana	111
63.. Harga barang merlambung tinggi	112
64. Perniagaan menjadi rugi	113

65. Riba berleluasa	114
66. Tiada lagi sumber rezki yang halal	114
67. Tiada lagi sahabat setia	115
68. Pengaruh buruk, akan memasuki setiap rumah	115
69. Fitnah kesusahan dan pelarian peperangan	116
70. Muncul pula fitnah As-Sarrak, cuhaan, pengarah buruk dan kekacauan yang disebabkan oleh harta henda	118
71. Kebenaran hadis Rasullullah s.a.w. tentang peperangan di Asia Barat	121
72. Turki akan memerangi Iraq	126
73. Turki jadi negara sekular	127
74. Turki ditawan semula oleh Islam sebelum kiamat	132
75. Genjatan senjata dan perdamaian antara kaum Muslimin dengan Barat	133
76. Tercetusnya peperangan Armagadon	135
1). Bukti Peperangan Armagadon akan berlaku yang dikutip daripada pernyataan daripada para ahli kitab	138
2). Peperang Armagadon ialah Peperangan Dunia Ketiga	145
77. Pengkhianatan dan pelanggaran Rom ke atas perjanjian perdamaian dengan kaum Muslimin	149

78. Terjadi huru-hara dalam negara dan perselisihan -perselisihan dalam perebutan kekuasaan	152
79. Persepakatan Amerika-Jepun	154
80. Kering sungai Furat	155
81. Muncul bintang berekor	156
82. Hancurnya Yasyrib	165
83. Binatang boleh bercakap	167
84. Kaabah runtuh	167
85. Manusia jadi seperti binatang	168
86. Imam Mahdi sebagai tanda kiamat, pembatas antara tanda kiamat dengan kiamat kubra (besar)	169

BAB 3

IMAM MAHDI PEMBAWA KEAMANAN UNTUK UMAT SEJAGAT

	171
1. Siapakah Al-Mahdi	174
2. Sifat-sifat dan ciri-ciri Imam Mahdi	174
3. Bilakah Al-Mahdi akan muncul?	177
4. Tanda kedatangan Al-Mahdi, muncul bintang berekor	185
5. Tanda-tanda kebenaran Al-Mahdi, tentera yang mengejarnya ditelan bumi	186
6. Imam Mahdi tidak suka ia dibai'at	190

7. Peperangan-peperangan pada zaman Al-Mahdi	195
1). Hadis-hadis mengenai peperangan zaman Al-Mahdi	197
2). Peperangan yang dihadapi Al-Mahdi	198
i). Perang melawan semenanjung Arabia	198
ii). Peperang menghadapi Parsi (Iran)	199
iii). Perang menghadapi kaum Rom (Amerika dan Eropah)	202
iv). Penaklukan Konstantinopel (Istanbul)	209
v). Perang menghadapi kaum Yahudi	215
vi). Peperangan lain yang dihadapi Imam Mahdi	217
7. Al-Mahdi muncul selepas peperangan Armagadon	218
8. Al-Mahdi salah seorang khalifah yang dijanjikan	219
Bukti dari hadis bahawa Imam Mahdi adalah salah seorang Khulafaur-Rasyidin	226
9. Tempoh masa Imam Mahdi memerintah dunia	234
BAB 4	
DAJJAL PENYIBAR PEMIKIRAN DAN BUDAYA KUFUR DAN PENCETUS HURU-HARA DUNIA	237
1. Ciri-Ciri dan sifat-sifat Al-Masihuddajjal	237
2. Di manakah tempat Dajjal berada sekarang	241

3. Waktu, sebab-sebab dan tanda-tanda keluarnya Dajjal	247
1). Sebab-sebab keluar Dajjal	247
2). Waktu keluar Dajjal	248
3). Tanda-tanda kemunculan Dajjal	249
4. Bagaimana menyelamatkan diri dari fitnah Dajjal	252
1). Banyakkan berwirid dan berzikir	252
2). Memohon perlindungan Allah dengan doa	252
3). Sentiasa mengingatkan keluarga dan masyarakat tentang bahaya fitnah Dajjal	253
4). Menjauhi diri daripada jaringan perangkap -perangkap Dajjal melalui perkara syubhat dan syahwat	254
5). Berusaha perkuatkan iman dan amalan	255
6). Hendaklah lari menjauhkan diri daripada Dajjal sejauh-jauhnya bagi mengelak pengaruh sihirnya	256
7). Hendaklah kenali segala bentuk fitnah Dajjal dan menentangnya dengan bersungguh-sungguh	257
5. Cara-cara lain menyelamatkan diri dari fitnah Dajjal	262
6. Tempoh lama masanya Dajjal mengadakan tipudaya dan huru-hara di muka bumi	264
7. Kehancuran Dajjal dan kekalahan para pengikutnya	265
8. Peringatan Rasulullah s.a.w. mengenai dajjal-dajjal sebelum Dajjal	267
9. Keadaan dunia setelah kematian Dajjal	272

BAB 5

NABI A.S. PENYAMBUNG PERJUANGAN AL-MAHDI, PEMBUNUH DAJJAL DAN PEMBAWA KEAMANAN DAN KEMAKMURAN SEJAGAT

273

1. Sifat-sifat dan identiti Isa ‘alaihissalam (a.s) 273
2. Turunnya Isa ‘alaihissalam ke muka bumi 275
 - 1). Dalil-dalil berkaitan turunnya Nabi Isa a.s.
ke bumi dalam al-Quran 277
 - 2). Dalil-dalil berkaitan turunnya Nabi Isa a.s.
ke bumi yang terdapat di dalam As-Sunnah 281
3. Hadis-hadis berkenaan turunnya Isa a.s. Mutawatir 283
4. Hikmah diturunkannya Nabi Isa, tidak Nabi lain 287
5. Dengan apakah Isa a.s. menetapkan hukum? 289
6. Meluas dan meratanya keaamanan dan keberkatan
pada zaman Isa a.s. 293
7. Tempoh masa pemerintahan Nabi Isa a.s.
hingga wafatnya 295

BAB 6

TANDA-TANDA KIAMAT BESAR MENJELANG BUMI INI MUSNAH SEGALA-GALA YANG ADA ATASNYA

297

1. Keluar Yakjuj dan Makjuj memusnahkan isi bumi ini 298
 - 1). Siapakah Yakjuj dan Makjuj? 304

2). Di manakah Yakjuj dan Makjuj berada sekarang?	305
3). Bilakah Yakjuj dan Makjuj akan keluar	306
4). Yakjuj dan Makjuj akan menyerang dan membinasakan manusia	307
5). Pusat Angkasa NASA temui kewujudan Yakjuj dan Makjuj	309
2. Matahari terbit dari arah barat	312
3. Keluar binatang melata dari perut bumi yang boleh berbicara dan mengenal sifat-sifat manusia	317
4. Keluarnya Asap	321
5. Muncul puak Qahtani yang zalim	322
6. Terjadi kilat dan hujan lebat yang luar biasa	323
7. Haji di tinggalkan dan Ka'abah tidak lagi ditawafkan	324
8. Ka'abah dihancurkan	325
9. Berlakunya gempa bumi di tiga wilayah dunia	326
10. Muncul api dari Yaman	328
1). Cara Allah mengumpulkan manusia	330
2). Di manakah bumi tempat berkumpul itu?	332
3). Pengumpulan raksasa manusia di dunia	335

BAB 7	
TIUPAN SANGKAKALA DAN KEMUSNAHAN SEGALA MAKHLUK DAN ALAM INI	341
1. Tiupan Sangkakala pertama, yaitu tiupan goncangan	343
2. Tiupan Sangkakala kedua, yaitu tiupan kejutan (pengsan) dan kematian	345
3. Tiupan Sangkakala ketiga, yaitu tiupan kebangkitan	346
4. Langit dan bumi diganti dengan yang baru	347
BAB 8	
PESANAN DAN PERINGATAN SERTA PERSEDIAAN HADAPI KIAMAT DAN KEMATIAN	349
1. Melengkapkan diri dengan ilmu dan panduan hidup	349
2. Sentiasa beristighfar dan bertaubat	350
3. Zuhud terhadap dunia	352
4. Menyediakan bekalan untuk kehidupan akhirat	352
5. Selalu mengajak orang lain kepada agama Allah	355
6. Melaksana dan mentaati semua perintah (syariat) Allah	355
7. Menghapuskan perpecahan dan perselisihan	356

PRAKATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الرُّسُلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

*Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

SEGALA puji bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam. Selawat serta salam ditujukan kepada Penghulu segala Nabi dan Rasul yang diutuskan, juga selawat dan salam kepada sekalian keluarga dan para sahabatnya.

Krisis dan kemelut kepimpinan dan pengurusan dunia hari ini telah mencapai peringkat kronik dengan pihak Amerika Syarikat dan Eropah bertindak sebagai pencatur dan penentu agenda dunia, sebagai hakim dan polis dunia menghukum sesiapa sahaja dan mana-mana negara tanpa mahkamah.

Umat dunia yang telah mencapai taraf dunia maju dan memiliki teknologi canggih, tidak sepatutnya membiarkan nasib mereka ditentukan oleh mana-mana pihak yang melantik diri mereka tanpa melalui proses pengiktirafan secara demokrasi atau mana-mana sistem yang mampu mengimbangkan keadilan dalam semua segi.

Dalam suasana kemelut itu, seluruh umat dunia amat mengharapkan munculnya tokoh alternatif yang dapat menyelesaikan krisis dan kemelut serta dapat menentukan agenda dunia ini dengan cara yang baik dan berhikmah.

Kita selaku umat Islam yakin bahawa suatu masa nanti dunia ini akan diserahkan oleh Allah kepada pemimpin yang adil dan membawa kemakmuran seperti mana yang dijanjikan melalui kekasihnya, Nabi Muhammad s.a.w.

Firman Allah, maksudnya; *“(Kami tulis dalam) Lauh Mahfuzh, bahwasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaKu yang saleh.”* (Surah Al-Ambia 21: 105).

Dari Said dan Jabir bahawa Nabi s.a.w. bersabda; Bermaksud; *“Akan ada pada akhir zaman nanti seorang khalifah (yang adil) yang akan membahagi-bahagikan harta (kepada rakyat) sehingga tidak terhitung banyaknya (makmur).”* (Riwayat Muslim).

Inilah di antara persoalan yang dibicarakan dalam buku yang berjudul **“TIGA TOKOH BAKAL MENAKLUK DUNIA, DAJJAL, NABI ISA & IMAM MAHDI PEMBAWA KEAMANAN SEJAGAT”** yang sedang anda tatap ini.

Semoga dengan pendedahan ini, umat dunia khususnya umat Islam tidak akan lagi bersalah sangka tentang personaliti tokoh Imam Al-Mahdi yang sering menjadi polemik sehingga menimbulkan ketakutan. Kerana Imam Mahdi adalah tokoh kepimpinan akhir zaman yang akan dimunculkan oleh Allah untuk menghapus kekejaman dan ketidakadilan yang sewenang-wenangnya dilakukan oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan kuncu-kuncunya.

SALAM SEJAHTERA DARI MEJA PENERBIT

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الرُّسُلَيْنِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

*Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

SEGALA puji bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam. Selawat serta salam ditujukan kepada Penghulu segala Nabi dan Rasul yang diutuskan, juga selawat dan salam kepada sekalian keluarga dan para sahabatnya.

Sesungguhnya tunjang keimanan bagi setiap orang Mukmin ialah terletak kepada enam, iaitu beriman kepada Allah, malaikat, Rasul, kitab, hari akhirat dan qadha dan qadhar.

Setiap orang Mukmin wajib menyakini bahawa hari kiamat pasti berlaku. Sebelumnya terdapat tanda-tanda bahawa kiamat yang bakal berlaku itu telah dekat, ini diceritakan oleh Allah dan Rasul-Nya sendiri di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Antaranya telah berlaku, yang sedang dan akan berlaku. Para ulamak mengkategorikannya sebagai tanda-tanda besar, tanda-tanda kecil dan tanda-tanda besar.

Dalam buku ini dibincangkan tanda-tanda itu, khusus berkaitan dengan tajuk buku ini ialah tentang kemunculan “Tiga Tokoh Dunia” yang bakal menakluk dunia, iaitu Al-Mahdi, Dajjal dan Nabi Isa a.s.

Sebelum kemunculan tokoh-tokoh tersebut, dunia ini akan berhadapan dengan beberapa peringkat zaman, yang telah diberitakan oleh Rasulullah s.a.w. seperti berikut:

Sabda Rasulullah s.a.w., terjemahannya; *“Telah berlaku era pemerintahan KENABIAN, ia berlaku dan berakhir sepertimana yang Allah kehendaki. Setelah itu berlaku pula era pemerintahan KHALIFFAH AL-RASYIDIN yang berjalan mengikut manhaj (ciri) era kenabian, ia berlaku dan berakhir menurut sepertimana yang Allah kehendaki. Setelah itu diganti pula dengan era pemerintahan yang MENGGIGIT (fitnah) diperintah secara warisan (Monarchy), ia berlaku dan berakhir mengikut kadar masa yang ditentukan Allah. Setelah itu diganti dengan era pemerintahan DIKTATOR, ia berlaku dan berakhir mengikut tempoh yang Allah kehendaki. Setelah itu diganti pula dengan era pemerintahan KHALIFFAH yang mendapat petunjuk di atas jalan kenabian (berjalan mengikut manhaj kenabian). Era ini ialah era kegemilangan keseluruhan muka bumi.”* (Riwayat Imam Ahmad, Al-Bazar dan At-Tabrani dari Huzaifah - rojok *AL-‘ALAM AL-ISLAMI WAL MAKAlD AD-DAWAlIAH KHALAL QURNA AR RABl’ ISYRIL HIJRI* oleh Al-Ustaz Fathi Yakan).

Hadis di atas menjelaskan bahawa dunia sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga hampir kiamat terbahagi kepada lima zaman;

1. Zaman Rasulullah s.a.w.
2. Zaman Khulafa Ar-Rasyidin
3. Zaman fitnah
4. Zaman diktator
5. Zaman Kekhalifahan yang mengikut manhaj zaman kenabian (zaman Rasulullah s.a.w).

Dalam hadis di atas Nabi s.a.w. menyebut bahawa akan muncul zaman **KEKHALIFAHAN** yang berjalan mengikut manhaj (bentuk dan pendekatan) zaman kenabian. Atau dengan kata lain **ZAMAN KEBANGKITAN SEMULA ISLAM**. Islam akan agung kembali sepertimana zaman kenabian. Pemimpin Islam di zaman itu ialah pemimpin bertaraf antarabangsa yang bergelar KHALIFFAH.

Di samping hadis di atas, terdapat lagi beberapa hadis yang Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa menjelang kiamat nanti Islam akan kembali berkuasa dan muncul pemimpin bergelar khaliffah.

Dari Said dan Jabir bahawa Nabi s.a.w. bersabda, terjemahannya; *"Akan ada pada akhir zaman nanti seorang khalifah yang akan membahagi-bahagikan harta (kepada rakyat) sehingga tidak terhitung banyaknya (makmur)."* (Riwayat Muslim).

Abu Daud meriwayatkan dari hadis Sufyan As-Sauri dan Abu Bakar 'Abbas dan Zaidah dan Qatr dan Muhammad bin Ubaid, semuanya meriwayatkan dari Ashim bin Abu Nujud, yakni Abu Bahdalah dan Zir bin Khubais, dari Abdullah bin Mas'ud dari Nabi s.a.w., beliau bersabda; *"Jika sekiranya tidak ada lagi baki daripada umur dunia ini kecuali sehari sahaja lagi (menjelang kiamat), nescaya Allah akan memanjangkan hari tersebut hingga diutus pada hari itu seorang lelaki dari keturunanku atau dari keluargaku, namanya seperti manaku (Muhammad) dan mana ayahnya seperti nama ayahku (Abdullah)."* Terdapat tambahan pada hadis Qatr; *"...dunia dipenuhi dengan keadilan sebagaimana (sebelum itu) dipenuhi oleh kezaliman dan kerosakan."*

Umat Islam perlu yakin dengan era-era tersebut di atas. Kita sekarang ini sedang menunggu sejarah dan era **peralihan** kepada ERA PEMERINTAHAN KHALIFAH YANG MENDAPAT PETUNJUK DI ATAS JALAN KENABIAN atau BERJALAN MENURUT MANHAJ KENABIAN, apakah ia berlaku di zaman hayat kita serta di hadapan mata kita sendiri? Selain itu era-

era (1-4) yang telah disebut oleh Nabi Muhammad s.a.w. sendiri sedikit sebanyak telah pun berlaku. Cuma era ke-5 yang masih belum berlaku.

Serentak dengan zaman era kepimpinan seorang tokoh bertaraf khalifah, muncul pula seorang tokoh pengancam dunia, iaitu Dajjal Al-Maseh, diikuti oleh turunnya Nabi Isa ibnu Mariam, Yakjuj dan Makjuj, kemudian terbit matahari di sebelah barat, keluar binatang dari bumi yang terkenal dengan *dabbul ar-radh*, keluar asap atau kabus yang menggelapkan muka bumi, terbenam bumi di timur dan barat, terbenam bumi di semenanjung Arab, dan akhir sekali keluar api dari lautan Teluk Aden (Yaman). Setelah itu barulah dituipkan Sangkakala menandakan bumi ini hancur atau berlakunya kiamat.

Buku ini, lebih banyak dan secara meluaskan membincangkan mengenai tiga tokoh utama yang bakal manakluk dunia, iaitu Imam Mahdi, Dajjal dan Nabi Isa a.s. Umat Islam sepatutnya mengalu-ngalukan kemunculan Imam Mahdi kerana ia bakal membawa keadilan dan kedamaian kepada dunia ini. Setelah itu diikuti oleh Nabi Isa a.s.

Semua perbincangan yang berkaitan isu-isu yang dibayangkan di atas ialah berlandaskan isyarat-isyarat yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui hadis yang terkumpul di dalam pelbagai kitab susunan para ulamak muktabar. Untuk lebih jelas lagi agar tidak meragukan, sila rujuk sendiri kitab-kitab yang tercatat pada senarai sumber rujukan di penghujung buku ini.

Salan sejahtera dari:

Penyusun

Ustaz Jaafar Salleh

Kepercayaan pada Hari Kiamat adalah Rukun Iman, Tanda-Tanda Kedatangannya Pasti Berlaku

SESUNGGUHNYA tunjang keimanan bagi setiap orang Mukmin ialah terletak kepada enam, iaitu beriman kepada Allah, pada Malaikat, para Rasul, kitab-kitab, hari akhirat dan qadha dan qadhar.

Setiap orang Mukmin wajib menyakini bahawa hari kiamat pasti berlaku. Sebelumnya terdapat tanda-tanda bahawa kiamat yang bakal berlaku itu telah dekat, ini diceritakan oleh Allah dan Rasul-Nya sendiri di dalam al-Quran dan al-Hadis.

Allah s.w.t. berfirman:

أَقْتَرَبَ لِلنَّاسِ حِسَابُهُمْ وَهُمْ فِي غَفْلَةٍ مُّعْرِضُونَ ﴿١﴾

Terjemahannya: “Telah dekat kepada manusia hari menghisab amalan mereka, sedang mereka berada dalam kelalaian lagi berpaling (dari pada-Nya).” (Surah Al-Ambia (21):1).

Firman-Nya lagi:

يَسْأَلُكَ النَّاسُ عَنِ السَّاعَةِ قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا يُدْرِيكَ
لَعَلَّ السَّاعَةَ تَكُونُ قَرِيبًا ﴿٦٣﴾

Terjemahannya: “Manusia bertanya kepadamu tentang hari berbangkit, katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan tentang hari berbangkit itu hanya pada Allah dan tahukah engkau (wahai Muhammad) boleh jadi hari berbangkit itu sudah dekat waktunya.” (Surah Al-Ahzab (33):63).

Firman Allah, terjemahannya: “Telah dekat (datangnya) hari kiamat dan telah terbelah bulan.” (Surah Al-Qamar (54): 1).

Firman Allah, terjemahannya: “...dan (ingatlah) akan hari (yang di waktu itu) Allah mengumpulkan mereka, (mereka berasa pada hari itu) seakan-akan mereka tidak pernah berdiam (di dunia) melainkan hanya sesaat saja, pada siang hari (pada waktu itu) mereka saling berkenalan, sesungguhnya rugilah orang yang mendustakan pertemuan mereka dengan Allah dan mereka tidak mendapat petunjuk.” (Surah Yunus (10):45).

Firman Allah, terjemahannya: “Allah-lah yang menurunkan kitab dengan (membawa) kebenaran dan neraca (keadilan), dan tahukah kamu (mungkin) hari kiamat itu dekat, orang yang tidak beriman kepada hari kiamat meminta supaya hari itu segera datang dan orang yang beriman merasa takut kepadanya dan mereka yakin bahwa sesungguhnya orang yang membantah tentang terjadinya kiamat itu benar-benar dalam kesesatan yang amat jauh.” (Surah Asy-Syura (42):17-18).

Firman Allah, terjemahannya: “Mereka menanyakan kepadamu tentang hari kiamat: Bilakah terjadinya? Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan tentang hari itu adalah pada Tuhan-ku, tidak seorang pun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia (Allah), kiamat itu amat berat (huru-haranya bagi makhluk) yang di langit dan

di bumi, kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba. Mereka bertanya kepadamu seakan-akan engkau benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah pada Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya." (Al-'Araf (7):187).

Firman Allah, terjemahannya: "*Sesungguhnya hari kiamat itu (pasti) akan datang, Aku (Allah) merahasiakan (waktunya) agar supaya setiap diri (orang) itu dibalas dengan apa yang ia usahakan.*" (Surah Toha (20):15),

Ketika Jibril bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang hari kiamat, yang mana ketika itu Jibril menampakkan diri sebagai seorang Arab dusun, maka Rasulullah s.a.w. berkata kepada Jibril: "*Tidaklah orang yang ditanya itu lebih mengetahui daripada orang yang bertanya.*" (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Kejadian pertama yang menimpa manusia setelah kejadian tanda-tanda kiamat adalah tiupan (Sangkakala) yang mengejutkan. Allah memerintahkan pada Malaikat Israfil untuk meniup Sangsakala, maka ketika itu penduduk bumi ini dalam kebingungan memperhatikan persoalan yang besar itu, yang mana sebelum itu mereka sibuk (lalai) dengan urusan dunia dan tidak menyangka kiamat berlaku bagaikan secara tiba-tiba.

Allah berfirman, terjemahannya: "*Dan (ingatlah) hari (ketika) ditiup sangsakala, maka terkejutlah segala (makhluk) yang di langit dan di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (sentiasa mengamati dan mengambil perhatian) dan semua mereka datang menghadap-Nya dengan merendahkan diri, dan kamu lihat gunung-gunung itu, kamu sangka dia tetap di tempatnya, padahal ia berjalan sebagaimana jalannya awan, (begitulah) perbuatan Allah yang membuat dengan kokoh tiap-tiap sesuatu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.*" (Surah An-Naml (27):87-88).

Allah berfirman, terjemahannya: *“Iaitu hari (yang pada waktu itu) ditiup sangsakala dan kami akan mengumpulkan pada hari itu orang yang berdosa, dengan muka yang biru muram.”* (Surah Toha (20):102).

Berkata Imam Ahmad bahawa telah menceritakan kepada kami Ismail dari Sulaiman At-Tamimi dari Assalam Al-‘Ajily dari Bisyri bin Sofyan dari Abdullah bin Amr, beliau berkata, seorang anak dusun bertanya: *“Wahai Rasulullah apakah sangkakala itu?”* Beliau menjawab: *“Semacam tanduk yang hidup.”*

Berkata Imam Ahmad bahawa telah menceritakan kepada kami Asbath dari Mutharrif dari Athiyah dari Ibnu Abbas berkenaan dengan firman Allah: *“Apabila ditiup Sangsakala, maka waktu itu adalah waktu (datangnya) hari yang sulit, bagi orang kafir tidaklah mudah.”* (Surah Al-Mudassir:8-10), Ibnu Abbas berkata, Rasulullah bersabda: *“Bagaimana aku dapat bersenang-senang sementara sang peniup Sangsakala telah mula memasukkannya ke mulutnya dan tinggal menunggu bila ia akan diperintahkan (oleh Allah), lalu iapun meniupnya.”* Para sahabat bertanya: *“Wahai Rasulullah apakah yang dapat kita lakukan?”* Beliau menjawab: *“Katakanlah, cukuplah bagi kami Allah, dan Dialah sebaik-baik pelindung serta hanya kepada-Nyalah kami bertawakkal.”*

Berkata Imam Ahmad bahawa telah diceritakan kepada kami Yahya bin Said dari At-Tamimi dari Aslam dari Abu Mariyah dan Abdullah bin Umar dari Nabi s.a.w.: *“Kedua-dua peniup sangkakala berada di langit kedua, kepala salah seorang di antara kedua-duanya berada di barat dan kedua kakinya berada di timur, kedua-dua (peniup Sangsakala itu) menunggu bilakah diperintahkan untuk meniup Sangsakala.”*

Demikianlah beberapa potong ayat al-Quran dan al-Hadis yang menjelaskan bahawa kepastian hari kiamat pasti berlaku dan dimulai dengan isyarat tiupan Sangkakala oleh malaikat Israfil.

Tanda-Tanda dan Isyarat-Isyarat Sebelum Kemunculan Al-Mahdi, Dajjal dan Isa a.s.

PADA bab ini akan dijelaskan sebagai peringatan kepada sekalian umat Islam agar mereka sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan dan peristiwa yang berlaku di atas muka bumi ini, walaupun sesetengah pihak mensifatkannya sebagai peristiwa biasa dan sebagai tabiat alam, tetapi bila kita rujuk kepada al-Quran, khususnya hadis, Nabi s.a.w. mengaitkan segala kejadian-kejadian berkenaan mempunyai hubungan dengan petanda hari kiamat telah hampir dan ia juga sebagai pertanda bahawa kemunculan tiga tokoh penakluk dunia yang menjadi tajuk utama perbincangan dalam buku ini.

**TANDA-TANDA KECIL KIAMAT YANG BERLAKU PADA ABAD-ABAD
PERTAMA ISLAM SEMASA NABI, PARA SAHAHAT, DAN PARA TABI'IN**

**1. Diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. sebagai petanda
umur dunia telah berada di hujung usia**

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Aku diutus adalah bersamaan dengan kiamat seperti dua jariku ini”, dan Beliau mengisyaratkan dengan dikembarkan jari telunjuk dan jari tengahnya.”*

Dalam riwayat yang lain Nabi s.a.w. bersabda: *“Aku diutus bersamaan dengan kiamat, dan sungguh ia hampir saja mendahuluiku.”*

Kalimah *“As-Sa’ah”* pada hadis di atas mengikut tata bahasa Arab adalah *“mansub”* (*wassa’ata*) kerana ia adalah *“maf’ul ma’ah”*. Jadi, tanda kiamat yang pertama adalah diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penutup segala Nabi dan Rasul. Maka kedatangan beliau s.a.w. ke dunia adalah sebagai isyarat dan tanda dekatnya penghabisan dunia dan akan berlakunya kiamat.

Umur dunia yang baki semenjak diutusnya Nabi s.a.w. hanyalah sedikit sekali dibandingkan dengan umur dunia yang telah berlalu sebelum dan selepas Nabi Adam a.s.

Hal tersebut telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Masa dunia yang masih baki untuk umatku hanyalah seperti waktu yang baki pada suatu hari apabila solat Asar telah dilaksanakan (antara Asar dengan Maghrib).”* (Riwayat Bukhari dan Muslim dari Abdullah bin Umar dari Mughirah bin Hakim).

Hadis ini adalah salah Satu daripada hadis yang menerangkan umur-umur umat manusia pada permulaan hadis itu berbunyi: *“Sesungguhnya masa menetapmu (umat Nabi Muhammad di dunia) dibandingkan dengan umat-umat yang sebelum kamu adalah seperti waktu antara solat Asar sampai terbenamnya matahari.”* (Riwayat Bukhari dari Ibnu Umar yang terdapat dalam beberapa tempat dalam kitab Sohehnya).

Umur umat Islam tidaklah berlanjut tanpa batas, akan tetapi masa umat Islam ini adalah masa terakhir dari umur dunia yang dimulai sejak diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. dan akan berakhir dengan datangnya angin lembut yang akan terjadi dalam waktu yang tidak lama menjelang terjadinya kiamat.

Seorang lelaki pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: *“Wahai Rasulullah!, apakah Islam mempunyai batas*

akhirnya?” Beliau menjawab: “*Ya.*” (Hadis soheh diriwayatkan Ahmad dan Abdurrazaq dari Al-Qamah al-Khuza’i.)

Imam Al-Qurtubi dalam kitabnya *At-Tadzkirah* ketika menjelaskan hadis Nabi s.a.w.: “*Aku diutus bersamaan dengan akan datangnya kiamat,*” menjelaskan bahawa hadis ini menunjukkan bahawa akan terjadinya kiamat dan masanya sudah amat dekat.

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata; “Telah berkata Ad-Dhahhaq bahawa tanda kiamat yang pertama adalah diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. dan menjadi hikmah dari kemunculannya tanda kiamat pada masa awal adalah untuk memperingatkan orang yang lalai dan mendorong mereka untuk bertaubat dan bersiap sedia (menghadapi kiamat).” (Rujuk Fathul Baari, kitab *Ar-Raqqaq*, juz ke-2).

Ibn Hajar mengutip perkataan para sahabat dan para Imam (ulama besar) tentang umur dunia. Beliau mengemukakan banyak riwayat yang menunjukkan bahawa Abdullah bin Abbas yang bergelar “tinta umat” telah berkata: “Bahawa umur dunia adalah sama dengan satu Jumaat antara Jumaat akan datang (macam seminggu sahaja mengikut kiraan hari akhirat), iaitu akan berlaku kiamat.”

Mengikut perkiraan bahawa sehari akhirat sama dengan 1,000 tahun dunia. Jadi seminggu mengikut kiraan hari akhirat ialah 7,000 tahun. Ibn Hajar juga menyebutkan perkataan Abu Jaafar bin Jarir At-Thabari dan As-Suhaili dan lainnya yang menyokong pendapat beliau.

Sementara Kaab al-Ahbar dan Wahab bin Munabbih berpendapat bahawa umur umat manusia (sejak Adam a.s. hingga kiamat) di atas dunia ini hanya 6,000 tahun sahaja.

Dengan demikian kita dapat mengetahui, bahawa masalah penghitungan umur umat manusia dan umur dunia juga telah dibahas dengan mendalam oleh para sahabat dan para Imam (ulama besar), termasuk juga seperti Imam Suyuti, Ibn Asakir

dan lainnya. Hal ini menunjukkan, bahawa masalah penghitungan umur umat manusia dan umur dunia adalah mempunyai dasar yang kuat bukan merupakan suatu perbuatan bid'ah sebagaimana yang dianggap oleh sebahagian orang yang kurang ilmu. Allah adalah pemilik segala kebenaran dan Dia adalah Maha Penunjuk jalan.

2. Peristiwa terbelahnya bulan purnama

Allah s.w.t. telah berfirman: "*Telah dekat hari kiamat dan telah terbelah bulan.*" (Surah al-Qamar (54): 1)

Ibn Kathir rahimahullah telah berkata: "Peristiwa ini telah disepakati (*Muttafaq 'Alaih*) oleh para ulama, iaitu; bahawa terbelahnya bulan telah menjadi pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan bahawa ia adalah salah satu dari mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. yang menakjubkan."

Peristiwa ini bermula dengan sebahagian penduduk Makkah meminta kepada Nabi s.a.w. supaya menunjukkan kepada mereka suatu ayat (tanda-tanda kebenaran kerasulannya), maka Beliau s.a.w. mengarahkan jarinya ke bulan dan berdoa, kemudian terbelahlah bulan menjadi dua bahagian sehingga mereka melihat gunung Hira' antara kedua belahan tersebut, maka Rasulullah s.a.w. berkata kepada mereka: "*Bersaksilah kamu (akan kebenaran kerasulanku).*" Tapi mereka berkata: "Muhammad telah menyihir kita." Dan sebahagian mereka berkata: "Tanyakanlah kepada para musafir (orang yang sedang di tengah perjalanan) tentang terbelahnya bulan ini." Kemudian mereka menanyakan kepada para musafir tersebut dan mereka menjawab: "Kami juga melihat apa-apa yang kamu melihat." Maka ketika itu mereka (tetap menuduh) berkata: "Ini merupakan suatu sihir yang panjang jangkauannya, di mana dengannya Muhammad dapat menyihir orang yang menetap di Makkah dan orang yang sedang dalam perjalanan."

Maha Suci Allah yang telah berfirman: "*Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta akan tetapi yang buta adalah hati yang ada di dalam dada.*" (Surah al-Hajj: 46)

3. Penaklukan Baitul Maqdis

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Hitunglah ada enam peristiwa yang akan terjadi menjelang kiamat, iaitu kematianku, kemudian penaklukan Baitul Maqdis kemudian terjadinya kematian masal yang disebabkan oleh wabak penyakit yang akan menimpamu seperti penyakit Qu’as yang menimpa kambing.”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab Sohehnya dari Anas bin Malik pada “Kitabul Jizyah wa al-Muwa’idah”, juz 6, dan juga diriwayatkan oleh Ahmad dan At-Tabrani dari Mu’az bin Jabal.).

Kota Baitul Maqdis atau al-Quds yang terletak di negeri Palestin di Syam adalah tempat berlakunya peristiwa Isra Nabi Muhammad s.a.w. dan kiblat umat Islam yang pertama serta di sana terdapat Masjidil Aqsa, masjid ketiga umat Islam setelah Masjidil Haram di Makkah dan Masjid An-Nabawi di Madinah.

Kota ini dibangunkan oleh suku Kan’an lebih 5,000 tahun yang lalu yang mereka namakan dengan “Yerussalem” dan dalam Kitab Taurat dinamakan dengan “Ursyalim.” Perkataan “Yerussalem” bukanlah berasal dari bahasa Ibrani akan tetapi ia berasal dari bahasa Kan’an. Kitab Taurat (kitab sucinya orang Yahudi) menegaskan dengan jelas bahawa kaum Yahudi tidak mempunyai pertalian sejarah dengan “Yerussalem” lama, baik dari segi nama mahupun dari segi kebangsaan (asal-usul), kerana dalam kitab Taurat (perjanjian lama) telah tertera bahawa “Yehezkiyel” (Nabi Bani Israel) telah berkata kepada Yerussalem: “Bapamu adalah Amuria (suatu bangsa Syam yang berasal dari Kan’an) dan ibumu adalah Hithiya (satu suku bangsa dari Asia Kecil Lama).”

Kota Baitul Maqdis telah ditaklukkan oleh kaum Muslimin semasa pemerintahan Umar bin Khattab al-Faruq secara damai pada tahun 638 Masihi atau 18 Hijrah, maka para penduduk Nasrani Syam menyatakan kesediaan mereka untuk membayar jizyah (cukai dari kaum ahli zimmah yang mendapat

perlindungan sempurna dari kaum Muslimin) kepada kerajaan Islam, dengan syarat bahawa yang akan menangani persetujuan atau kontrak perdamaian dan penyerahan kunci kota Baitul Maqdis adalah Khalifah Umar bin Khattab sendiri. Hal itu disebabkan kerana mereka (kaum Nasrani tersebut) menemukan dalam kitab Suci mereka bahawa yang akan menerima penyerahan dan penaklukan kota Baitul Maqdis adalah Al-Faruq Umar, sebagaimana yang tertulis dalam teks mereka yang berbunyi: “Berbahagialah kamu wahai Ursyalim bahawa Al-Faruq akan membersihkan kamu dari apa-apa yang ada pada kamu.” (Rujuk Tarikh At-Tabari, juz 3).

Mengetahui sikap dan pendirian kaum Nasrani Syam demikian, Saidina Umar pun segera berangkat dengan menunggang seekor kuda tanpa penutup kepala dan tanpa pakaian pelapis untuk menahan panas atau dingin, sehingga kulit kepalanya bersinar (kehitaman) akibat dibakar cahaya matahari dan dia beliau tidak ditemani kecuali oleh seorang pembantunya saja. Kemudian beliau pun segera membuka kota Baitul Maqdis.

Subhanallah, apakah yang dapat kita lakukan zaman sekarang ini untuk Baitul Maqdis yang sudah tertawan? Apakah yang dapat lakukan zaman sekarang ini untuk Baitul Maqdis. Siapakah yang mampu mengembalikan Baitul Maqdis dari Zionis Israel ke pangkuan umat Islam semula?

Sesungguhnya, kita telah kehilangan Baitul Maqdis, dan bahkan bukan hanya Baitul Maqdis yang hilang, akan tetapi juga maruah ke-Islaman kita, harga diri dan ketahanan umat kita.

Dengan ditaklukkannya Baitul Maqdis oleh Umar bin Khattab, maka terlaksanalah tanda kiamat kecil yang kedua.

Perlu kita sebutkan di sini bahawa, Baitul Maqdis pernah dikuasai secara berganti-ganti antara kaum Muslimin dan kaum Salib. Kaum Salib telah menduduki kembali Baitul Maqdis pada saat kaum Muslimin sedang lalai dan lemah pada tahun 492

Hijrah atau 1098 Masihi. Kemudian ia ditaklukkan kembali oleh panglima Islam Shalahuddin Al-Ayyubi pada bulan Rejab tahun 583 Hijrah atau 1187 Masihi. Kemudian ia dikuasai lagi oleh Kaum Salib dari Raja Al-Kamil pada tahun 627 Hijrah atau 1228 Masihi. Kemudian ia kembali dikuasai oleh kaum Muslimin pada tahun 637 Hijrah atau 1239 Masihi oleh An-Nashir Al-Ayyubi. Kemudian sekali lagi, Baitul Maqdis kembali dikuasai oleh kaum Salib pada tahun 641 Hijrah atau 1243 Masihi dan kemudian ia dikuasai lagi oleh Al-Malikus Shalih Ayyub setelah berlalu waktu satu tahun. Terakhir sekali adalah Baitul Maqdis dikuasai oleh kaum Zionis Salibisme setelah penyerbuan tahun 1967 Masihi.

Setelah itu apakah yang akan terjadi selanjutnya? Kemudian giliran dan penaklukan Baitul Maqdis yang terakhir adalah akan dilaksanakan oleh Imam Mahdi a.s., yang mana zaman kemunculannya sudah mulai tanda-tandanya dan sudah membayang kehadirannya.

Oleh itu, kita dapat mengetahui bahawa masalah Baitul Maqdis bukanlah hanya masalah bangsa Palestin dan bukan pula masalah nasionalisme Arab semata-mata, akan tetapi ia adalah masalah diniyyah (keagamaan) bagi kaum Muslimin, Yahudi dan Nasrani.

Lantaran itu juga pada masa sekarang ini dan sejak bertahun-tahun yang lalu, kaum Yahudi berusaha untuk meyahudikan Baitul Maqdis dan mereka sekarang ini sedang berusaha untuk meruntuhkan Masjidil Aqsa as-Syarif sehingga mereka dapat membangun di atas tapaknya Candi Sulaiman yang mereka dakwakan, agar mereka dapat mempersembahkan di Candi tersebut suatu sembelihan yang akan dibakar sesuai dengan kepercayaan mereka yang kononnya tercatat dalam Kitab Taurat yang mereka dakwakan. Sebenarnya, yang akan memimpin acara persembahan Qurban tersebut adalah Al-Masih mereka, sang penyelamat (Messiah atau Al-Masihuddajjal) bersama dengan pemimpin pendeta Yahudi. (Rujuk: Majalah "Al-Usub" Mesir yang terbit pada tanggal 24 Mac 1997 menyebut, bahawa seorang diplomat Arab telah

menyampaikan sebuah laporan kepada pemerintahannya di mana dalam laporan tersebut dia memperingatkan bangsa Arab akan adanya sebuah pertemuan rahsia yang diadakan di Israel yang dihadiri oleh para Hakham (Rabai Yahudi) dan para politikus mereka untuk membicarakan sebuah hal yang aneh, iaitu: Bahawa seekor sapi merah yang aneh telah lahir di Israel, dekat kota Yafa semenjak 6 bulan, inilah sapi yang ditunggu-tunggu kelahirannya oleh para Rabai Yahudi dan mereka yakin bahawa ia adalah sapi yang akan dipersembahkan sebagai sembelihan yang dibakar apabila ia telah sempurna berumur 3 tahun. Hal ini bersesuaian dengan apa yang telah kita sebut tentang persiapan kaum Yahudi untuk menyambut kedatangan Al-Masih penyelamat mereka (Dajjal). Laknat Allah-lah terhadap Dajjal dan kaum Yahudi tersebut. Hal ini sama juga seperti mana yang disampaikan oleh Prof Wajih Abi Zikra dalam artikelnya dalam majalah "Al-Akhbar" Kairo pada bulan April 1997.)

4. Berlakunya peristiwa pertempuran dua kelompok besar kaum Muslimin

Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Tidak akan berlaku hari kiamat sehingga dua kelompok yang besar dari kaum Muslimin saling berperang dengan satu seruan (slogan kebenaran) yang sama."* (Diriwayatkan oleh Ahmad, Bukhari, Muslim dan lain-lain dari Abu Hurairah.).

Inilah peperangan antara kelompok Ali bin Abu Talib dan Muawiyah bin Abu Sufyan yang terjadi pada awal masa pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib. Penyebab dari peperangan ini adalah bahawa Muawiyah sebelum membai'at kekhalifahan Ali, dia menuntut agar Ali mengqisas (membunuh dihukum dengan bunuh pula) terhadap para pembunuh Khalifah Uthman bin Affan, kerana Muawiyah adalah merupakan wali penuntut hukum dari keluarga Uthman bin Affan terhadap para pembunuh. Akan tetapi Ali tidak berhasrat mengabaikan tuntutan Muawiyah tersebut, cuma ia menuntut agar Muawiyah membai'atnya terlebih dahulu baru kemudian dia akan mengqisas para pembunuh Uthman

sehingga dengan demikian kaum Muslimin akan bersatu. Maka keduanya saling berselisih dan membawa pasukan mereka untuk berperang sedangkan pada waktu itu Muawiyah adalah Gabenor kepada keseluruhan negeri Syam. Kemudian pasukan mereka bertemu di suatu tempat yang bernama “Shiffin” yang terletak antara Syam dan Iraq. Maka di situlah terjadi pertempuran di antara dua pasukan besar tersebut. Setelah Ali bin Abu Talib meninggal dunia, dia digantikan oleh anaknya Hasan bin Ali a.s., maka dia berdamai dengan Muawiyah dan dia (Hasan) mengundurkan diri dari kekhalifahan. Dengan demikian Allah telah mendamaikan dua kelompok yang besar di antara kaum Muslimin tersebut dan bersatulah kaum Muslimin dan tahun tersebut dinamakan dengan “*Amul Jamaah*” (Tahun Persatuan).

Peristiwa tersebut membuktikan apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.: “*Sesungguhnya anak saya ini adalah seorang pemimpin dan semoga Allah akan mendamaikan dengannya dua kelompok dari kaum Muslimin.*” (Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab Sohehnya pada kitab Al-Fitan dari Abu Bakrah, dan diriwayatkan juga oleh Abu Daud dan At-Tirmizi di mana dia berkata: “Ini adalah hadis hasan soheh”. Lihat juga kitab As-Soheh Al-Musnad mengenai hadis-hadis huru-hara dan pertempuran-pertempuran oleh Mustafa Al-Adawi.).

Terjadinya pertempuran Ali dan Muawiyah adalah dengan kebenaran pendapat yang ada pada masing-masing mereka, sedangkan Ali bin Abu Talib adalah lebih dekat kepada kebenaran, sedangkan kedua sahabat itu adalah termasuk mereka yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. orang yang menjadi penghuni syurga. Kita tidak berhak mengatakan suatu pujian atau celaan tentang mereka, kecuali hanya mengatakan suatu perkataan seperti mana yang pernah diucapkan oleh A-Hasan Al-Basri r.a. dan Khalifah Umar bin Abdul Aziz: “*Pertempuran itu adalah suatu fitnah yang mana Allah telah mensucikan tanganku darinya.*” (Lihat kitab “Al-Awashim Minal Qawashim” oleh Ibn Arabi. Kitab ini memberi penjelasan terhadap salah faham sesetengah pihak tentang peperangan di antara pengikut Saidina Ali dan Muawiyah).

Allah s.w.t. telah berfirman: *“Itu adalah umat-umat yang telah berlalu, apa-apa yang mereka lakukan, merekalah yang menanggung (baik atau buruk) apa-apa yang mereka perbuat dan kamu hanya bertanggungjawab terhadap apa-apa yang kamu perbuat saja, sedangkan kamu tidak akan ditanya tentang apa yang telah mereka perbuat.”* (Surah al-Baqarah: 141)

5. Kematian mengejut kerana wabak penyakit

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Hitunglah ada enam peristiwa yang akan terjadi menjelang kiamat, iaitu kematianku, kemudian penaklukan Baitul Maqdis kemudian terjadinya kematian masal yang disebabkan oleh wabak penyakit yang akan menimpamu seperti penyakit Qu’as yang menimpa kambing.”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab Shahihnya dari Anas bin Malik pada “Kitabul Jizyah wa al-Muwa’idah”, juz 6, dan juga diriwayatkan oleh Ahmad dan At-Tabrani dari Mu’az bin Jabal.).

Penyakit Qu’as adalah penyakit yang biasanya menimpa haiwan-haiwan ternak di mana dengannya keluarlah cecair dari hidungnya, maka ia akan mati dengan cepat.

Kematian masal yang disebabkan oleh wabak penyakit telah sering terjadi di dunia ini. Wabak pertama terjadi semasa kerasulan Nabi s.a.w. Kemudian terjadi lagi pada masa khalifah Umar bin Khattab di Syam setelah penaklukan kota Baitul Maqdis, yang disebut dengan *“Tha’un ‘Amwas”*. (Lihat Fathul Baari, kitab Al-Jizyah wa al-Muwada’ah, juz ke-6.).

Kematian yang disebabkan oleh wabak penyakit adalah termasuk dalam kelompok mati syahid bagi siapa yang dikehendaki Allah, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: *“Kemudian muncullah suatu penyakit terhadap kamu yang akan menjadikan anak cucu kamu dan kamu sendiri sebagai syahid di sisi Allah.”* (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Hakim dan disohehkan oleh Al-Albaani, lihat kitab beliau Soheh Al-Jami’ As-Shaghir.)

6. Munculnya api di Hijaz

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Tidak akan terjadi kiamat sehingga keluar api dari negeri Hijaz yang akan menerangi leher-leher unta di Bashra.”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab Sohehnya dan juga diriwayatkan oleh Hakim dari Abu Hurairah).

Negeri Hijaz terletak di arah Barat dari Nejed di sepanjang Laut Merah yang membentang dari teluk Aqabah di utara sampai ke Asir di selatan, sekitar 400,000 km persegi, pusatnya di Makkah dan kota-kotanya adalah Madinah, Thaif, Tabuk dan Jeddah.

Imam Al-Qurtubi berkata: “Telah keluar api di negeri Hijaz dari kota Madinah yang dimulai dengan goncangan yang dahsyat pada malam Rabu bulan Jamadil Akhir tahun 654 Hijrah.” Imam Nawawi la telah berkata: “Pengetahuan akan keluarnya api ini sudah tidak perlu diragukan lagi (mutawatir dan soheh) bagi semua penduduk Syam.” (Lihat Fathul Baari, Juz. 13, kitab Al-Fitan. Lihat juga kitab At-Tazkirah oleh Imam Al-Qurtubi dan kitab Asyratussa’ah oleh Al-Barzanji).

Sebagaimana yang disebutkan oleh Al-Barzanji, penulis kitab Asyratussa’ah, bahawa api tersebut berlanjut selama tiga bulan sedangkan ia mencairkan batu dan tidak membakar pohon kayu. Al-Imam Ibn Kathir berkata: “Al-Qadhi Shadrudin Al-Hanafi mengatakan kepada saya bahawa ayahnya mengkhabarkan kepadanya bahawa ramai di kalangan orang Arab di Bashra menyaksikan leher unta-unta mereka disinari oleh api tersebut.”

Dengan petikan daripada beberapa keterangan di atas, rasanya kita sudah melengkapi tanda-tanda kecil kiamat pada pembahasan pertama ini, dan suatu peringatan untuk anda bahawa sebahagian orang yang menulis tentang tanda-tanda kiamat pada zaman sekarang adalah sangat banyak memasukkan tanda-tanda pada masa ini (masa kerasulan,

sahabat dan tabi'in) dan yang paling tepat untuk kita jadikan sebagai pegangan adalah kitab-kitab sejarah yang utama.

TANDA-TANDA KECIL KIAMAT YANG PADA ABAD-ABAD TERAKHIR ISLAM HINGGA ZAMAN SEKARANG

7. Para hamba (wanita) melahirkan tuannya

Ketika Rasulullah s.a.w. ditanya oleh malaikat jibril a.s. tentang kiamat, maka beliau s.a.w. menjawab: *“Yang ditanya tentangnya tidaklah lebih mengetahui dari yang bertanya.”* Kemudian Jibril bertanya lagi: *“Kalau begitu khabarkanlah kepada saya tentang tanda-tandanya.”* Beliau s.a.w. menjawab: *“Apabila seorang budak wanita (atau wanita merdeka, al-amah) melahirkan tuannya, dan engkau akan melihat orang yang tidak berselipar, tidak berpakaian, miskin dan para pengembala kambing (para rakyat jelata yang miskin) tinggal di gedung-gedung (bangunan kedimanan) yang menjulang tinggi.”* (Hadis soheh yang Muttafaq Alaih, diriwayatkan oleh Muslim dari Umar bin Khattab dan diriwayatkan oleh Bukhari dari Abu Hurairah dengan lafaz yang berbeza. Juga diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibn Abbas. Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Nasaie dari Abu Hurairah dan Abu Zar.).

Hadis Nabi s.a.w. di atas menunjukkan bahawa tanda kiamat itu apabila seorang budak wanita atau wanita merdeka (*al-amah*) akan melahirkan tuannya. Kata “*al-amah*” dalam hadis tersebut mengandungi dua tafsiran:

Tafsiran pertama, hadis tersebut mengisyaratkan akan adanya banyak penaklukan yang akan dilakukan oleh kaum Muslimin yang dengan sendirinya banyak pulalah terdapat jumlah para tawanan perang yang mana mereka adalah “*Al-Amah*” atau budak-budak wanita (jariah). Apabila budak tersebut melahirkan anak dari tuannya, maka darjat anak tersebut akan sama dengan ayahnya dan dengan sendirinya dia akan menjadi tuan dari ibunya kerana dia adalah anak tuan ibunya. Oleh kerana itu, budak perempuan itu dikatakan melahirkan tuannya sendiri.

Tafsiran kedua, bahawa “al-amah” juga bererti wanita merdeka, dan hal ini mengisyaratkan akan banyaknya kederhakaan manusia kepada orang tua mereka khususnya terhadap ibu mereka yang disebabkan oleh kelemahan iman dan pendidikan mereka dan rosaknya akhlak anak-anak di akhir zaman kini.

Oleh kerana adanya dua penafsiran ini, maka tanda kiamat yang ini akan disebutkan pada awal pembahasan kedua (masa abad-abad terakhir umat Islam), supaya bersesuaian dan berdekatan dengan urutan kejadian dari pembahasan pertama.

Tafsiran yang pertama dari makna hadis di atas, iaitu banyaknya penaklukan Islam adalah telah terjadi dan dengan sendirinya banyaklah jumlah para tawanan yang akan menjadi hamba apabila mereka belum dimerdekakan oleh tuannya, hal ini telah terjadi di zaman sahabat dan tabi'in yang telah memimpin dunia dan menundukkan ibu kota dunia, maka bersimpuplah di hadapan mereka kerajaan-kerajaan dan istana-istana para kiswa dan kaisar.

Adapun sesuai dengan tafsiran yang kedua dan makna hadis, iaitu kederhakaan kepada dua orang tua, hal ini telah juga terjadi pada zaman kebelakangan ini.

Namun, para ulamak mempunyai tujuh pendapat dalam menafsirkan kalimat ini dan kami memilih dua tafsiran ini. Imam Nawawi berkata, bahawa tafsiran yang pertama adalah pendapat yang terbanyak dipegang oleh para ulamak. Telah berkata pula Al-Hafiz Ibn Hajar tentang tafsiran yang kedua: “Tafsiran ini adalah tafsiran yang paling tepat menurut saya.”

8. Orang dungu dijadikan pemimpin

Dalam suatu riwayat dari dalam Kitab Soheh Muslim dan lainnya menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Apabila engkau melihat orang yang tidak berterompah, tidak berpakaian (para rakyat jelata yang miskin), yang tuli dan bisu menjadi*

raja di bumi, maka itulah tanda-tanda kiamat. Dan apabila engkau melihat para penggembala binatang ternak yang hitam tinggal di gedung-gedung yang menjulang tinggi, maka itulah tanda-tanda kiamat (bermula)."

Imam An-Nawawi berkata: "Yang dimaksud dengan kalimat "al-hufat al-urat" adalah para rakyat jelata yang bodoh dan rendah akhlaknya." Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t. terjemahannya: *"Bisu, tuli dan buta. Maka dengan demikian mereka tidak akan kembali lagi (ke jalan kebenaran)."* (Al-Baqarah: 18). Yang dimaksud di sini adalah tatkala mereka tidak memanfaatkan anggota panca indera mereka untuk menilai dan menerima kebenaran (ajaran al-Quran). Maka seakan-akan mereka telah membuang atau kehilangan panca indera mereka. Inilah makna yang tepat terhadap hadis ini, *Wallahu Aa'lam."* (Rujuk Shahih Muslim Syarh An-Nawawi, Juz. 1, bab Asyratuss'ah.).

Tanda ini sudah mulai terjadi pada masa awal generasi tabi'in kemudian dia tersebar pada masa-masa akhir ini. Di antara riwayat yang menunjukkan bahawa *"kepemimpinan orang bodoh"* telah mulai terjadi pada awal abad tabi'in adalah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab Shahihnya dari Abu Hurairah, dia berkata; bahawa saya mendengar orang yang benar lagi dibenarkan, iaitu Nabi s.a.w. telah bersabda: *"Kehancuran umatku adalah di tangan beberapa anak dari suku Quraisy."* (Rujuk Shahih Bukhari, kitab Al-Fitan.).

Anak bodoh pertama penyebab kehancuran umat Islam tersebut adalah "Yazid bin Muawiyah" sesuai dengan yang dikatakan oleh Al-Hafiz Ibn Hajar ketika mensyarahkan hadis di atas. Diriwayatkan oleh Ibn Abi Syaibah, bahawa pada suatu ketika Abu Hurairah berjalan di pasar dan berkata: "Ya Allah, janganlah engkau temukan aku dengan tahun 60 (Hijrah) dan dengan pemerintahan anak-anak." Ibn Hajar berkata: "Perkataan Abu Hurairah ini adalah mengisyaratkan, bahawa anak bodoh yang pertama yang menjadi pemimpin tersebut adalah terjadi pada tahun 60 Hijrah, sedangkan pada tahun itu pula Yazid bin Muawiyah menjadi khalifah dan kemudian dia

meninggal dunia pada tahun 64 Hijrah.” (lihat Fathul Baari, kitab Al-Fitan, Juz. 13).

Kemudian masalah (musibah) ini semakin bermaharajalela pada masa-masa terakhir Islam dan dihilangkanlah amanah atau *al-hukum* (amanat rakyat) sedangkan pekerjaan atau tugas-tugas diserahkan orang kepada yang bukan ahli dan yang tidak layak untuk memangkunya terutama dalam bidang kepemimpinan urusan-urusan ramai manusia. Sesungguhnya syarat-syarat menjadi pemimpin umum kaum Muslimin adalah, adanya kelayakan atau kemampuan dalam bidang ilmu syariat yang akan memungkinkan seseorang pemimpin itu dapat berjihad atau menggunakan kebijaksanaan fiqh yang meliputi segala aspek kehidupan kaum Muslimin dan juga disyaratkan bersifat “adil”, yang mana ia adalah lawan dari sifat “fasik” (berterusan melakukan dosa kecil atau yang rendah keperibadian akhlaknya) sedangkan syarat-syarat yang lain dapat kita lihat pada ketetapan ilmu fiqh.

Nabi Muhammad s.a.w. telah menerangkan bahawa penyerahan suatu amanat, urusan atau tugas kepada orang tidak layak untuk memangkunya adalah sebagai satu daripada tanda-tanda kiamat. Seorang lelaki Arab awam telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: *“Bilakah kiamat akan terjadi?”* Beliau menjawab: *“Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kiamat.”* Dia bertanya lagi: *“Bagaimana boleh berlaku amanat itu disia-siakan?”* Beliau menjawab: *“Apabila suatu urusan diserahkan kepada yang tidak layak untuk memangkunya, maka tunggulah kiamat.”* (Riwayat Bukhari dalam Jawahirul Bukhari).

9. Orang miskin tinggal di bangunan tinggi

Nabi s.a.w. bersabda: *“...engkau akan melihat orang yang tidak berselipar, tidak berpakaian, miskin dan para pengembala kambing (para rakyat jelata yang miskin) tinggal di gedung-gedung (bangunan kedimanan) yang menjulang tinggi.”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh Muslim dari Umar bin Al-Khattab dan oleh Bukhari dari Abu Hurairah dengan lafaz

yang berbeza. Juga diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibn Abbas. Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan An-Nasaie dari Abu Hurairah dan Abu Zar.).

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari menyebut lagi: *“Apabila para pengembala unta yang hitam yang tidak jelas asal usulnya tinggal di gedung-gedung tinggi.”*

Makna kalimah-kalimah dalam hadis:

1). Perkataan *“Al-’Alah”* bererti para fakir miskin, sesuai dengan firman Allah: *“Dan Dia mendapati kamu dalam keadaan miskin kemudian dikekayaan.”* (Surah Ad-Dhuha: 8)

2). Perkataan *“Al-Buhmu”* bererti para pengembala unta yang hitam, yang mana mereka itu tidak diketahui asal-usulnya. Sedangkan unta yang hitam adalah unta yang paling buruk dalam pandangan orang Arab.

Maksud dari hadis ini adalah: *“Mereka itu adalah kaum Arab Badwi yang miskin.”* Sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Ismail pada riwayat hadis Sulaiman At-Taimi dan lainnya, dia berkata: *“Apakah Al-Hufat Al-Urat itu?”* Beliau s.a.w. menjawab: *“Ialah orang Arab yang rendah darjat mereka (dari segi keperibadian dan status).”* Uraib adalah tasyghir dari Arab.

Imam Qurtubi berkata: *“Maksud hadis ini adalah berubahnya keadaan di mana kaum Badwi akan menguasai pemerintahan dan negeri ini (tanah Arab) dengan kekerasan, dengan demikian menjadi banyaklah harta benda mereka dan terlaksanalah kemahuan mereka untuk membangun dan bermegah-megah dengan bangunan tinggi.”* (Fathul Bari, kitab al-Iman, juz 1)

Walaupun para ahli Badwi (orang kampung) yang tinggal di gedung-gedung (bangunan) yang tinggi terdapat di mana-mana pada saat ini, tetapi fenomena ini sangat jelas di negara-negara teluk dan semenanjung Arabia, di mana dulunya mereka sangat miskin dan memerlukan bantuan dari negeri-negeri yang

kaya, akan tetapi kemudian dalam sekelip mata Allah merubah keadaan mereka dengan munculnya emas hitam (minyak bumi) di negeri-negeri Arab, bahkan mereka memiliki simpanan minyak terbesar di dunia, menjadikan pendapatan hasil perkapita (penghasilan setiap tahun) mereka di antara yang terbesar di dunia.

Benarlah apa yang dikatakan orang, bahawa mereka menyelam di danau minyak, *Subhanallah*. Inilah harta raksasa terpendam dari minyak bumi yang tersembunyi di perut bumi sejak ribuan tahun lalu, dan kini Allah telah membongkarkan hasilnya untuk manusia di akhir zaman ini. Kebetulan para pemilik tanah (pendalaman) gurun itu ialah golongan Badwi yang tidak mempunyai tamaddun.

Lalu timbul suatu tanda tanya dari benak kita, iaitu apakah ini hanya merupakan suatu bukti dari sabda Rasulullah s.a.w. bahawa: *"...apabila para pengembala yang miskin tinggal di gedung-gedung yang tinggi, maka itu adalah di antara tanda-tanda kiamat."* Sedangkan hal ini adalah suatu peringatan bagi kita bahawa kiamat sudah dekat. Ataukah kemunculan emas hitam ini di akhir zaman juga merupakan isyarat akan keluarnya "Api" dari arah Yaman sebagai tanda kiamat yang terakhir yang akan menggiring manusia ke bumi mahsyar mereka, *Wallahu a'lam*.

Sesiapa saja yang pergi ke Makkah, maka dia akan menyaksikan rumah-rumah dan istana-istana yang ada di sekeliling Masjidil Haram itu lebih tinggi dari masjid itu sendiri, kita tentu tidak dapat menerima kenyataan ini, kerana rumah manusia dibangun lebih tinggi dari rumah Allah Yang Maha Tinggi. Akan tetapi, kita hanya dapat menyedari bahawa ini merupakan salah satu dari tanda kiamat.

Al-Azraqi dalam kitab *"Akhbaru Makkah"* meriwayatkan dari Yusuf Ibn Malik di mana dia berkata: "Ketika aku duduk bersama Abdullah bin Amru bin Ash, maka tiba-tiba dia menoleh kepada sebuah rumah yang tinggi melebihi tinggi Bukit Abu Qubais, maka dia berkata: 'Apakah ini sebuah rumah?' Saya

menjawab.- ‘Ya.’ Dia (Abdullah) berkata: ‘Apabila engkau telah melihat rumah-rumah di Makkah telah melebihi tingginya dari dua bukit Makkah ini dan perutnya mengalirkan sungai-sungai, maka kiamat sudah dekat’.” (Lihat Majmu Akhbar Akhirizzaman oleh Abdullah bin Sulaiman Al-Masy’ali, hal. 142).

Berdasarkan kebenaran yang telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis di atas, maka sudah sampai masanya kita segera bersiap diri, kerana buktinya telah nyata bahawa rumah-rumah di Makkah telah melebihi tinggi bukit dan gunungnya, dan juga rumah-rumah di seluruh dunia, bahkan mencakar langit dan menghadang awan. Ini menunjukkan bahawa penghabisan dunia itu sudah dekat.

10. Perzinaan berleluasa sehingga masuk ke dalam rumah persendirian dan dihalalkan aktivitinya serta isteri curang semasa ketiadaan suami

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Sesungguhnya, akan ada pada umatku beberapa kelompok manusia (kaum atau bangsa) yang menghalalkan zina (al-hirra), sutera, arak dan alat muzik.*” (Diriwayatkan oleh Bukhari dalam Sohehnya dari Abu Amir atau Abu Malik Al-Asy’ari, diriwayatkan juga oleh Abu Daud dari Abu Malik, dalam kitab Soheh Al-Albaani. Sambungan hadis ini memuat tentang terbenamnya bumi dan perubahan kepada bentuk buruk yang akan terjadi ke atas umat ini).

Perkataan “*al-Hira*” bererti kemaluan yang dimaksudkan kepada perbuatan zina. Sementara perkataan “*yastahilluuna*” bererti “menghalalkan”, yang dimaksud bahawa mereka melakukan hal tersebut dalam keadaan menganggap seakan-akan perbuatan itu macam halal, mereka melakukannya dalam keadaan sedar dan tidak berasa berdosa, kemudian mereka melakukan hal tersebut secara berterusan seakan-akan itu adalah perbuatan halal, malah ada segolongan lagi pula menjadikan perbuatan zina itu sebagai sumber perniagaan dan sumber rezeki.

Ibn Arabi telah berkata: “Kami telah mendengar dan melihat orang yang melakukan hal tersebut (zina).” (Lihat Fathul Baari, kitab Al-Asyribah, juz. 10.)

Apabila hal itu (berleluasa zina) telah terjadi pada zaman Ibn Arabi (abad keenam Hijrah), maka keadaannya terus semakin buruk dan berleluasa lagi pada zaman kita sekarang ini. Kita tidak membicarakan tentang apa yang terjadi di negara-negara Barat yang kafir, yang diatur oleh *trend* pemikiran syaitan, di mana perbuatan keji telah berleluasa hingga ke jalan-jalan, pasar-pasar dan taman-taman sebagaimana yang telah termaklum, kerana budaya barat menganggap perbuatan itu sebagai perkara biasa dan mereka tidak mengerti tentang hukum haram atau halal menurut pandangan syariat Islam. Akan tetapi apa yang kita bicarakan ialah tentang apa yang telah berlaku dalam negara-negara umat Islam sendiri.

Sebagai contoh, undang-undang Perancis yang diadopsi (dianut) oleh sesetengah negara-negara Islam, tidak mengenakan hukuman apapun kepada orang yang melakukan zina apabila hal itu dilakukan dalam keadaan suka sama suka. *Masya-Allah*. Inilah yang dikatakan undang-undang syaitan yang berlaku di negara-negara Islam yang bermoral tinggi? Jadi, zina sudah dilegalkan oleh undang-undang, dihalalkan dan dilaksanakan secara terbuka.

Bahkan, suatu yang amat mengerikan lagi ialah berlakunya perzinaan berleluasa itu bukan cuma di tempat-tempat yang terkenal dengan tempat-tempat maksiat, tetapi sehingga masuk ke dalam rumah-rumah kediaman persendirian. Seperti mana isyarat hadis yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.

Imam Ahmad meriwayatkan dari Abi Al-Yamaan, dari Syu'aib dari Abdillah bin Abi Husain dari Syahr, dari Abi Said, bahwasanya Rasulullah bersabda: “*Tidak akan terjadi hari kiamat, hingga seorang lelaki apabila ia berpergian meninggalkan isterinya, namun sandalnya atau tongkatnya (iaitu tongkat lelaki/suami wanita tersebut) menyaksikan hal-*

hal yang terjadi setelah kepergiannya.” Selanjutnya, Imam Ahmad meriwayatkan pula dari Yazid bin Harun dari Al-Qasim bin Al-Fadhl dari Abi Nudhrah dari Abi Said Al-Khudri dari Rasulullah s.a.w., beliau bersabda: “Demi Allah, yang jawaban berada di dalam genggamannya, tidak akan terjadi hari kiamat, hingga binatang-binatang pun mengkhabarkan kepada seseorang, demikian pula tongkatnya, dan sandalnya hingga pahanya memberitahukan kepadanya tentang segala perbuatan (kecurangan) isterinya tatkala ia berpergian.”

Berkata Imam Ahmad: Telah mengkhabarkan kepada kami Afran, telah mengkhabarkan kepada kami Hammad. Ia adalah Ibnu Salamah dan Thabit dari Anas, ia berkata, bahawa pernah mereka bercakap-cakap tentang hari kiamat itu: *“Bahawasanya tidak akan terjadi kiamat sehingga langit tidak lagi menurunkan hujannya, demikian pula bumi tidak lagi mengeluarkan hasilnya, dan sehingga bagi seorang wanita (tidak hanya terdapat) bagi mereka seorang lelaki sebagai pemberi nafkah, demikian pula hari itu tidak akan terjadi hingga seorang wanita tatkala berjalan di depan (bersama) suaminya, dan ia (suaminya) melihat kepada isterinya, lalu ia berkata, ‘Sesungguhnya, dahulu wanita ini telah pernah berhubungan dengan lelaki (lain)’.”* Berkata Imam Ahmad; “Hammad telah menyebutkan hadis ini hubungan sanadnya hingga Anas, namun diriwayat lain beliau menyebutkannya ditetapkan dari Anas dari Nabi s.a.w. dan di tempat lain beliau mengatakan dari Anas dari Nabi s.a.w.”

Hadis di atas menyebut tentang kecurangan wanita (isteri) terhadap amanah suaminya, bukan sahaja kasut, tongkat dan lain-lain harta yang ditinggalkan suami tidak dijaga, bahkan dirinya yang menjadi hak milik mutlak suaminya pun tidak dijaga, digadai tubuhnya kepada orang (lelaki) lain. Tepatlah seperti mana yang telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. bahawa; *“...sehingga bagi seorang wanita (tidak hanya terdapat) bagi mereka seorang lelaki sebagai pemberi nafkah...”* Ertinya yang turut memberi nafkah (batin) bukan seorang lelaki (suaminya) sahaja, tetapi ramai lelaki lain. Maksud memberi “nafkah batin” ialah memberi kepuasan seks secara haram (berzina).

Perbuatan (kecurangan) isterinya pula dilakukan secara tidak bersembunyi lagi sehingga; *“...binatang-binatang pun mengkhabarkan kepada seseorang, demikian pula tongkatnya, dan sandalnya hingga pahanya memberitahukan kepadanya tentang segala perbuatan (kecurangan) isterinya tatkala ia berpergian.”* Ertinya kecurangannya dilakukan dengan terang-terangan dan tidak berselindungi sedikitpun, sehingga makhluk yang tidak berakal dan bernyawa pun boleh nampak dan tahu. Bahkan suaminya pun tahu, bila ia berjalan bersama suaminya, ia sering disapa oleh ramai lelaki yang cukup kenal (rapat) dengannya sehingga suaminya sendiri pun boleh sedar bahawa *“Sesungguhnya, dahulu wanita ini telah pernah berhubungan dengan lelaki (lain).”* Ertinya wanita itu berani dan tidak malu-malu lagi melayan lelaki lain berbual dengannya walaupun di hadapan suaminya sendiri. Apatah lagi, tentu ia lebih berani dan tidak malu bila di belakang suaminya.

Dalam hadis lain dari Imam Ahmad dan Al-Hakim dari Abdullah bin Amr r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan datang kiamat (telah dekat kedatangannya) sehingga banyak perbuatan keji (jijik), perkataan keji, pemutusan silaturrahim dan sikap buruk dengan jiran.”*

Berkaitan dengan sikap buruk dengan jiran, dapat difahami juga bahawa berlaku perbuatan buruk antara jiran dengan jiran mengikut ukuran syariat Islam, seperti pergaulan bebas, hatta skandal jiran dengan jiran dalam hubungan yang melibatkan gangguan seksual seperti mana telah banyak sekali didedahkan kisah-kisahanya di dalam media massa tempatan, sehingga melibatkan perceraian suami dan isteri.

Semua hal yang telah disentuh itu benar-benar telah berlaku seperti mana kita baca kisah-kisah kecurangan isteri dalam surat khabar dan media massa tempatan, seperti berlaku kisah wanita bersuami kena tangkap basah (berkahwat) dengan lelaki lain, skandal seks isteri/suami dengan jiran, skandal seks dengan rakan sekerja, isteri bercinta dan berasmara melalui internet dan SMS dan lain-lain alat telikominukasi yang serba canggih sekarang ini, berlaku wanita bersuami (isteri) bekerja

sebagai GRO melayan lelaki melebihi melayan suaminya dan sebagainya. Ertinya telah berlaku seperti mana yang telah disebut oleh Rasulullah s.a.w. bahawa terdapat wanita atau isteri-isteri hari ini berani melayan lelaki lain selain suaminya sehingga melayan kehendak seks sekali. Demikian berleluasanya perbuatan zina berlaku di dalam masyarakat Islam sendiri, sehingga bukan lagi berlaku di tempat-tempat pelacuran, tetapi berlaku di dalam rumah persendirian dan dilakukan oleh teman sebantol (isteri) sendiri.

Inilah di antara tanda-tanda bahawa kiamat telah amat dekat sekali akan berlaku. Oleh itu, takutlah kamu kepada Allah, wahai para hamba Allah, sesungguhnya Allah telah menghalalkan nikah dan mengharamkan zina yang amat jijik itu. Tetapi kenapakah kamu suka memilih yang kotor dan jijik dengan mengenepikan yang bersih dan mulia. Maka sungguh benarlah apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya, akan ada di antara umatku, bangsa-bangsa yang akan menghalalkan zina.”*

Penzina akan ditimpa empat bala

Semasa peristiwa Israk dan Mikraj, Nabi Muhammad s.a.w. diperlihatkan keadaan lelaki dan perempuan yang diletakkan di hadapan mereka dua piring, satu berisi daging yang membangkitkan selera manakala satu lagi berisi daging busuk.

Lelaki dan perempuan itu lebih gemar terhadap daging busuk itu dan tidak langsung menyentuh daging yang membangkitkan selera. Rasulullah s.a.w. diberitahu Jibril bahawa mereka tergolong di dalam kalangan mereka yang suka berzina.

Allah turut memperlihatkan kepada Nabi Muhammad bagaimana sekumpulan manusia yang digantung pada buah dada mereka dengan rantai api neraka dan dari faraj mereka, keluar nanah busuk, sehingga ada di kalangan ahli neraka sendiri jijik melihat keadaan mereka dan meminta dijauhkan. Mereka itu,

menurut Jibril, adalah kalangan mereka (wanita) yang tidak menjaga kehormatan.

Zina adalah perbuatan keji dalam ajaran Islam dan mereka yang melakukannya mendapat dosa besar.

Allah memberi amaran, bahawa balasan ke atas orang yang berzina tidak lain daripada neraka, yang Allah jadikan untuk menyeksa manusia yang ingkar terhadap larangan-Nya.

Firman Allah, yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang sangat buruk."* (Surah al-Isra', ayat 32).

At-Tabrani dan Ibnu Abbas meriwayatkan, Rasulullah bersabda bermaksud: *"Jauhilah oleh kamu akan perbuatan zina kerana akan ditimpa empat macam kecelakaan, iaitu hilang seri pada mukanya, disempitkan rezekinya, kemurkaan Allah atasnya, dan berkekalan (siksaan) dalam neraka."*

Ketika Rasulullah s.a.w. mengikat janji setia dalam satu perjanjian bersama para sahabat, sama ada lelaki atau perempuan, baginda meminta supaya mereka tidak melakukan syirik, penipuan, mencuri dan berzina.

Allah mengingatkan bahawa, mana-mana umat Islam yang melakukan zina, hendaklah dihukum 100 kali dera (sebatan) terhadap pasangan terbabit.

Firman Allah, yang bermaksud: *"Perempuan dan lelaki yang berzina, hendaklah kedua-duanya didera. Masing-masing 100 kali dera (pukulan), janganlah sayang terhadap kedua-duanya dalam menjalankan agama Allah, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Hendaklah hadir ketika menyeksa kedua-duanya, satu golongan daripada orang Mukmin."* (Surah an-Nur, ayat 2).

Maksud bertaubat yang sebenar bagi penzina

Sesungguhnya, Allah itu Maha Pengasih, Maha Penyayang dan Maha Pengampun. Sebanyak manapun dosa yang dilakukan oleh hamba-Nya, jika dia benar-benar insaf akan kesalahannya dan bertaubat nasuha kepada Allah, nescaya Allah akan menerima taubat hamba-Nya.

Allah berfirman bermaksud: *“Katakanlah, wahai hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dengan rahmat Allah. Sesungguhnya, Allah mengampuni dosa semuanya. Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”* (Surah Az-Zumar, ayat 53).

Melalui ayat lain, Allah berfirman yang bermaksud: *“Ibrahim berkata, tidak ada orang yang berputus asa daripada rahmat Tuhannya, kecuali orang yang sesat.”* (Surah al-Hijr, ayat 56).

Berpandukan firman Allah dan hadis di atas, mereka yang sudah terlanjur melakukan dosa besar itu, tidak harus berputus asa. Dia hendaklah segera bertaubat kepada Allah dan menyesali perbuatannya. Insya Allah, dosanya akan diampunkan Allah.

Selain itu sebagai menyempurnakan taubat, menurut Imam al-Ghazali, di samping meninggalkan dan membenci “dosa zina”, hendaklah meninggalkan juga dosa-dosa dan maksiat-maksiat (zahir) lain yang masih mampu dilakukan, seperti pergaulan bebas, mendedahkan aurat dan sebagainya. Selain itu, hendaklah melakukan amalan wajib yang diperintahkan, kerana meninggalkan amalan wajib hukumnya berdosa besar.

Sementara di zaman moden sekarang ini, terdapat alat perhubungan moden yang boleh dilakukan perhubungan tanpa batas seperti SMS, telefon, internet dan lain-lain, jika ia dilakukan dengan cara yang salah dan haram seperti mengadakan hubungan “asmara” dengan pasangan bukan

muhrum, ia juga dihukum “haram, maksiat dan berdosa”. Jika ia masih dilakukan oleh orang yang ingin bertaubat, berdasarkan pedapat Imam al-Ghazali, maka taubat orang yang melakukan “dosa besar” dianggap tidak sempurna dan tidak diterima oleh Allah. Kerana maksud “taubat” ialah kembali kepada Allah dengan diri tanpa melakukan dosa, tetapi jika masih melaku dan mengekalkan dosa, maka ia dianggap kembali kepada Allah dengan membawa dosa.

Bagi orang yang berzina, memang perbuatan zina tidak lagi dilakukan kerana ia telah bertaubat, tetapi jika amalan lain yang menghampir kepada zina seperti bergaulan bebas, bepegangan tangan, berasmara walaupun melalui telefon atau SMS, maka ia masih dianggap melakukan dosa-dosa (zina) yang membawa kepada “zina hakiki”. Sebabnya ayat di atas, Allah melarang “mendekati zina” ialah perbuatan atau jalan-jalan yang membawa kepada zina. Larangan itu menunjukkan hukumnya haram dan berdosa juga.

Inilah di antara perkara yang patut difahami oleh orang yang ingin bertaubat dan ingin membersihkan diri daripada dosa-dosa, khususnya dosa zina yang siksanya bukan sahaja patut diterima di akhirat, bahkan di dunia pun kena hadapi hukuman. Bagi orang yang belum berkahwin, disebat 100 kali, sementara yang telah berkahwin direjam dengan batu hingga mati. Hukuman itu pula hendaklah dilakukan di tengah umum.

Akan tetapi sekiranya, di dalam sesebuah negara itu tidak ada peruntukan undang-undang demikian, maka para penzina hendaklah bertaubat dengan sungguh-sungguh (taubat nasoha) dan ikut syarat seperti mana yang disebut oleh Imam al-Ghazali, moga-moga Allah Yang Maha Pengampun akan menimbangkan untuk menerima taubat orang yang benar-benar ingin meninggal dan manjauhi dosa serta ingin kembali mengamalkan kewajipan yang selama ini diabaikan. Moga-moga terlepas siksaan di akhirat. Tetapi sekiranya para penzina tidak melakukan taubat dengan bersungguh-sungguh, maka besar kemungkinan hukuman (siksaan) di akhirat tidak dapat dielakkan, kerana hukuman di dunia tidak diterimanya.

Namun jika seseorang itu bertaubat bersungguh-sungguh, tanpa menerima hukuman (sebat dan rejam) di dunia, dan Allah hendak menghapuskan dosanya, maka Allah akan datangkan hukuman (siksaan) berbentuk lain di dunia, seperti diuji dengan kesusahan, diberinya penyakit, penderitaan batin dan sebagainya.

Contohnya, orang yang berzina diserang dengan virus HIV, AIDS, barah, siplis dan sebagainya sehingga ia berasa tersiksa batin kerana malu dan masyarakat tahu yang ia melakukan zina, maka itu juga sebagai salah satu bentuk siksaan di dunia yang Allah berikan, jika ia menerimanya dengan sabar dan reda, dan terus melakukan taat kepada Allah, maka insya-Allah, akan diampunkan oleh Allah dosanya dan di akhirat tidak lagi akan dihukum dengan siksaan dalam api neraka.

Inilah yang patut dihadapi oleh orang yang melakukan “dosa besar” (zina) yang Allah sifatkan sebagai perbuatan yang amat keji dan buruk sekali. Firman Allah, yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang sangat buruk.”* (Surah al-Isra’, ayat 32).

Sementara dalam hadis Nabi s.a.w. mensifatkan dosa yang paling besar setelah syirik kepada Allah ialah dosa zina. Sebab itu kena bertaubat bersungguh-sungguh, jika sekiranya ingin mendapat kasih sayang dan rahmat Allah semula.

11. Berlaku perbuatan menghalalkan sutera bagi lelaki

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesungguhnya, akan ada pada umatku beberapa kelompok manusia (kaum atau bangsa) yang menghalalkan zina, sutera, arak dan alat muzik.”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Daud).

Allah s.w.t. telah mengharamkan pemakaian sutera dan emas bagi kaum lelaki. Para ulamak berselisih pendapat tentang penyebab dari pengharaman ini kepada dua pendapat:

- 1). Kerana akan menimbulkan rasa bangga dan angkuh.
- 2). Kerana ia adalah pakaian kemewahan dan hiasan yang sesuai untuk kaum wanita dan tidak sesuai untuk lelaki.

Rasulullah s.a.w. telah melarang keras kaum lelaki memakai sutera dan emas dengan sabdanya: *"Barangsiapa yang memakai sutera di dunia, maka dia tidak akan memakainya lagi di akhirat."* Dan dalam hadis Abu Hurairah, bahawa Nabi s.a.w. telah melarang (kaum lelaki) memakai cincin dari emas.

Larangan ini berlaku untuk kaum lelaki, adapun bagi kaum perempuan sutera dan emas halal untuk mereka. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Dihalalkan emas dan sutera bagi kaum wanita dari umatku dan ia diharamkan bagi kaum lelaki dari umatku."* (Riwayatkan Ahmad, An-Nasaie, Abu Daud, At-Tabrani dan disohehkan oleh At-Tirmizi dan Al-Hakim. Hadis ini diriwayatkan dari jalan yang banyak yang saling menguatkan, sehingga mengangkatkan darjatnya dari kedaifan hadis ini. Lihat Nailul Authar, Juz. 1)

12. Arak diminum berleluasa dan dihalalkan jualannya

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *"Sesungguhnya, akan ada pada umatku beberapa kelompok manusia (kaum atau bangsa) yang menghalalkan zina, sutera, khamar (arak) dan alat muzik."* (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Daud).

Minuman keras atau arak adalah punca segala dosa serta saluran utama dari perbuatan syaitan yang amat keji. Arak telah diharamkan oleh Allah s.w.t. dalam kitabnya yang mulia (al-Quran), terjemahannya: *"Wahai orang yang beriman, sesungguhnya meminum khamar (arak), berjudi, berkorban (menyembelih) binatang untuk berhala, mengundi nasib (bernujum) dengan anak panah, (semuanya) adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu menjadi orang yang berjaya/beruntung (dunia dan akhirat)."* (Surah Al-Maidah: 90)

Definisi arak adalah segala sesuatu yang tidak menormalkan atau memabukkan (menghilangkan kewarasan) akal, ia biasanya terbuat dari lima macam bahan sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Umar, bahawa Umar bin Al-Khattab suatu hari telah berkhotbah di atas mimbar Rasulullah s.a.w. dengan berkata: *“Perintah pengharaman khamar sudah turun dan ia dapat dibuat dari lima macam bahan; anggur, kurma, madu, gandum dan jelai (sejenis gandum, barli), itulah yang menyebabkan khamar itu menjadi sesuatu yang mengacau dan merosakkan akal.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim dari Umar bin Khattab).

Oleh kerana khamar adalah perbuatan keji yang paling buruk dan induk kepada sekalian dosa, maka Allah melaknat orang yang terlibat di dalam khamar itu sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya Allah telah melaknat khamar, pemerahnya, orang yang mengambilnya, peminumnya, penuangnya, pembawanya, orang yang akan dibawakan untuknya, penjualnya, pembelinya dan orang yang memakan hasil usaha darinya.”* (Diriwayatkan oleh Ahmad, Al-Baihaqi dan Ibn Majah dari Abdullah bin Umar.).

Khamar adalah segala sesuatu yang memabukkan yang jika sedikit atau banyak adalah sama hukumnya. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Segala sesuatu yang banyaknya boleh memabukkan, maka sedikitpun adalah sama (hukumnya).”* (Riwayatkan Ahmad, Ibn Majah dan disohehkan oleh Daraqutni. Abu Daud, Ibn Majah dan Tirmizi juga meriwayatkan hadis yang seperti ini dari Jabir. Ini adalah hadis hasan yang dihasankan oleh Tirmizi dan para perawinya (sanad) adalah thiqah atau terpercaya dan berkeperibadian tinggi menurut Al-Hafiz Ibn Hajar).

13. Kaum Muslimin diserang dan dicatur oleh musuh dengan sesuka hati

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Hampir saja umat-umat (selain kamu) memperebutkan kamu dari segala*

penjuru sebagaimana orang yang sedang makan (dalam suatu hidangan) memperebutkan semangkuk makanan mereka. Para sahabat bertanya: Apakah jumlah kita (umat Islam) sedikit pada waktu itu wahai Rasulullah? Beliau s.a.w. menjawab: Pada saat itu jumlah kamu banyak, akan tetapi keadaan kamu tak ubahnya seperti buih di permukaan air bah, di dalam hati musuh-musuhmu telah hilang ketakutan terhadap kamu, kerana di dalam hatimu telah terdapat penyakit Al-Wahan. Para sahabat bertanya: Apakah Al-Wahan itu Rasulullah? Beliau bersabda: Cinta dunia dan takut mati.” (Hadis hasan, diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya dan dalam Al-Hilyah oleh Abu Nu’aim dari Thauban maula (bekas hamba) Rasulullah s.a.w.).

Telah terbukti bahawa musuh-musuh umat Islam telah berebut-rebutan menyerang dan mencatur umat Islam sejak jatuhnya khalifah Islamiyah bermula sejak kejatuhan Baghdad di tangan Tartar hinggalah di tangan manusia durjana yang berdosa kepada dunia Islam, iaitu “Mustafa Kamal Attaturk”, sejak itu umat Islam terpecah-pecah menjadi negara-negara kecil yang saling bermusuhan disebabkan oleh kepentingan dan cita-cita dalam negeri masing-masing (peribadi) sedangkan segala permusuhan tersebut tidak terlepas dari senario halus (rahsia) dan perencanaan syaitannya dengan slogan: “Hancurkan Islam dan musnahkan pemeluknya.”

Maka, setelah itu jadilah negara-negara Islam sebagai negara-negara kecil yang saling bermusuhan yang telah dibahagi-bahagi (dicatur) oleh negara-negara salib (kristian) dan Yahudi mengikut kuasa-kuasa tertentu dunia yang telah mereka sepakati sebelumnya (baik di zaman penjajahan imperialis ataupun pada zaman sekarang). Keadaan kita (umat Islam) tak ubahnya seperti mangsa yang lemah yang ditarik-tarik oleh kuku tajam dan taring binatang buas yang tidak lain hanya tahu dan berhasrat untuk memenuhi nafsu dan memenuhi perutnya sahaja.

Para pengkaji sejarah Islam, sepakat merumuskan bahawa Mustafa Kamal Attaturklah orang yang bertanggung jawab

menumbangkan dan menghancurkan sistem kekhalifahan Islam dan menggantinya dengan sisitem “sekularisme”. Puncunya kerana umat Islam telah cinta dunia dan takut mati. Lalu jiwa dan akal mereka menjadi lemah, mereka gerun kepada musuh dan musuh pula menjadi berani mencatur mereka. Itulah petanda dan alamat yang telah terjadi hari ini.

14. Salam hanya diucapkan kepada orang dikenali sahaja dan diubahkan kepada ucapan lain

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya di antara tanda-tanda kiamat bahawa seorang lelaki akan mengucapkan salam kepada lelaki lain yang dikenali sahaja.”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad dari Ibn Mas‘ud.).

Rasulullah s.a.w. telah bersabda lagi: *“Pada pintu gerbang kiamat seseorang akan hanya mengucapkan salam kepada orang yang khusus saja (orang yang kenal dekat dengannya)...”* (Diriwayatkan oleh Ahmad dan At-Thayalisi dari Ibn Mas‘ud).

Hadis-hadis di atas menjelaskan bahawa akan berlaku di akhir zaman nanti suatu keadaan umat Islam berada di dalam kerosakan, renggangnya hubungan ukhwah, di mana seorang lelaki tidak lagi mengucapkan salam (*“Assalamu ‘alaikum”*), kecuali terhadap orang yang dikenalnya sahaja, sedangkan sejak peringkat awal Islam, Nabi Muhammad s.a.w. telah menganjurkan agar memberi salam kepada setiap orang Islam tanpa mengira perbezaan: *“Sebarkanlah salam kamu.”* (diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah).

Dalam riwayat lain ketika beliau s.a.w. ditanya oleh seorang lelaki: *“Islam manakah yang lebih baik?”* Beliau s.a.w. menjawab: *“Kamu memberikan makanan kepada orang lain dan kamu menyebarkan (mengucapkan) salam kepada orang yang kamu kenali dan yang tidak kamu kenali.”* (Riwayatkan Bukhari pada Kitabul-Iman dari Abdullah bin Umar).

Tetapi sekarang ini, walaupun kelebihan memberi salam amat besar faedahnya, tetapi umat Islam di zaman yang telah

hampir dengan saat kiamat, tidak lagi melakukannya. Ini telah diisyaratkan oleh Rasulullah s.a.w.

Apa yang lebih aneh lagi, kaum Muslimin telah menukar salam Islam yang lebih mulia dengan salam Yahudi, Nasrani dan kaum Musyrikin Quraisy dengan alasan budaya kemajuan, maka sungguh buruklah apa-apa yang mereka tukar tersebut. Sesetengah daripada umat Islam sendiri lebih senang dan berasa *standard* mengucapkan perkataan “Good Morning”, “Good Night”, “Hallo”, “Hai..!” dan sebagainya ketika bertemu dengan sesama Islam.

Bahkan lebih teruk lagi ialah penggunaan alat komunikasi hari ini seperti SMS dengan menggunakan ringkasan salam dengan istilah (perkataan) “Mekom”, “Akum” dan sebagainya. Seorang penyelidik mendapati bahawa perkataan “Akum” yang digunakan secara meluas oleh para pengamal telefon mudah alih melalui aktiviti SMS dan Chat berasal daripada bahasa Ibrani. “AKUM” adalah singkatan perkataan “*Avde Kokhavim U Mazzalot*”. Perkataan ini digunakan oleh orang Yahudi kepada bangsa selain Yahudi (Goyim) bagi menghina dan merendah-rendahkan mereka, yang maksud dan ertinya “Binatang”.

Tanpa sedar kita sebagai orang Islam ikut membantu mempopularkan istilah tersebut sebagai ucapan perhubungan di kalangan umat Islam, dengan mengenenepikan penggunaan perkataan asal, iaitu ucapan salam (*Assalamu ‘alaikum*). Sedangkan ucapan salam ialah sebagai suatu doa untuk kesejahteraan sesama Mukmin.

Nabi Muhammad s.a.w. telah berkata kepada Umair bin Wahab yang ketika itu masih musyrik di mana ketika dia bertemu dengan Nabi s.a.w., dia berkata: “Keuntungan, kebahagiaan pada pagi ini ya Muhammad” (sebagaimana yang diucapkan orang pada zaman ini dengan ucapan “Selamat pagi” dan lain-lain ucapan). Maka Nabi s.a.w. menjawab: “*Sungguh Allah telah memuliakan kami dengan ucapan kehormatan yang lebih mulia dari ucapan kamu wahai Umair iaitu dengan*

ucapan “SALAM” (Assalamu ‘alaikum), kerana ia adalah ucapan kehormatan Ahli Syurga.”

15. Manusia tidak lagi berhati-hati dalam mencari rezeki, sama ada halal atau haram

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Akan datang pada suatu zaman bahawa manusia ketika itu tidak lagi mempedulikan sesuatu yang diperolehinya, apakah ia bersumberkan dari yang halal atau haram.”* (Riwayat At-Tabrani dari Urwah bin Zubair dan dari Anas. Berkata Al-Haitami, sanadnya baik dan para perawinya terdiri daripada para perawi hadis-hadis soheh.)

Hal ini terjadi disebabkan kerosakan dalam masyarakat dan meluasnya kejahilan, hancurnya rasa perikemanusiaan, tersebarnya rasuah dan riba serta kekikiran, harga barang-barang melambung tinggi dan pelbagai masalah lain lagi dalam social sehingga seorang Muslim yang ingin mencari harta (nafkah) yang halal terpaksa mengharungi pelbagai kesukaran. Lantaran itu, dalam masa mencari rezeki, seseorang itu tidak dapat lagi membezakan sama ada halal atau haram, asal yang datang melintas itu rezeki (harta), lalu mencapainya kerana terlalu amat terdesak dengan keperluan hidup.

Apa yang disebut oleh Nabi s.a.w 15 abad lalu, kini benar-benar telah berlaku. Kita dapat lihat sekarang ini orang yang benar-benar ingin mendapatkan semata-mata rezeki yang halal sahaja, mereka tidak akan dapat secara lumaian, kerana rezeki halal di akhir zaman ini memang amat sukar. Tetapi jika tidak mengira hukum-hakam, halal atau haram, mudah mendapatnya, bahkan ramai yang menjadi jutawan melalui sumber yang tidak jelas, bahkan ada yang terang-terang haram, seperti melalui perjudian, penipuan, rasuah dan sebagainya.

16. Banyaknya tersebar perbuatan bohong

Rasulullah. s.a.w. bersabda: *“Antara tanda kiamat telah hampir ialah banyaknya (tersebar) perkara bohong, masa (jarak*

waktu) akan terasa dekat (cepat) dan pasar-pasar (pusat-pusat membeli belah) berdekat-dekatan (banyak di sana sini)." (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ibn Hibban dari Abu Hurairah).

Hadis lain riwayat Imam Ahmad dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Tidak akan berlaku kiamat sehingga pembunuhan dilakukan secara terang-terang (tahu siapa pembunuh dan dilakukan di tempat terbuka), banyak berlaku pembohongan, pasar (pusat perniagaan) menjadi dekat dan masa berdekat-dekatan."*

Maksud "Bohong" adalah: "Tidak selari perkataan dengan kenyataan (perbuatan/amalan) dan ia merupakan suatu sifat yang buruk yang tidak akan hinggap pada orang yang mulia."

Abu Sufyan bin Harb (pemimpin Quraisy, ketika dia masih musyrik) ketika Herakulis, Kaisar Romawi bertanya kepadanya beberapa pertanyaan tentang berita kerasulan Muhammad s.a.w. yang muncul di Makkah, maka ketika itu Abu Sufyan menjawab: *"Demi Allah kalaulah tidak kerana saya malu apabila mereka akan menggelarkan saya pembohong, maka saya akan berdusta dalam menyampaikan berita Muhammad tersebut."* (Riwayat Bukhari dalam kitab Sohehnya dari Ibn Abbas, kitab Al-Iman).

Nabi Muhammad s.a.w. sangat melarang keras perbuatan dusta dan beliau mengkhabarkan bahawa dusta akan mengeringkan Iman, ia adalah tanda-tanda orang munafik dan seorang Mukmin itu dapat bersifat apa saja (sifat-sifat baik) kecuali sifat bohong dan khianat. Maka seorang Mukmin kadangkala bersifat bakhil, pengecut dan lain-lain sebagainya, akan tetapi dia sama sekali tidak akan bersifat pengkhianat dan pendusta, kerana itu sebagai sifat buruk orang munafik.

Seorang Mukmin tidak akan berdusta walaupun dia sedang bersenda gurau, kerana bohong adalah perbuatan pengecut dan khianat, Nabi s.a.w. telah melarang perbuatan dusta walaupun ketika bergurau, sabda beliau: *"Celaka orang yang berbicara dusta dengan maksud agar membuat orang*

tertawa (kerana lucu), celakalah dia dan kemudian celakalah dia.” (Riwayat Ahmad, Abu Daud, An-Nasaie, dihasankan oleh Tirmizi dari Bahaz bin Hakim dari ayahnya dari abangnya, Muawiyah bin Haidah. Sanadnya amat kuat. Lihat: Subulussalam, Juz. 4.).

Walaupun perbuatan berbohong suatu dosa, tetapi sekarang ini, sifat ini telah muncul di kalangan umat Islam sendiri. Tepatlah sepertimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. bahawa; *“Antara tanda kiamat telah hampir ialah banyaknya (tersebar) perkara bohong...”*

17. Waktu menjadi singkat

Rasulullah. s.a.w. bersabda: *“Di antara tanda kiamat telah hampir ialah...masa (jarak waktu) akan terasa dekat...”* (Hadis soheh riwayat Ibn Hibban dari Abu Hurairah).

Sebuah hadis lain riwayat Imam Bukhari, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *“Masa itu menjadi berdekat-dekatan, ilmu agama akan berkurang (dalam suatu riwayat lain disebut; amalan agama berkurang), diletakkan ke dalam hati perasaan tamak dan haloba dan pembunuhan berlaku secara berleluasa”.*

Riwayat Imam Ahmad dalam Al-Musnad dan At-Tahawiy dan dalam Musykilul Athar, dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Tidak akan berlaku kiamat sehingga masa menjadi berdekat-dekatan. Setahun dirasakan bagi sebulan, sebulan dirasakan bagi se-Jumaat (seminggu), se-Jumaat (seminggu) dirasakan bagi sehari, sehari dirasakan bagi sejam dan sejam dirasakan seperti masa membakar satu pelepah kurma kering (sejenak).”*

Maksud hadis “masa berdekat-dekatan” itu sekarang ini telah pun terjadi dalam beberapa keadaan;

Pertama: Kerana keadaan kesibukan kita dengan urusan dunia, dengan tidak disedari, kita rasa masa berlalu begitu

cepat sekali. Cepat sahaja kita rasa telah tua. Walau pun umur telah mencapai 60 tahun, telah pencen, tetapi kita rasa banyak perkara yang belum sempat dilakukan, dunia yang kita kejar dan miliki belum rasa mencukupi lagi. Oleh sebab itu walau pun telah bersara, tetapi rasa nak sambung kerja lagi.

Kedua: Maksud “masa berdekat-dekatan” ialah perhubungan di antara manusia dari satu negara dengan negara lain menjadi cepat, kerana ada alat pengangkutan yang pantas seperti kapal terbang, jet, concord dan lain-lain.

Sementara masa untuk berhubung (bercakap) dan menyampaikan maklumat juga lebih pantas daripada dahulu yang menggunakan surat pos. Teknologi multi-media, IT dan digital menjadikan masa untuk seseorang itu menyampaikan mesejnya kepada seseorang lain begitu pantas. Dengan mengambil masa beberapa saat sahaja kita boleh berhubung dengan rakan kita yang berada di Amereka, Eropah, Timur Tengah dan lain-lain.

Semuanya berlaku di sebelah telinga dan di hadapan mata kita sahaja. Itulah kecanggihan alat teknologi “telefon bimbit” dan “komputer” (internet), yang meringkaskan masa perhubungan menjadi cepat. *“Masa setahun dirasakan bagi sebulan, sebulan dirasakan bagi seminggu, seminggu dirasakan bagi sehari, sehari dirasakan bagi sejam dan sejam dirasakan bagaikan sedetik”*.

18. Tersebarunya banyak pasar (meningkatnya kegiatan perdagangan dan perusahaan)

Telah bersabda Rasulullah. s.a.w.: *“Antara tanda kiamat telah hampir ialah...pasar-pasar (pusat-pusat membeli belah) berdekat-dekatan (banyak di sana sini).”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ibn Hibban dari Abu Hurairah).

Hadis lain riwayat Imam Ahmad dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *“Tidak akan berlaku kiamat sehingga pembunuhan dilakukan secara terang-*

terang (tahu siapa pembunuh dan dilakukan di tempat terbuka), banyak berlaku pembohongan, pasar (pusat perniagaan) menjadi dekat dan masa berdekat-dekatan.”

Dalam hadis di atas Nabi s.a.w. menyebut bahawa di antara tanda-tanda qiamat telah hampir ialah “*Pasar atau pusat perniagaan menjadi dekat*”. Secara fizikelnnya memang didapati tumbuh di sana-sini pusat-pusat membeli-belah dan pusat perniagaan pelbagai barang keperluan, kedudukannya berdekat-dekatan dan dekat pula dengan tempat tinggal kita, iaitu setiap taman perumahan terdapat pasar dan pusat membeli-belah. Sedangkan sebelum ini, kira-kira 15-20 tahun lalu, pasar atau pusat membeli-belah cuma di bandar-bandar sahaja dan ia terletak jauh dari tempat tinggal kita. Ini adalah tanda-tanda yang telah pun disebut oleh Rasulullah s.a.w. telah dan sedang berlaku sekang ini.

Selain itu maksud, “*Pasar atau pusat perniagaan menjadi dekat*” boleh juga diertikan dengan kemudahan perniagaan dan urusan jual-beli boleh dilakukan dengan tidak payah pergi jauh. Sekiranya kita hendak mengurusniaga dengan “Pusat Perniagaan” atau “Syarikat Perniagaan” atau dengan “Bank” di Eropah, Amereka, Jepun, Hong Kong dan lain-lain, boleh kita lakukan dengan cuma menekan butang komputer (internet) sahaja atau kita hendak memasuk dan mengeluarkan wang dari Bank, cuma pergi ke mesyin ATM atau melalui on-line sahaja.

Jadi benarlah seperti mana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. 1,400 tahun lalu bahawa “Pasar dekat-dekat”. Iaitu pasar dan pusat perniagaan telah berada di hadapan dan di hujung jari kita, dengan menekan “papan kekunci” komputer, kita dapat membeli dan menjual atau mengurusniaga dengan pasar atau pusat perniagaan yang berada di Eropah, Amereka, Jepun, Hong Kong dan lain-lain.

19. Ilmu agama atau amalan agama berkurang

Riwayat Imam Bukhari, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; “*Masa itu menjadi berdekat-*

dekatan, ilmu agama akan berkurang (dalam riwayat lain disebut; amalan agama berkurangan), diletakkan ke dalam hati perasaan tamak dan pembunuhan berlaku secara berleluasa”.

Umumnya, sesetengah orang hari ini setelah mencapai umur 60 hingga 70 tahun, setelah pencen, baru nak mula beramal dengan amalan agama sebagai bekalan hari mati. Ketika itu bukan sahaja ia terasa masa yang ada hanya sedikit dan dekat pula dengan masa kematian, bahkan amalan yang dapat dilakukan cuma sedikit sekali. Kerana kemampuan beramal terhad, dan jarak serta tempoh hidupnya singkat dan tidak banyak amalan kebajikan yang sempat dilakukan.

Selain itu, maksud “ilmu agama atau amalan agama berkurangan” ialah orang hari ini tidak berminat, bukan sahaja menuntut ilmu, bahkan beramal pun sedikit sahaja. Sedikit sekali di kalangan orang Islam sendiri yang sejak kecil menumpukan kepada pelajaran agama. Umumnya setelah tua baru nak belajar ilmu agama. Kalau dah tua berapa banyak sangat ilmu agama yang dapat dituntut. Bila ilmu sedikit, tentu sekali amalan pun jadi sedikit. Tidak seperti orang dahulu, mereka sanggup tinggal dan belajar di pusat-pusat pengajian seperti di Makkah, Mesir, India dan lain-lain puluhan tahun. Mereka belajar hingga selesai. Pelbagai ilmu agama mereka pelajari. Bila ilmu banyak, tentu amalan pun banyak.

20. Pembunuhan berleluasa dan secara terang-terangan

Hadis riwayat Muslim dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Demi yang diriku di tangan-Nya, sesungguhnya akan datang suatu masa pada manusia itu yang mana si pembunuh tidak mengerti mengapa dia melakukan pembunuhan dan mangsa yang dibunuh pula tidak tahu mengapa dia dibunuh...”*

Hadis lain riwayat Ahmad dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Tidak akan berlaku kiamat sehingga pembunuhan dilakukan secara terang-terang (tahu siapa pembunuhnya dan dilakukan di tempat terbuka)...”*

Bukti apa yang disebut oleh Nabi s.a.w. bahawa akan berlaku di akhir zaman kejadian pembunuhan berleluasa dan terang-terang, ialah kita dapat baca, lihat dan dengar berita-berita dalam TV, surat khabar dan internet.

Pembunuhan telah menjadi perkara biasa tanpa dianggap perkara anih. Kadang-kadang dianggap sebagai perbuatan yang patut dilakukan. Contohnya seperti serangan Amereka ke atas rakyat Iraq dan Libya, serangan tentera Israel ke atas rakyat Pelastin dan lain-lain.

21. Jumlah wanita melebihi lelaki

Selanjutnya dipetik lagi beberapa keterangan hadis yang menerangkan tanda-tanda kiamat yang disebut oleh Nabi s.a.w. akan berlaku pada akhir zaman nanti. Antaranya ialah;

Diriwayatkan oleh Imam Abu Ya'la dan At-Tabrani dalam Al-Ausat, hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w.; *"Bagaimana keadaan kamu, apabila perempuan kamu mengatasi kamu. Pemuda-pemuda kamu menjadi fasiq (berperangai dan pekerti buruk yang menyalahi ajaran Islam). Di antara sahabat ada yang bertanya; Apakah ia akan berlaku?. Jawab Rasulullah s.a.w.; Ya, ia akan berlaku"*.

Berkata Ibnu Wadda' dalam Al-Bida', menurut sanadnya daripada bukan seorang dari ahli ilmu agama, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Bagaimana keadaan kamu, apabila para pemuda kamu menjadi fasiq, para perempuan mengatasi kamu (lelaki) dan lahir di kalangan kamu ramai orang jahil. Bertanya sahabat; Apakah perkara itu akan berlaku, Ya, Rasulullah?. Sabda Rasulullah s.a.w.; Bahkan, akan berlaku lebih daripada itu."*

Dua hadis di atas menjelaskan tentang tanda-tanda kiamat ialah kaum wanita mengatasi lelaki. Maksud 'mengatasi' lelaki ialah dalam beberapa perkara; jumlah, kegiatan dan pergerakan, sikap dan perangai dan lain-lain.

Di segi jumlah, memang umum didapati jumlah wanita kebelakangan ini melebihi lelaki, sama ada jumlah kelahiran, jumlah dalam pusat pengajian. Sementara kegiatan dan pergerakan wanita juga mengatasi lelaki, mereka aktif bergerak dalam masyarakat dalam pelbagai bidang. Sikap dan perangai wanita juga mengatasi lelaki sehingga mencapai peringkat menjadi “Queen Control” atau menjadi teraju dalam rumah tangga. Para suami menjadi pak turut. Termasuk para suami yang berjawatan dalam politik atau jabatan kerajaan, ada di antara mereka ditentukan corak pentadbiran dan pengurusan oleh isteri mereka.

22. Para pemuda jahat perangai

Selanjutnya hadis di atas menerangkan tanda-tanda kiamat bahawa; *“Pemuda-pemuda kamu menjadi fasiq (berperangai dan pekerti buruk yang menyalahi ajaran Islam).”* (Riwayat Imam Abu Ya’la dan At-Tabrani dalam Al-Ausat).

Hal itu telah terbukti bahawa kebelakangan ini generasi muda ramai yang terlibat dengan pelbagai gejala penyelewengan social, termasuk para pelajar sekolah ada yang menjadi perompak, kaki pukul, menghisap rokok dan ketagihan dadah, rogol dan bunuh dan lain-lain.

23. Wanita bersolek dan berhias dengan pelbagai fesyen mendedah aurat

Nabi s.a.w. bersabda; *“Akan berlaku di akhir zaman ke atas umatku kelihatan lelaki menaiki kenderaan mempunyai pelana besar, mereka singgah dan masuk ke dalam masjid, sedangkan isteri berpakaian baju separuh (singkat mendedahkan aurat), di atas kepala isteri mereka terletak topi dan ada yang bersanggul tinggi bagai goh (bonggol) belakang unta. Jika kamu lihat isteri mereka itu hendaklah kamu laknat, kerana mereka telah dilaknat oleh Allah.”* (Riwayat Imam Ahmad dalam Musnad dari Abdullah bin Amru bin ‘Aas dari Rasulullah s.a.w.).

Hadis lain riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Terdapat dua puak yang akan menghuni neraka, yang sebelum ini aku belum pernah melihatnya. Iaitu puak pertama yang memiliki cemeti (alat pemukul) seperti ekur lembu (mempunyai bulu di hujungnya), mereka sewenang-wenang memukul manusia dengan cemeti itu. Kedua wanita berpakaian tetapi bertelanjang (pakaian ketat, nipis dan mendedah aurat) serta memakai topi. Mereka tidak masuk syurga, hatta bau (syurga) pun tidak dapat dihidu. Sesungguhnya bau syurga itu amat jauh sekali”*.

Riwayat Imam Tabrani dari Ibnu Abbas, Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Apabila umat Islam (lelaki dan wanita) telah mula memakai kasut (sepatu) berlapis-lapis (tinggi) dan berwarna-warni, mereka asyik menggilap sepatu sahaja. Maka ketika itu Allah lupa (tidak menolong) mereka”*.

Hadis-hadis di atas menerangkan tanda-tanda akhir zaman, lahir pelbagai sifat wanita dengan pelbagai fesyen pakaian yang mendedahkan aurat, antaranya telah dan sedang berlaku seperti berpakaian “baju separuh” atau baju singkat, memakai set rambut tinggi bagai goh unta. Keadaan fesyen pakaian ketat, nipis dan jarang sehingga menampakkan susuk badan yang keadaannya “berpakaian tetapi macam telanjang”. Selain itu, mereka mengenakan pula kasut tumit tinggi dan kasut berbagai-bagai warna. Keadaan yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. 15 abad lalu itu kini sedang menjadi kenyataan dan dapat disaksikan di hadapan mata kepala kita sendiri.

24. Lahir golongan lelaki dan wanita yang aktif di tengah masyarakat tidak berada di atas jalan Allah

Riwayat Imam Ibnu Asakir dalam **At Tarikh** hadis dari seorang sahabat Rasulullah s.a.w. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Sekiranya aku mengetahui tentang keadaan umatku selepas aku nanti, bahawa akan terjadi kaum lelaki bermegah-megah dan kaum wanita bersikap berlebih-lebihan. Di antara mereka berpecah kepada dua puak. Puak pertama: Berjuang di jalan agama dengan cara mendedahkan dada (aurat) mereka*

(tanpa memperdulikan syariat). Puak kedua: Mendedahkan dada (aurat) bukan kerana berjihad di jalan Allah (kerana diperalatkan oleh musuh Islam)."

Berkata Imam Nu'aim bin Hamaad dalam "Al-Fitan" dengan sanad daripada Mu'az bin Jabbal, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Apabila telah nyata (terang-terangan) berlaku di antara kamu dua kemabukan; Pertama: Mabuk kebodohan dan kejahilan agama dan kedua: Kemabukan gila dunia. Mereka (kedua-dua) itu berjihad tidak di atas jalan Allah. Ketika itu bagi siapa yang benar-benar berpegang pada kitab Allah (hukum-hakam Allah), sama ada secara bersembunyi-bunyi atau terang-terangan, maka kedudukan mereka di sisi Allah seperti kedudukan para sahabat Rasulullah s.a.w. (pada masa awal Islam) yang berhijrah ke Madinah (Muhajirin) dan Ansar."*

Hadis pertama menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah membayangkan bahawa akan muncul dua golongan di kalangan kaum lelaki dan wanita yang aktif di tengah masyarakat tanpa memperdulikan apa yang mereka lakukan itu bertepatan atau bertentangan dengan hukum-hakam Allah. Kaum lelaki bersikap "bermegah-megah" dengan apa yang mereka lakukan dan menyangka ia sebagai suatu perjuangan membela agama dan bangsa. Sementara kaum wanita pula bersikap berlebih-lebihan dan melampaui batas-batas agama. Mereka terbahagi kepada dua puak. Satu puak berniat untuk berjuang di jalan Allah (agama), membuat kebajikan (beramal /konsert amal), tetapi dalam keadaan jahil, iaitu tanpa memahami batas-batas agama, dengan mendedah dada (aurat) di khalayak ramai.

Sementara satu puak lagi, mereka mendedah dada (aurat) kerana berjuang dan bergiat di bidang yang tidak ada kaitan dengan agama, kerana diperalatkan oleh golongan anti-Islam, sama ada secara disedari atau tidak. Mereka dipopularkan di sana sini dengan menggunakan pelbagai jenis media untuk mengiklankan telatah dan gelagat mereka yang immoral, juga dialatkan untuk melariskan barangan, menjadi sebagai model

dan pelakun iklan. Musuh-musuh Islam mengeksploitasikan mereka bagi merosakkan lagi moral muda-mudi Islam, melalaikan mereka dengan konsert hiburan, sehingga bukan sahaja lalai terhadap solat, bahkan lupa diri dan tenggelam dalam keseronokan, bergaaulan bebas dan sebagainya.

Hadis kedua pula menjelaskan bahwa akan muncul dua golongan; Satu golongan mabuk (asyik dan gigit) berjuang atau berjihad, tetapi mereka juga jahil tentang hukum-hakam agama dan golongan yang kedua, mereka yang mabuk (asyik dan gigit) berjuang tetapi kerana mencari kepentingan duniawi. Kedua-dua puak itu dianggap oleh Rasulullah s.a.w. bukan berjuang di jalan Allah.

Ketika keadaan itu terjadi, siapa yang benar-benar berusha dan berjuang menegak dan mempertahankan agama Allah menepati apa yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat dan para tabi'in, sama ada secara terang-terangan atau bersembunyi, nilai mereka seperti para sahabat Ansar dan Muhajirin pada zaman Rasulullah s.a.w. Sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w.; *"...Ketika itu bagi siapa yang benar-benar berpegang pada kitab Allah (hukum-hakam Allah), sama ada secara bersembunyi-bunyi atau terang-terangan, maka kedudukan mereka di sisi Allah seperti kedudukan para sahabat Rasulullah s.a.w. (pada masa awal Islam) yang berhijrah ke Madinah (Muhajirin) dan Ansar."*

Bila diteliti keadaan dan perkembangan gelagat dan telatah manusia sekarang ini. Kita dapati apa yang disebut oleh Nabi s.a.w. itu sedang berlaku di hadapan mata kita. Buktinya sekarang ini kita dapat lihat di mana-mana, telah timbul kesedaran di kalangan umat Islam untuk sama-sama berjuang bagi membela bangsa, negara dan agama, sama ada di Malaysia, Indonesia dan lain-lain negara. Namun dalam masa mereka berjuang, masing-masing hanya memikirkan tujuan dan matamat perjuangan sahaja, tanpa mengambil kira, cara atau uslub serta perkara-perkara sampingan dalam perjuangan, sama ada perkara itu selari dengan tuntutan syariat atau tidak.

Tidak hairanlah, mereka yang berjuang itu tanpa memperdulikan batas-batas agama. Sehingga sepertimana yang disebut oleh hadis bahawa mereka bersikap sombong, melampau dan mendedahkan aurat dan lain-lain.

Timbul sekarang ini budaya berjuang cara menjerit-jerit di jalan, mengadakan demonstrasi, berucap di atas pentas dengan nada keras memaki hamum serta mengupat dan memfitnah sesama Islam. Sehingga perjuangan yang diniatkan kerana Islam itu, yang menjadi target dan sasarannya ialah terhadap sesama Islam sendiri. Bukan berjuang kerana berhadapan dengan musuh kalangan bukan Islam (kafir).

Kita lihat bagaimana perjuangan yang dilakukan oleh Iraq terhadap Kwait, Iran terhadap Iraq, Saudi yang bermazhab Wahabi terhadap umat Islam bermazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah dan lain-lain. Demikian juga apa yang berlaku di Indonesia, peperangan dan pergaduhan di antara Parti PKB dengan PPP, Golkar dan lain-lain sehingga melibatkan pertumpahan darah, semua mereka adalah umat Islam. Demikian juga dengan keadaan di Malaysia, permusuhan di antara PAS dan UMNO, juga permusuhan dan peperangan di antara sesama Islam.

Jadi, umumnya jumlah kematian akibat pergaduhan dan peperangan sesama Islam di akhir zaman ini lebih banyak daripada kematian akibat peperangan Islam dan kafir. Apakah perjuangan demikian dikira sebagai Jihad Fi Sabilillah oleh Allah?. Nabi s.a.w. menjelaskan, maksudnya; *“Apabila dua orang Muslim bertemu pedang (berperang) sesama sendiri, maka yang membunuh dan yang terbunuh, kedua-duanya masuk neraka...”* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ertinya peperangan dan pergaduhan sesama muslim, sama ada mati atau hidup, kedua-duanya di anggap peperangan (perjuangan) yang tidak diredhai Allah. Jadi, jelaslah seperti mana yang ditegaskan oleh Nabi s.a.w. dalam hadis kedua, bahawa akan timbul orang Islam yang gila dan sibuk berjuang dan kata mereka “berjihad”, tetapi Allah tidak menilainya

sebagai “Jihad Fi Sabilillah” kerana tidak menepati apa yang dilaksanakan oleh Nabi s.a.w.; *“Apabila telah nyata (terang-terangan) berlaku di antara kamu dua kemabukan; Pertama: Mabuk kebodohan dan kejahilan agama dan kedua: Kemabukan gila dunia. Mereka (kedua-dua kemabukan) itu berjihad tidak di atas jalan Allah.*

25. Wanita ikut bekerja seperti lelaki

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Pada pintu gerbang kiamat (tanda telah hampir kiamat) seseorang akan hanya mengucapkan salam kepada orang yang khusus saja (orang yang kenal dekat dengannya) dan berkembangnya perniagaan sehingga para wanita akan ikut membantu suaminya dalam berdagang.”* (Riwayat Ahmad dan At-Thayalisi dari Ibn Mas’ud).

Antara tanda kiamat telah hampir ialah “kaum wanita ikut membantu suaminya dalam perniagaan” dan bersama-sama terjun ke tengah masyarakat perniagaan dan korporat.

Sesungguhnya benar apa yang sabdakan oleh Rasulullah s.a.w., kini kita telah menyaksikan bahawa kaum wanita telah ikut keluar bekerja dan mereka ikut dalam kesesakan dan kesibukan sepertimana kaum lelaki. Termasuk melibatkan diri di dalam bidang perniagaan sebagai jurujual.

26. Umat Islam ikut jejak langkah Yahudi dan Nasrani sejengkal demi sejengkal

Musuh utama bagi umat Islam yang nyata ialah Yahudi dan Nasrani. Mereka sentiasa berusaha tidak henti-henti bagi memerangkap umat Islam supaya mengikut jalan mereka. Oleh sebab itu mereka mempunyai pelbagai cara dan strategi sehingga umat Islam, kalau pun tidak semua perkara, dalam beberapa perkara, terikut juga cara hidup mereka.

Allah dan Rasul-Nya telah mengingatkan umat Islam bahawa musuh utama umat Islam ialah Yahudi dan Nasrani.

Namun terdapat juga keterangan bahawa ada beberapa golongan di kalangan orang bukan Islam yang tidak melahirkan permusuhan terhadap umat Islam, bahkan ada yang boleh berkerjasama dan boleh dijadikan rakan dalam beberapa aktiviti hidup bersama umat Islam. Mereka tergolong dalam istilah “kafir zimmi”. Tetapi Yahudi dan Nasrani memang amat membenci dan memusuhi umat Islam, terutama di kalangan bangsa asal mereka, sehingga mereka menumpukan setiap masa dan segenap perkara, sanggup memperuntukkan jutaan wang untuk menghancurkan dan merosakkan umat Islam dalam pelbagai hal, khususnya akhlak.

Hal ini umat Islam mesti sentiasa beringat dan berhati-hati. Bahkan dalam al-Quran Allah s.a.w. mengingatkan; *“Selama-lamanya tidak akan redha (berpuas hati) oleh orang Yahudi dan Nasrani itu, selagai kamu (umat Islam) tidak mengikut jejak langkah **millah** (carahidup) mereka.”* (Surah Al-Baqarah-2/120).

Perkataan “Lan” dalam bahasa Arab berertinya “selama-lama” atau bahasa Inggeris bermaksud “forever”, ertinya tidak ada penamatnya atau “sepanjang masa tetap memusuhi umat Islam”. Dalam hal ini umat Islam wajib sentiasa beringat agar tidak terjebak dalam strategi dan perangkap Yahudi dan Nasrani yang setiap masa dan dalam pelbagai bidang dipasangnya.

Oleh sebab itu, tidak hairanlah, setiap masa ada sahaja isu-isu orang Islam mengikut jejak langkah Yahudi dan Nasrani. Bermula daripada kisah Club Freemason, Kelab Rotary, Black Magic, Rock, Punk, Break Dances, isu murtad dan lain-lain, yang terbaru ialah Black Metal dan skinheaded.

Sebenarnya apa sahaja perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam, yang timbul di akhir zaman ini semuanya merupakan perangkap Yahudi dan musuh-musuh Islam lain.

Bukan di bidang hiburan dan budaya sahaja, bahkan semua segi kehidupan, termasuk bidang ekonomi dengan sistem ribanya, sistem pinjaman bersyarat seperti yang dilakukan oleh pusat keewangan Yahudi antarabangsa (IMF), sistem perniagaan, sistem iklan, dan sebagainya. Di bidang politik juga, seperti membuat tekanan terhadap negara-negara dunia agar menerima dan melaksanakan dasar demokrasi berparlimen, termasuk negara Cina, yang kuat dengan pegangan komunisma pun terpaksa tunduk kepada sisten demokrasi. Di bidang pendidikan, kita selaku umat Islam pun tidak dapat menegakkan sistem pendidikan Islam secara 100%. Bahkan dalam apa jua bidang, kalau tidak banyak, sedikit pun kita terperangkap dengan strategi dan perangkap yang dipasang oleh Yahudi dan Nasarni.

Oleh sebab itu Nabi s.a.w. sendiri mengakui ada umatnya, khususnya di akhir zaman, akan terjebak dengan perangkap Yahudi dan Nasrani. Sabda Nabi s.a.w., maksudnya; *"Di akhir zaman nanti, sesungguhnya kamu (umat Islam) akan ikut jalan-jalan mereka yang dahulu sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta, sehingga sekiranya mereka masuk ke lubang biawak sekalipun nescaya kamu ikut mereka! Sahabat ada yang bertanya: 'Ya Rasulullah, adakah Engkau maksudkan itu Yahudi dan Nasrani?'. Jawab Nabi s.a.w.: 'Siapa lagi!' (Ertinya tentulah Yahudi dan Nasrani) -(Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim hadis dari Abi Said Al-Khudri).*

Dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Tidak akan terjadi kiamat sehingga umatku mengikuti (umat) abad-abad yang sebelum mereka. Rasulullah s.a.w. ditanya: Wahai Rasulullah, apakah seperti Rom dan Parsi? Beliau s.a.w. bersabda: Tidak ada manusia lain selain mereka (ertinya Rom dan Parsi)."* (Riwayat Bukhari dari Abu Hurairah)

Rom dan Parsi adalah dua negara raksasa, di mana kaum Rom adalah beragama Nasrani sedangkan kaum Parsi (Iran) di

antara mereka terdapat kaum Yahudi, sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Karmany ketika mensyarahkan hadis ini. (Lihat: Fathul Baari, Juz. 13, hal. 301).

Apa yang dikhabarkan oleh Nabi s.a.w. ini telah terbukti dengan sempurna di mana umat Islam telah benar-benar mengikuti bangsa-bangsa tersebut secara buta tuli dalam segala sesuatu; dalam adat atau tradisi daripada upacara hari-hari kebesaran serta dalam cara pemerintahan dan perundangan.

Bahkan Negara Iran yang bermazhab Syiah yang walaupun mereka sangat membenci Amerika (yang berbangsa Rom), akan tetapi kaum Syiah itu mengikuti jalan hidup mereka (Amerika) dalam banyak hal seperti: Sistem pemerintahan, di mana seorang presiden Iran akan berada puncak pemerintahan selama 4 tahun dan dia tidak boleh menambah masa pemerintahannya kecuali melalui pemilihan umum.

Dalam hadis lain lagi, riwayat Imam At-Tabrani dari ‘Auf bin Malik bahawa suatu ketika Jibril ‘Alaihissalam turun bertemu dengan Nabi s.a.w menyampaikan wahyu, ketika itu ‘Auf bin Malik ada di sisi Nabi s.a.w. Setelah selesai menerima wahyu, Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya; *“Jibril datang memeriksa perkara agama kamu. Demi sesungguhnya, kamu (umat aku) nanti akan datang masanya (di akhir zaman) akan betul-betul dan bersungguh-sungguh mengikut cara hidup umat-umat dahulu sebelum kamu (Yahudi dan Nasrani) seperti sepasang sepatu (ertinya sama) dan kamu membuat sama seperti mereka berbuat, jika sejangkal mereka berbuat, kamu akan ikut sejangkal. Jika sehasta mereka berbuat, kamu pun ikut sehasta juga. Jika sedepa, maka sedepa juga kamu berbuat. Sehingga jika mereka masuk ke dalam lubang Dhob (biawak pasir) yang sempit pun kamu akan ikut masuk juga.”*

Dalam hadis riwayat Al-Bazar, Al-Hakim dari Ibnu Abbas, terdapat tambah; *“...sehingga mereka bersetubuh dengan ibu mereka pun kamu akan ikut berbuat begitu...”*

Dalam hadis riwayat At-Tabrani dari Ibnu Mas'ud, terdapat tambahan lagi; *"...kamu akan ikut jejak langkah orang Yahudi dan Nasrani sehingga mereka lalu melewati sekumpulan wanita, ada salah seorang daripada mereka pergi bersetubuhi (berzina) dengan perempuan itu, maka kamu nantinya akan ikut berbuat semacam mereka berbuat itu..."*

Sebuah hadis lagi yang dipetik oleh penyusun kitab Al-Bida', hadis riwayat Al-Hakim dari Huzaifat ibni Al-Yaman, terdapat tambahan lagi; *"...demi kamu akan ikut jejak langkah Yahudi dan Nasrai...sehingga mereka makan tahi pun kamu ikut makan juga. Demi Allah, sesungguhnya perkara itu akan benar-benar terjadi pada umat aku akhir zaman."*

Hadis lain lagi riwayat Imam Ahmad dari Sahal bin Said Al-Ansari bahawa Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Demi diriku dalam kekuasaan-Nya (Allah), nanti kamu (umat aku) akan mengikut jalan umat-umat dahulu daripada kamu (Yahudi dan Nasrani) sehingga apa sahaja mereka buat kamu akan ikut berbuat"*.

Jadi berdasarkan keterangan hadis di atas, dapatlah kita faham bahawa umat Islam akan ikut jejak langkah dan perangai orang bukan Islam, khususnya Yahudi dan Nasrani satu demi satu tanpa usul periksa dan tanpa berfikir panjang sehingga mereka;

1. Masuk lubang biawa.
2. Berzina dengan ibu.
3. Berzina dengan perempuan di tepi jalan (pelacur),
4. Makan tahi. Semuanya, bahkan lebih daripada itupun diikuti oleh umat Islam.

Empat perkara tamsilan itu, jika difikirkan secara rasional, ialah suatu yang tidak menasabah dilakukan oleh

umat Islam. Tetapi jika perkara itu pun disebut oleh Nabi s.a.w. maka ia akan diikuti oleh umat Islam, apatah lagi perkara lain.

Banyak lagi perkara yang menyusahkan diri sendiri lebih daripada masuk ke dalam lubang biawah yang kecil dan perkara buruk melebihi berzina dengan ibu dan makan tahi yang busuk pun dilakukan oleh umat Islam sekarang ini.

Contohnya, perkara yang lebih haram dan kotor daripada tahi pun umat Islam makan dan minum. Seperti arak, dadah, rokok, riba dan lain-lain yang disebut di dalam al-Quran dan hadis sebagai perkara kotor, tapi umat Islam makan dan minum juga. Contoh lain, kenapa Nabi s.a.w. menyebut berzina dengan ibu, pun umat Islam akan ikut.

Buktinya, sekarang ini berlaku dalam istilah “sumbang muhrin”, betapa bapa rogol anak sendiri, abang rogol adik perempuan sendiri. Bukan anak besar, anak kecil 7 hingga 10 tahun pun dilakukannya. Bukankah itu lebih dahsyat lagi. Binatang pun tidak lakukan perbuatan itu. Tapi, manusia, khususnya orang Islam sanggup melakukannya.

Sejauh mana kita telah mengikut Yahudi dan Nasrani?

Selanjutnya, bagi membuktikan akan kebenaran Rasulullah s.a.w. mari kita tinjau dalam kehidupan seharian kita sejauh manakah kita telah ikut jejak langkah Yahudi dan Nasrani.

1. Dalam bidang agama:

- a). Kita telah menerima pendapat, sistem dan teori orientalis di dalam pengajian-pengajian Islam.
- b). Kita telah serapkan konsep liberal dan kompromi dengan agama lain dalam agama kita. Daripada ilmu

hinggalah dalam pengamalan hidup harian, kita telah campuradukkan dengan sistem agama lain, khususnya agama Yahudi dan Kristian. Sehingga hukum-hakam menjadi berubah atau liberal.

- c). Masjid dihias berlebihan sehingga melibatkan belanja mahal. Sedangkan orang yang bersembahyang sedikit.
- d). Berlakunya kasta-kasta di dalam masjid. Para pembesar diletakkan di tempat khusus. Ini telah berlaku di Makkah sendiri. Tempat sembahyang kerabat diraja Saudi dikhaskan.
- e). Dilakukan doa-doa di majlis-majlis yang karut yang terdapat unsur-unsur maksiat.

2. Di bidang adat resam dan pergaulan:

- a). Pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan menjadi amalan dan budaya kita.
- b). Menerima model-model pakaian wanita yang mendedahkan aurat.
- c). Mengadakan majlis kenduri-kendara dengan iringi bunyi-bunyian muzik yang diharamkan Islam.
- d). Meniru upacara-upacara seperti upacara menyambut hari jadi; meniup lilin, potong kek dan sebagainya.
- e). Mengadakan penyambut tetamu dan pelayan-pelayan wanita di majlis-majlis, termasuk majlis agama.
- f). Memberi hak kepada perempuan sama dengan lelaki tanpa sebarang kecuali, sehingga menyalahi syariat.

- g). Budaya mempamirkan hadiah dan bantuan kebajikan.

3. Di bidang rumah tangga:

- a). Rumah tangga tidak lagi berwajah seperti rumah tangga orang Islam.
- b). Berlebih-lebihan menghiasi rumah dengan pelbagai perabot.
- c). Menghias dinding-dinding rumah dengan gambar-gambar wanita dan gambar makhluk bernyawa.
- d). Meletakkan patung-patung di dalam dan di luar rumah.
- e). Memasang alat-alat hiburan di dalam rumah seperti TV, Vedio, VCD, saluran TV antarabangsa sehingga rumah bagai panggung wayang. Sedangkan alat-alat tersebutlah sebagai saluran yang diperalatkan oleh Yahudi dan Nasrani untuk merosakkan akal, jiwa serta iman dan akhlak umat Islam.

4. Di bidang pendidikan:

- a). Berlumba-lumba menuntut ilmu keduniaan semata-mata dengan mengenepikan pelajaran agama. Kerana mengejar nilai ekonomi dan peluang kehidupan di dunia, serta ada peluang untuk mendapat pangkat dan kedudukan dalam masyarakat.
- b). Menuntut ilmu (walaupun ilmu agama) kerana tujuan dunia dan kemegahan. Kerana budaya sijil dan ijazah menjadi kebanggaan zaman ini.

5. Di bidang kenegaraan:

- a). Menerima fahaman demokrasi, nasionalis, sosialis dan dalam urusan politik dan lain-lain urusan kehidupan harian (sedangkan Islam sudah pun lengkap).
- b). Menolak pula undang-undang Islam. Sepertimana negara-negara Barat menolak undang-undang gereja. Kalau pun dilaksanakan undang-undang atas nama Islam, tapi bercampur pula (diolah) dengan adat dan isti'adat bangsa dan suku tempatan.
- b). Memuja pembesar-pembesar negara lebih daripada memuji Allah dan Rasul. Mengagung ahli maksiat melebihi ulamak dan ahli agama.
- c). Membina tugu-tugu dan patung-patung pembesar negara sebagai menghormatinya.
- d). Mengadakan perayaan-perayaan negara yang bercampur dengan unsur khurafat dan membazir.
- e). Mengiring jenazah dengan bunyi-bunyian.
- f). Mengadakan gelaran-gelaran kebesaran.

Banyak lagi cara hidup orang barat dan bukan Islam menjadi amalan harian umat Islam yang boleh kita lihat di hadapan mata kita. Perkara itu dilakukan sama ada secara sadar atau tidak sadar.

Apabila kita melihat keadaan itu, kita perlu mengambil langkah memberi kefahaman kepada golongan terbabit, secara mengadakan program menanam iman dan ilmu serta mendidik mereka dengan contoh dan teladan yang baik dalam semua

segi. Hanya dengan cara demikian akan membina kembali keyakinan mereka kepada Islam, dan dapat dibendung pengaruh cara hidup Yahudi dan Nasrani daripada menjalar masuk ke dalam kehidupan harian umat Islam.

27. Muncul golongan pejuang yang mencampurkan uslub dan matlamat perjuangan dengan hak dan batil

Dari Abu Huzaifah Al-Yamani r.a. berkata bahawa suatu hari ada seorang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang hal-hal kebaikan. Tetapi sebaliknya aku bertanya tentang hal-hal kejahatan. Kerana aku khuatir kejahatan itu akan mengenai aku, sekiranya aku tidak kenal kejahatan itu. Kepada Rasulullah s.a.w. aku telah bertanya; *"Ya Rasulullah, sesungguhnya kami ini asalnya jahil dan jahat (sesat), lantas Allah hidayahkan kepada kami (iman dan Islam). Maka apakah sesudah kebaikan (setelah kami diberi Iman dan Islam) ada (akan datang) lagi kejahatan?"* Jawab Rasulullah s.a.w: *"Ya, ada!"* Aku bertanya lagi: *"Apakah sesudah kejahatan itu ada pula (Lagi) kebaikan?"* Jawab Rasulullah s.a.w.: *"Ya, ada, tetapi di dalam kebaikan itu masih ada (bercampur) lagi kekeruhan."* Aku bertanya lagi: *"Apakah kekeruhan itu?"* Terang Rasulullah s.a.w.: *"Iaitu orang (Islam) yang mengamalkan selain daripada sunnah aku dan mengikut petunjuk (jalan) yang lain daripada yang aku tunjukkan (petunjuk Nabi s.a.w.). Kalau engkau temui mereka, hendaklah engkau engkari dan jauhi."* Aku bertanya lagi: *"Apakah sesudah kebaikan itu ada lagi kejahatan?"* Jawab Rasulullah s.a.w.; *"Ya ada, iaitu para penyeru yang berada di atas pintu-pintu neraka Jahannam dan barangsiapa yang menyahut seruan mereka, mereka mencampakkannya (mengajak masuk) ke dalam Neraka."* Aku kemudian meminta Rasulullah s.a.w. terangkan sifat-sifat mereka: *"Ya Rasulullah, tunjukkan sifat-sifat mereka itu?"* Jawab Rasulullah s.a.w.: *"Mereka sebangsa dan sebahasa dengan kami"* Aku meminta pandangan Rasulullah s.a.w.: *"Ya Rasulullah, nasihatilah kepada aku bagaimana kalau aku berhadapan dengan mereka dan aapakah yang aku patut lakukan?"* Sabda Rasulullah s.a.w.: *"Hendaklah kamu tetap berada di dalam jemaah kaum Muslimin dan mentaati imam (kepimpinan) mereka."* Tanya Abu

Huzaifah lagi: *“Kalau tidak ada jemaah dan tidak ada pemimpin?”* Dengan tegas Nabi s.a.w. menjawab: *“Hendaklah kamu keluar menjauhi (mengasingkan) diri daripada golongan itu semuanya, walaupun kamu terpaksa menggigit (makan) kayu sehinggalah kamu mati. Kamu mesti tetap demikian (menjauhkan diri dan tidak mengikuti mereka).”*

Hadis di atas, Nabi s.a.w. menggambarkan bahawa akan datang, menjelang kiamat akan muncul dua golongan yang boleh menyesatkan orang yang beriman:

1. Golongan pertama ialah mereka yang mengakui beragama Islam, tetapi tidak mengamalkan perintah al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w. Mereka terdiri daripada orang munafik dan fasiq, yang melakukan maksiat dan kejahatan secara terang-terang dan berusaha untuk menghapuskan sunnah.

2. Golongan kedua ialah orang Islam mempunyai rupabentuk dan sifat-sifat Islam. Bercakap tentang Islam. Tetapi Islam yang mereka perkatakan ialah Islam yang bercampur aduk dengan pelbagai ideologi dan adat istiadat yang sesat atau Islam yang diperkatakan ialah Islam yang dipetik-petik dari sudut-sudut tertentu untuk kepentingan peribadi atau kepentingan duniawi tertentu serta Islam yang dipisahkan daripada roh akidah dan akhlak.

Dua golongan itu merupakan fitnah kepada orang yang beriman semasa akhir zaman kelak. Untuk menyelamatkan diri daripada fitnah itu, Rasulullah s.a.w. menasihatkan supaya mencari dan hidup di dalam jemaah Islamiah serta mentaati pemimpinnya. Kalau tidak ada jemaah dan tidak ada pemimpin yang benar-benar berjuang menengakkan sunnah dan mengikuti jejak langkah Rasulullah s.a.w., maka ketika itu Nabi s.a.w. menasihatkan supaya beruzlah atau menjauhi diri daripada golongan tersebut.

28. Timbul pejuang yang menyuarakan perjuangan mereka dengan cara demonstrasi

Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya; *“Akan muncul nanti tiga perkara (buruk) sebagai tanda hampir kiamat; 1). Tempat makmur (mesjid) telah lengang dan tempat lengang (pasar dan tempat hiburan) telah makmur (dikunjungi ramai). 2). Orang berjuang dan berjihad secara tunjuk perasaan (demonstrasi). 3). Seorang menggesel amanah seperti unta menggesel badannya di pokok kayu.”* (Riwayat At-Tabrani dalam Al-Kabir).

Hadis di atas menerangkan bahawa pada akhir zaman nanti timbul di kalangan umat Islam mereka yang berjuang bagi menyatakan dan menzahirkan tuntutan dan tentangan terhadap pihak tertentu melalui cara demonstrasi atau tunjuk perasaan.

Ketika mengulas hadis permulaan di atas, ‘Allaamah Mufti Brunei dalam kumpulan fatwanya bilangan 30, halaman 164 membuat komentar, katanya; *“Salah satu perkara yang timbul sekarang ini di kalangan orang Islam ialah mereka mengikut cara orang Eropah atau cara orang Barat, iaitu mereka berarak di jalanan dengan meninggikan suara dan menjerit-jerit menzahirkan tuntutan mereka, dengan berikhtiqad bahawa cara itu adalah suatu jihad. Sedangkan Nabi s.a.w. telah mengkhabarkan bahawa perbuatan berjuang cara berarak di jalanan dan memekik-mekik itu sebagai mengikut cara orang-orang jahiliah yang bukan Islam”*.

Sabda Nabi s.a.w., maksudnya; *“Sesungguhnya Allah benci kepada orang yang keji dan membuat perkara keji dan menjerit-jerit di jalanan”*-(Riwayat Ibnu Abi Dunya dari Jabir).

Jadi, daripada keterangan di atas jelaslah bahawa *trend* umat Islam berjuang cara berdemonstrasi adalah isyarat dari

Rasulullah s.a.w. bahawa ia sebagai salah satu tanda bahawa dunia telah hampir kiamat.

29. Banyak timbul kesaksian palsu dan lenyap kesaksian yang sebenar

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesungguhnya pada pintu gerbang kiamat akan muncul (meluas) pengucapan salam hanya terhadap orang yang khusus saja, berkembangnya perniagaan, keputusan silaturrahim, saksi palsu (azzur) dan penyembunyian kesaksian sebenar, banyak (tersebar)nya pena.”* (Musnad Imam Ahmad 5: 333-334 dengan Syarah Ahmad Syakir dan Isnadnya adalah soheh).

Kalimah “Azzur” dalam hadis di atas adalah bererti: “Segala sesuatu kebohongan, kedustaan, kesesatan dan lawan dari hakikat yang sebenarnya, baik dalam perkataan mahupun dalam perbuatan, dan ia adalah termasuk dosa besar.”

Apabila “Azzur” ini mengheret kepada kezaliman dan perampasan hak-hak manusia dengan pengadilan, maka ia dinamakan dengan “syahadatuzzur” atau kesaksian palsu, yang mana ia adalah termasuk dosa yang paling besar.

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Apakah pernah aku khabarkan kepada kamu tentang dosa-dosa yang paling besar?”* Para sahabat menjawab: *“Benar wahai Rasulullah.”* Beliau berkata: *“Menyekutukan Allah dan derhaka kepada ibu bapa.”* Sedangkan Beliau s.a.w. waktu itu sedang berdiri, maka beliau pun duduk seraya bersabda lagi: *“Dan tentu termasuk di dalamnya perkataan palsu dan kesaksian palsu.”* Beliau s.a.w. terus mengulang-ulang perkataan ini, sehingga kami berkata: *“Harap sekiranya beliau tenang (dan tidak melanjutkan perkataan ini kerana kasihan kepada beliau).”*

Sementara itu pada hadis tersebut Rasulullah s.a.w. juga menyebut tentang *penyembunyian kesaksian sebenar* yang maksudnya tidak sama dengan kesaksian palsu. Kerana setiap kesaksian palsu adalah penyembunyi terhadap kesaksian

benar, tetapi bukanlah setiap orang yang menyembunyikan kesaksian benar adalah orang yang bersaksi dengan kepalsuan, namun kedua-dua perbuatan tersebut tercela.

Seorang saksi yang palsu adalah mencari sesuatu keuntungan di sebalik perbuatannya tersebut, adapun orang yang menyembunyikan kesaksian yang benar kadangkala disebabkan oleh sifat pengecut dan kerapuhan imannya untuk menegakkan kebenaran.

Allah s.w.t. telah melarang menyembunyikan kesaksian yang benar, dengan firman-Nya: *“Dan janganlah kamu menyembunyikan kesaksian dan barangsiapa yang menyembunyikan kesaksian tersebut maka berdosa lah hatinya. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.”* (Surah al-Baqarah: 283).

30. Berkembangnya kegiatan penulisan

Rasulullah s.a.w.bersabda: *“Sesungguhnya pada pintu gerbang kiamat akan muncul...banyak (tersebar nya) pena.”* (Musnad Imam Ahmad 5: 333-334 dengan Syarah Ahmad Syakir dan Isnadnya adalah soheh).

Dalam hadis riwayat An-Nasaie dari Umar bin Taglib bermaksud; *“Sesungguhnya di antara isyarat-isyarat kiamat adalah meluasnya (tersebar luasnya) ilmu.”* (Lihat kitab Sunan An-Nasaie, 7; 244.).

Makna “meluasnya atau tersebar nya pena” seiring dengan “meluasnya ilmu” yang bermaksud meningkatnya kegiatan tulis menulis (penulisan) di mana pada zaman ini “pena” atau kegiatan penulisan berkembang dengan luar biasa, lebih-lebih lagi setelah munculnya mesin percetakan moden, dan banyak sekali orang yang menulis dan membuat kajian tentang pelbagai ilmu. Kita juga dapat lihat di perpustakaan-perpustakaan penuh dengan buku-buku. Bukan sahaja itu, aktiviti penulisan tersebar lebih meluas lagi melalui internet, yang hari ini bila kita menulis dan dengan beberapa saat sahaja

boleh disebarkan keseluruh dunia dan dapat dibaca oleh jutaan pembaca setiap hari.

Semua ini adalah sebagai petanda telah terjadinya apa yang telah dibayangkan oleh Nabi s.a.w. sebagai tanda bahawa kiamat telah dekat.

31. Anak bulan mengembung (besar) dan lihat anak bulan guna teleskop

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Di antara tanda-tanda sudah dekatnya kiamat, terjadi menggembungnya bulan sabit (awal bulan).”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh At-Tabrani berasal dari Ibn Mas’ud dan dalam riwayat At-Thayalisi berasal dari Abu Hurairah. Lihat kitab “Al-Sohehah” oleh Al-Albaani.)

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Di antara tanda kiamat telah dekat adalah bahawa orang akan melihat anak bulan (bulan sabit) seperti sebelumnya (telah membesar), sehingga orang mengatakan bentuk macam dua malam (hari kedua), masjid dijadikan bagai jalan raya dan merebaknya kejadian kematian mendadak (mengejut).”* (Ini hadis hasan menurut At-Thayalisi dari Anas dalam kitab “Al-Sohehah” oleh Al-Albaani.).

Hadis ini merupakan suatu riwayat yang menakjubkan tentang peristiwa-peristiwa yang akan terjadi yang telah dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w. yang mana beliau s.a.w. telah mengkhabarkan bahawa bulan akan mengembung (membesar) pada akhir zaman. Bagi kita yang hidup pada zaman ini, lebih dari itu kita dapat memahami tafsiran dari hadis yang pertama dengan lebih jelas pada hadis yang kedua di atas di mana bulan akan mengelirukan kerja penghisaban ilmu falak dan ia akan muncul sebelum waktu yang sudah dihitungkan oleh ahli ilmu falak.

Hadis seterusnya diriwayatkan oleh At-Tabrani dari Ibnu Mas’ud dalam Al-Kabir bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *“Di antara tanda-tanda hampir kiamat ialah anak bulan besar dan dilihat dengan terang (jelas).”*

Hadis diriwayatkan oleh At-Tabrani dalam As-Soghir dari As-Syu'bi dari Anas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, maksudnya; *"Di antara tanda-tanda kiamat telah dekat ialah dilihat anak bulan menggunakan alat bukan dengan mata biasa sehingga orang mengatakan (besar) macam hari kedua..."*

Kedua-dua hadis terakhir di atas menunjukkan orang hari ini melihat anak bulan dengan menggunakan alat pembesar (teleskop) sehingga dapat melihat anak bulan dengan terang dan besar, macam (sebesar) anak bulan dua haribulan jika dilihat dengan mata biasa. Demikianlah isyarat yang telah diberitahukan oleh Rasulullah s.a.w. dan ia telah berlaku sekarang ini.

32. Masjid hanya dijadikan jalan raya, digambar dan dijadikan hiasan dinding, dibina dengan cantik dan dijadikan tempat berbual urusan dunia

Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Antara tanda kiamat telah dekat adalah bahawa.....masjid dijadikan bagi jalan raya dan merebaknya kejadian kematian mendadak (mengejut)."* (Ini hadis hasan menurut At-Thayalisi dari Anas dalam kitab "As-Sohehah" oleh Al-Albaani.).

Riwayat At-Tabrani dari Ibnu Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. maksudnya: *"Tidak akan berlaku kiamat sehingga masjid-masjid dijadikan (sebagai) jalan raya dan tiada lagi ada orang bersujud di dalamnya..."*

Menurut hadis-hadis di atas, Rasulullah s.a.w. memberi isyarat kepada kita zaman ini bahawa di antara tanda kiamat telah dekat ialah apabila masjid dijadikan jalan raya dan tiada lagi orang sujud di dalamnya.

Para ulamak menafsirkan bahawa masjid dijadikan jalan raya dengan dua maksud. Pertama, masjid hanya dijadikan tempat persinggah dalam perjalanan, semata-mata untuk membuang air dengan kemudahan bilik air yang disediakan di

masjid, tanpa melakukan solat sunat thiyyatul masjid. Kedua, masjid diruntuhkan dijadikan projek jalanraya atau bangunan, kerana kebetulan masjid yang telah sekian lama dibina sejak puluhan tahun lalu terletak di atas tanah yang dicadangkan untuk projek terbabit.

Imam Abu Na'im dalam Haliah meriwayatkan lagi hadis dari Khuzaifah bin Yaman, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *"Di antara tanda-tanda kiamat telah hampir, akan lahir 73 perkara, antaranya ialah mashaf al-Quran dihiaskan, masjid digambarkan, menara masjid ditinggikan ke langit."*

Imam Al-Hakim dalam Tarikh Naisaburi meriwayatkan hadis dari Nafi' dari Ibnu Umar, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *"Akan datang suatu masa...masjid-masjid dibina dengan indah (mahal pula harganya), tetapi kosong daripada hidayah (tidak dijadikan tempat bina ilmu dan bina iman)..."*

Imam Abu Naim dalam Haliah meriwayatkan lagi hadis dari Al-Akmary dari Syaqiq dari Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Akan datang kelak manusia duduk di dalam masjid berkelompok-kelompok (di sudut-sudut masjid) dan berbual hal-hal keduniaan sahaja. Jika kamu lihat mereka, jangan sertai, kerana Allah tidak berhajat kepada mereka."*

Hadis-hadis di atas menceritakan antara 72 perkara tanda-tanda kiamat ialah masjid digambarkan dan dijual gambar dijadikan hiasan, demikian juga dengan al-Quran ditulis dengan khat yang cantik diberikan warna yang cantik semata-mata dijadikan hiasan dinding, bukan untuk bacaan dan amalan. Sementara masjid tidak lagi dijadikan tempat belajar dan mengingati Allah (berzikir dan beribadah), sebaliknya dijadikan tempat berbual hal keduniaan.

Apa yang sebut oleh Rasulullah s.a.w. tentang keadaan masjid sekarang ini telah pun berlaku. Itulah petanda bahawa kiamat telah hampir.

33. Banyaknya kejadian mati secara mendadak

Rasulullah s.a.w. bersabda : *“Di antara tanda kiamat telah dekat adalah bahawa.....dan merebaknya kejadian kematian mendadak (mengejut).”* (Ini hadis hasan menurut At-Thayalisi dari Anas dalam kitab “Al-Sohehah” oleh Al-Albaani.).

Mati mendadak adalah kematian yang terjadi secara tiba-tiba tanpa diawali oleh pendahuluan-pendahuluan seperti sakit, kecelakaan dan sebagainya. Mati mendadak kadangkala merupakan rahmat dari Allah dan boleh jadi merupakan suatu hukuman (balasan) dari-Nya, akan tetapi semua itu hanya diketahui oleh Allah s.w.t.

Sesetengah orang soleh lebih menyukai kematian yang didahului oleh “sakit” sebelum mati, kerana sakit itu merupakan penghapus dosa yang terakhir bagi orang Mukmin. Akan tetapi, apabila dosa sudah terlalu banyak, maka tentu saja penyakit tersebut akan dapat menghapus dosa tersebut, lalu orang yang berdosa itu berkesempatan untuk insaf dan ia segera bertaubat sebelum mati. Itulah hikmah sakit sebelum mati.

Kejadian mati mendadak, jarang-jarang terjadi pada masa lampau, akan tetapi ia bertambah dan berkembang pada zaman kita ini dalam kadar yang tinggi, yang mana ramai orang mati tanpa ada tanda-tanda atau peringatan sebelumnya, sehingga ada yang tidak sempat bertaubat dan tidak sempat berwasiat. Semoga Allah selamatkan kita daripada keadaan serupa itu. Oleh sebab itu, kita hendaklah sentiasa bertaubat dan beristighfar, sekurang-kurangnya 100 kali sehari seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w., kerana kita tidak tahu dan tidak diberitahu oleh Allah bilakah saat kematian kita.

34. Banyak jumlah polis dan pengawal keselamatan

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bersegeralah kamu melakukan amal soleh sebelum datang enam perkara; jadi pemerintah oleh orang jahil, banyaknya jumlah polis (pengawal*

keselamatan), penjual belian hukum (atau jabatan), memandangkan remeh terhadap darah, keputusan silaturrahim, adanya manusia yang menjadikan al-Quran sebagai seruling di mana mereka memajukan salah seorang dari mereka (untuk menjadi imam) agar dia dapat menyanyikannya untuk mereka, walaupun dia adalah orang yang paling sedikit kefaqihannya.” (Riwayat At-Tabrani dan Ahmad).

Polis adalah sudah ada sejak zaman dahulu, akan tetapi jumlah mereka bertambah banyak pada zaman ini. Itu adalah sebagai petanda dan isyarat yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa dunia telah hampir dengan saat kiamat “...*banyaknya jumlah polis (pengawal keselamatan)...*”

35. Penjual belian jabatan atau amanah

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Bersegeralah kamu melakukan amal soleh sebelum datang enam perkara;...penjual belian hukum (atau jabatan)...*”(Diriwayatkan oleh At-Tabrani dan Ahmad).

Penjual belian hukum bererti seseorang menerima atau diterimanya sesuatu jabatan atau kepemimpinan dengan cara rasuah atau sogokan atau dengan sebab adanya hubungan kekerabatan atau nepotisme (makna pertama). Begitu juga halnya dengan para hakim yang menjual hukum atau undang-undang dengan rasuah (makna kedua). Kedua-dua hal tersebut adalah perbuatan hina dan amat tercela sekali. Apa yang menyedihkan ia terjadi pada umat Islam, yang mana sebelum ini sudah diperingatkan oleh Nabi s.a.w. seperti mana hadis tersebut di atas.

36. Darah tidak berharga lagi

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Bersegeralah kamu melakukan amal soleh sebelum datang enam perkara;... memandangkan remeh terhadap darah...*” (Diriwayatkan oleh At-Tabrani dan Ahmad).

Diriwayatkan oleh Al-Hakim dan Al-Mustadrak bahawa Saidina Umar Al-Kahttab berkata (berucap); *“Saya amat takut nanti akan terkena ke atas kamu selepas ketiadaan saya nanti, iaitu akan terjadi nanti seorang lelaki yang tidak berdosa, tiba-tiba ia ditangkap, dicincang dan dilapah bagai unta (dibunuh) tanpa sebab.”* Ada orang berkata; *“Sebab dia dibunuh kerana dituduh derhaka (jahat) padahal ia tidak derhaka.”*

Demikianlah di antara tanda-tanda kiamat banyaknya terjadi peristiwa pertumpahan darah manusia tanpa dosa, dengan sebab yang remeh temeh sahaja atau tanpa ada sebab-sebab lansung yang menghalalkan pertumpahan darah.

37. Al-Quran hanya untuk dilagukan

Sabda Rasulullah s.a.w.: *“Bersegeralah kamu melakukan amal soleh sebelum datang enam perkara;...adanya manusia yang menjadikan al-Quran sebagai seruling di mana mereka memajukan salah seorang dari mereka (untuk menjadi imam) agar dia dapat menyanyikannya untuk mereka, walaupun dia adalah orang yang paling sedikit kefaqihannya.”* (Diriwayatkan oleh Al-Tabrani dan Ahmad).

Hal ini juga merupakan perubahan nilai dan kerosakan pemikiran orang akhir zaman, yang mana mereka akan memajukan orang yang bersuara bagus untuk membacakan al-Quran dan untuk mengimami solat, walaupun orang tersebut adalah orang paling sedikit ilmunya, kurang ahli di bidang hukum-hakam dan sangat banyak kefasikannya. Sedangkan sebagaimana yang kita ketahui dari syariat bahawa Nabi Muhammad s.a.w. memerintahkan agar dimajukan orang yang paling benar bacaannya, yang paling takwa dan paling berilmu untuk dijadikan imam. Tetapi sekarang ini berlaku sebaliknya.

38. Ilmu agama dituntut dari orang yang jahil

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Di antara isyarat kiamat (telah dekat) ialah ilmu akan dituntut dari orang kecil.”* (Lihat Soheh Muslim Syarhun An-Nawawi, Juz. 17, hal. 190.)

Yang dimaksud dengan “orang kecil” dalam hadis ini bukanlah orang yang kecil saiz tubuh badan atau umurnya (muda), akan tetapi adalah orang yang berfatwa dalam masalah-masalah agama yang hanya sesuai dengan pendapat mereka saja, sebagaimana yang tertera dalam hadis Ibn Mubarak, ketika Nabi s.a.w. ditanya: “Siapakah orang kecil tersebut?” Beliau menjawab: *“Iaitu orang yang berkata (berfatwa) yang sesuai dengan pendapatnya saja.”*

Perkara ini sudah terjadi dengan sangat jelas pada zaman kita ini. Permulaan sekali diangkatnya keseluruhan ilmu oleh Allah dengan cara dicabut (dimatikan) para ulama yang *rasikh* (dalam) ilmunya sehingga manusia akan bertanya kepada orang kecil (jahil), maka orang kecil tersebut akan berfatwa kepada mereka tanpa ilmu sesuai dengan keinginan mereka saja dan mereka adalah sesat dan menyesatkan.

Ilmu “orang kecil” berasal dari petikan-petikan (rujukan) ilmu orang lain saja. Tetapi dengan ilmu yang sedikit itu, bila memberi fatwa, dianggapnya oleh orang yang berkepala kecil itu sebagai fatwa dan pendapat yang betul.

Sebab itu, pada akhir zaman ini lahir ramai para khatib (tukang cakap) dan para ulamak (faqih) sangat sedikit, yang mana semua orang ikut berfatwa dalam hal agama Allah, lalu berlaku musibah yang terbesar terhadap orang yang bertanya kepada mereka, sehingga wujud fahaman dan amalan yang berbeza-beza antara sesama Islam, akibatnya timbul perpecahan dan pertelagahan. Sedangkan semuanya datang dari sumber yang satu, iaitu dari al-Quran dan hadis, yang diberi penafsiran yang berbeza mengikut ilmu “orang kecil” itu.

39. Mewarna rambut dengan warna hitam

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan ada suatu kaum di akhir zaman nanti yang mewarnai rambut dengan warna hitam seperti bulu merpati...”* (Riwayat Abu Daud dan An-Nasaie).

Maksud “mewarnai rambut” ialah merubah warna rambut dengan alat-alat kosmetik atau dengan pencelup dan sebagainya. Nabi s.a.w. telah melarang merubah warna rambut dengan warna hitam sebagaimana yang beliau sabdakan: *“Silakan ubah warna uban ini akan tetapi jauhilah warna hitam.”* (Riwayatkan Bukhari, Muslim dan lainnya).

Imam Tirmizi, An-Nasai, Abu Daud, Ahmad dan Ibnu Hibban meriwayatkan hadis dari Abu Zar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Sebaik-baiknya kamu mengubah (mewarnakan) uban (kamu yang putih) ini dengan inai dan katam.”* Inai berwarna merah, sementara katam berwarna hitam kemerah-merahan (*chestnut* atau *brown*).

Anas bin Malik meriwayatkan bahawa Saidina Abu Bakar mewarnakan rambutnya dengan inai dan katam, sedangkan Saidina Umar dengan inai.

Berdasarkan hadis dan athar di atas, para ulamak berbezaan pendapat mengenai mewarna rambut dengan warna hitam, ada yang melarang dan ada mengharuskan.

Az-Zuhri berpendapat bahawa dibolehkan mewarnakan rambut dengan warna hitam bagi orang yang wajahnya masih kelihatan muda, tetapi jika wajahnya berkedut dan giginya sudah bergoyang, hendaklah meninggalkan warna hitam.

Ada pula sesetengah ulamak membolehkan secara mutlak mewarnakan rambut dengan warna hitam, tetapi mestilah dengan bahan-bahan yang diyakini halal, suci dan tidak menghalang air. Jika mewarnakan rambut dengan bahan yang haram atau najis atau yang menghalang air, tentu solat atau mandi hadasnya tidak sah. Maka diharamkan, bukan kerana warnanya, tetapi kerana bahannya yang tidak bersih dan menghalang air.

Pengajaran daripada hadis di atas ialah perbuatan mewarnakan rambut yang berleluasa dilakukan akhir-akhir ini ialah sebagai petanda dan isyarat bahawa kiamat telah hampir.

40. Lahir segolongan orang bercita-cita untuk mati

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan berdiri kiamat sehingga apabila seorang lelaki melalui kubur seorang lelaki, maka dia akan berkata: ‘Aduhai betapa baiknya seandainya aku berada di tempatnya.’”* (Riwayat Bukhari dari Abu Hurairah dan Muslim serta Ahmad).

Dalam hadis riwayat Muslim pula terdapat riwayat yang menjelaskan keadaan para pencinta dunia yang menginginkan kematian. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Dan dia berkata; ‘Aduhai betapa baiknya sekiranya saya berada pada tempat penghuni kubur ini’. Sedangkan (cita-cita kematiannya) tidak kerana agama, kecuali kerana bimbang akan bencana (itu).”*

Hasrat ingin mati segera terjadi ketika munculnya fitnah-fitnah, bencana, krisis ekonomi, ketika kepentingan duniawi tergugat, barang-barang keperluan hidup menjadi mahal dan lain-lain. Ketika itu para pencinta dunia akan berasa lebih baik mati agar dia terhindar diri dari azab duniawi ini. Sedangkan seorang Mukmin bercita-cita untuk mati kerana takut kepada kehilangan dan terancam agama dan imannya, ketika dia melihat tersebar luasnya kebatilan dan kemaksiatan dan kemungkaran, lebih-lebih lagi dia sudah yakin dengan apa yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa di akhir zaman ini akan terjadi seseorang yang beriman pada pagi hari akan menjadi kafir pada malam hari atau dia beriman pada malam hari dan kafir pada pagi hari.

Hal di atas telah terjadi dengan jelas pada zaman kita ini, yang mana orang yang mempunyai kecintaan kepada agama menginginkan mati kerana takut akan kehilangan agamanya. Sedangkan para pencinta dunia ingin lari dari kesusahan hidup yang dihadapinya. Sedangkan Nabi Muhammad s.a.w. telah melarang kita berangang-angan untuk mati kerana kesusahan dan kesedihan yang menimpanya. Sabda baginda s.a.w.: *“Janganlah sekali-kali salah seorang di antara kamu bercita-cita untuk mati kerana kesusahan yang menimpa, dan apabila*

dia terdesak untuk melakukan itu, maka hendaklah dia berkata: Ya Allah hiduskanlah aku sekiranya hidup itu lebih baik bagiku dan matikanlah aku sekiranya kematian itu lebih baik bagiku." (Diriwayatkan oleh Bukhari dari Anas dan diriwayatkan juga oleh Muslim).

Adapun cita-cita orang soleh untuk mati disebabkan oleh khuatir akan kehilangan agamanya, maka hal ini tidak termasuk dalam larangan di atas. Namun, hasrat itu hendaklah dipohon kepada Allah secara berakhlak. Sebab hidup dan mati serta nasib dan keadaan seseorang hamba Allah (amnya semua makhluk) di atas muka bumi ini dan juga di akhirat kelak semuanya ditentukan oleh Allah. Selaku hamba Allah, kita cuma berhak memohon harapan kepada Allah, hakikatnya Allah yang membuat pilihan di atas segala-galanya. Pilihan Allah-lah yang paling tepat dan paling baik, wajib kita pasrah kepada-Nya.

41. Berlaku perkara-perkara ganjil dan luar biasa

Sebuah hadis riwayat Imam Nu'aim bin Hammad dalam kitab "Al Fattan", Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Tidak akan berlaku kiamat sehingga kamu melihat perkara-perkara besar dan pelik yang kamu tidak pernah melihat dan perkatakannya sebelum ini."*

Dalam hadis lain riwayat Al-Bazar Nabi s.a.w. menambahkan dengan nasihatkan agar jika tiba masa lahirnya perkara-perkara pelik yang tidak pernah dilihat hendaklah; *"...banyak ingatkan Allah kerana perkara pelik itu berlaku menandakan tanda-tanda awal bahawa kiamat telah dekat akan terjadi."*

Dalam hadis selanjutnya diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Samurah dari Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; *"Tiada akan berlaku kiamat sehingga berlaku perkara-perkara pelik dan luar biasa yang melibatkan diri kamu, sehingga kamu bertanya sesama sendiri, apakah perkara seperti itu pernah disebut oleh Rasulullah s.a.w. dahulunya?."*

Perkara-perkara pelik dan luar biasa yang melibatkan diri kita, ada pelbagai macam, iaitu daripada persoalan diri, keluarga, masyarakat, pendidikan, ekonomi, negara dan alam sejagat yang boleh ditafsirkan dengan pelbagai bentuk dan rupa.

Perkara pelik ini bukan yang sepertimana kita alami dan lihat, seperti silap mata atau *black magic*, tetapi maksud perkara pelik menurut hadis di atas ialah “*perkara dan peristiwa yang tidak pernah kita alami atau yang tidak pernah kita dengar atau tidak pernah kita perkatakan*” sebelum ini, perkara dan peristiwa itu yang tidak boleh kita fikirkan atau yang tidak pernah pun terfikir bahawa ia boleh berlaku. Bila ia berlaku, sehingga ia kita rasakan bagai sesuatu yang tidak sepatut dan tidak manasabah berlaku.

Contoh yang paling terdekat ialah apa yang berlaku dalam keluarga dan masyarakat kita yang sebelum ini tidak pernah berlaku, seperti anak-anak degil, anak-anak derhaka ibu bapa, berlaku sumbang muhran, buang anak dan lain-lain.

Contoh lain perkara-perkara pelik yang boleh kita lihat dan baca dalam TV dan akhbar, yang kadang-kadang akal kita tidak boleh terima ia boleh berlaku. Perkara itu hendaklah kita sentiasa renung. Jika kita dapati dan temuinya, maka Rasulullah s.a.w. nasihatkan agar kita banyak mengingati Allah, kerana perkara pelik itu sebagai salah satu tanda bahawa kiamat telah dekat. Maksud mengingati Allah ialah banyak beramal untuk bekalan hari akhirat kelak.

42. Muncul pelbagai kenderaan moden dan kenderaan tradisional dikumpul di dalam zoo

Firman Allah dalam al-Quran, maksudnya: “*Dan suatu tanda (kebesaran Allah yang besar) bagi mereka adalah bahwa Kami angkut keturunan mereka dalam bahtera (kapal laut) yang penuh dengan muatan, dan Kami ciptakan (jadikan pula) untuk mereka kenderaan yang akan mereka kendarai seperti bahtera itu (yang terdiri daripada binatang-binatang*

tunggangan, dan alat-alat pengangkutan umumnya, seperti kereta, kapal terbang dan lain-lain)." (Surah Yasin ayat 41-42).

Adapun maksud "*kenderaan yang akan mereka kendarai seperti bahtera (kapal) itu...*" ialah kenderaan pengangkutan barang-barang seperti lori, keretapi, trak, bas, LRT, komuter dan lain-lain.

Firman Allah, surah An-Nahl ayat 8, maksudnya; "*...dan Dia telah menciptakan) kuda, baghal (kacukan kuda dengan keldai), dan keldai, agar kamu menungganginya dan (menjadikannya) perhiasan. Dan Allah (akan) menciptakan (kenderaan) yang kamu tidak mengetahuinya.*"

Firman Allah, surah At-Takwir ayat 4, maksudnya; "*...dan apabila unta-unta yang bunting (sepuluh bulan) dibiarkan (tidak diperdulikan dan tidak lagi dijadikan kenderaan pengangkutan) dan apabila binatang-binatang liar dikumpulkan...*"

Menurut Imam Tha'lab dan lain-lain ulamak bahasa, bahawa maksud unta "dibiarkan" ialah kenderaan unta tidak lagi digunakan sebagai pengangkutan, kerana telah ada kenderaan-kenderaan baru dan moden seperti lori, bas, keretapi, kapal terbang dan lain-lain.

Ayat-ayat di atas ini memberi isyarat bahawa Allah akan wujudkan pelbagai kenderaan-kenderaan lain selain kenderaan-kenderaan tradisional (kuda, baghal, unta, keldai dan sebagainya). Bahkan lebih jelas lagi kebenarannya pada zaman ini yang dapat kita saksikan di hadapan mata kita, yang mana kenderaan-kenderaan tradisional tersebut telah dibiarkan dan digantikan dengan kenderaan-kenderaan moden. Sebaliknya kenderaan-kenderaan tradisional (binatang-binatang) tersebut "dikumpulkan" di dalam taman binatang atau zoo.

Menurut Allamah, Mufti Brunei Darussalam, dalam kumpulan fatwanya bilangan 30 muka surat 21, menjelaskan

tentang kebenaran ayat 4 surah At-Takwir di atas, katanya; “Ketika tahun 1927, perjalanan di antara Makkah dan Jeddah, Arafah dan Mina, jarang sekali terdapat kenderaan motokar, bas atau lain-lain kenderaan moden yang menggunakan minyak, hanya yang kelihatan ialah kenderaan unta sahaja. Tetapi sejak tahun 1968 tiada lagi kelihatan kenderaan unta, sebaliknya dalam perjalanan itu dipenuhi pula oleh kenderaan pengangkutan awam seperti lori, bas dan motokar.”

43. Muncul kenderaan dan rumah untuk syaitan

Dari Abu Hurairah telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Akan muncul unta-unta untuk syaitan-syaitan dan rumah-rumah untuk syaitan-syaitan. Adapun tentang unta untuk syaitan, aku (Abu Hurairah) sudah melihatnya di mana salah seorang kamu ada yang bermusafir dengan (dua atau lebih) kenderaan (unta) pendampingnya (kenderaan yang satu lagi) yang telah dipasangkan pelananya (tapi kosong tanpa penumpang), maka semasa unta-unta tersebut melewati (melalui) seseorang yang telah terputus perjalanannya (terkandas dan tidak mampu lagi melanjutkan perjalanannya), dia tidak menumpangkannya (di atas kenderaannya yang kosong tersebut). Adapun rumah-rumah untuk syaitan-syaitan, aku belum menyaksikannya.”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh Abu Daud dari Abu Hurairah).

Maksud unta-unta untuk syaitan dalam hadis ini telah dijelaskan bahawa yang dimaksudkan ialah, seorang laki-laki mengendarai untanya dan di sampingnya ada lagi seekor unta miliknya yang tidak dikendarainya dan tidak pula dia gunakan untuk menolong (menumpangkan orang yang sedang memerlukan), akan tetapi kenderaan itu sekadar dibawanya saja sedangkan dia telah menyiapkan unta tersebut dengan tempat duduk, kemudian dia melewati seorang saudaranya yang terputus perjalanannya (tidak mampu melanjutkan perjalanannya) sedangkan saudaranya itu tidak mempunyai kenderaan, tetapi tidak ditumpangnya, sebaliknya dibiarkan kenderaan tersebut berjalan dengan kosong tanpa penumpang.

Abu Hurairah mengatakan, bahawa hal itu telah terjadi dan dia telah menyaksikan kenderaan untuk syaitan pada zamannya, sedangkan hal yang serupa sudah pun berlaku pada zaman kita ini, yang mana seseorang yang memandu kenderaannya untuk ke sesuatu tujuan seorang diri sahaja, tanpa membawa penumpang lain, sama ada jiran atau penduduk sekampung dengannya, yang kelihatan sedang menunggu kenderaan di tepian jalan, walaupun sesetengahnya ada yang cuba melambai-lambai menahannya, tetapi tidak diberhentikan.

Khususnya di kawasan bandar, ramai yang pergi ke pejabat atau ke tempat kerja memandu kereta bersendirian, sedangkan keretanya boleh lagi mengisi sekurang-kurangnya dua atau tiga orang, tetapi tidak diisinya, hatta isterinya pun tidak ditumpangkan, ia lebih rela membeli sebuah lagi kenderaan untuk isterinya berulang-alik ke tempat kerja.

Kalau berdasarkan keterangan hadis di atas, dapatlah kita faham bahawa mana-mana kenderaan yang lebih sama ada kenderaan atau tempat duduknya, yang tidak dimanfaatkan untuk orang lain yang memerlukan, maka yang lebih itu dianggap sebagai “kenderaan untuk syaitan”. Maksudnya kenderaan atau tempat duduk yang lebih itu jika tidak dimanfaatkan dianggap membazir. Orang membazir ialah saudara kepada syaitan.

Demikian juga dengan maksud “rumah-rumah syaitan” ialah rumah-rumah yang dibeli atau dibina oleh para pemiliknya bukan untuk dihuninya, akan tetapi untuk dibiarkan sebagai simpanan untuk anak-anak mereka sehingga mereka dewasa atau sengaja disimpan semata-mata sebagai asset (harta). Lalu tidak diberikan atau di sewa kepada orang lain yang memerlukan rumah, bahkan mereka lebih rela membiarkan rumah tersebut kosong tanpa penghuni dalam waktu yang sangat lama.

Tanda-tanda ini, sebagaimana yang disebut oleh Abu Hurairah, bahawa ia belum melihatnya (pada zamannya), akan tetapi kita yang hidup pada zaman ini, mengatakan bahawa

kita sudah melihatnya dengan mata kepala kita, di mana banyak sekali rumah-rumah pada zaman ini tidak dihuni oleh manusia yang selayaknya, sebaliknya dihuni oleh syaitan-syaitan, kerana dibiarkan kosong. Bahkan, ramai mereka yang mempunyai wang yang banyak, berebut-rebut membeli rumah sebaik sahaja ada projek perumahan dibangunkan, hanya bertujuan menjadikannya sebagai harta simpanan, tanpa dimanfaatkan kepada golongan yang memerlukan rumah. Kalau adapun diberi sewa dengan harga yang tinggi dengan dikenakan syarat perjanjian, harga sewaan yang akan dinaikkan setiap tahun demi tahun, tujuannya hanya untuk mencari keuntungan lebih.

Ada pula sesetengah orang sengaja membeli rumah di tempat-tempat peranginan semata-mata untuk dihuninya ketika-ketika tertentu sahaja, sama ada pada hujung minggu atau ketika percutian hujung tahun bertujuan untuk berehat sahaja. Selain daripada waktu-waktu tersebut rumah itu tidak dihuninya, dibiarkan kosong.

Islam amat melarang seseorang Muslim mengumpulkan harta yang tidak digunakan atau lebihan daripada yang diperlukan, dan dilarang membangun apa-apa bangunan (kediaman) yang tidak akan dihuni dan juga dilarang membeli apa-apa yang tidak dipakai, kerana semua ini adalah perbuatan membazir dan keterlaluan. Kerana sesuatu (lebihan) yang kita miliki di luar keperluan atau yang tidak digunakan untuk manfaat diri dan keluarga, sama ada kenderaan, kediaman, pakaian, makan dan minum dan lain-lain, maka sesuatu (harta) itu dianggap membazir. Orang membazir ialah saudara syaitan.

Firman Allah surah Al-Isra' (17): 27, maksudnya: *"Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah saudara kepada syaitan."*

Oleh itu, layaklah segala kenderaan atau rumah yang terbiar atau berlebihan itu dianggap sebagai "kenderaan-kenderaan syaitan" atau "rumah-rumah syaitan" oleh Rasulullah s.a.w. Kerana ia suatu pembaziran. Kelak di akhirat semuanya akan dipersoalkan.

Namun, apa yang tersirat di sebalik isyarat yang dibayangkan dalam al-Quran, hadis dan athar di atas ialah dengan munculnya kenderaan-kenderaan dan rumah-rumah yang dikatakan sebagai “rumah-rumah syaitan dan kenderaan-kenderaan syaitan”, nyatalah ia sebagai petanda bahawa kiamat telah hampir.

44. Muncul cara hidup mewah dan boros

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Demi Allah, bukan kefakiran yang aku takutkan (terjadi) kepada kamu, akan tetapi yang aku takutkan adalah hal keduniaan akan dilapangkan (dimudahkan) kepada kamu sebagaimana ia telah diluaskan (dimudahkan) kepada orang yang sebelum kamu, maka (ketika itu) kamu akan berlumba-lumba untuknya (keduniaan) sebagaimana mereka (orang dahulu) berlumba-lumba merebutnya (dengan rakus), lalu ia (keduniaan) akan menghancurkan kamu sebagaimana ia telah menghancurkan mereka (orang dahulu).”* (Diriwayatkan oleh Muslim, Ahmad, Tirmizi dan Ibn Majah dari Amru bin Auf Al-Anshari.)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi: *“Sesungguhnya dunia akan dibukakan untuk kamu sehingga kamu menghiasi rumah kamu menghiasi rumah kamu sebagaimana Kaabah dihiasi. Kami bertanya: Sedangkan kami tetap dalam agama kami seperti hari ini? Beliau s.a.w. menjawab: Ya, sedangkan kamu tetap berada dalam agamamu seperti hari ini. Kami bertanya: Apakah kami pada zaman ini lebih baik ataukah zaman tersebut (lebih baik)? Beliau menjawab: Bahkan kamu pada zaman ini lebih baik...”* (Hadis Riwayat Al-Bazzar dari Abu Juhfah)

Dan dalam riwayat lain oleh At-Tabrani dari Abdullah bin Mas’ud dan Abdullah bin Yazid al-Khathami, bahawa Baginda s.a.w. menjawab: *“...bahkan kamu pada zaman ini lebih baik daripada zaman di mana apabila diangkat dari salah seorang kamu sepiring makanan, maka akan datang pula kepada kamu piring yang lain (banyaknya makanan dengan piring makanan yang berganti-ganti) dan kamu akan berangkat*

pagi dengan suatu pakaian dan kembali malam dengan pakaian yang lain dan kamu akan melapisi (menghiasai) rumah kamu dengan kain sebagaimana Kaabah dilapisi dengan kain.”

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi: *“Demi Allah! sekiranya aku mempunyai roti dan daging sungguh aku akan memberikannya kepada kamu, akan tetapi kamu hampir saja akan menemui orang yang bertemu dengan masa tersebut di mana dia akan didatangkan dengan banyak mangkuk makanan, dan kamu akan memakai pakaian seperti kain-kain penutup Kaabah.”* (Hadis shahih yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam musnadnya, juz. 3, halaman 487 dari Thalhah, di mana riwayat hadis ini mencukupi syarat hadis Muslim.)

Hadis-hadis di atas menggambarkan kehidupan mewah dan pembaziran yang menjadi punca Allah menghancurkan sesuatu kaum itu, yang mana dunia telah dibukakan kepada mereka, sehingga apabila salah seorang di antara mereka duduk di meja makan, pembantunya akan datang dengan membawa mangkuk demi mangkuk makanan, dan ia akan berangkat dengan suatu perhiasan dan akan kembali dengan perhiasan yang lain pula (pakaian khusus di pagi hari dan pakaian khusus di malam hari). Kaum Muslimin juga telah menghiasi dinding rumah mereka dengan kain seperti kain Kaabah. Kehidupan mewah sedemikian melalaikan mereka sehingga menjadi boros.

Allah berfirman sebagai peringatan dalam al-Quran surah al-Isra' (17) ayat 16-20, terjemahannya: *“Dan jika Kami hendak membinasakan (menghancurkan) suatu negeri (kaum), maka Kami perintahkan kepada orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya menta'ati Allah), tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan berapa banyaknya kaum sesudah Nuh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhan kamu Maha Mengetahui lagi Maha Melihat dosa hamba-hamba-Nya. Barangsiapa menghendaki kehidupan sekarang (keduniaan), maka Kami segerakan (keduniaan itu) untuknya di dunia ini apa yang Kami kehendaki bagi orang*

yang Kami kehendaki dan (sementara di akhirat) Kami tentukan baginya neraka Jahannam (kerana menyalahgunakan keduniaan), ia akan memasukinya dalam keadaan tercela dan terusir. Dan barang siapa yang menghendaki kehidupan akhirat dan berusaha ke arah itu dengan sungguh-sungguh sedang ia orang Mukmin (taat pada Allah), maka mereka itu adalah orang yang usahanya dibalasi dengan kebaikan. Kepada masing-masing golongan, baik golongan ini (mencintai dunia) atau golongan itu (mencintai akhirat), maka Kami berikan bantuan dari kemurahan Tuhanmu. Dan kemurahan Tuhanmu tidak dapat dihalangi."

Budaya hidup membazir dan boros telahpun wujud sekarang ini, terutama di kalangan orang yang Allah kurniakan kelebihan rezeki, inilah petanda bahawa dunia ini telah hampir kiamat yang sedang dapat kita saksikan di hadapan mata kita.

45. Umat Islam berpecah belah

Perpecahan di kalangan umat Islam berlaku di mana-mana. Telah umum terjadi pada zaman ini. Antara punca umat Islam berpecah dan menjadi lemah ialah kerana penyakit "Al-Wahan", seperti mana yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Hampir saja umat-umat (selain kamu) memperebutkan kamu dari segala penjuru sebagaimana orang yang sedang makan (dalam suatu hidangan) memperebutkan semangkuk makanan mereka. Para sahabat bertanya: Apakah jumlah kita (umat Islam) sedikit pada waktu itu wahai Rasulullah? Beliau s.a.w. menjawab: Pada saat itu jumlah kamu banyak, akan tetapi keadaan kamu tak ubahnya seperti buih di permukaan air bah, di dalam hati musuh-musuhmu telah hilang ketakutan terhadap kamu, kerana di dalam hatimu telah terdapat penyakit Al-Wahan. Para sahabat bertanya: Apakah Al-Wahan itu Rasulullah? Beliau bersabda: Cinta dunia dan takut mati.*" (Hadis hasan, diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya dan dalam Al-Hilyah oleh Abu Nu'aim dari Thauban maula (bekas hamba) Rasulullah s.a.w.).

Berpunca daripada penyakit Al-Wahan (penyakit mazmumah) juga umat Islam berkrisis sesama sendiri, lalu lahirlah perbezaan fahaman dan timbul pelbagai mazhab sehingga menimbulkan pertumpahan darah.

Umat Islam di Malaysia telah lama berpecah sejak timbul perbezaan fahaman aliran pemikiran Islam antara “kaum muda” dengan “kaum tua”, dan aliran fahaman politik antara PAS dan UMNO, dan antara kelompok gerakan dakwah, Jamaah Tabligh, Al-Arqam (yang diharamkan), ABIM, PERKIM dan sebagainya. Walaupun perpechan itu tidak sampai menimbulkan pertumpahan darah seperti mana yang berlaku di negara-negara Asia Barat dan Timur Tengah antara Syiah (Iran) dan Sunni (Iraq), serta Kuwait, tetapi hati masing-masing telah retak dan tidak dapat disatukan dalam satu wadah, sehingga berlaku saling tidak bertegur sapa, tidak zirah menziarah, tidak hadir keramaian kenduri dan tidak menziarahi kematian.

Perpecahan umat Islam hari ini digambarkan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Kaum Yahudi telah terpecah menjadi 71 atau 72 golongan dan kaum Nasrani pula telah terpecah menjadi 71 atau 72 golongan juga, sementara umatku kelak akan terpecah menjadi 73 golongan.”* (Riwayat Abu Daud dari Abu Hurairah dan diriwayatkan oleh Tirmizi katanya hadis ini hasan soheh, juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dan lainnya.).

Dalam hadis riwayat lain oleh Bukhari dan Muslim terdapat tambahan: *“...semuanya akan masuk neraka kecuali satu golongan.”*

Adapun golongan Yahudi yang 71 mereka berinduk kepada 5 golongan besar (seperti yang disebutkan oleh Ibn Hazam dalam kitabnya “Al-Fadhail”) atau kepada 4 golongan besar (seperti yang disebut oleh As-Syahrastany dalam kitabnya “Al-Milal wan Nihal”).

Di sini kita akan menyebut beberapa kelompok besar tersebut dengan menggabungkan segala pendapat, lalu kita temui bahawa ada 6 golongan iaitu, Ar-Rabbaniyyun atau Al-

Farisiyyun, Asy-Syaduqiyyun, Al-Hadiyyun, As-Samiriyyah dan Al-Qurraa'uun atau Al-Ananiyyah, Al-Isawiyah. Sedangkan sebahagian besar kaum Yahudi pada zaman sekarang ini adalah berasal dari kelompok yang pertama, iaitu: Al-Farisiyyun.

Adapun kaum Nasrani, maka perpecahan mereka berinduk kepada 3 golongan besar iaitu, Al-Mulkaniyah, An-Nasthuriyyah, dan Al-Ya'qubiyyah. Walaupun pada zaman sekarang ini nama-nama tersebut telah berubah dengan nama-nama yang lain seperti Katolik, Protestan, Ortodoks, Maronite dan sebagainya.

Sementara kaum Muslimin terpecah menjadi 73 golongan yang mana semuanya akan masuk neraka kecuali satu golongan iaitu Ahli Sunnah wal Jamaah (sebagaimana yang tersebut dalam banyak hadis Nabi s.a.w. yang soheh-soheh belaka).

Umumnya 73 golongan tersebut berinduk kepada 5 golongan besar (sebagaimana yang disebut oleh As-Syathibi dalam kitabnya "Al-'Itisom") iaitu- Al-Khawarij, Al-Qadariyyah, Ar-Raafidah, Syiah Murji'ah, dan kelompok yang selamat Ahli Sunnah wal Jamaah. Sebahagian ulama menambahkannya dengan Al-Muktazillah serta Murji'ah.

Para ulamak telah berselisih pendapat dalam menilai keadaan kelompok-kelompok 72 yang dianggap sesat tersebut, di antara para ulamak ada yang mengkafirkan mereka berdasarkan dengan dalil sabda Nabi s.a.w.: "*Semuanya akan masuk neraka kecuali satu golongan.*" Sabda Nabi s.a.w. lain: "*...mereka akan lepas dari agama sebagaimana terlepasnya anak panah dari busarannya.*" (Hadis-hadis ini yang menyentuh tentang Khawarij diriwayatkan oleh Bukhari dan yang menyentuh tentang Al-Qadariyah diriwayatkan oleh Muslim).

Mengenai golongan-golongan (72) yang sesat, Ibn Umar telah bersumpah, bahawa sekiranya mereka mempunyai emas sebesar gunung Uhud yang kemudian mereka sedekahkan (belanjakan) ke jalan Allah, maka Allah tidak akan menerima

sehingga mereka kembali beriman dengan qadar (mengikut jalan Ahli Sunnah wal Jamaah).

Di antara ulamak ada yang tidak mengkafirkan mereka walaupun mereka adalah salah dan sesat beralasan pada hadis Nabi s.a.w.: *“Akan terpecah umatku.”* Dalam hadis ini Nabi s.a.w. masih menyebut bahawa mereka adalah tetap *“umat Nabi s.a.w.”* walaupun mereka itu terpecah-pecah. Kami sependapat dengan pendapat yang tidak mengkafirkan mereka, walaupun mereka itu tetap sesat dan melencong dari kebenaran. Berkemungkinan mereka cuma berdosa, tetapi tidak sampai dikategorikan sebagai kafir. Dalam hadis di atas Nabi s.a.w. cuma menyebut; *“...semuanya akan masuk neraka...”*, tetapi tidak pula menyebut kekal di dalamnya.

46. Muncul para pembaca al-Quran yang menjadikan al-Quran sebagai sumber mencari keduniaan

Jabir telah meriwayatkan suatu hadis dan berkata bahawa pada suatu waktu Rasulullah s.a.w. datang kepada kami, ketika itu kami sedang membaca al-Quran, di antara kami ada orang Arab dan ada pula orang ajam (orang bukan Arab), maka beliau s.a.w. bersabda: *“Bacalah kerana semuanya adalah baik dan akan datang beberapa kelompok manusia nantinya yang akan membacanya dengan sangat teliti (membaguskan bacaan) seperti anak panah yang dilempar (ke srannya), setelah selesai membacanya, mereka menginginkan (upahnya) dengan segera dan tidak (berniat untuk) mengakhirkannya (upah/pahala di akhirat).”* (Riwayat oleh Abu Daud, Juz. 3, hal. 58 dari Jabir.)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Abu Daud juga berbunyi: *“Mereka menginginkan upahnya segera (di dunia) dan tidak ingin ganjaran (pahala) yang diakhirkan (akhirat).”*

Maksud dari hadis tersebut ialah; mereka akan membaca al-Quran dengan seindah mungkin, seperti para pemanah yang menghalakan anak panahnya dengan teliti sehingga mengenai sasarannya, tetapi dengan niat untuk mendapat ganjaran, seperti pertandingan sukan (memanah zaman dahulu).

Para qari yang memperdagangkan al-Quran seperti mana tersebut telah tersebar dengan sangat banyak di zaman kita ini, kita melihat mereka membaca al-Quran sehingga menggembung urat leher mereka dan bengkok lidah mereka. Sedangkan dia lupa, bahawa dia sedang membaca ayat-ayat Allah yang agung, namun yang menjadi niat dan tujuannya hanyalah ingin melagukan al-Quran di hadapan para pendengar (hakim pertandingan) dengan tujuan agar dengan keindahan bacaannya menawan hati mereka, kelak akan mendapat ganjaran hadiah.

47. Muncul golongan menolak sunnah

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Ingatlah!, aku telah dianugerahkan oleh Allah dengan al-Quran dan sesuatu yang sederajat dengannya? Dan ingatlah hampir saja akan muncul seorang lelaki yang kenyang (dengan keduniaan) berada di atas kerusinya sambil berkata: Kamu hendaklah memegang al-Quran (sahaja), maka segala sesuatu yang kamu jumpai halal di dalamnya, maka halalkanlah ia dan segala sesuatu yang kamu temukan haram di dalamnya, maka haramkanlah dia.”* (Diriwayatkan oleh Abu Daud dari Miqdam bin Ma’ad Yakrab dan diriwayatkan oleh Tirmizi.)

Hadis ini menerangkan akan lahir di akhir zaman nanti segolongan yang menolak sunnah, bukan sahaja menolak teks dan dalil hukum-hakam dari hadis, bahkan sunnah dan carahidup Rasulullah s.a.w. juga dianggap telah lapuk dan tidak sesuai lagi dengan zaman ini. Penolakan itu berlaku sama ada secara ilmiah, lisan dan juga sikap serta perbuatan.

Di negara kita telah lama muncul golongan anti-hadis, yang kononnya mereka hanya menerima al-Quran sahaja. Tetapi sebenarnya, mereka juga tidak mengikut al-Quran secara total, cuma berteori sahaja. Al-Quran cuma dibaca secara mencari bahan-bahan penting untuk dijadikan sebagai modal untuk berbincang dan berbahas, bukan untuk diamalkan.

Golongan sesat ini, mengikut para pengkaji, disebut sebagai “At-Quraniyyin” atau ‘Al-Farmawiyah” (yang kenyang). Golongan ini ramai terdapat di Mesir, India dan lain negara Islam.

Perkataan “yang kenyang” dimaksud adalah kata celaan dari Nabi s.a.w. sendiri terhadap orang yang suka hidup mewah (pemalas) yang menolak sunnah atau hadis Nabi Muhammad s.a.w. dan membuat keraguan padanya. Sedangkan Allah s.w.t. telah menganugerahkan kepada Rasulullah s.a.w. dengan al-Quran dan Hikmah. Maksud hikmah tersebut adalah Sunnah Nabi s.a.w., kemudian kewajipan beriman dan beramal dengannya adalah wajib. Allah s.w.t. telah berfirman, maksudnya: *“Dan hendaklah kamu ingat akan apa-apa yang dibacakan di rumah-rumah kamu dari ayat-ayat Allah dan hikmah (Sunnah Nabi). Sesungguhnya Allah adalah Maha Lembut lagi Maha Mengetahui.”* (Surah al-Ahzab: 34)

48. Muncul kaum Khawarij mengkafirkan sesama Islam

Maksud “Al-Khawarij” yang secara bahasa bererti “orang yang keluar”, mereka dinamakan demikian kerana mereka keluar dari kelompok Ali bin Abi Talib atau dari jamaah atau kelompok kaum Muslimin sedangkan mereka (Al-Khawarij) itu mengkafirkan kaum Muslimin yang lain disebabkan oleh masalah-masalah furu’ (masalah cabang dalam agama, bukan masalah Ushuluddin/dasar), yang mereka fahami secara salah. Kadangkala Al-Khawarij memakai nama yang lain, akan tetapi mereka mempunyai satu iktikad, ajaran atau keyakinan.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan datang setelah (kewafatan) aku, suatu kaum yang membaca al-Quran yang tidak melebihi kerongkong mereka, mereka akan keluar dari agama sebagaimana anak panah keluar dari sasarannya, kemudian mereka akan kembali kepadanya, mereka itulah seburuk-buruk manusia dan makhluk. Tanda (identiti) mereka adalah kepala yang dicukur (botak).”* (Hadis Muttafaq Alaih atas kesohehannya yang diriwayatkan dari banyak sahabat di antaranya: Abu Hurairah, Ibn Mas’ud, Abu Zar dan lain-lain.)

Mereka sering mengkafirkan kaum muslimin yang melakukan dosa. Sedangkan kepercayaan yang seperti itu menyalahi iktikad Ahli Sunnah wal Jamaah yang mengatakan bahawa: "Kita tidak akan mengkafirkan siapapun orang melakukan dosa jika mereka masih ber kiblat ke Kaabah selama dia tidak mengatakan bahawa perbuatan dosa itu halal."

Rasulullah s.a.w. telah menyebut ciri-ciri mereka, iaitu bahawa mereka itu:

1. Mereka adalah orang paling hafaz akan al-Quran dengan sabda Beliau s.a.w.: *"Dia akan meremehkan bacaan salah seorang dari kamu berbanding dengan bacaan mereka."*
2. Mereka adalah manusia yang paling banyak dan paling kuat beribadah. Sesuai dengan sabda Nabi s.a.w.: *"Dan dia (akan meremehkan) solat salah seorang dari kamu berbanding solat mereka dan dia (akan meremehkan) puasa salah seorang dari kamu kepada puasa mereka."*
3. Mereka mencukur kepala mereka. Sesuai dengan sabda Nabi s.a.w.: *"Tanda mereka adalah (kepala yang) bercukur."*
3. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari menyebut bahawa: *"Mereka akan memerangi orang Islam dan akan membiarkan orang musyrik."*

Walaupun mereka sangat kuat menghafaz al-Quran dan sangat kuat beribadah, akan tetapi mereka adalah orang yang paling jahil dengan sunnah Nabi s.a.w., yang mana apabila mereka membaca ayat al-Quran yang diturunkan kepada orang kafir mereka mengatakan bahawa ayat tersebut adalah diarah untuk kaum Muslimin dan mereka mengkafirkan kaum Muslimin yang tidak selari dengan pendirian dan pendapat dan akal mereka yang dangkal, maka mereka itulah sebenarnya kaum sesat dan menyesatkan.

49. Meluasnya sifat kebakhilan

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “...kebakhilan akan diturunkan (ke dalam hati), akan muncul fitnah-fitnah (cubaan, huru-hara)...” (Diriwayatkan oleh Bukhari dari Abu Hurairah, Muslim dan Abu Daud.)

Hadis lain riwayat Imam Bukhari dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya; “Masa itu menjadi berdekatan-dekatan, ilmu agama akan berkurang (dalam suatu riwayat lain disebut; amalan agama berkurangan), diletakkan ke dalam hati perasaan tamak dan haloba (kebakhilan) dan pembunuhan berlaku secara berleluasa.”

Daripada hadis di atas, kita hanya akan membicarakan tentang sifat kebakhilan di kalangan umat hari ini. Kebakhilan sering berlaku dan tersebar dalam setiap hati umat manusia hari ini. Isyarat yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. 15 abad lalu kini telah menjadi kenyataan.

Menurut Ibn Hajar, bahawa yang dimaksud “kebakhilan” oleh hadis ini adalah: “Kebakhilan itu akan dijatuhkan ke dalam hati setiap orang sesuai dengan keadaan mereka masing-masing, sehingga seorang yang berilmu akan bakhil dengan ilmunya, maka dia akan meninggalkan mengajar dan berfatwa. Seorang ahli perusahaan dan perdagangan akan bakhil dengan keahliannya (kepakaran dan kemahirannya), sehingga dia enggan mengalihkan keahliannya (kepakarannya) kepada orang lain dan orang kaya akan bakhil dengan kekayaannya sehingga orang fakir binasa, lantaran tidak diberi perhatian dan pertolongan, sedangkan ia mampu melakukannya.” (Lihat Fathul Bari, juz 13, halaman 17)

Jika berpegang kepada takrif Ibnu Hajar bahawa maksud bakhil itu meliputi dalam perbagai bidang, maka pada zaman ini memang jelas lahirnya sifat dan sikap bakhil secara meluas, sehingga bila Rasulullah s.a.w. menganggap seseorang yang tidak mengucapkan “selawat” kepadanya ketika nama beliau

disebut sebagai bakhil, maka jika dikiaskan pada bidang-bidang yang lain, lebih-lebih lagi menonjolnya sifat bakhil.

Sabda Nabi s.a.w.; *“Orang yang bakhil ialah orang yang tidak mahu berselawat ketika mendengar namaku disebut.”* (Riwayat Imam Ahmad).

50. Munculnya fitnah-fitnah yang menyesatkan agama manusia

Maksud munculnya fitnah-fitnah yang menyesatkan, ialah cubaan-cubaan, pengaruh-pengaruh keadaan dan cara herfikir serta kekacauan yang boleh menyesatkan agama dan pegangan hidup manusia.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“...akan muncul fitnah-fitnah (cubaan, huru hara)...”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dari Abu Hurairah, Muslim dan Abu Daud.)

Dalam bahasa Arab “fitnah” bererti “ujian” atau “cubaan”. Ar-Raghib al-Ishfahani telah berkata: “Dari segi bahasa, asal perkataan ‘fitnah’ itu dimaksudkan untuk memasukkan emas ke dalam api, sehingga terlihat kemurniannya dari keburukannya. Fitnah juga diucapkan untuk sesuatu yang bersifat ‘siksaan’ atau ‘bencana’ dan segala sesuatu yang membuat manusia susah.”

Allah s.w.t. telah berfirman: *“Dan Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai fitnah (ujian) dan hanya kepada Kamilah kamu akan dikembalikan.”* (Surah al-Ambia’ ayat 35).

Syeikh Ibn Abu Hamzah telah berkata: “Adapun maksud perkataan ‘munculnya fitnah’ (dalam hadis ini) adalah apa-apa yang berpengaruh atau memberi kesan buruk kepada masalah keagamaan.” (lihat kitab Fathul Bari, Juz. 13, halaman 18).

Tidak seorang pun di antara kita yang masih mempunyai dua mata yang tidak melihat bahawa fitnah-fitnah (cubaan atau

ujian atau bencana) terhadap agama kita sudah berlaku secara umum, meluas, dan bahkan sudah memasuki dan memenuhi setiap rumah kita. (Rujuk alamat kiamat nombor 10).

Bila kita menyebutkan fitnah-fitnah (cubaan, pengaruh dan cara berfikir serta kekacauan keadaan yang menyesatkan agama manusia), yang ada di zaman ini, maka menjadikan keadaan dunia kita terasa sempit dan kita kehilangan kekuatan. Kita hanya dapat berdoa: “Ya Allah, jauhkanlah kami dari segala fitnah yang lahir dan yang batin.” *Amin*.

51. Diangkatnya ilmu dan diturunkan kejahilan

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesungguhnya menjelang kiamat kelak akan datang hari-hari di mana padanya akan turun kejahilan, diangkat ilmu dan akan banyak berlaku pergaduhan (Al-Haraj). Pergaduhan itu adalah pembunuhan.”* (Diriwayatkan oleh Bukhari dari Abu Musa dan Muslim serta selain mereka.)

Hadis lain riwayat Imam Bukhari dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Masa itu menjadi berdekat-dekatan, ilmu agama akan berkurang (dalam suatu riwayat lain disebut; amalan agama berkurangan), diletakkan ke dalam hati perasaan tamak dan haloba (kebakhilan) dan pembunuhan berlaku secara berleluasa.”*

Bagaimanakah cara terangkatnya ilmu dan turunnya kejahilan itu?

Telah bersabda Rasulullah s.a.w. (sebagai menjelaskan): *“Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu dengan sekali cabutan dari manusia, akan tetapi dengan cara mencabut (mematikan) para ulamak sehingga apabila tidak ada lagi ulamak yang tertinggal, maka manusia akan mengangkat para pemimpin yang jahil, kemudian mereka ditanya (tentang hukum-hukum dalam agama), maka mereka berfatwa tanpa berdasarkan ilmu, maka mereka itu sesat lagi menyesatkan (orang lain).”* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Jadi, jelaslah bahawa terangkat dan tercabutnya ilmu adalah dengan meninggalnya para ulamak yang sudah sampai pada darjat “mujtahid”, maka setelah itu tinggallah para ulamak yang bertaraf “muqallid” (yang hanya dapat mengikuti fatwa yang ada tanpa tahu dalil dan ijtihad) dan orang yang mendakwa mempunyai ilmu serta orang yang masih sedang belajar, mereka dengan sewang-wenang mengeluarkan fatwa, sedangkan mereka itu tidak layak (tidak sah) berfatwa dalam agama Allah. Lalu keluarlah pelbagai fatwa yang songsang dan mengelirukan orang awam. Sesiapa yang mengikut fatwa yang mengelirukan akan sesat. (Lihat kitab Fathul Bari, kitab Al-Iktisham bi Al-Kitab wa As-Sunnah, Juz. 13, halaman 287.)

Menurut sebahagian pendapat bahawa hadis ini dimaksud bahawa ilmu para ulamak itu akan berkurang dengan datangnya “sifat pelupa”. (Lihat Fathul Bari, Juz. 13, halaman 17.)

Apabila kita lihat pada kenyataan dunia Islam hari ini, maka kita akan melihat dengan jelas bahawa para ulamak mujtahid telah berkurang, bahkan boleh dikatakan sudah tidak ada, sekiranya mereka memang ada, maka jumlah mereka boleh dibilang (sedikit).

Terangkatnya ilmu tidaklah berlawanan dengan keadaan banyaknya jumlah kitab-kitab dan karangan-karangan yang ada pada zaman kita ini yang telah diterangkan pada yang lalu (tanda tersebarnya pena), kerana walaupun adanya banyak buku, tetapi tanpa adanya para ulamak untuk mengajar dan menerangkan dengan terperinci akan matan kitab-kitab tersebut kepada manusia, maka hal itu tidak akan mendatangkan hasil bagi orang yang tidak berilmu. Ertinya, banyak kitab-kitab agama tidak memberi manfaat kepada orang awam, kerana tidak ada ulamak yang mampu mengajar dan menghuraikannya dengan tepat.

Kemudian daripada itu, terangkat dan tercabutnya ilmu dengan dicabutnya (dimatikan) para ulamak oleh Allah s.w.t.

akan sering berlaku dari hari ke hari, semasa ke semasa, sehingga hal itu benar-benar sempurna (habis sama sekali para ulamak). Menurut Al-Hafiz Ibn Hajar, bahawa hal ini pasti akan terjadi ketika keluarnya Dajjal atau setelah wafatnya Nabi Isa Ibn Maryam a.s., di mana ketika itu al-Quran akan diangkat dari setiap hati para penghafaznya dan ilmu akan diangkat dengan sempurna (habis semua ilmu agama). Ketika itu juga terjadi peristiwa Kaabah akan dihancurkan, sebagai tanda persiapan akan berakhir dunia.

52. Banyak terjadi gempa bumi

Dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan datang kiamat sehingga banyak terjadi gempa bumi.”* (Bukhari dalam Fitan).

Dari Salamah bin Nufail As-Sukuni bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sebelum terjadinya kiamat akan terjadi kematian yang mengerikan dan sesudahnya akan terjadi banyak gempa bumi.”* (Riwayat Ahmad, At-Tabrani, Al-Bazar dan Abu Ya'la).

Banyaknya kejadian gempa bumi bukanlah suatu hal yang tersembunyi lagi pada zaman kita ini, di mana berita gempa bumi selalu mendengung di telinga kita yang menimpa banyak tempat atau ia terjadi di tempat yang dekat dengan tempat kita.

Pada 26 Disember 2004, satu gempa bumi yang besar berlaku di Lautan Hindi, pantai barat Aceh yang mengakibatkan berlakunya ombak besar tsunami yang melandai kawasan-kawasan pantai di selatan Asia, Sumatera Utara, Thailand dan Malaysia. Pusat gempa terletak pada bujur 3,298° utara dan 95,779° timur kira-kira 160 km sebelah barat Aceh sedalam 10 km. Gempa bumi yang sebesar Skala Richter 9.0 ini berlaku sekitar 8.59 pagi (waktu Malaysia) dan merupakan yang keempat terbesar di dunia sejak 1900. Di sesetengah lokasi dilaporkan bahawa ombak tsunami mencapai ketinggian 10 meter. Ribuan telah terkorban akibat malapetaka ini.

Gempa bumi ini mengakibatkan tsunami yang menelan korban nyawa yang sangat banyak. Angka sebenar korban kali ini mungkin tidak akan dapat diketahui namun catatan secara ringkas mangsa di seluruh negara di dunia yang terlibat ialah berjumlah 1.5-2 juta. Kebanyakan mangsa merupakan rakyat tempatan. Namun terdapat juga beberapa pusat peranginan yang dilanda tsunami mengakibatkan korban lebih 2,400 pelancong asing.

Pada bulan Mei 1997 telah terjadi beberapa gempa bumi yang menghancurkan di Iran yang berpusat dari daerah Khurasan, gempa tersebut mengorbankan ribuan jiwa dan puluhan ribu penduduk kerisauan kerana gempa tersebut menghancurkan keseluruhan desa-desa di sana. Sedangkan semenjak 7 tahun sebelum itu telah terjadi beberapa gempa bumi yang menghancurkan di lokasi yang sama dengan tidak kurang mengorban ramai jiwa, kira-kira 35,000 jiwa dan menghancurkan sekitar 40 desa, dan yang menghairankan kita adalah bahawa pusat kejadian gempa bumi ini terletak di daerah Khurasan, yang mana ia adalah tempat yang dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai tempat penjaranya “Al-Masihuddajjal” dan ia akan keluar ke dunia dari sana. .

Di Mesir, akhir-akhir ini selalu terjadi gempa bumi 2 kali dalam setahun, sedangkan dalam waktu yang tidak lama sebelum ini kita tidak pernah dengar ada gempa di Mesir dan orang Mesir tidak pernah tahu apa itu gempa. Akan tetapi para ahli geologi Mesir saat ini menyatakan bahawa: “Bumi sekarang ini selalu sahaja bergetar.” Walaupun gempa bumi itu secara lahiriah mempunyai aspek alami, akan tetapi secara syariat ia merupakan tanda dari balasan atau kemarahan Allah dan ia semacam surat peringatan dari Tuhan seperti bencana-bencana alam yang lain seperti; badai, taufan, tanah runtuh, banjir dan sebagainya sehingga manusia menjadi sedar dan orang yang berbuat maksiat kembali bertaubat, jadi ia adalah pelajaran bagi kaum Mukminin dan kemarahan atau balasan bagi orang yang derhaka.

Kejadian gempa bumi lain sebelum ini, iaitu di Tangshan, China, pada 1976, yang melibatkan kematian 240,000 orang, di Tsinghai, China, pada 1927 mengorbankan 200,000 orang, di Tokyo, Jepun, pada 1923, memakan korban 140,000 orang, di Turkmenistan, pada 1948, di mana 110,000 orang terkorban.

Inilah kebenaran sabda Rasulullah s.a.w. yang disabdakan sejak lebih 1,400 tahun lalu, kini telah terbukti.

53. Tanah dan bangunan runtuh

Dari Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, maksudnya: *“Pada zaman akhir umat ini akan terjadi banyak tanah runtuh, perubahan bentuk muka bumi dan kerosukan. Aisyah bertanya: Apakah kami akan binasa, padahal di kalangan kami masih ada orang soleh?. Jawab Rasulullah s.a.w.: Ya, apabila keburukan (kefasikan dan kejahatan) bermaharajalela.”* (Riwayat At-Tirmizi, juga terdapa dalam Jami’ as-Soghir).

Kebenaran hadis di atas, didapati berlaku di sana sini kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan kerosakan tempat tinggal, lebuh raya dan sebagainya, dan ia berlaku tanpa lebih dahulu dapat dikesan, sedangkan zaman ini terdapat pelbagai alat moden, namun tidak berfungsi mengesan apa yang telah ditentukan (ditakdirkan) oleh Allah.

Punca tanah runtuh telah disebut oleh Allah dalam al-Quran surah An-Nahl ayat 15, maksudnya; *“Dia-lah yang memancangkan gunung-gunung di atas bumi (sebagai paku) supaya bumi tidak goncang bersama kamu...”*

Firman Allah lagi, maksudnya; *“Sesungguhnya orang yang sebelum mereka telah mengadakan kerosakan, lalu Allah menghancurkan rumah-rumah mereka dari tapak asasnya, lalu atap (rumah itu) jatuh menimpa mereka dari atas, dan datanglah azab itu kepada mereka dari tempat yang mereka tidak sedari.”* (Surah An-Nahl ayat 26).

Ayat di atas jelas sekali punca tanah runtuh dan rumah runtuh ialah kerana gunung dan bukit-bukau telah di rosakkan oleh manusia dengan pembangunan dan penebangan kayu kayan di kawasan tadahan air dan hutan simpanan tanpa kawalan dan perancangan yang baik. Jadikanlah ini sebagai renungan.

Firman Allah lagi, maksudnya; *“Telah kelihatan kerusakan di daratan dan di lautan, disebabkan perbuatan tangan (usaha) manusia sendiri. (Peringatan Allah ini) supaya manusia merasa (balasan) akibat daripada sebahagian perbuatan mereka sendiri, agar mereka kembali (ke jalan kebenaran).”* (Surah Ar-Rom ayat 41).

54. Harta hak rakyat dan negara akan diseleweng dan menjadi milik sekelompok orang tertentu

Dari Abu Hurairah bahawa telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Apabila umatku melakukan lima belas perkara maka mereka akan mendapat bala bencana. Beliau s.a.w. ditanya: Apakah lima belas perkara itu wahai Rasulullah? Beliau menjawab: Apabila harta rampasan perang (milik umum) dikuasai oleh segelintir orang, amanah jadi rampasan, harta zakat jadi hutang (denda), belajar ilmu agama bukan kerana Allah, seorang laki-laki mentaati isterinya sedangkan dia menderhakai ibunya, dia (seorang lelaki) berbuat baik (menghormati) kepada temannya dan bersikap kering kepada bapanya, suara-suara meninggi di masjid-masjid, orang fasik menjadi pemimpin kepada sesuatu kaum, yang menjadi pemimpin akan suatu kaum (bangsa) adalah orang yang paling hina (bersifat keji) di kalangan kaum itu. Seorang lelaki dihormati disebabkan kerana orang takut pada sifat jahatnya, khamar (arak) sudah jadi minuman biasa, sutera sudah biasa dipakai (oleh kaum lelaki), munculnya para penyanyi perempuan (biduanita) dan alat-alat muzik, orang kemudian (hari ini) melaknat (mengutuk dan menghina) umat (orang) dahulu, maka ketika itu hendaklah mereka menunggu kedatangan angin merah atau pembenaman manusia ke dalam bumi (ditelan bumi) atau perubahan (sifat manusia) kepada*

bentuk yang buruk.” (Diriwayatkan oleh At-Tirmizi dari dua jalan iaitu dari Ali dan dari Abu Hurairah, dia berkata; bahawa ini adalah hadis gharib, dan kami tidak mengetahui seorang pun yang meriwayatkan hadis ini dari Yahya bin Sa’id Al-Ansari selain dari Al-Faraj bin Fudhalah, sedangkan sebahagian Ahli Ilmu ada yang mengkritiknya dari segi kemampuan hafazannya terhadap hadis ini. Sedangkan Waki’ dan banyak para Imam telah mengambil riwayat darinya. Menurut pandangan kami, walaupun hadis ini mempunyai kelemahan dari satu segi, akan tetapi kelemahan ini adalah tipis dan hadis seperti ini tidak ditinggalkan (tidak boleh diabaikan). Dan kami sengaja mengenengahkan hadis ini kerana semua tanda yang disebut dalam hadis ini telah pun terbukti terjadi.)

Hadis di atas dari riwayat Abu Hurairah, adapun dari riwayat Ali bin Abi Talib maka ada sedikit perbezaan dalam isi (matan), iaitu: *“Apabila harta rampasan perang dikuasai oleh sekelompok orang, lalu orang belajar bukan kerana agama, maka ketika itu hendaklah mereka menunggu angin merah dan pembenaman manusia ke dalam perut bumi dan perubahan kepada bentuk yang buruk dan tanda-tanda yang akan datang secara beriringan (berturut-turut atau berangkaian) seperti ikatan kawat usang yang terputus maka terlepaslah ia secara beriringan (pula).”*

Lima belas perkara yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. di atas ialah:

1. Harta rampasan perang (milik umum) dikuasai oleh segelintir orang,
2. Amanah jadi rampasan,
3. Harta zakat jadi hutang (denda),
4. Belajar ilmu agama bukan kerana Allah,
5. Seorang laki-laki mentaati isterinya sedangkan dia menderhakai ibunya,

6. Seorang lelaki berbuat baik (menghormati) kepada temannya dan bersikap kering (tidak mengindahkan) kepada bapanya,
7. Suara-suara meninggi di dalam masjid,
8. Orang fasik menjadi pemimpin kepada sesuatu kaum,
9. Menjadi pemimpin suatu kaum (bangsa) adalah orang yang paling hina (bersifat keji) di kalangan kaum itu.
10. Seorang lelaki dihormati disebabkan kerana orang takut pada sifat jahatnya,
11. Khamar (arak) sudah jadi minuman biasa,
12. Sutera sudah biasa dipakai (oleh kaum lelaki),
13. Munculnya para penyanyi perempuan (biduanita),
14. Alat muzik bertali (yang diharamkan) jadi alat hiburan,
15. Orang kemudian (hari ini) melaknat (mengutuk dan menghina) umat (orang) dahulu.

Kalimat "*harta rampasan perang akan dikuasai oleh sekelompok orang*" dalam hadis di atas mempunyai dua maksud:

Pertama, kalimat "Adduwal" adalah bererti segala harta yang hanya beredar pada suatu kelompok orang saja. Sedangkan maksud hadis tersebut adalah: "Apabila orang kaya dan para pejabat terkhusus menguasai harta rampasan perang dan mereka menahan orang lain daripada menerimanya." (lihat kitab Al-Isya'ah li Asyrati As-Sa'ah oleh Al-Barzanji, halaman 72).

Kedua, bahawa harta benda milik umum (negara atau umat) diperebutkan oleh orang ramai sehingga siapa pun

tidak segan-segan mengambil atau mengurangnya dengan alasan: “Barangsiapa yang tidak berpura-pura seperti serigala, maka ia akan dimakan oleh binatang buas yang lain. Kerana, apabila anda tidak dahulu, maka, anda akan didahului orang lain.”

Berdasarkan keterangan hadis di atas, pada zaman ini, memang perkara itu jelas berlaku, iaitu penyelewengan yang dilakukan oleh para kakitangan dan orang yang diamanahkan oleh penguasa atau kerajaan, dengan membolot peluang-peluang yang sepatutnya diagihkan kepada rakyat.

55. Manusia berat melaksanakan syariat agama

Rasulullah s.a.w. bersabda: “...*Apabila zakat menjadi sebagai hutang (denda)*...” (Riwayat At-Tirmizi dari Abu Hurairah).

Hadis di atas menjelaskan bahawa di akhir zaman nanti didapati orang kaya terasa sangat berat sekali mengeluarkan zakat seakan-akan bagi membayar hutang (sedangkan zakat adalah kewajipan atau salah satu daripada rukun Islam yang asas yang wajib ditunaikan oleh orang yang layak). Sementara peratus dari harta yang dizakatkan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh syariat adalah tidak banyak cuma 25% dari harta yang telah cukup sampai nisab, yang diambil daripada harta orang kaya untuk diserahkan kepada fakir atau miskin serta asnaf yang lain agar tercipta keadilan dan keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat.

Namun begitu, terjadi pada zaman ini bahawa pengeluaran zakat dirasakan oleh pengeluarnya sebagai suatu beban kesusahan, seperti membayar hutang atau denda. Maka jelaslah bahawa pelaksanaan segala kewajipan dan syariat agama begitu berat dirasakan bagi manusia pada zaman ini. Demikianlah dengan perintah syariat yang lain. Rasulullah s.a.w. mengambil contoh “zakat” sebagai salah satu rukun Islam, rukun dan ajaran Islam yang lain, seperti solat, puasa, boleh dikiasakan.

Bahkan secara langsung Rasulullah s.a.w.diri telah bersabda: *“Mula-mula sekali yang kamu akan buang (tinggalkan) ialah amanah, akhir yang kamu buang ialah solat. Demi sesungguhnya (akan terjadi di akhir zaman nanti) kamu akan mengungkapkan ikatan (hukum) Islam satu demi satu...”* (Riwayat Al-Hakim dalam Al-Mustadrak dari Huzaifah dan riwayat oleh Ibnu Wadhah dalam Al-Bida'. Kata Al-Hakim hadis ini isnadnya soheh).

Kebiasaannya, sesuatu yang dibuang ialah “beban” yang dipikul. Orang membuang beban daripada bahunya ialah apabila ia berasa berat. Jadi, hadis di atas Rasulullah s.a.w. menggambarkan sesuatu yang akan dibuang di akhir zaman kelak ialah “amanah”, “solat”, dan seterusnya satu demi satu kukum-hakam Islam akan ditinggalkan (dibuang). Ini menunjukkan bahawa perkara tersebut dianggap beban yang memberatkan.

56. Seorang lelaki akan mentaati isterinya sedangkan dia derhaka kepada ibunya

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“...dan seorang lelaki akan mentaati isterinya sedangkan dia akan menderhakai ibunya...”* (Riwayat At-Tirmizi dari Abu Hurairah)

Berlaku kejadian keterbalikan fitrah seperti ini merupakan fenomena perubahan keadaan akhir zaman, tanda dan gejala ini telah berleluasa pada zaman ini.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. terjadi peristiwa Juraij, yang lebih mengutamakan hidangan (makanan) yang dimasak oleh isterinya daripada yang dimasakkan oleh ibunya. Lantaran itu, ibunya tersinggung hati. Hal yang sekecil itu pun sudah dikira menderhakai ibunya sehingga ketika ia hampir mati tidak dapat mengucapkan kalimah syahadah.

Contoh lain yang terjadi pada akhir zaman ini ialah peristiwa yang pernah dilaporkan oleh surat khabar rasmi Kairo pada bulan Mei 1997. Iaitu peristiwa seorang lelaki

mengemukakan dakwaan kepada ibunya sendiri kerana dakwaan bersikap kasar kepada isterinya dan meminta hakim menjatuhkan hukuman berat ke atas ibunya sendiri lantaran kes itu. Akan tetapi, seakan-akan Allah hendak memberikan suatu pengajaran yang tidak akan kita lupakan, di mana ketika lelaki tersebut berdiri di depan hakim sambil menunggu hukuman yang akan dijatuhkan kepada ibunya, maka dengan tiba-tiba lelaki itu terjatuh ke lantai dan mati secara mendadak.

Demikian dua contoh yang dibawa dalam persoalan ini, yang menggambarkan bahawa apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. benar-benar telah berlaku. Contoh-contoh tersebut berlaku di awal zaman dan di akhir zaman. Tentu sekali di akhir zaman ini lebih banyak lagi berlaku, iaitu anak-anak lebih mengutamakan isteri daripada ibunya sendiri.

Kita boleh lihat rata-rata berlaku di kampung-kampung, yang mana ibu-ibu yang telah lanjut usia hidup keseorangan, ditinggal oleh anak-anak yang hidup selesa dan bahagia bersama isteri dan keluarga sendiri. Untuk membantu meringankan beban isteri, seorang lelaki sanggup menyediakan pelbagai kemudahan untuk isterinya, termasuk pembantu rumah yang dibayar upah (gaji), sedangkan untuk ibunya sendiri yang telah tua dan uzur dibiarkan melakukan kerja rumah sendirian tanpa disediakan pembantu rumah. Demikian dengan urusan kebajikan lain, anak-anak lelaki tidak pernah mengambil berat terhadap ibunya melebihi apa yang disediakan kepada isterinya. Sesetengahnya, lebih rela menghantar ibunya ke rumah kebajikan orang tua-tua.

57. Seorang lelaki bersikap memandang rendah kepada ayahnya, sebaliknya memulia dan mengkagumi temannya

Pada hadis yang berlalu telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“...dia (seorang lelaki) berbuat baik kepada temannya dan bersikap kering kepada bapanya...”*

Maksud “*berbuat baik kepada temannya dan bersikap kering kepada bapanya*” dalam hadis ini ialah: “Si anak lebih

mengutakan dan menghormati pandangan dan nasihat daripada temannya atau orang lain daripada ayahnya sendiri, kerana mensifatkan temannya seorang yang terpelajar, berbudaya dan moden serta berwawasan luas, dan sebaliknya mensifatkan ayahnya sendiri tidak sedemikian halnya, bahkan dipandangnya sebagai seorang yang kolot dan berfikiran ortodoks, kekampungan dan tanpa wawasan.”

Tanda-tanda ini (nombor 48 dan 49) Nabi s.a.w. telah menyebut sebagai salah satu sikap kederhakaan seseorang yang menghapuskan hak-hak ibu bapa, lantaran oleh kelemahan fitrah ibu dan bapa, membuatkan anak menjadi fasik dan kurang ajar, tidak menghormati hak-hak ibu bapa mereka yang sepatutnya menjadi sebagai tempat rujuk dalam segala perkara.

Puncanya, kerana si anak mengirakan bahawa temannya adalah seorang yang terpelajar, berbudaya dan moden serta berwawasan luas, maka dia menerima segala nasihatnya dan berusaha mengambil hatinya, sedangkan ibu dan bapanya dianggap tidak sedemikian halnya, bahkan dipandang rendah, kononnya berfikiran kolot dan tidak berpelajaran.

Anak-anak yang bernasib celaka seperti ini tidak mengetahui bahawa ibu bapalah orang yang amat menginginkan kebaikan dengan memberi nasihat yang paling tulus (ikhlas) tanpa ada apa-apa kepentingan. Oleh kerana itu, maka dialah (ibu bapa) yang paling pantas untuk didekati dan dihormati, sedangkan sahabat-sahabat serta orang lain bila mendekatinya tentu mempunyai niat dan tujuan serta pelbagai kepentingannya terhadapanya. Tapi hal itu tidak akan dilakukan oleh ibu bapa.

58. Meninggikan suara di dalam masjid

Nabi s.a.w. telah bersabda: “...*dan suara-suara meninggi di dalam masjid.*” (Riwayat At-Tirmizi dari Abu Hurairah)

Sikap seperti ini juga disebabkan oleh kurangnya agama, sedangkan apabila seseorang memasuki ke dalam rumah seorang pemimpin atau menteri, maka dia akan merendahkan

suaranya, menjaga penglihatannya, menundukkan kepalanya dengan hormat, dan dia akan menahan nafasnya dengan penuh beradab sehingga tidak terdengar kecuali bisikan nadinya. Bagaimana pula kita memasuki rumah Allah? Tentu lebih halus lagi akhlak kita, lantaran rumah Allah lebih berhak untuk dihormati dan dibesarkan.

Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, ketika di dalam rumah para pemimpin dan pembesar yang terdiri daripada manusia dan makhluk Allah yang sama seperti kita, lebih kita hormati dan menjaga adab-adabnya, tetapi apabila kita berada di dalam rumah Allah, Tuhan Azza wa Jalla, kita tidak menghirau adab-adab berada di dalamnya, sehingga berani meninggikan suara, bercakap hal-hal keduniaan dan sebagainya.

Sebab timbul keadaan dan sikap demikian, ialah kerana manusia di zaman ini lemah iman sehingga hatinya tidak berasa akan kebesaran Allah, tidak mengagungkan Allah, tidak menghormati rumah Allah. Itulah rupa bentuk manusia di akhir zaman, hatinya tidak sensitif dengan Allah.

59. Agama dipelajari bukan untuk kemaslahatan agama

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “...*ilmu agama dipelajari bukan untuk kemaslahatan agama...*” (Riwayat At-Tirmizi dari Abu Hurairah)

Diriwayatkan oleh Al-Hakim dan Al-Mustadrak bahawa Saidina Umar Al-Kattab berkata (berucap); “*Saya amat takut nanti akan terkena ke atas kamu selepas ketiadaan saya nanti, iaitu akan terjadi nanti seorang lelaki yang tidak berdosa, tiba-tiba ia ditangkap, dicincang dan dilapah bagai unta (dibunuh) tanpa sebab.*” Ada orang berkata; “*Sebab dia dibunuh kerana dituduh derhaka (jahat) padahal ia tidak derhaka.*” Berkata Saidina Ali yang berada di bawah mimbar: “*Bilakah perkara itu akan berlaku, ya...Amirul Mukminin (Saidina Umar Al-Kattab), kenapa amat berat bala itu, apakah sebab nyata keganasan itu, sebab apa ditawan para wanita dan anak-anak,*

kenapa fitnah dan porak-peranda menimpa mereka seperti pengisar menghancurkan barang yang dikisar dan kapak memecahkan kayu api?." Jawab Saidina Umar Al-Kattab: "Apabila seorang belajar ilmu agama bukan kerana agama dan bukan untuk beramal dengan ikhlas hati, sebaliknya kerana niat ingin mencari harta dan keduniaan melalui ilmu agama dan amalan akhirat."

Adapun orang yang belajar ilmu agama dengan niat yang salah dan untuk tujuan duniawi yang rendah, berharap agar dia dikatakan sebagai orang alim atau seorang pelajar ilmu atau untuk menyombongkan diri kepada orang yang jahil atau untuk dapat melawan para ulamak atau sekadar untuk mendapatkan suatu jabatan dan harta, maka niat orang seperti ini adalah tercela dan berdosa, bukannya berpahala, dan di akhirat akan dikatakan sebagai seorang "pembongong" dan dimasukkan ke dalam neraka.

Nabi s.a.w. bersabda: *"Seorang lelaki yang menuntut ilmu kemudian dia mengajarkannya dan ia juga membaca al-Quran, maka dia membawanya, kemudian Allah mengingatkan kepadanya akan nikmat-nikmat-Nya, maka tahulah dia. Kemudian Allah berkata kepadanya: Apakah yang kamu ketahui dari nikmat-nikmat itu? Dia menjawab: Saya telah belajar ilmu, saya mengajarkannya dan saya membaca al-Quran demi kerana Engkau. Allah berfirman: Kamu telah berbohong, akan tetapi kamu mempelajari ilmu adalah supaya kamu dikatakan sebagai orang alim, dan kamu membaca al-Quran adalah supaya dikatakan bahawa kamu seorang qari, sedangkan hal itu sudah dikatakan. Kemudian orang tersebut dengan perintah Allah ditarik dari arah mukanya dan dimasukkan ke neraka."* (Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

Apabila kita melihat kepada kenyataan dan hakikat yang terjadi pada para pelajar agama di zaman ini, maka kita akan mengetahui dengan jelas bahawa sabda Nabi s.a.w. di atas telah terbukti berlaku, bahawa: *"Agama dipelajari bukan untuk kemashalatan agama."* Tambahan pula pada zaman ini orang sering belajar agama bertujuan agar mudah mendapat kerja

atau dapat jadi pegawai, agar dapat kehormatan. Oleh itu, anda perlu meluruskan niat ketika hendak dan sedang menuntut ilmu.

60. Seseorang akan dihormati kerana kejahatannya

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “...*seseorang dihormati kerana orang takut akan kejahatannya...*” (Riwayat At-Tirmizi dari Abu Hurairah)

Dalam kenyataan hidup yang lazimnya bahawa seseorang yang pemurah dan baik hati akan dihormati dan seorang yang bakhil dan jahat akan dihinakan, akan tetapi berlaku pada akhir zaman ini keadaannya menjadi terbalik, di mana orang yang bakhil dan fasik (jahat) akan dihormati, disebabkan oleh orang takut akan kejahatannya dan jauh daripada gangguannya (tindakannya) menjadikan seseorang itu dizalimi.

Contoh yang paling nyata sekali ialah kuasa-kuasa besar seperti Amerika dan negara-negara yang berada di dalam Majlis Keselamatan PBB, negara-negara di dunia yang lemah dalam pelbagai segi terpaksa menghormati mereka kerana takutkan tindakan ketenteraan dan pemboikotan ekonomi. Bahkan seluruh anggota dalam PBB yang berjumlah lebih 180 buah negara terpaksa tunduk dan menghormati apa-apa keputusan Majlis Keselamatan PBB yang cuma berjumlah 5 negara sahaja, iaitu Amerika, United Kingdom, Perancis, Russia dan China. Amerika pula mempunyai Kuasa Veto (pembatal) terhadap keputusan lebih 180 buah negara-negara lain. Bila Amerika atau negara-negara dalam Majlis Keselamatan PBB telah membuat keputusan dan bertindak, tiada negara-negara lain (antara 180 buah itu) berani menyangkal.

Dalam hal-hal lain, penjenayah antarabangsa, kumpulan Mafia umpamanya, dihormati kerana orang takut kepada kekejaman dan kejahatannya. Mana-mana orang ternama dunia terpaksa memohon perlindungan mereka dengan diberi imbuhan tahunan untuk menjaga keselamatan diri dan keluarganya.

Contoh-contoh yang diberikan di atas cuma apa yang berlaku secara umum di pentas dunia, hal yang sama tidak mungkin ia tidak berlaku di setiap negara di dalam dunia ini termasuk negara kita, Malaysia, yang mana tidak mungkin tidak terdapat orang tertentu, sama ada di kalangan golongan pihak penguasa, orang politik, ahli ekonomi, penjenayah dan lain-lain, dihormati dan ditatang kerana ketakutan dan kebimbangan terhadap sikap mereka yang ganas dan mengancam kepentingan seseorang.

Dengan itu jelaslah apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa *“seseorang dihormati kerana orang takut akan kejahatannya”* memang jelas berlaku pada abad yang kita sedang dihidupkan ini. Tidak mungkin apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. itu berlaku hanya untuk beberapa orang tertentu sahaja, dan ia mungkin berlaku juga di dalam sesebuah kampung, daerah, negeri dan membawa kepada negara umnya.

61. Anak-anak akan mudah menjadi pemarah

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Di antara tanda dan isyarat kiamat (telah dekat) bahawa anak-anak akan mudah menjadi pemarah, hujan akan menjadi bencana (panas) dan bahawa jumlah orang jahat (bagai air) membanjir (bah).”* (Riwayat At-Tabrani dari Ibnu Masud).

Oleh kerana itu, tidak hairan terdapat hadis bahawa: *“(Akhir zaman nanti) seorang lelaki yang memelihara anak anjing adalah lebih baik daripada memelihara seorang anak (yang berperangai liar).”* (Riwayat At-Tabrani dari Abu Zar).

Apa yang disebut dalam hadis di atas telah terbukti berlaku pada zaman ini, dan kita sendiri sudah mendengar sesetengah orang tua-tua sentiasa berkeluh-kesah dengan keranah anak-anak mereka yang berperangai liar.

Bagaimana mungkin kedua-dua ibu bapa akan berasa bahagia dengan anak-anak mereka yang menjadi penagih rokok,

penagih hiburan liar, penagih arak dan narkotik, heroin atau kokain. Bagaimana mungkin kedua-dua ibu bapa akan berbahagia, jika didapati anak-anak mereka ditangkap kerana terlibat dengan black metal, skinheaded, mat rempit dan lain-lain penyimpangan social.

Anak-anak demikian pantang ditegur, lalu bertidak ganas, tidak kira yang menegur itu siapa, termasuk ibu bapa mereka sendiri, sehingga ada yang sanggup memukul hatta membunuh ibu bapa mereka sendiri. Oleh itu tidak hairanlah pernah tersiar di dalam media massa tempatan dan juga luar negara, pelajar kaki buli, kaki pukul dan peras ugut, termasuk memukul guru sendiri. Anak-anak muda bersikap seperti samseng, termasuk samseng jalanan, mat rempit mengamuk dan macam-macam lagi keranah dan gelagat anak-anak muda yang berwatak liar.

Bila mendapati anak-anak berperangai demikian, yang paling menderita, sedih dan kecewa sekali ialah ibu bapa. Walaupun sesetengah masyarakat memandang mereka sebagai sampah masyarakat, tetapi nun jauh di sudu hati ibu bapa, sejahat manapun perangai anak-anak mereka dan sebenci manapun masyarakat terhadap mereka, tetapi bagi ibu bapa anak tetap anak. Selaku ibu bapa, tetap bersikap terbuka dan tetap tidak menyisih anak-anak dan darah daging mereka sendiri daripada hati mereka.

Ketika yang sama, jika berlaku sesuatu musibah ke atas anak-anak mereka, sama ada sakit, kemalangan, dan kematian, selaku ibu bapa tetap berasa sedih. Jika anak-anak mereka ditangkap dan dipenjara atau dimasukkan ke dalam pusat pemulihan akhlak atau ke pusat seranti, mereka tetap pergi berziarah dan membawa juadah yang digemari anak-anak mereka. Walaupun sebelum itu anak-anak mereka berperangai amat menyakitkan hati mereka (ibu bapa). Itulah hati ibu bapa yang patut selami dan dirasakan oleh anak-anak, janganlah cuma mengikut hati dan perasaan, hendaklah anda beringat suatu hari nanti anda juga akan bertukar daripada menjadi anak kepada menjadi ibu bapa. Jika anda bersikap liar sekarang ini, suatu hari nanti anak-anak anda pun akan

berperangai sedemikian juga, lalu ketika itu anda akan mengambil alih kedudukan dan memendam perasaan sepertimana ibu bapa anda rasai sekarang ini.

62. Hujan akan menjadi bencana

Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Di antara tanda dan isyarat kiamat (telah dekat)...hujan akan menjadi bencana (panas)..."* (Riwayat At-Tabrani dari Ibnu Masud).

Pada dasarnya Allah s.w.t. menurunkan hujan untuk rahmat dan kebaikan kepada segenap makhluk, yang mana dengannya Allah akan menghidupkan bumi dengan tumbuh-tumbuhan dan menghidupkan haiwan untuk manusia. Lantaran masih adanya manusia yang taat beribadah dan anak-anak yang sedang menyusu dan binatang-binatang yang kehausan, lalu hujan diturunkan oleh Allah untuk semua makhluk-makhluk tersebut.

Dari Abu Hurairah, Rasulullah s.a.w. bersabda: *"(Pada suatu ketika) Nabi Sulaiman a.s. telah keluar (bersama pengikutnya) untuk melakukan solat Istisqa (memohon hujan), Nabi Sulaiman melihat seekor semut terlentang sambil mengangkat kaki dan berdoa ke arah langit dan berkata: 'Ya Allah sesungguhnya kami adalah makhluk di antara makhluk-makhlukmu, kami bukanlah tidak memerlukan kepada hujan-Mu.' Selepas melihat keadaan semut itu Nabi Sulaiman berkata (kepada pengikutnya); 'Kembalilah kamu kerana kamu akan diberi hujan dengan doa makhluk selain kamu.'"* (Riwayat Ahmad).

Di akhir zaman ini hujan yang turun bukan lagi menjadi rahmat, tetapi menjadi azab, yang menyebabkan banjir besar menghancurkan dan memusnahkan alam dan manusia, membuatkan manusia takut. Hujan yang turun sekarang ini bukannya lagi memberi khabar gembira (rahmat) kepada manusia, tetapi sebagai khabar ketakutan dan bala kepada makhluk manusia.

63. Harga barang melambung tinggi

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Hitunglah ada enam perkara yang akan terjadi menjelang (di gerbang pintu) hari kiamat, iaitu: Kematianku, kemudian penaklukan Baitul Maqdis, kemudian kematian mengejut seperti penyakit Qu’as kambing (penyakit yang pernah menyerang kambing dan mematikannya dengan cepat). Kemudian melimpahnya wang (harta) sehingga apabila seseorang diberi gaji seratus dinar (dinar adalah wang yang emas tulin), maka dia tetap tidak puas (kesal), kemudian munculnya fitnah (godaan, kekacauan dan kemaksiatan) yang memasuki setiap rumah-rumah orang Arab. Kemudian adanya genjatan senjata (perdamaian) antara kamu dengan Bani Ashfar (Eropah dan Amerika), kemudian mereka mengkhianati kamu, di mana mereka akan menyerangmu di bawah 80 bendera dan di bawah tiap-tiap bendera itu terdapat 12,000 orang (tentera).”* (Riwayat Bukhari dalam Kitab Sohehnya dari Auf bin Malik, kitab Al-Jizyah wa Al-Mawada’ah, Juz. 6. Diriwayatkan oleh Ahmad dan Tabrani dari Muaz bin Jabal).

Pada bahagian ini, apa yang ingin dibincangkan ialah tentang kenaikan harga barangan keperluan dan perniagaan rugi. Dalam hadis di atas Rasulullah s.a.w. menceritakan akan berlaku; *“...melimpahnya wang (harta) sehingga apabila seseorang diberi gaji seratus dinar (dinar adalah wang yang emas tulin), maka dia tetap tidak puas (kesal)...”* tanda ini sudah muncul akhir-akhir ini di mana wang semakin melimpah sedangkan kemampuannya lemah untuk memenuhi segala keperluan hidup kerana mahalunya harga barang-barang keperluan dan semakin tingginya kadar inflasi.

Pada zaman Rasulullah s.a.w., satu dinar (wang emas tulin) sudah cukup untuk membeli seekor kambing. Akan tetapi, pada hari ini apabila seorang lelaki diberikan gaji 100 atau 200 atau 300 dinar, dia masih berasa tidak puas hati kerana belum mencukupi bagi menampung keperluan hidupnya dan dia akan tetap mengeluh kerana kurangnya pendapatan dan mahalunya harga barang-barang.

Isyarat hadis di atas telah pun berlaku, yang mana kadar inflasi meningkat. Pendapatan harian atau bulanan tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup, kerana harga barangan keperluan tinggi, termasuk harga rumah dan sewa rumah tahun demi tahun naik, harga kenderaan dan tambang pengangkutan juga naik dengan kenaikan harga minyak.

64. Perniagaan menjadi rugi

Riwayat At-Tabrani dari Ibnu Mas'ud r.a. (dalam Al-Kabir) bahawa Rasulullah s.a.w.: *"Tidak akan berlaku kiamat sehingga masjid-masjid dijadikan (sebagai) jalan raya dan tiada lagi ada orang bersujud di dalamnya. Sehingga orang muda menghantar orang tua mereka dalam sesuatu perkara (kerana beberapa urusan) dalam perjalanan yang jauh antara dua ufuk (dengan kapal terbang), dan sehingga saudagar menghantar barang-barang perniagaan antara dua ufuk tidak mendapat sesuatu laba (keuntungan) apa-apa dari perniagaan itu (menghadapi kerugian)."*

Kenaikan harga barangan diikuti pula dengan perniagaan rugi, kerana pengaruh kenaikan barang lain, di samping kenaikan harga minyak dan faedah bank bersumberkan riba.

Kita dapati sekarang ini telah terjadi secara berleluasa kejadian bankrapsi, para peniaga dan ahli korporat disenaraihitamkan oleh bank, walaupun perniagaan bermodalkan jutaan ringgit dan diuruskan oleh pakar-pakar ekonomi, berlaku juga kerugian, sehingga pihak bank terpaksa mengulangi pinjaman untuk menghidupkan semula perniagaan.

Tepatlah sepertimana diramalkan oleh Nabi s.a.w. bahawa *"...dan sehingga saudagar menghantar barang-barang perniagaan antara dua ufuk tidak mendapat sesuatu laba (keuntungan) apa-apa dari perniagaan itu (menghadapi kerugian)"*, dan kini keadaan itu menjadi kenyataan.

65. Riba berleluasa

Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah dan Al-Hakim dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Demi, tiada datang kepada manusia suatu zaman, yang mana tiada seseorang pun (dapat mengelakkan diri) melainkan dia akan makan riba, sekiranya ia tidak makan riba, maka ia terlibat juga dengan debu-debu riba.”*

Hadis dalam Musnad Al-Harith daripada Al-Hasan dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Akan datang suatu zaman, yang mana ketika itu setiap orang akan memakan riba. Para sahabat ada yang bertanya; Semua sekali terlibat? Jawab Rasulullah s.a.w; Ya, dan barangsiapa yang tidak makan riba pun, dia akan terkena juga debu-debu dari riba itu.”*

66. Tiada lagi sumber rezki yang halal

Berkata Al-Hasan bin ‘Arafah dalam “Al-Juz” dari Hizaifah, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Tiada berlaku kiamat sehingga jarang-jarang terjadi tiga perkara (sebelum ini tidak pernah berlaku), iaitu wang dari sumber yang halal (kerana telah bercampur dengan haram dan syubhat), ilmu yang memberi manfaat (kerana orang hari ini mencari ilmu kerana tujuan untuk mencari kehidupan dunia, sedikit sekali yang belajar kerana Allah) dan orang yang bersahabat kerana Allah (kerana orang hari ini bersahabat kerana mencari kepentingan dan faedah dunia).”*

Hadis riwayat Abu Na’im dalam Al-Hilyah dari Ibnu Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Sedikit sekali pada akhir zaman (menjelang kiamat, ertinya sekarang ini) wang diperolehi dari sumber yang halal dan seorang sahabat yang boleh di’timad (yang boleh dijadikan tempat bergantung dan dipercayai kejujurannya).”*

Hadis di atas Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa di antara tanda-tanda kiamat telah dekat ialah di akhir zaman nanti sukar akan didapati rezeki yang halal.

67. Tiada lagi sahabat setia

Berkata Al-Hasan bin 'Arafah dalam "Al-Juz" dari Hizaifah, katanya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *"Tiada berlaku kiamat sehingga jarang-jarang terjadi...orang yang bersahabat kerana Allah (kerana orang hari ini bersahabat kerana mencari kepentingan dan faedah dunia)."*

Hadis riwayat Abu Na'im dalam Al-Hilyah dari Ibnu Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *"...menjelang kiamat (sukar sekali untuk mendapat) seorang sahabat yang boleh dii'timad (yang boleh dijadikan tempat bergantung dan dipercayai kejujurannya)."*

Hadis di atas Rasulullah s.a.w. menerangkan bahawa di antara tanda-tanda kiamat telah dekat ialah di akhir zaman nanti sukar untuk mencari dan mengikat tali persahabatan kerana Allah, kerana umumnya orang hari ini bersahabat kerana mencari kepentingan dan faedah dunia.

68. Pengaruh buruk akan memasuki setiap rumah

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *"...munculnya fitnah (godaan, kekacauan dan kemaksiatan) yang memasuki setiap rumah-rumah orang Arab..."* (Riwayat Bukhari dan Ahmad).

Sejak zaman Nabi Adam a.s. sampai sekarang tidak ada fitnah yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. yang "memasuki setiap rumah", kecuali fitnah yang muncul di zaman sekarang ini dalam bentuk pengaruh negatif yang dibawa oleh television, video, muzik, nyanyian dan hiburan-hiburan atau alat-alat moden lain seperti talifon mudah alih, internet dan lain-lain. Sekarang ini alat-alat tersebut dilapurkan oleh media massa telah membawa pengaruh negatif sehingga merosakkan akhlak muda mudi dan tidak kurang juga ke atas orang separuh usia, kerana alat-alat tersebut sudah menjadi umum dan tersebar hampir di setiap rumah. Adapun yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. khususnya "rumah-rumah orang Arab", kerana pengaruh alat-alat tersebut terakhir sekali akan masuk ke dalam rumah

orang Arab. Ertinya setelah rumah-rumah bangsa lain telah sempurna pengaruhnya, barulah merebak ke rumah orang Arab di tanah Arab. Sekarang ini kita dapati semua rumah orang Arab sudah dimasukinya. Ertinya telah sempurnalah tanda-tanda kiamat itu benar-benar telah menjadi kenyataan.

69. Fitnah kesusahan dan pelarian peperangan

Diriwayatkan oleh Abu Daud dari Abdullah bin Umar, dia berkata: *“Pada suatu ketika sedang kami duduk-duduk bersama Rasulullah s.a.w., beliau s.a.w. berbicara tentang fitnah-fitnah (cubaan dan huru-hara) sehingga beliau menyebut fitnah **Al-Ahlah**. Lalu seseorang bertanya kepada Beliau s.a.w.: Wahai Rasulullah, apakah fitnah Al-Ahlah itu? Beliau menjawab: Pelarian diri (dari tanggung jawab seperti lari dari medan perang) dan hilangnya harta dan keluarga. Kemudian (beliau s.a.w. menyebut pula) fitnah **As-Sarrak** (fitnah kesenangan) yang mana ia berasal dari dua tapak kaki seorang lelaki yang berasal dari kaumku yang mana dia mengaku berasal dari keturunanku, sedangkan dia bukanlah dari keturunanku, akan tetapi sesungguhnya para waliku adalah orang yang bertakwa. Kemudian manusia akan dipimpin oleh seorang lelaki seperti paha di atas rusuk (yang berjalan tidak stabil atau tempang) dan berlangsung (masa pimpinannya) tidak lama, kemudian datanglah **Duhaimak** (bencana dan huru-hara), yang mana dia tidak akan membiarkan seorang dari umat ini kecuali akan diserangnya (oleh fitnah **Duhaimak** itu). Apabila dikatakan ia telah selesai, maka ia akan menjadi-jadi. Pada pagi harinya seorang lelaki akan beriman sedangkan pada malam harinya dia akan menjadi kafir, sehinggalah manusia akan (berpecah) menjadi **dua blok**. Blok beriman tidak ada kefasikan padanya dan blok fasik pula tidak ada iman padanya. Apabila telah terjadi hal tersebut, maka tunggulah (kemunculan) Dajjal sejak dari hari itu atau esoknya.”* (Riwayat Abu Daud, Ahmad dan Al-Hakim. Sanadnya soheh. Lihat “Al-‘Ilal” oleh Ibn Abi Hatim).

Pokok pembicaraan kita pada bahagian ini ialah tentang fitnah **Al-Ahlah** seperti mana yang dijelaskan oleh bahawa Ahlah ialah pelarian dari peperangan, hilangnya harta dan keluarga.

Kalimah “Al-Ahlah” mengikut bahasa bererti: “Kain yang diletakkan di atas punggung unta.” Imam At-Khattabi berkata: “Fitnah ini disebut dengan ahlah, kerana fitnah ini sangat panjang masanya kerana pengertian ahlah mengikut bahasa bererti ‘kain yang digunakan sebagai alas duduk di atas suatu tempat setama ia tidak diangkat kembali’. Dan dalam tafsiran yang lain fitnah itu disebut ahlah, kerana warnanya yang hitam kelam” (Kitab “Ma’atimussunan” oleh Al-Khattabi, hal. 131).

Fitnah Ahlah adalah fitnah yang sangat panjang yang sudah dimulai semenjak zaman para sahabat, di mana Al-Faruq Umar bin Khattab merupakan dinding pembatas antara kaum Muslimin dengan fitnah ini, sebagaimana yang diterangkan oleh Nabi s.a.w. ketika beliau berkata kepada Umar: “*Sesungguhnya antara kamu dan fitnah itu terdapat pintu yang akan hancur.*” (Diriwayatkan dalam hadis Huzaifah yang masyhur dalam kitab Bukhari dan Muslim).

Jadi, fitnah Ahlah ini panjang masanya yang telah bermula sejak masa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan dan terus berlanjut pada kaum Muslimin sehingga datang pula fitnah **As-Sarrak** (fitnah kesenangan harta benda), yang mana ia telah benar-benar bermula pada zaman yang sedang kita berada sekarang ini. Sedangkan fitnah As-Sarrak ini akan menjadi sebagai pintu gerbang penyambutan kedatangan fitnah **Duhaimak** (bencana huru-hara dan kesusahan), iaitu fitnah pertempuran-pertempuran terakhir yang akan bermula dengan perang Armagadon dan fitnah Duhaimak ini akan berakhir dengan terbunuhnya Dajjal yang laknat oleh Allah dan dibunuh oleh Isa Ibn Maryam a.s.

Apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. ini memang menjadi kenyataan di mana ketika Umar baru saja meninggal dunia, hancurlah pintu (benteng pembatas) tersebut dan terbukalah fitnah ini terhadap kaum Muslimin dan ia tidak pernah berhenti sampai sekarang ini, sungguh benar apa yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w., ia adalah fitnah Ahlah.

Zaman mana kita berada sekarang ini telah jelas berlaku bahawa terlalu ramai terdapat pelarian perang sejak tercetusnya peperangan di Palestin dan Jordan, ketika berlakunya peperangan antara Iran dan Iraq, ketika Iraq serang Kuwait, ketika Amerika serang Afghanistan, ketika tentera bersekutu menyerang Iraq dan lain-lain peperangan yang telah pun berlaku ke atas umat Islam.

70. Muncul pula fitnah As-Sarrak, cuhaan, pengaruh buruk dan kekacauan yang disebabkan oleh harta henda

Pada hadis di atas disebutkan bahawa setelah berlaku fitnah Al-Ahlah beliau s.a.w. menyebut pula: *“...fitnah As-Sarrak (fitnah kesenangan) yang mana ia berasal dari dua tapak kaki seorang lelaki yang berasal dari kaumku yang mana dia mengaku berasal dari keturunanku, sedangkan dia bukanlah dari keturunanku, akan tetapi sesungguhnya para waliku adalah orang yang bertakwa. Kemudian manusia akan dipimpin oleh seorang lelaki seperti paha di atas rusuk (yang berjalan tidak stabil atau tempang) dan berlangsung (masa pimpinannya) tidak lama...”* (Riwayatkan Abu Daud, Ahmad dan Al-Hakim. Sanadnya soheh dan disohehkan oleh Ad-Dhazabi. Lihat “Al- ‘Ilal” oleh Ibn Abi Hatim).

Fitnah Al-Sarrak dimaksudkan kepada fitnah yang disebabkan oleh harta, kekayaan dan segala kemudahan yang berpunca daripada perkembangan teknologi moden dan digital dan sebagainya. Fitnah ini terjadi setelah fitnah Ahlah yang merupakan pintu masuk ke fitnah Duhaimak.

Kami memperhatikan bahawa fitnah ini (Sarrak) tidak pernah dibahas dengan menyebut ciri-cirinya secara mendalam oleh para ulamak sejak dahulu sampai sekarang, kerana hal ini disebabkan fitnah ini belum terjadi dan belum muncul dengan sempurna, kecuali pada zaman kita ini. Oleh kerana itu, sesuai dengan semua dalil dan apa yang sudah diterangkan pada pembahasan sebelumnya, maka di sini dinyatakan; bahawa hari akhir (kiamat) sudah dekat dan bahawasanya fitnah-fitnah yang disebut dalam hadis di atas (fitnah Ahlah,

fitnah Sarrak dan fitnah Duhaimek) secara beriringan akan menggiringi kita hingga kepadanya munculnya Dajjal sebagaimana yang disebutkan pada hujung hadis di atas: *"...Apabila telah terjadi hal tersebut, maka tunggulah (kemunculan) Dajjal sejak dari hari itu atau esoknya..."*

Oleh itu dinyatakan di sini bahawa: Sesungguhnya fitnah "Sarrak" telah dimulai dengan penyerangan Iraq terhadap Kuwait pada tahun 1990 Masihi, dengan dalil, alasan sebagai berikut:

1. Sesungguhnya fitnah ini disebut oleh Nabi s.a.w. sebagai fitnah "Sarrak" atau fitnah (pergaduan dan huru-hara) yang disebabkan oleh harta benda dan segala kesenangan, sedangkan penyerangan Iraq terhadap Kuwait berpunca daripada harta benda dan minyak Kuwait yang makmur.

2. Penyebab dari penyerangan itu adalah Saddam Husain seorang laki-laki yang mengaku berasal dari Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad s.a.w.), sedangkan sebenarnya bukanlah demikian, kerana Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa orang yang termasuk dalam kelompok mereka (para wali Rasulullah s.a.w.) adalah orang yang bertakwa dan amat takut kepada Allah, di mana dia tidak akan mengumumkan kepada manusia bahawa dia adalah turunan Nabi s.a.w. kerana takwanya kepada Allah s.a.w.t. sedangkan Saddam Husain telah mengumumkan bahawa dia adalah berasal dari keturunan Rasulullah s.a.w., sehingga ada keturunan Rasulullah s.a.w. yang sebenarnya berkata sambil mengejek: "Apakah yang akan kita lakukan terhadap seorang lelaki yang mengaku berasal dari Ahlul Bait."

3. Bahawa dengan pencerobohan Saddam Husain ke atas Kuwait telah menjadi penyebab timbulnya "fitnah Sarrak" ini. Jadi, fitnah (huru-hara) ini telah bermula dengan dibawanya kaum Rom (Eropah dan Amerika) ke negara-negara Islam (oleh pihak-pihak tertentu, pihak yang diserang atau yang merasa terancam) sehingga mereka berjaya membangun pangkalan tentera dengan alasan untuk menjaga keamanan, sebagai misi

perdamaian, perlindungan terhadap kepentingan-kepentingan bersama dan untuk membantu pihak-pihak yang memerlukan pertolongan mereka.

Di antara riwayat yang menakjubkan dari Rasulullah s.a.w. adalah hadis Beliau s.a.w. yang berbunyi: *“Akan muncul seorang lelaki yang berasal dari suku Quraisy yang hidungnya pendek lagi mancung (runcing) yang akan menguasai suatu kekuasaan, kemudian dia dapat dikalahkan atau dia dicabut dari kekuasaannya (digulingkan kuasanya), maka dia melarikan diri ke Rom dan kemudian dia membawa mereka ke Iskandariyah, maka dia memerangi Ahli Islam (kaum Muslimin) dengan mereka. Maka, itulah awal dari pertempuran-pertempuran besar.”* (Diriwayatkan oleh Arruyani dalam kitab Musnadnya dari Abu Zar, dan dia juga disebut oleh pemilik kitab Al-Isya’ah fii Asyratissa’ah, halaman 163)

4. Urutan kejadian-kejadian ini menunjukkan bahawa fitnah Sarraak ini akan diakhiri oleh kesepakatan manusia kepada seorang pemimpin di mana dia bukanlah seorang raja atau pemimpin dan kadangkala dia disebut dengan panggilan “Khalifah” sebagaimana warga Saudi Arabia menyebut raja mereka. Jadi, lelaki ini keadaannya tidak menentu kerana ia bukanlah seorang raja atau khalifah atau amir dan bukan pula seorang sultan, maka dia berkuasa hanya dalam waktu yang sedikit, inilah maksud dari sabda Rasulullah s.a.w.: *“Kemudian manusia akan ikut kepada seorang lelaki yang keadaannya seperti tulang paha di atas tulang rusuk (tempang).”* (Lihat “Ma’atimussunan” oleh Al-Khattabi, juz 6, halaman 131.).

Dan setelah kemunculan lelaki ini, maka akan langsung diikuti oleh munculnya Imam Mahdi a.s. dan pembai’atannya dan ketika itu dimulailah “fitnah Duhaimak”, hal ini sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. berikut: *“Akan terjadi suatu perselisihan ketika meninggalnya seorang khalifah, maka keluarlah seorang lelaki dari penduduk Madinah dan dia lari ke Makkah, maka datanglah kepadanya orang yang berasal dari penduduk Makkah, lalu mereka membawa lelaki tersebut dengan paksa, kemudian mereka pembai’atnya antara Hajarul*

Aswad dengan Maqam Ibrahim.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Ummi Salamah. Riwayat Ibn Abi Syaibah dan Tabrani dalam “Al-Ausat”, Al-Haithami tetah berkata dalam kitab “Maima’uzzawaid”: “Para perawinya adalah para perawi hadis soheh.” Dihasankan oleh Ibn Qayyim. Akan tetapi, pada sanadnya ada seorang perawi yang dilemahkan oleh lebih dari satu ulamak hadis, oleh kerana itu, maka Al-Albaani melemahkan hadis ini dalam Ad-Dha’ifah, nombor 1965, akan tetapi kemudian beliau menyebut hal-hal yang mengikutinya dalam As-Sohehah, no. 1924.).

Fitnah **Duhaimak** (bencana huru-hara dan kesusahan), iaitu fitnah pertempuran-pertempuran terakhir yang akan bermula dengan perang Armagadon dan fitnah Duhaimak ini akan berakhir dengan terbunuhnya Dajjal yang laknat oleh Allah dan dibunuh oleh Isa Ibn Maryam a.s.

71. Kebenaran hadis Rasulullah s.a.w. tentang peperangan di Asia Barat

Setiap apa yang berlaku di atas muka bumi ini, di hadapan mata kita dan termasuk yang kita sedang alami sekarang ini, sebenarnya semuanya telah diberitakan oleh Rasulullah s.a.w. sejak 1,400 tahun lalu lagi, sebagai petanda bahawa zaman kita berada ini sebagai zaman yang telah berada di garis penghujung usia dunia. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. memang benar dan sentiasa benar. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Pada akhir zaman nanti akan berlaku peperangan demi peperangan demi peperangan.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim dari Zuhri, dari Said an dari Abu Hurairah).

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: *“Hampir saja tidak boleh dibawa ke negeri Iraq secupak (qafizh) makanan (gandum) atau sedirham (wang). Kami (sahabat Nabi s.a.w.) bertanya: ‘Siapakah yang melakukan itu, ya Rasulullah?’ Beliau menjawab: ‘Orang ‘Ajam (bukan bangsa Arab) yang melarang hal tersebut’. Kemudian beliau s.a.w. berkata: ‘Hampir saja tidak boleh dibawa secupak makanan (mudyun) atau sedinar (wang) kepada penduduk Syam’. Kami bertanya; ‘Siapakah yang*

melakukan itu ya Rasulullah?’ Beliau menjawab: ‘Orang Rom kemudian dia (Jabir) diam sejenak dan berkata: ‘Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Pada akhir masa umatku akan ada seorang khalifah yang melimpahkan (membawa kemakmuran) harta selimpah-limpahnya dan dia sama sekali tidak akan menghitung-hitungnya.’” (Riwayat Muslim dan Ahmad).

Apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. bahawa ekonomi Iraq disekat telah pun berlaku, dan dilakukan oleh PBB yang didalangi oleh Amerika sejak 1991. Demikian dengan penaklukan dan pemboikotan ke atas Syam.

Rasulullah s.a.w. bersabda lagi: *“Kamu akan berdamai dengan kaum Rom lalu memerangi musuh di belakang kamu.”* (Riwayat Bukhari dalam Sohehnya dari ‘Auf bin Malik).

Maksud hadis ini ditujukan kepada pakatan Pakistan dengan Amerika memerangi Taliban dan juga pakatan antara negara teluk (Kuwait, Qatar, UAE, Bahrain, Arab Saudi, Jordan, Turki) dengan Amerika untuk memerangi Iraq. Penganalisis Hadis mengatakan Rom (Bani Ishaq) itu ialah Amerika dan Eropah. Semuanya ini sudah berlaku.

Sabda Rasulullah s.a.w.: *“...Kamu akan berebutkan harta di Sungai Furad (Euphrates) di Iraq sehingga 99 orang daripada 100 orang akan mati.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim dalam al-Fitan).

Ini telah pun berlaku di mana pertempuran-pertempuran berlaku antara tentera Iraq dan Amerika untuk merebut jambatan-jambatan di Sungai Furad (Euphrates) dan di sepanjang Sungai Furad (Euphrates). Harta di sungai Furad pula merujuk kepada perebutan kekayaan minyak di sepanjang sungai tersebut, di kiri kanannya yang kaya dengan sumber minyak.

Tanda ini dan tanda selanjutnya adalah suatu tanda yang paling menakjubkan dari khabar-khabar Rasulullah s.a.w. tentang peristiwa yang akan terjadi di akhir zaman. Kerana,

ini telah terbukti bahawa Iraq seperti seorang budak yang tertawan yang tidak mempunyai hak atau gerakan apapun kecuali seperti apa yang ditekankan oleh pihak yang menawannya. Pemimpin Iraq Saddam selain ia pernah menyerang Kuwait yang mewah, kemudian Saddam ditundukkan oleh kaum Rom (Amerika dan Eropah) di mana mereka (kaum Rom, Eropah dan Amerika) kembali datang ke negeri kita dan menjejakkan tapak kaki mereka di bumi kita dan mendirikan pangkalan-pangkalan tentera mereka dengan rasmi mengikut hukum antarabangsa. Mereka telah menyerang Iraq pada segala posisi dan tempat strategik, tempat-tempat bersejarah dan tempat-tempat penting yang menjadi kebanggaan dan keagungan umat Islam di Timur.

Setelah kekalahan Iraq, mereka mengepung dan memboikot Iraq daripada makanan dan ubat-ubatan dan daripada menjual minyak buminya, kemudian setelah beberapa waktu berselang mereka (Rom) memberi Iraq beberapa syarat perjanjian yang mereka sebut dengan “perjanjian minyak ditukar dengan makanan”. Sehingga dengan demikian mereka dapat mengambil untung daripada hasil minyak Iraq dan memaksanya untuk menjual dengan harga yang sangat murah. Setelah mengadakan perjanjian yang tidak adil, kasar dan menyakitkan, mereka (Barat) tetap tidak melaksanakan janjinya.

Sungguh benar apa yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa Iraq telah dan terus-menerus dikepung dan diboikot. Setelah Iraq ditawan, Rasulullah s.a.w. menyebut pula bahawa Syam (Syria) akan dilakukan serupa dengan Iraq, disekat darinya makanan dan diperas minyaknya. Hal itu dibenarkan oleh hadis bahawa bersabda Rasulullah s.a.w.: “...*Kamu akan dikhianati oleh Bani Ishaq (Amerika dan Eropah) lalu kamu berperang di Dabiq (satu kawasan dekat Damsyik).*” (Riwayat Bukahri dalam Sohehnya dari ‘Auf bin Malik).

Damsyik ialah ibu negara Syria, yang kaya dengan minyak, yang anti-Amerika dan akan menjadi sasaran Amerika selanjutnya, berdasarkan keterangan hadis di atas yang mana

Rasulullah s.a.w. bersabda; “...*Hampir saja tidak boleh dibawa secupak makanan (mudyun) atau sedinar (wang) kepada penduduk Syam, kami bertanya; ‘Siapakah yang melakukan itu ya Rasulullah?’ Beliau menjawab: ‘Orang Rom’...*” (Riwayat Muslim dan Ahmad). Negeri Syam meliputi: Palestin, Syria, Lebanon dan Jordan.

Palestin sudah diboikot dan mereka sekarang ini (sebagaimana yang dikatakan oleh penduduknya) menderita kekurangan makanan, ubat-ubatan dan bantuan-bantuan dan keadaan semakin sulit dari hari ke hari, rumah mereka dihancurkan dan kemudian dibangun di atasnya penempatan baru kaum Yahudi. Ertinya kebenaran hadis di atas telah berlaku.

Amerika kononnya berlagak selaku sahabat dunia Arab, tetapi sebenarnya mengkhianati dunia Arab dan dunia Islam amnya dengan menolong Israel dan membolot kesemua kekayaan dunia Arab. Maka kelak akan berlaku peperangan yang lebih besar, iaitu ibu segala peperangan Islam melawan Kuffar (Amerika, Eropah dan Israel). Diramalkan peperangan tersebut dijangka paling besar dalam sejarah manusia. Peperangan ini juga mungkin merujuk kepada kempen peperangan Amerika untuk menakluk Syria dan juga Iran setelah berjaya menakluk Iraq. Mungkin semasa peperangan inilah barulah pemimpin-pemimpin negara Islam sedar dan ketika itu terbongkarlah akan pekung dan niat Amerika yang jahat itu. Pada peperangan inilah barulah rakyat negara-negara Islam dari pelbagai negara bersatu padu untuk bangun menentang Amerika dan sekutunya.

Apa kata Rasulullah s.a.w. selanjutnya tentang peperangan ini? Satu pertiga umat Islam akan lari dari medan pertempuran, satu pertiga lagi musnah, satu pertiga lagi menang.

Diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab Sohehnya dari Abu Hurairah, di mana telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Tidak akan berdiri (terjadi) hari kiamat sehingga kaum Rom*

sampai di Amaq atau di Dabiq (nama tempat) untuk menyerang kamu...dalam pertempuran itu sejumlah sepertiga (1/3) dari tentera Islam melarikan diri dari pertempuran, yang mana mereka tidak akan diampuni dosanya oleh Allah s.w.t. selama-lamanya. Dan sejumlah sepertiga (1/3) lagi daripada tentera Islam (yang bertekad terus berperang) tersebut tewas (dalam peperangan itu) sebagai para syuhada' yang paling baik di sisi Allah s.w.t. Sedangkan sejumlah sepertiga (1/3) lagi dari baki tentera tersebut (yang terus berperang) mendapat kemenangan, yang mana mereka tidak akan tersesat selama-lamanya..." (Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab "At-Fitan wa Asyratussa'ah").

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi: *"Sebahagian orang Islam akan bangun berperang, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Sebahagian lagi bangun berperang, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Lalu bangkit sebahagian lagi, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Akhirnya pada hari keempat bangun lagi umat Islam berperang, mereka tidak takut mati. Banyaklah yang hancur. Hanya segelintir yang menikmati kemenangan."* (Riwayat Muslim dalam Al-Fitan wa Asyratussa'ah).

Tentang nasib Yahudi dalam peperangan ini, Rasulullah bersabda yang mafhumnya: *"Kamu akan menghancurkan Yahudi, sehingga batu dan pokok bercakap menunjukkan tempat Yahudi bersembunyi."* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sebuah hadis dari Abu Umamah diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Ibn Khuimah ia disohehkan oleh Syiekh Nasiruddin Al-Albani, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"(Ketika berlaku peperangan) di bekalang Nabi Isa telah ada Dajjal yang diikuti seramai 70,000 orang Yahudi dengan senjata (pedang) yang disaluti emas dan berjubah besar berwarna hijau. Nabi Musa berhadapan dengan mereka di pintu bahagian timur Kota Lud (di Palestin), lalu Isa membunuh Dajjal, dan Allah mengalahkan orang Yahudi, sehingga tidak ada satu pun makhluk yang diciptakan oleh Allah yang mahu menjadi pelindung kepada orang Yahudi, semua makhluk (termasuk*

batu-batan, binatang dan unggas, dinding-dinding rumah, dan pohon-pohon kayu, kecuali pohon Gharqad) berkata; 'Wahai hamba Allah yang Muslim, di sini ada orang Yahudi, marilah membunuh mereka.'

Dalam hadis lain diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: *"Tidak akan berlaku kiamat sehingga kaum Muslimin memerangkan kaum Yahudi dan membunuh (mengalahkan) mereka. (Ketika itu semuanya memusuhi Yahudi) sehingga bila orang Yahudi bersembunyi di sebalik batu atau kayu, lalu batu dan kayu itu akan berkata; Wahai orang Muslim, wahai hamba Allah, di belakang aku ini ada orang Yahudi, marilah bunuh mereka'. Kecuali yang tidak berkata demikian (melindungi Yahudi) ialah pohon kayu Gharqad, kerana ia termasuk pohon kayu Yahudi."*

Dalam hadis-hadis di atas terdapat isyarat-isyarat yang menerangkan dan menguatkan kepada kita bahawa pertempuran-pertempuran dan huru-hara besar di akhir zaman sudah dekat waktunya. Kerana hadis tersebut menjelaskan bahawa Imam Mahdi a.s. akan muncul setelah keluarnya dua tanda ini (terkecuali Iraq dan Syam).

72. Turki akan memerangi Iraq

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Sekelompok manusia dari umatku akan turun di suatu dataran rendah yang mereka namakan dengan Bashrah pada tepi suatu sungai yang bernama Dajlah. Dan apabila telah datang akhir zaman datanglah Bani Qanthura' (mereka adalah bangsa Turki) yang bermuka lebar dan bermata kecil sehingga mereka menjadi tiga kelompok, iaitu satu kelompok dari mereka mengikuti ekor-ekor sapi mereka di padang pasir (sibuk mengurus harta benda), sedangkan mereka akan hancur, dan satu kelompok dari mereka hanya memperhatikan diri mereka sendiri dan mereka itu telah kafir, dan satu kelompok dari mereka sendiri dan mereka itu telah kafir, dan satu kelompok dari mereka menjadi anak cucu mereka di belakang mereka, kemudian mereka berperang, maka mereka itulah para syuhada'." (Hadis hasan yang diriwayatkan*

oleh Ahmad dan Abu Daud dari Abu Bakrah, dan dalam sanad hadis ini ada satu kritikan iaitu tentang Sa'id bin Jumhan di mana Bukhari dan Ibn Hatim mengkritiknya sedangkan Yahya bin Mu'in dan Abu Daud menyatakan kethiqahannya (kejujuran, kewaraan dan ketinggian keperibadiannya), sedangkan kritikan selalu didahulukan dari pujian sebagaimana yang sudah maklum dalam ilmu mustalah hadis, akan tetapi kami menganggap hasannya hadis ini kerana dia mempunyai tanda dan cahaya kenabian.).

Hadis ini sengaja diketengahkan kerana pada Mei 1997 didapati bahawa Turki, yang mana mereka adalah “Bani Qanthura”, telah memancing-mancing permusuhan dengan Iraq dan mereka membangkitkan masalah-masalah yang sengaja dibuat-buat sekitar masalah air sungai Furad dan bahkan mereka juga mengadakan kesepakatan tentera dan persekutuan-persekutuan dengan Israel dan Amerika, bahkan mereka melakukan latihan-latihan tentera bersama Israel dan Amerika dengan tujuan untuk menyerang Iraq, Iran dan Syria. Kemudian keseluruhan kaum Muslimin.

Kemudian, kita juga dikejutkan oleh penyerangan Turki terhadap Iraq utara dengan alasan untuk mengajar bangsa Kurdi yang hidup di Utara Iraq. Akan tetapi, akhbar *Guardian* edisi Inggeris membongkar rancangan Turki, Israel, dan Amerika dalam suatu artikel pada bulan Mei 1997 berbunyi: “Sesungguhnya tujuan yang sebenarnya dari penyerangan tentera Turki terhadap Iraq Utara adalah untuk menawan suatu daerah Iraq yang terletak di perbatasan dua negara tersebut.” Sedangkan saat ini kita sedang menunggu dan menganalisa apakah akan terjadi peperangan antara Turki dengan Iraq dalam waktu yang dekat atau pada masa akan datang? *Wallahu A'lam*.

73. Turki menjadi negara sekular

Sebelum Turki menjadi negara sekular, negara tersebut pernah menjadi negara Islam dengan sistem kekhalifahannya sehingga menjadi sebuah empayar Islam terbesar di dunia.

Banyak sekali terdapat hadis-hadis yang diriwayatkan bahawa Turki ditawan oleh umat Islam dan menjadi empayar teragung di dunia.

Imam Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan datang kiamat sehingga kaum Muslimin memerangi bangsa Turk, iaitu suatu kaum yang mukanya seperti taming (perisai), mereka mengenakan pakaian dari bulu dan mengenakan sepatu bulu (wool).”* (Soheh Muslim, Kitab Al-Fitan wa Asyroth As-Sa’ah 18: 37).

Imam Bukhari pula meriwayatkan hadis dari Abu Hurairah r. a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *“Tidak akan datang kiamat sehingga kamu memerangi kaum yang berterompah (sepatu, sandal) mereka dibuat dari bulu, dan sehingga kamu memerangi bangsa Turk yang bermata sepet, bermuka merah, berhidung pendek (pesek), mukanya seperti taming (perisai) yang melengkung.”* (Soheh Bukhari, Kitab Al-Manaqib, Bab Alamat An-Nubuwwah Al-Islam 6: 604).

Diriwayatkan dari Amr bin Taghlab, ia berkata, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Di antara tanda-tanda akan datangnya kiamat ialah kamu akan memerangi kaum yang mukanya lebar seperti perisai yang lengkung.”* (Musnad Ahmad 5:70 dengan catatan pinggir Muntakhab Kanzul Ummal; Soheh Bukhari, Kitab Al-Jihad, Bab Qital At-Turk 6: 104).

Kaum Muslimin pernah memerangi bangsa Turki pada zaman permulaan pemerintahan Bani Umayyah, dan yang memerintah pada waktu itu Umayyah bin Abi Sufyan. Abu Yala meriwayatkan dari Muawiyah bin Abi Sufyan ketika datang kepadanya surat dari petugasnya. Dia memberitahu Muawiyah bin Abi Sufyan bahawa ia telah berhadapan dengan bangsa Turki dan ramai orang yang terbunuh dari kalangan mereka serta banyak pula rampasan (peperangan) yang diperolehi. Lalu Muawiyah bin Abi Sufyan marah dan menyuruh membalas surat petugas tersebut yang isinya berbunyi; “Saya telah mengerti apa yang engkau katakan, apa yang telah engkau bunuh, dan

rampasan yang telah engkau perolehi. Maka saya tidak mahu tahu apa yang telah engkau persiapkan dan saya tidak mahu tahu engkau memerangi mereka, sehingga datang perintahku kepadamu.” Muawiyah bin Khadij bertanya; “Mengapa, wahai Amirul Mukminin?” Muawiyah bin Abi Sufyan menjawab; “Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *‘Sesungguhnya bangsa Turki akan dapat mengalahkan bangsa Arab hingga mengejarnya di Manabitusy, Syih dan Qaisyum’*, kerana itu saya tidak suka memerangi mereka.” (Fathul-Bari 6: 608. Al-Haithami berkata; “Diriwayatkan oleh Abu Ya’la dan di dalamnya terdapat perawi yang tidak saya kenal.” Majma ‘uz-Zawaid 1: 312).

Dari Abdullah bin Buraidah dari ayahnya r. a., ia berkata, bahawa suatu ketika mereka pernah duduk di sebelah Nabi s.a.w., lalu kami mendengar baginda bersabda: *“Sesungguhnya umatku akan dibawa oleh suatu kaum yang bentuk mukanya lebar dan sepet matanya, seakan-akan wajah mereka itu bahan perisai. Hal ini terjadi tiga kali sehingga mereka dapat mengejarnya di jazirah Arab. Pada kali yang pertama, selamatlah orang yang lari dari mereka. Pada kali yang kedua sebahagian mereka binasa dan sebahagian lagi selamat. Dan pada kali yang ketiga mereka cabut orang yang tertinggal”* Para sahabat bertanya; “Wahai Nabiyullah, siapakah mereka itu?” Baginda menjawab; “Mereka adalah bangsa Turki. Demi Zat yang diriku di tangan-Nya, sesungguhnya mereka kelak akan menambatkan kuda-kuda mereka dipagar-pagar masjid kaum muslimin.” Maka Buraidah sentiasa mempersiapkan dua atau tiga ekor unta, perbekalan dan minuman untuk berpergian, agar dia dapat lari, setelah mendengar yang demikian itu dari Rasulullah s.a.w. mengenai bencana yang akan ditimpakan oleh penguasa-penguasa.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Ibnu Hajar berkata; “Antara mereka (orang Turki) dan kaum Muslimin tertutup sampai terbuka sedikit demi sedikit dan banyak tawanan dari kalangan mereka. Dan para raja (penguasa) berlumba-lumba memperdayakan mereka, kerana mereka terkenal sebagai orang yang kuat dan perkasa, sehingga kebanyakan askar Al-Mutasim adalah dari kalangan mereka.

Kemudian orang Turk dapat mengalahkan penguasa, lalu berhasil membunuh puteri Al-Mutawakkil dan putera-puteranya satu persatu, hingga berbaur dengan kerajaan Daidam.”

Selanjutnya raja-raja Samaniyah adalah dari keturunan bangsa Turki, kemudian mereka menguasai negara-negara Ajam (bukan negara Arab). Selanjutnya kerajaan-kerajaan itu dikuasai oleh keluarga Sabaktakin, kemudian keluarga Saljuk dan kekuasaan mereka berkembang hingga ke Irak, Syam dan Rom. Selanjutnya pengikut-pengikut mereka masih tinggal di Syam, iaitu keluarga Zanki dan pengikut-pengikutnya, iaitu keluarga Ayyub, dan kebanyakan mereka juga berasal dari bangsa Turki, lalu dapat menguasai kerajaan di Mesir, Syam dan Hijaz.

Pada tahun 500 Hijriyah, bangsa Al-Ghoz menyerang keluarga Saljuk, lalu merosakkan negeri dan masyarakatnya. Setelah itu datanglah bencana besar dengan kemunculan tentera Thathar (Tartar). Maka keluarnya Jenghis Khan sesudah tahun 600 Hijriyah memancarkan api peperangan dan fitnah di dunia, khususnya di dunia Timur, sehingga tidak ada satu pun negeri yang tidak dimasukinya dengan segala kejahatannya.

Setelah Baghdad dihancurkan, dan Khalifah Al-Mu'tasim, iaitu khalifah yang terakhir mati terbunuh di tangan mereka pada tahun 656 H. Pengganti-pengganti Jenghis Khan pun tak henti-hentinya melakukan penyerangan hingga masa kekuasaan Lank yang bererti si pincang, yang nama asalnya adalah Tamur, lalu dia membuka pintu negeri Syam dan hidup di sana, membakar Damsyiq dan mempropagandakannya hingga hampir ke istana, merampas Rom, India, dan negara-negara yang di antaranya (antara Rom dan India). Masa berkuasanya begitu panjang hingga Allah mematikannya, kemudian anak-anaknya berpecah-belah dan berantakan.

Semua itu menyatakan apa yang disabdakan Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya Bani Qantura adalah orang yang*

pertama merosak kerajaan umatku.” Seolah-olah yang baginda maksudkan dengan kata “umatku” adalah umat nasab, bukan umat dakwah, iaitu bangsa Arab (Islam mahupun bukan). Wallahu a-lam. (Lihat Fathul-Bari 6: 609- 6 10).

Berdasarkan hal ini maka tentera Tartar yang muncul pada abad ketujuh Hijriyah itu berasal dari Turki, kerana sifat yang dikenalkan pada mereka (bangsa Turki) ini terdapat pada tentera Tartar (Mongol). Mereka ini muncul pada zaman Imam Nawawi r.a., beliau menyatakan; *“Sesungguhnya telah terjadi peperangan dengan bangsa Turki itu sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. itu, iaitu (mereka) bermata sepet, wajahnya kemerah-merahan, berhidung pendek (pesek), mukanya lebar seperti perisai dan mereka mengenakan sepatu dari bulu. Mereka, dengan segala pengenalanannya itu, telah dijumpai pada zaman kita sekarang ini dan mereka diperangi oleh kaum Muslimin berkali-kali sehingga kini.”* (Lihat Syarah Nawawi terhadap Soheh Muslim 18: 37-38).

Bangsa Turki ramai yang memeluk Islam dan di tangan mereka ini diperolehi kebaikan yang banyak bagi Islam dan kaum Muslimin. Mereka membentuk Daulah Islamiyah yang kukuh untuk mengibarkan panji-panji Islam. Pada zaman mereka telah berhasil dilakukan penaklukan-penaklukan besar, seperti penaklukan Konstantiniyah (Konstantinopel), ibu kota Rom. Hal ini merupakan persiapan untuk penaklukan agung pada akhir zaman sebelum munculnya Dajjal sebagaimana nanti akan dijelaskan.

Pada masa kekuasaan mereka agama Islam dapat masuk ke Eropah dan berbagai negara di Timur dan Barat. Dan ini sesuai dengan apa yang disabdakan Rasulullah s.a.w., sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis Abu Hurairah bahawa setelah menyebut peperangan dengan Turki, Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Dan akan kamu dapati bahawa di antara orang yang terbaik ialah mereka yang sangat benci kepada urusan ini (agama Islam), tetapi mereka kemudian memeluknya. Manusia itu bagaikan tambang (bahan galian yang berharga), mereka yang baik pada zaman jahiliah baik*

pula dalam Islam.” (Sahih Bukhari, Kitab Al-Manaqib, Bab Alamat An-Nubuwwah Fi Al-Islam 6: 604).

Suatu perkara yang hakikatnya telah berlaku, bahawa negara Turki menjadi kafir dan terkeluar dari Islam dengan terlantiknya Kamal At-Tark yang menukar sistem pemerintahan Turki daripada sistem kekhalifahan kepada sistem sekular, serta memerangi dan menghapus ajaran dan syiar Islam. Sesiapa sahaja daripada rakyatnya yang mengamal dan menzahirkan syiar Islam akan ditangkap dan disiksa di dalam penjara. Pada hal sebelum ini, sejak dahulu Turki terkenal sebagai negara Islam yang menjalankan sistem pemerintahan Islam, banyak negara-negara lain yang menjadi negara taklukannya juga turut melaksanakan sistem pemerintahan Islam. Tetapi setelah berlalu selama sekitar 300 hingga 400, lalu Turki bertukar menjadi negara kafir.

74. Turki ditawan semula oleh Islam sebelum kiamat

Menjelang kiamat, Turki akan ditawan semula oleh Islam dan mengembalikan semula negara itu kepada sistem kekhalifahan, menurut sepertimana riwayat hadis-hadis berkaitan.

Dirawayat oleh Imam Muslim dalam As-Soheh dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Adakah kamu pernah dengar kisah suatu bandar, setengahnya dari bahagiannya berada di atas bumi dan sebahagian darinya berada di dalam laut.”* Sahabat menjawab; *“Ya, Rasulullah.”* Sabda Rasulullah s.a.w.; *“Tidak akan terjadi kiamat sehingga tujuh puluh ribu (70,000) orang daripada anak (keturunan) Ishak menyerang bandar itu (Istambul). Apabila mereka sampai di sana mereka pun turun. Setiap kali mereka ditentang dengan serangan (senjata) dan anak panah, mereka melaungkan takbar (Laa Ilaha illallah, wal Allahu Akbar), lalu runtuhlah pada sebelah bandar itu (menurut Thur bin Yazid salah seorang daripada perawi hadis ini, bahawa bandar yang runtuh itu ialah di sebelah laut). Kemudian mereka (para tentera pihak penyerang) bertakbir kali kedua (Laa Ilaha illallah, wal Allahu*

Akbar), maka runtuh pula bandar sebelah satu lagi. Kemudian mereka (para tentera pihak penyerang) bertakbir kali kedua (Laa Ilaha illallah, wal Allahu Akbar), maka runtuh pula bandar sebelah hadapan dengan mereka, lalu mereka masuk (menawan) sepenuhnya bandar itu dan menawan tawanan dan harta mereka serta membahagi-bahagikan harta milik tawanan tersebut. Setelah itu, tiba-tiba datang kepada mereka seruan (panggilan) dari seseorang dan berkata bahawa Dajjal Kubra (Dajjal Besar) telah keluar, lalu mereka meninggalkan para tawanan itu dan kembali.”

Hadis lain diriwayatkan oleh Abu Daud, At-Tirmizi dan Al-Hakim dari Mu'az bin Jabbal, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“(Menjelang kiamat akan berlaku) peperangan besar dan tertawannya kota Istambul, dan keluarnya Dajjal Pendusta Besar dalam (selama) tujuh (7) bulan...”*

Dalam Sunah At-Tirmizi, hadis dari Anas, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Menawan kota Istambul oleh umat Islam, serta bangkitnya kiamat...”*

Mengenai peristiwa “Tertawan kota Istambul oleh umat Islam” pada akhir zaman telah diriwayatkan oleh banyak sahabat, selain daripada yang disebutkan oleh hadis di atas, terdapat lagi beberapa orang sahabat lain, seperti Abdullah bin Busyrin, Abdullah bin 'Amru dan lain-lain. Hadis-hadis tentangnya diriwayatkan di dalam kitab-kitab Al-Musnad dan As-Sunnan.

75. Genjatan senjata dan perdamaian antara kaum Muslim dengan Barat

Teks penuh hadis menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Hitunglah ada enam perkara yang akan terjadi menjelang (di gerbang pintu) hari kiamat, iaitu: Kematianku, kemudian penaklukan Baitul Maqdis, kemudian kematian mengejut seperti penyakit Qu'as kambing (penyakit yang pernah menyerang kambing dan mematikannya dengan cepat). Kemudian melimpahnya wang (harta) sehingga apabila seseorang diberi gaji seratus dinar (dinar adalah wang yang*

emas tulin, maka dia tetap tidak puas (kesal), kemudian munculnya fitnah (godaan, kekacauan dan kemaksiatan) yang memasuki setiap rumah-rumah orang Arab. Kemudian adanya genjatan senjata (perdamaian) antara kamu dengan Bani Ashfar (Eropah dan Amerika), kemudian mereka mengkhianati kamu, di mana mereka akan menyerangmu di bawah 80 bendera dan di bawah tiap-tiap bendera itu terdapat 12,000 orang (tentera).” (Riwayat Bukhari dari Auf bin Malik, diriwayatkan oleh Ahmad dan Tabrani dari Muaz bin Jabal).

Apa yang hendak dibicarakan dalam bahagian ini ialah tentang peristiwa gencatan senjata dan pengkhianatan Barat terhadap umat Islam: “...*Kemudian adanya genjatan senjata (perdamaian) antara kamu dengan Bani Ashfar (Eropah dan Amerika), kemudian mereka mengkhianati kamu, di mana mereka akan menyerangmu di bawah 80 bendera dan di bawah tiap-tiap bendera itu terdapat 12,000 orang (tentera)...”*

“Bani Ashfar” pada hadis di atas adalah bererti kaum Rom, kaum Nasrani Barat dan pada zaman kita ini adalah Eropah dan Amerika. Tanda ini merupakan tanda kiamat kecil yang paling terakhir, kerana setelah peristiwa ini akan terjadi peperangan-peperangan besar lagi dahsyat yang terakhir. Genjatan senjata dan perdamaian ini sudah mulai berakhir. Jadi, kita saat ini masih dalam masa gencatan senjata dengan Rom (Eropah dan Amerika). Gencatan senjata dan perdamaian antara kaum Muslimin dan Rom ini melahirkan “Tentera Bersekutu” semasa peperangan Teluk dan ia telah pun berlaku.

Gencatan senjata yang terjadi antara kamu Muslimin dengan Rom (Bani Asfar, keturunan kulit putih seperti Eropah dan Amerika) adalah merupakan tanda yang paling terakhir dari tanda-tanda kiamat kecil.

Hal tersebut disebabkan oleh pertempuran yang paling besar dan dahsyat yang akan menyusul, di mana dalam peperangan ini kaum Muslimin akan dipimpin oleh Imam Mahdi. Akan terjadi setelah terjadinya peperangan yang akan datang, iaitu perang sekutu (antarabangsa) atau perang

Armagedon di mana setelah perang Armagedon ini orang Rom akan mengkhianati kaum Muslimin dan menyerang dalam sebuah peperangan paling besar dan dahsyat.

Perang Armagedon yang akan datang tersebut yang sedang dan dalam persiapan saat ini dalam bentuk blok-blok atau persekutuan-persekutuan, sudah diketahui oleh semua orang dan mereka sedang menunggu kedatangannya dan semua orang tahu bahwa perang tersebut tidak dapat tidak pasti akan terjadi, dengan sedikit perbedaan pendapat tentang penentuan kadarnya yang sudah dekat tersebut sesuai dengan pembesar, kadar pengetahuan yang dimiliki oleh para pemerhati baik yang berasal dari kaum Muslimin atau kaum Ahli Kitab.

Kita pun tidak dapat menentukan bila ia akan terjadi, akan tetapi kita dapat mengatakan, bahwa "Perang Armagedon" akan terjadi dalam waktu dekat.

Sekali lagi ditekankan di sini, bahwa semua tanda-tanda kiamat kecil sudah muncul, kita saat ini sedang menunggu kedatangan tanda penghubung antara tanda-tanda kecil kiamat dengan tanda-tanda besar kiamat yaitu; munculnya Imam Mahdi a.s. setelah terjadinya perang Armagedon antarabangsa.

76. Tercetusnya peperangan Armagedon

Apakah perang Armagedon? adalah:

1. Peristiwa besar dan perang penghancuran.
2. Pertemuan strategi dari perang raksasa yang sudah dekat waktunya.
3. Perang persekutuan antarabangsa (perang dunia) yang akan datang, yakni yang sedang ditunggu oleh seluruh penduduk bumi pada hari ini.
4. Ia adalah perang politik dan agama.


5. Ia adalah peperangan raksasa dari banyak pihak.
6. Ia adalah peperangan yang paling besar dan dahsyat dalam sejarah.
7. Ia adalah awal dari kemusnahan.
8. Ia adalah perang yang dimulai dengan menyeluruhnya perdamaian palsu, sehingga orang berkata; “perdamaian sudah datang”, “keamanan sudah datang”, padahal dalam kenyataannya adalah sebaliknya.

Kalimah Armagadon berasal dari dua perkataan bahasa Ibrani, iaitu; “Ar” bererti gunung atau bukit. “Mageddo” nama sebuah lembah di Palestin. Lembah ini merupakan medan pertempuran yang bakal berlaku, ia membentang dari “Mageddo” di utara sampai ke “Edom” di selatan yang jaraknya sekitar dua ratus batu dan sampai ke laut putih (tengah) di Barat dan ke bukit Mohab di Timur yang jaraknya 100 batu. (Lihat peta sebelah, muka surat 137).

Para ahli tentera, khususnya ahli perang, memandang kawasan ini sebagai suatu tempat yang amat strategik, di mana jika setiap angkatan tenteta yang dapat menguasai kawasan ini, ia dapat dijadikan benteng yang kuat bagi mematahkan setiap serangan musuh.

Kalimah “Armagadon” sudah tidak asing lagi bagi para ahli kitab, yang mana ada tercatat dalam kitab-kitab Suci mereka, dan juga para ulamak kita sering membuat penelitian. Yang dimaksudkan “ahli kitab” adalah orang Yahudi dan Nasrani saja, dan tidak disebut di sini mereka (Yahudi dan Nasrani) yang melakukan “bid’ah” dan membuat penambahan ke atas Taurat dan Injil.

Kerana, Rasulullah s.a.w. telah mengizinkan kita mengutip perkataan-perkataan ahli kitab yang ikhlas, yang merujuk pada Taurat dan Injil yang asli. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sampaikanlah ajaran-ajaranku walaupun itu*



Lakaran peta ini diambil dari kitab "Ramalan dan Politik" oleh Grey Hasl.

hanya satu ayat, dan berbicaralah (kutiplah) dari ajaran Bani Israel (Yahudi), yang mana (jika ia) tidak ada halangan bagi kamu..." (Riwayat Bukhari dari Abdullah bin Umar r.a.).

Keizinan mengutip ajaran dari Taurat atau Injil itu tentunya dengan bersyarat; bahawa kita tidak akan menerima perkataan-perkataan mereka, sekiranya tidak sesuai dengan ajaran agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Jika ia berlawanan, perkataan mereka hendaklah ditolak.

Sebagaimana ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya: *"Apabila ada ahli Kitab yang berbicara (tentang agama), maka janganlah langsung kamu benarkan, dan janganlah pula kamu dustakan."* (Riwayat Bukhari dalam kitab Sohehnya, kitab Al-I'tisam bi Al-Kitab wa As-Sunnah, dari Abu Hurairah.)

Hadis-hadis di atas menyebut; *"...yang mana (jika ia) tidak ada halangan bagi kamu..."* dan *"...maka janganlah langsung kamu benarkan, dan janganlah pula kamu dustakan..."* dapatlah kita fahami bahawa Rasulullah s.a.w. menyerahkan kepada kita membuat pertimbangan dengan menggunakan neraca syariat sebagai penyaringnya.

1). Bukti Peperangan Armagadon akan berlaku yang dikutip daripada pernyataan daripada para ahli kitab

Pertama:

1. Dalam kitab "Wahyu" (revelation) fasal 16 ayat 16 dikatakan: "Dan roh-roh syaitan mengumpulkan sekalian tentera dunia di tempat bernama Armagadon" (Injil, halaman 388, penerbit Daar Al-Thaqafah, Mesir).
2. Dalam kitab "Dimensi Agama Dalam Politik Amerika Syarikat" disebutkan bahawa 7 pemimpin Amerika percaya adanya perang Armagadon. (Lihat "Janji Yang Benar dan Janji Yang Dusta", halaman 31).

3. Bekas Presiden Amerika, yakni Ronald Reagan pernah berkata: “Sesungguhnya generasi ini adalah generasi yang akan melihat Armagadon.” (Lihat “Ramalan Dan Politik”, halaman 66, di mana penulis kitab tersebut mengkhususkan sebuah fasal yang lengkap dengan judul: *‘Reagan dan Persenjataan Dalam Rangka Menghadapi Perang Armagadon’*, yang mana penulis memaparkan kenyataan dari Reagan yang menunjukkan keyakinannya akan dekatnya peristiwa Armagadon).

4. “Segala sesuatu pasti akan berakhir dalam beberapa tahun, yang mana akan terjadi perang dunia yang paling besar, iaitu peperangan Armagadon atau perang dataran Magedo.” (Lihat “Drama Berakhirnya Zaman”, oleh Oral Robertus, dan kitab “Akhir Bola Dunia Yang Paling Besar” oleh Hall Lindus. Kedua-dua pengarang yang terkenal di Amerika tersebut mengirakan bahawa tahun 2000 Masihi atau dekat darinya bola dunia ini akan berakhir dengan saat pusingan penamatnya).

5. Jimmi Sujjest berkata: “Aku ingin agar aku dapat menyatakan, bahawa kita akan dapat mencapai perdamaian. Akan tetapi, aku percaya bahawa perang Armagadon akan berlaku. Sesungguhnya Armagadon akan datang dan berkecamuk di lembah “Magedo”. Ia akan datang. Mereka boleh saja menandatangani perjanjian-perjanjian perdamaian yang mereka inginkan. Namun, sesungguhnya hal itu tak akan merealisasikan apa pun. Sebab, bagaimana pun juga hari-hari hitam itu akan datang.” (Lihat “Janji Yang Benar Dan Janji Yang Dusta” halaman 62, juga lihat “Ramalan Dan Politik”, halaman 37).

6. Gerry Folwel, seorang pimpinan fundamentalis Kristian berkata: “Sesungguhnya Armagadon adalah sebuah hakikat (realiti) dan sangat nyata, akan tetapi kita bersyukur kerana ia akan terjadi pada akhir hari sejagat.” (Lihat “Ramalan Dan Politik”, halaman 53).

7. Shofeld berkata: “Sesungguhnya orang Kristian yang ikhlas hendaknya bergembira dengan peristiwa ini. Kerana, jika pertempuran terakhir ini (Armagedon) bermula, maka Isa al-Masih akan segera mengangkat mereka ke awan, dan mereka akan diselamatkan oleh Al-Masih serta tidak akan menghadapi kesusahan apa pun yang terjadi di bumi, di bawah mereka.” (Lihat “Ramalan Dan Politik”, halaman 25).

8. Penulis Amerika yang bernama Grey Hasl berkata: “Kita sebagai orang Kristian percaya, bahawa sejarah manusia akan berakhir dengan sebuah peperangan yang disebut Armagedon. Selepas peperangan ini akan kembalinya Al-Masih yang akan memerintah orang yang hidup serta orang yang mati dengan bahagian sama.” (Lihat “Ramalan Dan Politik”, halaman 19).

Perkataan-perkataan di atas merupakan suatu keanehan dari ahli kitab yang menunjukkan betapa besar kepercayaan mereka dengan peperangan Armagedon dan kepercayaan mereka dengan dekatnya waktu kedatangannya. Kerananya, barang siapa yang ingin memperoleh tambahan dari perkataan-perkataan mereka secara lebih terperinci, dipersilakan untuk merujuk kitab-kitab dan buku-buku yang telah disebutkan di atas.

Kedua;

Kaum Muslim dan perang Armagedon. Memang aneh, pada saat kita mengetahui perkataan-perkataan ahli kitab, maka telah banyak datang secara bertubi-tubi peristiwa yang menguatkan perihal akan terjadinya peperangan Armagedon, bahawa ia adalah realiti yang tak dapat kita mungkir lagi. Kerana, kita bertemu kebanyakan daripada kalangan kaum Muslimin sendiri tidak mengerti apa itu Armagedon, dan apa-apa yang dimaksud dengan kalimat yang berbahaya ini.

Kita tidaklah memaksudkan kalimat Armagadon sebagai suatu istilah saja, akan tetapi ia sebagai suatu “pengertian” dan “isyarat”. Kerana, ia adalah sepatah kata yang mempunyai pengertian yang cukup banyak.

Sebahagian penulis (pemikir) Islam sudah mula memperhatikan masalah-masalah pertempuran ini, serta menerbitkan berbagai makalah (artikel) yang penting berdasarkan atas analisis serta campur tangan sejarah dan pemahaman realiti politik. Makalah tersebut menekankan, bahawa:

- i. Pertempuran yang menentukan perubahan politik dunia sudah dekat kedatangannya dan pada saat ini sedang dipersiapkan.
- ii. Perang tersebut adalah perang strategi, nuklear dan bersifat antarabangsa.
- iii. Orang Yahudi akan mengalami kekalahan dalam peperangan tersebut.

Prof. Muhammad Abdul Mun'im menulis dalam harian Al-Ahram, Kairo mengulas tentang peperangan Armagadon;

Wahai para politikus, penulis dan pemikir Islam, sesungguhnya peperangan-peperangan besar dan menentukan akan terjadi, iaitu, perang Armagadon, sebagaimana yang dinamakan oleh ahli kitab (Nasrani dan Yahudi) dalam kitab suci mereka, dan sebagaimana yang diberitahu oleh Rasulullah s.a.w. bahawa; *“Orang Rom (Bani Ishaq, kaum kuli putih) akan mengadakan perjanjian damai denganmu. Kemudian kamu akan terjun ke medan pertempuran, sedangkan mereka akan memusuhi kamu dari belakang. Kamu akan mendapat kemenangan dan harta rampasan perang, serta kamu akan selamat.”* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Dzu Makhmar r.a. Juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ibn Hibban. Ini adalah hadis soheh yang disahkan oleh As-Sayuti dan Al-Albaani dalam Sohibul Jami’)

Pertempuran antarabangsa yang bakal sangat dahsyat dan sudah dekat waktunya ini sudah sempurna jaringan perencanaannya, di mana dengan teliti telah dipersiapkan pada saat sekarang ini, dan bahawa di panggung Timur Tengah tidak diragukan lagi pada saat ini sedang dilakukan persiapan-persiapan untuk menghadapi sebuah strategi perang raksasa, yang belum dapat dijangkakan kelompok mana yang akan kalah. (Lihat: Al-Ahram, Kairo, keluaran 12 Mei 1996)

Sementara itu Dr. Mustafa Mahmud dalam harian Al-Ahram Kairo pula menulis;

Lihat dan sesuaikanlah jam tangan anda! Israel saat ini sedang mempercepat diri menuju puncak kekuatan. Kemudian akan memulai menghitung detik-detik terakhir rencana tentera mereka. Sementara sisa-sisa waktu perencanaan mereka tersebut adalah (lebih kurang) empat tahun yang akan datang, boleh lebih dan boleh kurang. Wallahu 'Alam. (Lihat: Al-Ahram Kairo, 25 Mei 1996)

Sesungguhnya Nabi s.a.w. kita yang Al-Amin, telah mengkhabarkan kepada kita dalam hadis-hadis sohehnya tentang blok-blok strategi tentera raksasa yang sudah dekat waktu kedatangannya. Juga merupakan perang multi-nasional, di mana kita (kaum Muslimin) dan orang Rom (Amerika serta Eropah) akan menjadi sebuah kesatuan blok tentera. Dan pihak kita akan mendapat kemenangan serta mendapat harta rampasan perang. Sementara kita tidak tahu, pihak mana yang akan menemui kekalahan dalam perang tersebut. Apakah pihak komunis (Cina, Russia dan para pengikut mereka), ataukah kelompok Syiah (Iran, Iraq dan para sekutu mereka), ataukah mereka semua (kaum komunis dan Syiah) akan bersatu dan akan menemui kekalahan? Hanya Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui atas apa yang akan terjadi.

Nabi Muhammad s.a.w. juga telah menambahkan keterangan beliau tentang hal-hal yang akan terjadi setelah terjadinya pertempuran besar tersebut (Armagadon atau *Al-Malhamah Al-Kubra*), yang mana hal tersebut masih belum

diketahui oleh kebanyakan orang. Iaitu, bahawa orang Rom (Amerika dan Eropah) akan melakukan tipu daya terhadap kita umat Islam setelah terjadinya peperangan yang dahsyat tersebut. Di mana mereka dan kita (kaum Muslimin) akan sama-sama mempersiapkan diri untuk menghadapi sebuah peperangan dahsyat yang akan memerahkan biji mata, memercikkan api pedang, meninggikan jeritan kuda perang yang berenang di atas darah para korban. Itulah peperangan yang paling besar (*Al-Malhamah Al-Kubra*).

Kita bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang lalu, iaitu, pertempuran Armagadon adalah realiti yang akan terjadi, yang dijangkakan dalam waktu terdekat ini. Kita mengatakan bahawa Armagadon adalah perang persekutuan antarabangsa (multi-nasional), di mana kaum Muslimin dan kaum Rom (Eropah dan Amerika) tidak diragukan lagi akan bersatu menjadi satu blok. Kemudian mereka akan melawan musuh yang bersatu dalam satu pakatan, yang mana mereka itu belum kita ketahui. Hal ini Sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: "*Suatu musuh di belakang mereka...*" Walaupun realiti moden menunjukkan, bahawa blok musuh kita (musuh Islam) adalah blok Timur Komunis, dan namun kemenangan akan berada di pihak kita (Islam).

Adapun orang Yahudi, dalam rujukan dan analisis kita tidak ada hal-hal yang menunjukkan peranan mereka dalam perang dunia ini. Akan tetapi tidak diragukan lagi bahawa mereka ikut serta dalam pertempuran ini, bahkan merekalah yang menyemarakkan api peperangan ini. Hingga dua pertiga dari jumlah mereka akan musnah dalam pertempuran tersebut, sebagaimana yang disebutkan oleh para ahli kitab. (Lihat kitab Zakaria, fasal 89 ayat 13, dan kitab Hezekiel fasal 12 ayat 39 yang berbunyi: "Bangsa Israel akan memerlukan waktu selama 7 bulan untuk menguburkan korban mereka, sebelum mereka membersihkan bumi.")

Adapun sepertiga jumlah mereka yang lain, akan ditumpas oleh kaum Muslimin pada zaman Imam Mahdi, yakni setelah turunnya Nabi Isa a.s. dan dibunuhnya Dajjal oleh Isa

Ibn Maryam. Terbunuhnya Dajjal menandakan kekalahan Yahudi.

Di sini diketengahkan teks hadis Rasulullah s.a.w. yang berbicara tentang peperangan ini, di mana Rasulullah s.a.w. telah bersabda : *“Kamu akan mengadakan perdamaian (pakatan) dengan bangsa Rom dalam keadaan aman. Lalu kamu akan berperang bersama mereka melawan suatu musuh dari belakang mereka. Maka kamu akan selamat dan mendapatkan harta rampasan perang. Kemudian kamu akan sampai ke sebuah padang rumput yang luas dan berbukit-bukit. Maka berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom, lalu dia mengangkat tanda salib dan berkata: ‘Salib telah menang. Maka datanglah kepadanya seorang lelaki dari kaum Muslimin, lalu dia membunuh lelaki Rom tersebut. Lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera, dan di bawah tiap-tiap bendera terdapat dua belas ribu (12,000) tentera.”* (Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar. Lihat juga kitab Zakaria, fasal 89 ayat 13, dan kitab Hezekiel fasal 12 ayat 39 yang berbunyi: “Bangsa Israel akan memerlukan waktu selama 7 bulan untuk menguburkan korban mereka, sebelum mereka membersihkan bumi.”)

Teks hadis di atas dengan jelas menerangkan, bahawa di sana ada dua peperangan yang akan terjadi, iaitu; *Pertama*, perang dunia Armagadon, di mana peperangan ini telah diketahui akan (bakal) terjadi oleh semua pihak. *Kedua*, peperangan lainnya, yang mana sebahagian hadis ada menyebut sebagai “peperangan terbesar” (*Al-Malhamah al-Kubra*). Perang ini tidak diketahui kecuali oleh sebahagian orang sahaja. Sementara pihak yang berperang dalam pertempuran ini adalah pihak kaum Muslimin menghadapi pihak Rom, setelah terjadinya perang Armagadon, di mana pihak Rom telah berkhianat terhadap kaum Muslimin dalam perang tersebut.

Maka peperangan Armagadon adalah peristiwa pertama yang kita tunggu sebagai permulaan dari rentetan huru-hara di akhir zaman. Sebagaimana yang akan diterangkan pada

pembahasan selanjutnya, yakni tentang Al-Mahdi; bahawa pertempuran ini adalah perang penghamburan dan perang nuklear yang akan memusnahkan sebahagian besar senjata-senjata strategik. Setelah itu, alat-alat dan senjata-senjata yang dipakai dalam peperangan selanjutnya adalah senjata-senjata tradisional seperti pedang, panah dan kuda dan lain-lain

Hal tersebut bukanlah suatu yang aneh untuk terjadi, kerana sudah menjadi sunnatullah sejak dari kebudayaan-kebudayaan zaman dahulu akan adanya kehancuran setelah kejayaan, dan kejatuhan setelah ketinggian. Sedangkan kebudayaan abad ke 20 telah mencapai puncak ciptaan dan inovasi dunia, bahkan manusia mulai sibuk membicarakan tentang perang bintang (*star war*). Maha Suci Allah, tiada yang akan terjadi setelah puncak ketinggian, melainkan bertukar kepada kejatuhan dan kehancuran. Sesungguhnya hari esok adalah dekat bagi orang yang menunggu, dan peperangan Armagadon akan berkecamuk di bumi Palestin, di mana di sana akan bertemu kumpulan-kumpulan pasukan raksasa berjumlah 400,000,000 tentera. Sebagaimana yang disebutkan oleh para ahli kitab.

Pembicaraan tentang perang Armagadon secara terperinci dapat dilihat pada kitab "Ramalan dan Politik" oleh seorang penulis Amerika Syarikat bernama Grey Hasl, di mana dari kitab tersebut diambil lampiran peta yang menerangkan bumi tempat pertempuran tersebut. Maka tunggulah, kerana sesungguhnya kita adalah orang yang sedang menunggu.

2). Peperang Armagadon ialah Peperangan Dunia Ketiga

Perang ini adalah perang yang ketika ini sedang ditunggu-tunggu oleh kaum Muslimin, Yahudi dan Nasrani. Perang ini telah dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w.: "*Kamu akan mengadakan perdamaian (pakatan) dengan bangsa Rom dalam keadaan aman. Lalu kamu akan berperang bersama mereka melawan suatu musuh dari belakang mereka. Maka kamu akan selamat dan mendapatkan harta rampasan perang. Kemudian kamu akan sampai ke sebuah padang rumput yang luas dan*

berbukit-bukit. Maka berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom, lalu dia mengangkat tanda salib dan berkata: 'Salib telah menang. Maka datanglah kepadanya seorang lelaki dari kaum Muslimin, lalu dia membunuh lelaki Rom tersebut. Lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu (mengumpulkan kekuatan) menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera, dan di bawah tiap-tiap bendera terdapat dua belas ribu (12,000) tentera.' (Hadis soheh yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar, disohehkan oleh Al-Albaani dalam mentahqiq hadis-hadis Al-Misyqat, nombor 5424. Dan juga ada dalam Sohibul Jami' dan ia mempunyai riwayat-riwayat dengan sedikit perbezaan lafaz seperti kalimat; "maka ia membunuhnya" berganti dengan; "maka ia memukulnya" dan kalimat "suatu musuh dari belakang mereka" berganti dengan kalimat; "suatu musuh dari belakang kamu" dan di antara riwayat tersebut terdapat kalimat; "maka mereka berkumpul untuk menghadapi kamu di bawah 80 bendera sedangkan di bawah tiap-tiap bendera itu terdapat 12,000 orang (tentera).")

Dalam salah satu riwayat disebutkan bahawa: *"Dan kaum Muslimin bangkit dengan senjata-senjata mereka, kemudian mereka turun berperang, maka Allah memuliakan kelompok tersebut dengan mati syahid."*

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi: *"Sebahagian orang Islam akan bangun berperang, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Sebahagian lagi bangun berperang, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Lalu bangkit sebahagian lagi, mereka tidak takut mati. Mereka semuanya hancur. Akhirnya pada hari keempat bangun lagi umat Islam berperang, mereka tidak takut mati. Banyaklah yang hancur. Hanya segelintir yang menikmati kemenangan."* (Riwayat Muslim dalam Al-Fitan wa Asyratussa'ah).

Dalam hadis lain lagi diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w.; *"Orang Rom (Bani Ishaq, kaum kulit putih) akan mengadakan perjanjian damai denganmu. Kemudian kamu akan terjun ke medan pertempuran, sedangkan mereka akan*

memusuhi kamu dari belakang. Kamu akan mendapat kemenangan dan harta rampasan perang, serta kamu akan selamat." (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Dzu Makhmar r.a. Juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ibn Hibban. Ini adalah hadis soheh yang disahkan oleh As-Sayuti dan Al-Albaani dalam *Sohibul Jami'*)

Pada perang sekutu antarabangsa ini disebut dalam teks hadis yang soheh bahawa terdapat kaum Muslimin akan bersekutu dengan kaum Rom (Amerika dan Eropah), adapun yang akan menjadi musuh sebenar kaum Muslimin dalam peperangan tersebut hingga sampai ke saat ini, kita tidak dapat mengetahuinya secara jelas. Kerana, dalam hadis itu hanya disebut dengan "suatu musuh dari belakang mereka." Jadi, secara jelasnya kita tidak begitu pasti kelompok kaum Muslimin yang mana. Namun ada andaian bahawa mereka itu boleh jadi kaum Syiah atau kelompok mazhab lain, tetapi yang jelasnya bahawa mereka (musuh-musuh orang Mukmin) akan mengalami kekalahan dalam perang tersebut sebagaimana yang disebut oleh hadis Rasulullah s.a.w. di atas.

(Catatan: Kenyataan di atas bukan bermaksud bahawa kita memusuhi kaum Syiah, kerana mereka adalah juga kaum Muslimin. Walaupun andaian bahawa peperangan itu akan terjadi dengan mereka, maka hal ini tidak berarti bahawa kita menyerukan agar kaum Muslimin saling berperang. Akan tetapi, ia adalah suatu peristiwa yang dijangkakan akan terjadi. Hal ini tidaklah aneh, kerana sejak beberapa tahun lalu terdapat tentera negara Islam yang telah ikut memerangi Iraq bersama pasukan multi-nasional, maka bukanlah suatu hal yang aneh apabila kita mengandaikan bahawa peperangan akan berlaku dengan Iran yang berada bersama dengan tentera sekutu pula. Sesungguhnya, ini suatu andaian dalam menghuraikan hadis di atas.)

Kita menyatakan, bahawa pendahuluan atau permulaan perang ini benar-benar telah dimulai, kerana ketika ini suasana hubungan kita dengan kaum Rom (Eropah dan Amerika, termasuk juga dunia Barat amnya) dalam keadaan damai,

sedangkan negara-negara atau blok yang dijangka akan menjadi lawan blok kaum Muslimin dalam peperangan ini juga telah bersatu secara kilat yang sebelum ini tidak pernah terjadi, iaitu adanya kesepakatan Cina dengan Rusia yang diikuti oleh Iran di belakang mereka, maka suara pertentangan sudah meninggi dan ketegangan semakin meningkat seakan-akan suara gendang perang yang dipalu sudah semakin cepat, tetapi sebahagian kita tidak peka dengan keadaan di sekelilingnya. Lantaran loceng peringatan tidak dapat memberi reaksi apa-apa terhadap telinga yang tuli dan mata yang buta, seperti firman Allah surah Al-'Araf ayat 179, maksudnya; *“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi neraka Jahannam) kebanyakan dari jin dan manusia, mereka mempunyai hati, tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami (ayat-ayat Allah) dan mereka mempunyai mata (tetapi) tidak dipergunakannya untuk melihat (tanda-tanda kekuasaan Allah), dan mereka mempunyai telinga (tetapi) tidak dipergunakannya untuk mendengar (ayat-ayat Allah). Mereka itu sebagai binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang yang lalai.”*

Kita tidak akan mengulangi lagi apa yang sudah dipaparkan dalam pembahasan yang lalu, akan tetapi, kita hanya akan mengatakan; bahawasanya peperangan ini sebagaimana yang dikatakan oleh Rasulullah s.a.w., bahawa ia bersifat “persekutuan” yang dinamakan oleh kaum Ahli Kitab dengan perang “Armagadon”. Sebagaimana yang telah tertera dalam kitab-kitab yang mereka yakini, iaitu; “Dan (bahawa) roh-roh syaitan akan mengumpulkan tentera-tentera di seluruh dunia pada suatu tempat yang bernama Armagadon”. (Lihat kitab *Wahyu*, fasal 16 ayat 16).

Maka dengan itu kita mengatakan bahawa perang itu adalah perang persekutuan antarabangsa atau perang dunia atau perang Armagadon. Adapun orang yang berselisih pendapat tentang penamaan perang ini, maka sudah tentu mereka akan dilengahkan oleh pokok permasalahan yang sangat serius ini, semoga Allah beri petunjuk kepada mereka.

Ada sesetengah pihak pula berkata, bahawa pembicaraan kita tentang dekatnya masa penghabisan adalah berlawanan atau menghambat kemajuan budaya zaman ini dalam mengejar bangsa-bangsa yang telah maju, maka kita mengatakan kepada mereka: “Permasalahannya bukan seperti apa yang anda sangka, akan tetapi ia adalah seruan untuk bersiap-siap dalam menghadapi peristiwa-peristiwa besar tersebut, sesuai dengan berita yang disampaikan dari Nabi s.a.w.”

Bagaimana mungkin kita akan dapat mencapai kemenangan apabila terus menerus seperti boneka yang bergerak tidak sesuai dengan kehendaknya, dan ia akan berhenti apabila ia dikehendaki berhenti oleh orang lain.

77. Pengkhianatan dan pelanggaran Rom ke atas perjanjian perdamaian dengan kaum Muslimin

Peristiwa ini adalah ekoran dari peristiwa-peristiwa huru-hara akhir zaman atau kenyataan politik pada waktu kemunculan Al-Mahdi.

Dalam peperang Armagadon pakatan kaum Muslimin dan kaum Rom (Eropah dan Amerika) akan mencapai kemenangan dan mendapatkan harta rampasan perang serta akan selamat, dan ketika sedang pulang dari perang Armagadon, maka kaum Rom mengkhianati kaum Muslimin dengan mengeksploitasi pertengkaran atau perselisihan kecil yang terjadi antara tentera Islam dan mereka. Maka kemudian mereka pulang ke negara mereka, sedangkan mereka telah menyimpan suatu niat untuk melakukan pengkhianatan kepada kaum Muslimin, kemudian secara sembunyi-sembunyi mereka (Rom) mengumpulkan para raja Rom, sedangkan kaum Muslimin tetap berpegang dengan perdamaian dan perjanjian yang ada.

Senario ini telah dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Kamu akan mengadakan perdamaian (pakatan) dengan bangsa Rom dalam keadaan aman. Lalu kamu akan berperang bersama mereka melawan suatu musuh dari belakang mereka. Maka kamu akan selamat dan mendapatkan harta rampasan*

perang. Kemudian kamu akan sampai ke sebuah padang rumput yang luas dan berbukit-bukit. Maka berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom, lalu dia mengangkat tanda salib dan berkata: 'Salib telah menang. Maka datanglah kepadanya seorang lelaki dari kaum Muslimin, lalu dia membunuh lelaki Rom tersebut. Lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu (mengumpulkan kekuatan) menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera, dan di bawah tiap-tiap bendera terdapat dua belas ribu (12,000) tentera.' (Riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar).

Dalam hadis lain diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *"Orang Rom (Bani Ishaq, kaum kulit putih) akan mengadakan perjanjian damai denganmu. Kemudian kamu akan terjun ke medan pertempuran, sedangkan mereka akan memusuhi kamu dari belakang. Kamu akan mendapat kemenangan dan harta rampasan perang, serta kamu akan selamat."* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Dzu Makhmar r.a. Juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ibn Hibban.)

Apabila direnung pada kalimat hadis, bahawa *"kamu akan mengadakan perdamaian dengan kaum Rom."* dan kalimat hadis yang menyebut; *"...lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu (mengumpulkan kekuatan) menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera..."* timbul persoalan kepada kita tentang berapa lamakah waktu jangka masa tempoh perjanjian damai itu yang ditaati, sebelum dikhianati?.

Hadis riwayat Imam Ahmad menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *"Mereka akan bersatu (untuk mengumpulkan kekuatan) untuk memerangi kamu (kaum Muslimin) selama sembilan bulan, sekira-kira tempoh masa seorang wanita hamil."*

Walaupun hadis ini ada kelemahannya, akan tetapi kita akan berpegang kepadanya, kerana kita tidak mempunyai hadis lain yang menerangkan tentang masalah ini, iaitu tentang masa pengkhianatan, di mana mereka akan mengumpulkan sebuah

bala tentera yang besar. Sering juga Imam Ahmad mendahulukan hadis yang daif dari pendapatnya, bila sesuatu yang dibincangkan itu penting.

Patut juga kita sebutkan di sini bahawa perang Armagadon itu akan terjadi di bumi Palestin, dan ia bukan antara kita (kaum Muslimin) melawan Yahudi, sebagaimana yang disangka oleh kebanyakan orang, akan tetapi ia adalah lebih besar dari itu, yakni “perang dunia” (peperangan raksasa) di mana roh-roh jahat akan mengumpulkan bala tentera dari banyak negara, maka terjadilah sebuah pertempuran yang besar, kita mengatakan roh ini tidak lain dan tidak bukan adalah roh-roh (semangat dan jiwa perjuangan) kaum Yahudi, sedangkan mereka sejak zaman dahulu adalah penyebab dan pencetus segala peperangan. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t.; *“Setiap kali mereka menyalakan api peperangan, Allah memadamkannya.”* (Surah al-Maidah: 64)

{Dalam kitab “Wahyu” (*Revelation*) fasal 16 ayat 16 dikatakan: “Dan roh-roh syaitan mengumpulkan sekalian tentera dunia di tempat bernama Armagadon” (Injil, halaman 388, penerbit Daar Ath-Thaqafah, Mesir).}

Secara tidak disedari oleh umat Islam, mereka (Yahudi) pada saat ini sedang bersungguh-sungguh menyemarakkan api peperangan, akan tetapi pada kali ini Allah tidak akan memadamkannya, kerana telah tertulis dalam takdir-Nya. Jadi, orang Yahudi pada zaman ini akan menyalakan api peperangan, kemudian mereka juga akan terjun ke dalamnya, lalu sebahagian besar daripada mereka akan binasa dalam peperangan ini, kerana ia terjadi di bumi yang mereka rampas secara zalim dan melampaui batas (Palestin).

Kali ini doa orang yang terzalim akan dimakbulkan Allah, seperti mana yang dijanjikan melalui kekasih-Nya yang benar lagi dibenarkan. Sabda Nabi s.a.w.: *“Takutlah kamu kepada doa orang yang teraniaya (terzalim), kerana sesungguhnya (doa) antara dia dengan Allah tidak ada dinding (hijab) lagi.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi; *“Barangsiapa yang berbuat zalim (mengambil hak orang secara aniaya) walaupun sekadar sejengkal tanah, nanti akan dipikulkan ke atasnya dengan tujuh lapis bumi pada hari kiamat.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tersebut dalam hadis Qudsi bahawa Allah s.w.t. berfirman; *“Sangat berat kemurkaan-Ku ke atas orang yang berbuat zalim kepada orang yang tidak ada sesiapa lagi pertolongan kecuali Aku (Allah).”* (Riwayat At-Tabrani).

78. Terjadi huru-hara dalam negara dan perselisihan-perselisihan dalam perebutan kekuasaan

Di antara riwayat yang menakjubkan dari Rasulullah s.a.w. adalah hadis beliau s.a.w. yang berbunyi: *“Akan muncul seorang lelaki yang berasal dari suku Quraisy yang hidungnya pendek lagi mancung (runcing) yang akan menguasai suatu kekuasaan, kemudian dia dapat dikalahkan atau dia dicabut dari kekuasaannya (digulingkan kuasanya), maka dia melarikan diri ke Rom dan kemudian dia membawa mereka ke Iskandariyah, maka dia memerangi Ahli Islam (kaum Muslimin) dengan mereka. Maka, itulah awal dari pertempuran-pertempuran besar.”* (Diriwayatkan oleh Arruyani dalam kitab Musnadnya dari Abu Zar, dan dia juga disebut oleh pemilik kitab Al-Isya’ah fii Asyratissa’ah, halaman 163)

Telah bersabda Rasulullah s.a.w; *“Akan terjadi suatu perselisihan ketika meninggalnya seorang khalifah, maka keluarlah seorang lelaki dari penduduk Madinah dan dia lari ke Makkah, maka datanglah kepadanya orang yang berasal dari penduduk Makkah, lalu mereka membawa lelaki tersebut dengan paksa, kemudian mereka membai’atnya pada suatu tempat yang terletak antara Hajarut Aswad dengan Maqam Ibrahim.”* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Ummi Salamah. Riwayat Ibn Abi Syaibah dan Tabrani dalam “Al-Ausat”, Al-Haithami telah berkata dalam kitab “Majma’uzzawaid”: “Para perawinya adalah para perawi hadis soheh.” Dihasankan oleh Ibn Qayyim. Akan tetapi, pada sanadnya ada seorang perawi

yang dilemahkan oleh lebih dari satu ulamak hadis, oleh kerana itu, maka Al-Albaani melemahkan hadis ini dalam Ad-Dha'ifah, nombor 1965, akan tetapi kemudian beliau menyebut hal-hal yang mengikutinya dalam As-Sohehah, no. 1924.).

Hadis pertama Rasulullah s.a.w. mengkhabarkan kepada kita bahawa akan ada kejadian rampasan kuasa dan wujudnya kerajaan buangan. Hadis kedua, berlaku kematian khalifah dan muncul kumpulan yang mengambil alih kuasa dan diserahkan kepada seorang pemimpin yang diberi kepercayaan (Al-Mahdi).

Perselisihan selalu ada dalam umat ini dan juga terhadap umat-umat yang lalu, yang mana ia merupakan salah satu daripada bentuk azab yang ditimpakan oleh Allah kepada umat yang lalai. Akan tetapi kadar perselisihan itu akan mencapai puncaknya pada zaman kemunculan Al-Mahdi, di mana sebagaimana yang dikhabarkan oleh Nabi s.a.w. bahawa sebelum kemunculan Al-Mahdi bumi akan dipenuhi oleh kezaliman, perselisihan dan perang merebut kekuasaan. Ketika itu Allah akan mengizinkan kepada Al-Mahdi untuk keluar, maka menjadi tenanglah segala huru-hara itu di tangannya.

Hadis di atas walaupun padanya ada satu kelemahan akan tetapi ia adalah kelemahan yang tipis, dan bahkan ia telah disohehkan oleh Ibn Qayyim dan Al-Haithami sedangkan kualitatif seperti ini boleh dijadikan sebagai pegangan. Hadis ini menerangkan kepada kita tentang keadaan politik dalam negeri yang mendahului kemunculan Al-Mahdi.

Perselisihan dalam perebutan kekuasaan itu adalah setelah matinya seorang "khalifah" secara i'tibari, majazi, kiasan, kerana dia bukanlah seorang khalifah yang sebenarnya, hal ini ditafsirkan oleh hadis fitnah "Sarrak" dan "Duhaimak" pada tanda kiamat nombor 69 pada pembahasan yang lalu, di mana setelah perselisihan ini manusia akan sepakat mengangkat seseorang lelaki yang mana keadaannya seperti tulang pangkat paha di atas tulang rusuk (tempang), maka dia tidak akan lama memegang kekuasaan. Sehingga datanglah fitnah Duhaimak yang akan dimulai dengan perang Armagadon.

Apabila kita memperhatikan kenyataan zaman ini, maka kita tidak akan menemukan adanya kekhalifahan sedangkan kekhalifahan itu tidak akan berdiri kecuali dengan munculnya Al-Mahdi. Jadi, pada saat ini tidak seorang pun yang bergelar khalifah, kecuali yang paling dekat kepada sebutannya adalah panggilan warga Saudi Arabia kepada raja mereka, maka adalah pantas bagi mereka untuk menyebut raja mereka dengan “khalifah”. Maka siapakah kiranya lelaki yang akan disepakati manusia untuk menjadi khalifah setelah terjadinya perselisihan perebutan kekuasaan itu? Sedangkan jika dia telah terpilih, maka dia tidak akan memerintah dalam waktu yang lama, kerana dia tidak pantas jadi raja atau untuk memerintah.

79. Persepakatan Amerika-Jepun

Negara-negara Arab sudah mulai saling mendekat dengan syiar “ikut-ikutan”. Jika mereka bersatu mengapa kita tidak bersatu juga? Mereka tidak mahu membiarkan api perang saudara padam di Afghanistan. Iraq terus dikepung dan diboikot (embargo). Palestin pula harus mencari tempat pemerintahan yang baru setelah diusir oleh Israel. Libya juga akan tetap diboikot. Sementara Syria dan Iran terus menerus dituduh dan dimasukkan ke dalam daftar negara-negara terroris dan menyimpan senjata neoklear berbahaya. Saudi Arabia dan negara-negara penghasil minyak bumi (sapi perahan) berada dalam “saku” Amerika Syarikat. Jordan berada pada saku yang lain. Sudan dituduh sebagai pengeksport pengganas, sedangkan ia akan selalu disibukkan oleh perang melawan Sudan Selatan yang menuntut memisahkan diri (kemerdekaan). Al-Jazair akan terus tenggelam dalam perang saudara yang mengerikan, sedangkan semua saling menuduh Mesir adalah sebuah “keluarga besar” yang mana ia adalah “Sapi Jantan” yang merah yang akan dimakan terakhir sekali oleh Amerika dan Eropah serta sekutunya.

Hal inilah dapat kita perhatikan pada keadaan dunia kita ketika ini, lihatlah apa yang telah terjadi terhadap kaum Muslimin di Bosnia Herzegovina, Kashmir, Cina, selatan

Filipina, India, selatan Thailand, dan lain-lain, yang mana kesemuanya itu menunjukkan bahawa keadaan semakin runcing dan singa sudah menampakkan taring dan kukunya, tetapi oleh kerana kita umat Islam sekarang ini berada di dalam keadaan lalai dan leka dengan kenikmatan dunia dan berasa lega dengannya, lalu kita menyangka bahawa dunia Islam sedang tersenyum aman.

Jadi, Imam Mahdi akan muncul ketika kaum Muslimin sudah berpecah-belah, mereka tidak mempunyai kekuatan iman dan jemaah (kesatuan) serta kepimpinan yang berwibawa.

80. Kering sungai Furat

Rasulullah s.a.w. telah membayangkan: *“Hampir saja akan muncul lombong harta berupa emas dari kekeringan (terbukanya) sungai Furat (di Iraq), maka barang siapa yang hadir di sana hendaklah dia tidak mengambil sedikit pun darinya.”* (Riwayat Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah).

Dalam hadis riwayatkan Muslim disebut: *“Gunung emas akan muncul dari kekeringan (terbukanya) sungai Furat, maka manusia akan saling berbunuh-bunuhan di atasnya, dan akan terbunuhlah pada tiap-tiap seratus (100) sebanyak sembilan puluh sembilan (99).”*

Peristiwa ini terjadi pada saat kemunculan Al-Mahdi sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Hafiz Ibn Hajar: *“Dan barangkali ini merupakan penyebabnya mengapa Imam Bukhari memasukkan hadis ini dalam kitabnya pada bab Khurujun Naar (keluarnya api).”*

Ibn Hajar berkata lagi, bahawa Ibn Majah telah memuat sebuah hadis yang marfu' dari Thauban: *“Akan terbunuh pada lombong hartamu tiga orang, semua mereka adalah anak khalifah.”* Maka beliau menyebut hadis ini dalam pembahasan tentang Al-Mahdi sebelumnya (dan dalam hadis ini ada *maqal*, kritikan). Oleh kerana itu, apabila yang dimaksud dengan “lombong harta” dalam hadis tersebut adalah lombong yang

tersebut dalam hadis di atas (gunung emas), maka hal ini menunjukkan bahawa munculnya gunung emas tersebut terjadi setelah munculnya Imam Mahdi a.s. (Lihat: Fathul Baari, juz 13, kitab Al-Fitan, halaman 81).

Maha Suci Allah Yang Maha Benar, kerana saat ini, pelbagai media mulai memberitakan tentang adanya emas di sungai Furat. Demikian juga halnya dengan mulai terjadinya perselisihan-perselisihan antara Turki dan Iraq tentang masalah-masalah air sungai Furat dan kegiatan ini sudah benar-benar dimulai oleh Turki dengan membangun ampangan-ampangan atau penahan air di sungai Furat dan apalagi kegiatannya dalam mengambil dan merampas tanah-tanah Iraq (sejak bulan Mei 1997), maka mari kita tunggu apa yang akan terjadi selanjutnya.

Dengan itu kita jangan lupa bahawa kekasih Allah, Muhammad s.a.w. telah memperingatkan kita supaya tidak mendekati lombong harta ini (gunung emas tersebut), apalagi untuk mengambil harta darinya, kerana di sana akan terjadi huru-hara dan pertempuran yang sangat sengit disebabkan oleh perebutan harta, oleh kerana itu, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Maka barang siapa yang hadir padanya, hendaklah dia tidak mengambil sedikit pun darinya.”* Sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn At-Tin, bahawa ada satu kemungkinan yang lain sebab dilarang oleh Rasulullah s.a.w. dari mengambil harta lombong emas tersebut, iaitu bahawa kerana ia adalah “harta kaum Muslimin”, maka hendaklah tidak mengambilnya kecuali dengan cara yang hak (benar). Sedangkan kemungkinan yang pertama (kerana adanya peperangan) adalah lebih benar, kerana ia dikuatkan oleh teks hadis *“...maka manusia akan saling berperang di atasnya...”*

81. Muncul bintang berekor

Al-Barzanji menyebutkan, bahawa di antara tanda yang paling dekat sekali dengan kemunculan Al-Mahdi adalah terbitnya bintang berekor yang bercahaya. Dalam suatu riwayat yang soheh, sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Kathir dalam

kitab Tafsirnya dari Ibn Abbas bahawa Ibn Jarir meriwayatkan dari Abdullah bin Abu Malikah, dia berkata: “Pada suatu pagi aku pergi kepada Ibn Abbas, lalu dia berkata, bahawa malam tadi aku tidak dapat tidur sampai pagi.” Aku bertanya: “Apakah sebabnya?” Beliau menjawab: “Kerana ada orang berkata, bahawa bintang berekor sudah terbit. Kerananya, aku berasa cemas akan kedatangan asap yang sudah mengetuk pintu, hingga aku tidak dapat tidur sampai pagi.” (Ibn Kathir berkata: “Sanad perkataan ini adalah soheh kepada Ibn Abbas.” Tafsir Ibn Kathir.)

Ibn Mardawiyah telah meriwayatkan sebuah hadis dari Abu Umamah dari Nabi s.a.w.: *“Apabila para raja pergi haji bertujuan untuk berjalan-jalan (melancung) dan para pedagang (saudagar) bertujuan untuk berniaga dan orang miskin untuk mengemis, para qari pula (membaca al-Quran) untuk tujuan riya dan mencari nama baik (kemasyhuran), maka ketika itu muncullah bintang berekor.”*

Munculnya bintang berekor adalah selalu sahaja berulang-ulang di langit dalam jarak waktu kemunculannya yang sangat panjang. Bintang berekor yang terakhir sekali muncul adalah pada bulan April 1997 yang dikatakan oleh para ahli bintang: “Ini adalah kesempatan terakhir bagi anda untuk melihatnya, yang mana anda hanya akan dapat melihatnya pada saat sekarang atau pada 3,000 tahun yang akan datang.” Kemudian apakah ini dia bintang berekor yang akan mengiringi kemunculan Al-Mahdi? *Wallahu a’alam.*

Ka’ab r.a berkata; “Dari timur akan keluar bintang sebelum kedatangan Imam Al Mahdi, bintang itu berekor” Bintang ini muncul dari timur, bermakna ketika kemunculan bintang ini sedang merentasi ruang angkasa bumi pada kedudukan antara bumi dan matahari.

Komet ini merentas bahagian langit yang gelap iaitu sebelah malam bumi ketika itu. Pada ketika itu berlaku gerhana bulan, maka Hermes merentas antara bumi dan bulan, dan ekornya tidak kena pada bumi kemungkinan terkena pada bulan.

Saidina Ali berkata; “Kedatangan Al-Mahdi akan didahului oleh kemunculan bintang yang ekornya menakjubkan, bukan seperti bintang yang kamu lihat muncul setiap dua pertiga pada setiap dekad (sepuluh tahun), dan bukan juga bintang yang muncul pada dua pertiga abad, dan bukan juga bintang yang muncul setiap abad. Tetapi ia adalah bintang berabad-abad, meliputi api, salji, seperti kelajuan cahaya matahari ketika menyongsong fajar. Hujung depannya bertemu dengan hujung belakangnya seperti lingkaran raksasa, memancarkan sinar terang dalam langit yang gelap seperti matahari terbit. Kemudian bintang itu akan kembali beredar pada landasan orbitnya. Setelah itu akan datang banyak malapetaka dan kematian yang merupakan keuntungan bagi orang yang baik, dan kerugian bagi orang jahat.”

Di bawah ini mari kita huraikan ungkapan-ungkapan Saidina Ali iaitu:

1. Kedatangan Imam Mahdi akan disusuli oleh kemunculan bintang yang ekornya menakjubkan

Fakta Sains: Hermes, pertama kali dilihat pada tahun 1937 sebagai objek bercahaya bergerak, kemudian menghilang pergi tanpa dapat dikesan, sehinggalah muncul semula pada Oktober 2003. Menurut Brian Marsden, dari Pusat Planet di Cambridge. Hermes telah mengelilingi matahari sebanyak 31 kali.

Hermes menepati ciri ini, apatah lagi ianya bergerak menghampiri matahari yang pastinya ekornya memanjang yang menakjubkan sehingga kelihatan seperti membelah langit. Ia menakjubkan dan juga sekaligus menimbulkan ketakutan. Kemunculan boleh diertikan seolah-olah bintang berekor ini baru ditemui atau telah hilang dan para saintis tidak dapat mengesannya sehinggalah muncul semula setelah 66 tahun atau sengaja didiamkan selama ini.

2. bukan seperti bintang yang kamu lihat muncul setiap dua pertiga pada satu dekad, dan bukan juga bintang yang kamu lihat muncul dua pertiga abad, dan bukan bintang yang muncul setiap abad, tetapi ia adalah bintang berabad-abad, yang diliputi api, salji, udara dan tanah

Bintang ini muncul 777 hari sekali iaitu lebih kurang 2.1 tahun iaitu 1/3 dekad yang dimaksudkan dari kata-kata Saidina Ali. Oleh itu bintang ini muncul pada setiap 2 - 3 tahun sekali.

3. Ekornya memanjang, kelajuannya seperti kelajuan cahaya matahari ketika menyongsong fajar

Saiz Hermes ialah 0.9 km (lebih kurang 1,000 ela). Saiz nukleusnya yang besar membentuk 'coma' yang besar dan sudah tentu menghasilkan ekor yang panjang, semakin hampir dengan matahari semakin panjang ekornya.

Komet bergerak lebih laju apabila menghampiri matahari dan menjadi perlahan apabila bergerak menjauhi matahari. Kelajuannya Hermes merentas angkasa memang lebih laju daripada bumi, yang mana *Mean Orbital Velocity* adalah 47.88 km/s, sementara bumi *Mean Orbital Velocity* adalah 29.79 km/s. Sekiranya komet ini menempuh medan tarikan graviti semasa gerhana bulan, maka kelajuannya jadi perlahan terutamanya merempuh lapisan udara bumi menghasilkan geseran yang tinggi dan nyalaan yang lebih terang. Rempuhan medan tarikan graviti antara bumi dan bulan ini tidak bermaksud Hermes membuat laluan orbit baru selepas itu.

Hermes boleh diperhatikan selama 5 hari oleh Reinmuth, maka dalam kontek ini (situasi gerhana bulan) sudah tentu lebih dari 5 hari kita dapat melihat Hermes, *Wallahu a'alam*.

Kita berandaian bahawa Hermes menempuh jaringan medan tarikan graviti antara bumi dan bulan sehingga melambatkan untuknya keluar dari medan tarikan yang kuat ini. Medan tarikan graviti ini juga mempercepatkan kelajuan Hermes ke kearah kedudukan antara bumi dan bulan.

Sekiranya pada ketika itu berlaku gerhana bulan maka satu jaringan medan tarikan graviti antara bulan, bumi dan matahari akan terbentuk dengan lebih kuat yang mempercepatkan kelajuan Hermes merempuh jaringan medan ini dan melambatkannya keluar dari jaringan ini.

Keadaan ini menyebabkan Hermes seolah-olah seperti matahari terbit pada waktu pagi dengan cahaya coma yang terang ia seperti pancaran cahaya matahari yang menyingsing diwaktu fajar menerangi bumi ini. Ini satu hipotesis, walau bagaimana pun ia tetap melalui ruang angkasa iaitu selepas sembahyang fajar di Hijaz dan malam Jumaat di Amerika. Bunyinya kuat hingga kedua-dua belah penduduk bumi mendengarnya sama ada yang sedang tidur nyenyak terjaga dari tidur (sebelah malam) dan dan yang sedang jaga (sebelah siang bumi) terduduk sebab terkejut. Amerika ketika ini melihat gerhana bulan.

Cahaya bintang iaitu “coma” bagaikan fajar menyingsing yang perlahan-lahan menerangi bumi, apabila bahagian bumi berputar menghadapi bintang ini iaitu menyinari ufuk timur.

4. Hujung depannya bertemu dengan hujung belakangnya seperti lingkaran raksasa

Lingkaran ini terbentuk disebabkan terdapat dua hujung yang berbeza. Kata-kata Saidina Ali jelas mengkhabarkan bahawa kedua-dua hujung ini iaitu depannya dan belakangnya bertemu, juga memberi makna terdapat bintang berekor ini mempunyai “rotation period”. Rotationnya adalah 13.89 jam yang mana ia akan bertemu berdasarkan kajian ‘*lightcurves*’. Cahayanya kemungkinan kepanasan dan coma membentuk satu lingkaran raksasa yang bertemu menjadi bulatan.

5. memancarkan sinar terang dalam langit yang gelap seperti matahari terbit

Bahagian nukleus komet diliputi ‘coma’ iaitu sejenis gas pada sekitar nukleus atau teras yang bersinar terang

disebabkan pengaruh matahari, malah ia lebih terang daripada cahaya matahari, kerana kedudukannya lebih hampir kepada bumi. Sinaran coma ini semakin bertambah apabila memasuki ruang angkasa bumi dan geseran nukleus iaitu 2 batu besar garispusat 400 meter dengan lapisan udara mesosphere bumi dengan kelajuan 65,124 km/jam {47.88 km/sesaat (hermes) -29.79 km/s (bumi)} akan menghasilkan bunyi (suara) yang kuat dan *pitch* yang tinggi membelah langit pada ketinggian 150-560 km pada waktu malam Jumaat pertengahan bulan Ramadhan. Komet ini membelah langit yang gelap menunjukkan sebelah malam bumi ketika itu.

Sekiranya ia merentas bahagian malam bumi ketika itu, bermakna melintas bahagian Amerika, pacific ocean yang sensitif dipanggil "*ring of fire*" dan berada di atas supervolcano Yellowstone (lebih kurang).

Fakta sains berhubung tarikan graviti pada semasa gerhana bulan adalah sekiranya komet Hermes berada di antara bumi dan bulan pada masa pertengahan bulan Ramadhan, iaitu gerhana bulan, maka Hermes boleh mengakibatkan peningkatan "*gravitational pull*" ini, dan lagi hampir lagi kuat tarikannya ke atas kerak bumi dan boleh mencetus pelbagai aktiviti pada permukaan bumi termasuk letupan supervolcano, malah posisi Hermes boleh menarik objek berdekatan *Near Earth Object* (NEO) atau *Near Earth Asteroid* (NEA) yang berlaku ketika itu tertarik ke arah bumi malah menghentam bumi.

Ini menggelisahkan Amerika sebab terdapat ramalan daripada kajian sejarah perlanggaran komet/meteor keatas bumi secara periodik, lembaran suhuf, catatan kitab agama Kristian, ramalan Nostradamus dan Islam (Al-Quran dan hadis) adalah seakan-akan sependapat tentang kemusnahan besar akibat komet, meteor atau asteroid, sama ada menghentam bumi atau tidak, tapi pokoknya ada kena mengena dengan kedatangan komet. Kejadian ini mengakibatkan bunyi, goncangan dan asap serta kebuluran yang dahsyat.

6. Kemudian bintang itu akan kembali beredar pada orbitnya

Hermes memang dimaklumkan oleh laman web Barat mempunyai 12 orbit. Apa yang kita tidak setuju kerana mereka beranggapan Hermes terpengaruh oleh tarikan graviti planet-planet menyebabkan ia membentuk dua belas laluan yang tidak sama.

Bagi kita Hermes mempunyai satu sahaja orbit yang tidak berubah kecuali tarikan sementara dari planet berdekatan, kemudian masuk semula laluan orbit asalnya. 12 laluan orbit tersebut berdasarkan apa? Hermes ditemui tahun 1937 dan muncul semula setelah dilaporkan hilang selama 66 tahun, kemudian pada tahun 2003 muncul semula, jadi dari mana asas kajian 12 orbit Hermes tersebut?

Walaupun mereka bercakap berdasarkan kajian, tetapi lebih tepat adalah andaian semata-mata, kerana tiada pemerhatian Hermes sepanjang 66 tahun sebab Hermes hilang. Mereka seterusnya membuat membuat kenyataan kononnya "*Hermes orbit is the most chaotic orbit*". Ini seolah-olah memaklumkan kepada kita ada kecacatan atau *inconsistency* dalam penciptaan langit.

Hermes telah muncul dan dilihat oleh Karl Reinmuth pada 28 October 1937. Cuma dapat dilihat selama 5 hari, kemudian hilang. Oleh itu hanya pemerhatian tahun 2003 sahaja yang tinggal, memang boleh ketahui satu orbit sahaja sepatutnya bukan 12 orbit. Ini bermakna orbit Hermes tidak begitu tepat berdasarkan satu pemerhatian sahaja.

Fakta sains mendapati bahawa Hermes berada lebih kurang 378,000 batu dari bumi. Setakat ini kesannya terhadap kehidupan makhluk di muka bumi tidak membimbangkan, kata pengkaji bintang Giorgini. Jelas, bahawa bintang berekor ini tidak menghentam bumi, tetapi ia boleh tertarik menghampiri bumi dan meneruskan perjalanan mengikut orbitnya yang biasa. Sayang sekali Nolan tidak memaklumkan kepada kita bahawa

planet mana yang mempengaruhi Hermes pada Oktober 2005 seperti kenyataannya "*Orbits can change appreciably over time due to gravitational influences of the planets*". Komet bergerak keluar orbit disebabkan tertarik oleh graviti planet lain. Kita setuju dengannya, tetapi komet itu tetap beredar ikut orbit asalnya setelah melewati pengaruh tarikan itu bukan terus membuat laluan orbit yang baru.

7. Setelah itu akan datang banyak malapetaka dan kematian

Sekiranya komet itu tidak menghentam bumi, jadi apakah malapetaka yang datang selepas itu? Ini membuktikan bintang ini bukan penyebab malapetaka dan kematian, ia cuma mengejutkan orang sedang tidur, tetapi ada objek lain yang datang menyebabkan banyak malapetaka dan kematian berdasarkan perkataan "setelah itu akan datang". Malapetaka tersebut dapat kita faham berdasarkan hadis sebelum ini tentang suara iaitu suara ke-2 pada malam itu. Selepas itu akan terjadi huru-hara seperti mana diisyaratkan oleh hadis yang dinukilkan pada alamat kiamat nombor 69, muka surat 116.

8. Yang merupakan keuntungan bagi orang yang baik, dan ia kerugian bagi orang yang jahat

Oleh itu hendaklah kita bergembira dengan khabar tentang kemunculan Imam Mahdi ini iaitu sudah sampai masa untuk dipergilirkan kekuasaan antara manusia dan kebenaran akan tetap mengalahkan kebatilan. Kita lihat bagaimana Amerika dan Negara-negara Barat melancarkan serangan keatas negara Islam, menceroboh dan menggugurkan bom sesuka hati mereka atas nama, kononnya, memerangi keganasan yang mereka labelkan dan serang negara Islam. Sampai masanya giliran mereka pula diazabkan dan permulaan umat Islam meraih kemenangan pula.

Hadis-hadis lain yang menjelaskan ciri-ciri bintang berekor ini terdapat dihalaman 273 buku Muhammad Isa Dawud, Kejutan, Siri 1.

9. Ka'ab r.a berkata; “Dari timur akan keluar bintang sebelum kedatangan Imam Al-Mahdi, bintang itu berekor”

Periksalah laman web {http://go.hrw.com/atlas/norm_html/world.htm}, apakah yang dimaksudkan timur? Sekiranya terbit matahari pagi di Hijaz, permulaan malam di Amerika. Bahagian barat Amerika terutamanya supervolcano Yellowstone memang berada 180 darjah dengan kedudukan tanah Hijaz (Arab Saudi). Jadi 7 pagi bersamaan 7 petang di bahagian Barat Amerika tersebut. Masuk maghrib di bahagian Amerika Barat pukul berapa? Kalau ikutkan timur di sini adalah di negara Asia, termasuk Malaysia, yang mana bintang ini muncul iaitu di atas kita, tetapi ada disebut “*dalam langit yang gelap*” ini bermakna berada kedudukannya di timur, tetapi bahagian sebelah malam. Jadi adakah Malaysia berada di timur dalam keadaan malam ketika tanah Arab Saudi pukul 7 pagi? Tidak, Malaysia masih terang benderang, jadi kemungkinan kawasan pasifik dan bahagian barat Amerika dalam keadaan langit semakin gelap iaitu masuk malam.

10. Al-Walid berkata: “Aku telah melihat bintang di salah satu menara Abu Jaafar Al-Mansur di Baqin pada malam hari. Bintang itu berputar-putar hingga kedua hujungnya bertemu dan menjadi seperti putaran jam.”

Mungkin itulah komet Hermes. Kerana dalam kata-katanya terdapat perkataan “dua hujung yang berputar”, ini menunjukkan ia jenis yang berputar (*binary asteroid*), dan perkataan “bertemu membentuk lingkaran” dan perkataan pada “malam hari”. Sekiranya ini bintang berekor yang dimaksudkan oleh Saidina Ali, maka Hermes memang hampir dengan bumi selama ini, tetapi kita umat Islam tidak tahu hal itu, bahawa ia adalah tanda-tanda kemunculan Imam Mahdi. Kemungkinan Hermes semakin hampir setiap kali ia melintas orbit bumi, tetapi didiamkan oleh pihak tertentu untuk menutup kebenaran Islam.

11. Al-Walid meriwayatkan dari Ka'ab, "Ia adalah sebuah bintang yang muncul dari arah timur dan menyinari penduduk bumi seperti sinaran bulan purnama"

Pada bahagian nukleus bintang ini terbentuk "coma" yang terang. Coma ini adalah gas yang bersinar kerana pengaruh dari matahari.

12. Al-Walid berkata, "Warna kemerahan dan bintang-bintang yang kita lihat tidaklah termasuk tanda-tandanya. Bintang yang menjadi tanda adalah sebuah bintang yang terbalik di ufuk pada bulan safar, atau pada bulan Ra'biul Awal dan Rabi'ul Akhir atau pada bulan Rejab"

Kita kagum dengan para sahabat Nabi s.a.w. yang boleh tahu yang mana satu tidak termasuk tanda-tandanya. Ini menunjukkan betapa mereka begitu prihatin dan peka terhadap apa-apa yang berlaku di alam ini. Al-Walid tahu terdapat bintang-bintang lain *conglomerate* (gugusan meteor) yang menghampiri bumi pada bulan yang sama ketika kejadian bintang berekor ini. Hebat Al-Walid, bolehkah kita buat kenyataan macam Al-Walid guna pandangan mata sahaja. Ini menunjukkan kerap sungguh mereka memerhati kejadian di langit dan bumi.

Perhatikan perkataan berganda "bintang-bintang" maknanya banyak objek. Ini merujuk kepada perkara lain bukan satu bintang berekor sahaja. Bintang berekor boleh dilihat seolah-olah terbalik di ufuk dan kelihatan seperti bergerak menyongsang, kerana ekornya (*dust tail and ion tail*) tertolak menjauhi matahari, tetapi pada masa yang sama menghampiri bumi. Jadi nampak terbalik.

82. Hancurnya Yasyrib

Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Setelah pembangunan Baitul Maqdis adalah kehancuran Yasyrib (kota Madinah), setelah kehancuran Yasyrib adalah terjadinya pertempuran besar. Dan*

setelah terjadinya pertempuran besar adalah penaklukan Konstantinopel. Lalu, setelah penaklukan Konstantinopel adalah keluarnya Dajjal.” Kemudian Nabi s.a.w. meletakkan tangannya di atas bahunya (Muaz) dan berkata: “Sesungguhnya kebenaran ini adalah sebagaimana adanya kamu di sini atau sebagaimana engkau duduk.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Muaz bin Jabal dan disohehkan oleh Al-Albaani dalam Al-Misykat, nombor 423. Ibn Kathir berkata: “Ini adalah hadis hasan, bersanad jayyid dan padanya ada cahaya kebenaran dan kenabian.” Lihat: Al-Fitan wa al-Malahim).

Kaum Yahudi pada saat ini membangun penempatan baru di Baitul Maqdis dengan berani di depan “mata kepala” seluruh kaum Muslimin sedunia, dan bahkan telah keluar pula keputusan Kongres Amerika pada bulan Jun 1997 tentang pemindahan kedutaan besar Amerika dari Tel Aviv ke Baitul Maqdis (EI-Quds), Subhanallah. Sesuai dengan hadis Nabi s.a.w. di atas bahawa pembangunan Baitul Maqdis akan diikuti oleh hancurnya Yasyrib (kota Madinah), sedangkan kehancuran Yasyrib adalah dengan keluarnya Imam Mahdi darinya untuk memerangi Rom pada peristiwa *Al-Malhamah Al-Kubra* (pertempuran yang paling besar), maka ini bererti bahawa pembangunan Baitul Maqdis yang pada hari ini sudah mulai sempurna, dan akan diikuti oleh kemunculan Imam Mahdi, kemudian peperangan melawan Semenanjung Arabia (termasuk Madinah), kemudian Imam Mahdi bersama para pengikutnya akan keluar untuk berperang melawan Rom pada perang *Al-Malhamah Al-Kubra*. (Hadis ini tidak dimaksud bahawa Yasyrib akan hancur secara keseluruhan, akan tetapi itu akan terjadi pada akhir zaman. Pembangunan Baitul Maqdis pula disebabkan dari kehancuran Kota Madinah An-Nabawiyah. Kerana, sudah tetap dalam hadis-hadis bahawa Dajjal tidak akan kuasa untuk memasukinya.)

Kemudian mereka akan kembali kepadanya (Madinah) untuk membangunnya, kemudian pada akhir zaman mereka akan keluar dari Kota Madinah itu secara keseluruhan setelah meninggalnya Imam Mahdi, Isa Ibn Maryam dan Al-Qahtani

(khalifah setelah Al-Mahdi) dan mereka tidak akan kembali lagi kepadanya selama-lamanya, sebagaimana yang termaktub dalam hadis soheh: *“Mereka akan meninggalkan kota Madinah dari segala kebbaikannya yang tidak akan dihuni oleh orang mencari rezeki, iaitu burung-burung dan binatang buas.”* (Riwayat Bukhari, Muslim dan Ahmad dari Abu Hurairah).

83. Haiwan-haiwan dan makhluk mati akan berbicara dengan manusia

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Demi Zat (Allah) yang diriku berada di tangan-Nya, tidak akan terjadi kiamat, sehingga binatang buas akan berbicara dengan gantungan cemetinya, tali sandalnya dan pahanya akan mengkhabarkan kepadanya apa-apa yang diperbuat oleh isterinya ketika dia (suami) tidak ada (sedang berpergian kerana sesuatu urusan).”* (Riwayat Imam Ahmad dari Yazid bin Harun dari Al-Qasim bin Al-Fadhl dari Abi Nudhrah dari Abi Said al-Khudri dan Tirmizi dari Abi Said al-Khudri).

Peristiwa ini hanya akan terjadi pada zaman keanehan, zaman Imam Mahdi dan Isa Ibn Maryam a.s. yang mana pada zaman ini banyak berubah kebiasaan (berlaku hal-hal ganjil dan pelik-pelik), berubahnya sistem perputaran alam dan terbaliknya sifat kebiasaan binatang-binatang ternakan dan binatang-binatang buas. Hal ini tidaklah aneh akan terjadi pada zaman yang ajaib dan keanehan ini.

84. Keruntuhan Kaabah

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Kaabah akan dihancurkan oleh Suwaiqatain (seorang yang berbetis kecil) dari Negeri Habsyah.”* (Muttafaq Alaih dari Abu Hurairah).

Dan dalam suatu riwayat lain beliau s.a.w. telah bersabda: *“Seakan-akan aku berada di dekatnya, dia itu hitam dan kakinya tempang, yang sedang meruntuhkannya (Kaabah) batu demi batu.”* (Mattafaq Alaih dari Ibn Abbas).

Ciri-ciri manusia Habsyi yang jahat yang akan meruntuhkan Kaabah ini dalam semua riwayat hadis adalah:

- 1 . Berkulit hitam.
2. Berbetis kecil.
3. Pengkor (kaki tempang) ke dalam.
4. Kepala bahagian depannya adalah botak.
5. Berkepala kecil.
6. Bertangan bengkok.
7. Bertelinga kecil.

Para ulama berselisih pendapat tentang zaman terjadinya penghancuran ini, pendapat tersebut adalah: Pertama, bahawa penghancuran Kaabah ini akan terjadi pada zaman Nabi Isa Ibn Maryam turun ke bumi, setelah dia menunaikan Haji. Kerana, Nabi s.a.w. menetapkan, bahawa dia akan menunaikan haji. Pendapat kedua, bahawa peristiwa ini akan terjadi pada akhir zaman sebelum dicabutnya ruh seluruh kaum Mukminin dan tidak lama sebelum berakhirnya umur umat Islam, yang mana al-Quran akan dicabut dari setiap hati dan dihancurkannya Kaabah. Pendapat yang kedua inilah yang kuat. Bagaimanapun juga, penghancuran Kaabah ini akan terjadi setelah munculnya beberapa tanda-tanda besar kiamat.

85. Manusia jadi seperti binatang

Riwayat Ibnu Majah dari Abu Malik Al-Asyari, Rasulullah s.a.w. bersabda; *“(Akhir zaman nanti) ramai kalangan umatku akan meminum arak, yang diberikan dengan pelbagai nama (bukan dari nama arak), mereka bermain muzik (bertali, yang diharamkan) dengan diiringi penyanyi wanita di atas kepala mereka (di atas pentas yang tinggi). Ketika itu Allah akan sedutkan mereka ke bawah bumi dan mereka juga dijadikan bagai kera dan babi.”*

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan terjadi kiamat sehingga mereka bersetubuh (tanpa segansilu) di jalan seperti keldai-keldai.”* (Diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan At-Tabrani dari Ibn Umar).

Dua hadis di atas Rasulullah s.a.w. menggambarkan bahawa di akhir zaman kelak akan terjadi manusia berperangai seperti binatang. Berpesta di pesta hiburan dan melakukan zina terang-terangan bagai binatang.

Menurut ulamak bahawa pada zaman itu tidak akan ada lagi orang Mukmin, maka manusia akan menjadi seperti haiwan yang mana mereka tidak akan malu berlompat-lompat, berpesta dan bersetubuh (berzina) di tepian jalan dan di depan mata manusia, maka mereka itulah makhluk yang paling jahat.

Dalam riwayat yang lain disebut bahawa manusia yang paling berbahagia pada masa itu adalah Luka' bin Luka' (si bodoh anak si bodoh) atau Kafir bin Kafir, sedangkan kiamat tidak akan terjadi sehingga di bumi ini tidak disebut lagi nama "Allah", "Allah".

Ketika itu berlakunya kiamat dengan tiba-tiba dan mengejutkan, kerana mereka yang hidup pada zaman itu terdiri daripada makhluk yang paling jahat dan mereka tidak mengetahui apakah itu "Allah" dan apakah itu "kiamat" lagi. Adapun mengenai kaum Mukminin, maka mereka itu sudah dicabut nyawanya oleh Allah sebelum kiamat, dalam waktu yang tidak pendek (satu generasi atau dua generasi), dan tercabutnya ruh mereka tersebut dengan datangnya angin yang lembut, lalu berakhirlah umur umat Islam.

86. Imam Mahdi sebagai tanda kiamat, pembatas antara tanda kiamat sedang dengan kiamat kubra (besar)

Berhubungan dengan kemunculan Imam Al-Mahdi di akhir zaman sebagai salah satu tanda kiamat, tidak ada disebut secara khusus dalam hadis tentang urutan (talian) peristiwa seperti mana sepuluh peristiwa khusus yang disebut khusus dalam hadis berkaitan "alamat kiamat besar".

Terlalu banyak hadis yang menceritakan tanda-tanda kiamat kubra (besar), antaranya ialah yang diriwayatkan oleh

Imam Muslim dari Hudzaifah bin Usaid Al-Ghiffari r.a., ia berkata, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; “Sesungguhnya kiamat itu tidak akan datang sehingga kamu melihat sepuluh (10) tanda. Kemudian baginda menyebut asap, Dajjal, binatang (yang keluar dari perut bumi), terbitnya matahari dari barat, turunnya Isa Ibnu Maryam a.s., Yakjud dan Makjuj, berlaku tiga gempa bumi (iaitu di timur, barat, dan di jazirah Arab, dan yang terakhir ialah keluarnya api dari Yaman yang mengiringi manusia ke tempat berkumpul mereka.” (Soheh Muslim, Kitabul Fitan Asyratus Sa’ah 18: 27-28).

Kemunculan Imam Al-Mahdi sebagai tanda kiamat disebut dalam pelbagai dan banyak hadis lain secara tersendiri sehingga para penganalisis berselisih pendapat tentang masa kemunculannya. Ini adalah suatu hikmah, Allah merahsiakan masa kemunculannya.

Dalam bahagian ini kita cuma ingin menegaskan bahawa kemunculan Al-Mahdi tidak dapat kita golongkan sebagai tanda-tanda kecil kiamat dan tidak pula sebagai tanda-tanda besar kiamat, akan tetapi kita menggolongkannya kepada “batas penghubung antara kedua-dua tanda tersebut”. Kerana, dengan kemunculan Al-Mahdi, maka sempurnalah kemunculan semua tanda-tanda kecil kiamat dan kemunculannya juga terbentangleh (diikuti) kemunculan tanda-tanda besar kiamat. Dan tanda yang pertama darinya adalah keluarnya Al-Masihuddajjal yang terlaknat, di mana dia akan muncul selama 6 bulan atau 6 bulan setelah kemunculan Imam Mahdi. Sebagaimana yang diterangkan oleh sebahagian hadis Nabi s.a.w.

Imam Mahdi Pembawa Keamanan Sejagat dan Beberapa Peristiwa Besar dan Ganjil Berkaitan Kemunculannya

TERLALU banyak dan pelbagai riwayat hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan tentang Imam Mahdi a.s. hingga mencapai tingkatan hadis mutawatir. Namun persoalan Imam Mahdi masih menjadi pertikaian sehingga timbul pelbagai pendapat, pro dan kontra. Bahkan, ramai para ulamak ada yang menolak kewujudan Al-Mahdi. Selain itu terdapat juga individu-individu tertentu mengakui sebagai Imam Mahdi.

Bagi menjelaskan kedudukan sebenarnya isu tentang Imam Mahdi, maka berikut dipaparkan bukti-bukti dan keterangan-keterangan tentang kewujudan Imam Mahdi dan ia, insya-Allah akan muncul. Maksud Al-Mahdi dalam pembahasan dalam buku ini ialah Al-Mahdi Al-Muntazar:

1. Syeikh Muhammad Al-Barzanji (meninggal pada 1103 Hijrah) dalam kitabnya "*Al-Isya'ah fii Asyratissa*" (berita tentang isyarat-isyarat kiamat) berkata tentang isyarat-isyarat yang besar dan tanda-tanda terdekat yang mendahului terjadinya hari kiamat, di antaranya adalah munculnya Imam Mahdi. Ketahuilah, bahawasanya hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan perihal Imam Mahdi dalam berbagai riwayat

terlalu banyak jumlahnya dan ada yang telah mencapai tingkat hadis mutawatir secara maknawi. Hingga tidak ada alasan bagi kita untuk mengingkari hadis tersebut. (Lihat: Al-Izha'ah, halaman 87 dan 112).

2. Syeikh Muhammad As-Safaraini (meninggal pada 1188 Hijrah) dalam kitabnya "*Lawami'u al-Anwar al-Bahiyyah*" berkata, bahawa riwayat-riwayat hadis Nabi s.a.w. tentang keluarnya Imam Mahdi banyak jumlahnya, sehingga mencapai hadis mutawatir secara makna (pengertian). Hal ini tidak asing lagi bagi para ulamak hadis, sehingga ia merupakan suatu iktikad (keyakinan) dari mereka. (Lihat: Mukhtasar Lawami'u Al-Anwar Al-Bahiyyah wa Sawti' Al-Asrar Al-Asariyyah, halaman 334).

3. Imam As-Syaukani (meninggal pada 1250 Hijrah), penyusun kitab "*Nailu Authar*" berkata, bahawa hadis-hadis Nabi s.a.w. tentang Imam Mahdi yang dapat dijadikan sebagai pegangan di antaranya adalah kira-kira 50 hadis yang terdiri dari hadis-hadis soheh, hasan, dhaif dan munjabir. Sebahagian besar dari hadis tersebut tidak diragukan lagi adalah hadis-hadis mutawatir, yang tidak ada keraguan padanya. (Lihat: Kitab At-Taudhih fii Tawaturi maa Jaa'a fii Al-Muntazar wa Ad-Dajjal wa Al-Masih (keterangan tentang mutawatirnya hadis-hadis yang menerangkan Al-Mahdi Al-Muntazhar, Dajjal dan Isa al-Masih). Isi kitab ini juga dikutip oleh Syeikh Shiddiq Khan dalam kitabnya Al-Izha'ah, halaman 113, yang kemudiannya dikutip pula oleh Syeikh Abdul Muhsin Al-'Abbad, dalam kitabnya Ar-Raddu 'alaa Man Kazzaba bi Al-Ahadis As-Soheh Al-Waridah fii Al-Mahdi dan Aqidatul Ahlisunnah wa Al-Athar fii Al-Mahdi Al-Muntazar, dan Syeikh Muhammad bin Ismail Al-Miqdam, dalam Al-Mahdi Haqiqah La Khurafah, halaman 7.)

4. Syeikh Siddiq Hasan al-Qanuji (meninggal pada 1307 Hijrah) berkata, bahawa hadis-hadis Nabi s.a.w. yang meriwayatkan tentang Al-Mahdi dengan berbagai riwayat adalah banyak sekali, sehingga mencapai tingkat mutawatir. (Lihat: Kitab Al-Izha'ah dan juga lihat kitab Linma Kana wa

Takuna Baina Yadaiyissa'ah, Syeikh Shiddiq Khan, halaman 113.)

Jadi hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan tentang Al-Mahdi merupakan khabar-khabar mutawatir dan ijma' para utama (kecuali sebahagian kecil saja, seperti Ibn Khaldun tidak menerimanya) untuk wajib beriman dengannya dalam iktikad dan tashdiq (pembenaran); bahawa Allah s.w.t. akan mengutuskan seorang lelaki yang berasal dari umat Nabi Muhammad s.a.w. yang akan memimpin kaum Muslimin dalam menghadapi huru-hara dan peperangan-peperangan yang terakhir, itulah dia Imam Mahdi a.s.

Para ulama Islam telah memberikan perhatian yang cukup besar terhadap hadis-hadis Al-Mahdi dengan keterangan-keterangan profesional dalam kitab-kitab mereka sebanyak lebih dari 30 buah.

Masalah Al-Mahdi ini termasuk dasar pokok pembahasan buku ini, di mana kemunculan Al-Mahdi akan berlaku setelah perang Armagadon. Hal inilah yang dilalaikan oleh orang yang berbicara tentang peperangan tersebut. Oleh kerana itu, maka di sini kami akan membahas masalah yang bersesuaian dengan kenyataan (realiti) zaman kontemporari kita, iaitu dalam hubungan antara Al-Mahdi dengan realiti kontemporari kita, dan bagaimana kemunculan Al-Mahdi menjadi garis penghubung antara tanda-tanda kiamat yang kecil dengan tanda-tanda kiamat yang besar.

Kita kita membicarakan hadis-hadis tentang Al-Mahdi secara panjang lebar. Akan tetapi, mencakupkan pada masalah-masalah yang menjelaskan tentang sifat-sifat dan tanda-tanda kemunculan dirinya, dan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada zamannya tentang huru-hara dan peperangan-peperangan, dengan meninggalkan pembahasan-pembahasan panjang yang berasal dari kitab-kitab tentang Al-Mahdi. Barangsiapa yang ingin mengkaji masalah Al-Mahdi secara panjang lebar dan terperinci, sila merujuk kepada kitab-kitab tersebut.

1. Siapakah Al-Mahdi

Al-Mahdi Al-Muntazar (yang ditunggu) adalah seorang lelaki muda dari kaum Muslimin berasal dari umat Nabi s.a.w. Namanya adalah Muhammad Ibn Abdullah (namanya sama dengan Nabi Muhammad s.a.w.). Al-Mahdi merupakan salah seorang dari khalifah dan pemimpin yang mendapat petunjuk.

2. Sifat-sifat dan ciri-ciri Imam Mahdi

Sebagaimana yang disebutkan oleh Nabi Muhammad s.a.w., bahawasanya Al-Mahdi atau Muhammad Ibn Abdullah itu adalah seorang lelaki yang berhidung panjang mancung, berkening luas, dia akan memenuhi bumi ini dengan keadilan, sebagaimana sebelum ini bumi ini dipenuhi dengan kezaliman dan ketidakadilan...waktu itu berlangsung (berlaku) selama tujuh tahun atau lapan tahun atau sembilan tahun. (Lihat: Hadis hasan, diriwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Hakim dari Abi Saïd al-Khudri. Berkata Ibn Qayyim Al-Jauziyah dalam kitab Al-Manar al-Munif, bahawa sanadnya adalah baik. Hadis ini dihasankan oleh Al-Albnani dalam kitabnya Takhrijul Miskat dan Soheh Al-Jami').

Imam Mahdi berperanan di tengah masyarakat selama 7 tahun atau 8 tahun atau 9 tahun, yang mana masyarakat ketika zamannya berada di dalam kedamaian dan kenikmatan yang sebelum ini belum pernah mereka rasakan. Setelah itu baru turun Isa al-Masih a.s. Allah s.w.t. akan mempersiapkan dan mengislahnya dalam waktu satu malam, serta akan menguatkannya dengan pertolongan (bantuan). (Lihat hadis soheh yang diriwayatkan oleh At-Tabrani, Al-Bazzar dan Abu Nu'aïm. Imam As-Suyuti telah menunjukkan akan kesohehannya dalam kitab Al-Jami' dan disahkan juga oleh Al-Albani dalam kitabnya As-Silsilah As-Sohehah, no. 1529.)

Apakah maksud dari kalimat: *"Allah akan mempersiapkan dan mengislah Al-Mahdi dalam waktu satu malam?"* Kalimat ini yang berasal dari hadis Nabi s.a.w. mengandungi dua tafsiran, iaitu:

Pertama, sebelum perlantik sebagai Iman Al-Mahdi, selaku manusia, ia mempunyai beberapa kekurangan kecil, kemudian Allah s.w.t. mengampuni dosa-dosanya, menunjukkannya jalan yang lurus, kemudian menurunkan ilham-ilham-Nya serta ditingkatkan maqamnya. (Lihat: Al-Fitan wa al-Malahim, tentang berita Al-Mahdi, Ibn Kathir, juz 1.)

Kedua, bahawa Allah s.w.t. memberinya persiapan untuk menjadi khalifah dan memimpin kaum Muslimin dalam menghadapi huru-hara dan peperangan terakhir.

Tafsiran yang kedualah yang dirasakan tepat. Kerana, orang Arab bermaksud dengan perkataan “semoga Allah s.w.t. mengislah anda” adalah bererti “pujian dan doa”. Seperti ucapan seseorang kepada raja: “Semoga Allah s.w.t mengislah anda wahai raja”. Ini seerti dengan: “Semoga Allah menunjuki dan meluruskan langkah-langkahnya serta memperbaiki keadaannya.

Berikut ini kami akan mengemukakan hadis-hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan kepada kita tentang sifat-sifat Imam Al-Mahdi, dengan menukilkan hadis-hadis yang sesuai dengan tujuan kita serta hadis-hadis yang sudah kita tahqiq (konfirmasi):

1. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Al-Mahdi berasal dari umatku, berkening lebar, berhidung panjang dan mancung, dia akan memenuhi bumi ini dengan keadilan dan kemakmuran, sebagaimana ia (bumi ini) sebelum itu dipenuhi oleh kezaliman dan penindasan (penganiayaan), dan berlaku dalam masa tujuh tahun atau lapan tahun atau sembilan tahun.”* (Hadis hasan, diriwayatkan oleh Abu Daud dan Al-Hakim dari Abi Said al-Khudri. Berkata Ibn Qayyim Al-Jauziyah dalam kitab Al-Manar al-Munif, bahawa sanadnya adalah baik. Hadis ini dihasankan oleh Al-Albnani dalam kitabnya Takhrijul Miskat dan Soheh Al-Jami’).

2. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya bumi*

ini akan dipenuhi oleh kezaliman dan penganiayaan. Apabila kezaliman serta penganiayaan itu telah merata (tidak ada pihak yang dapat mengawal lagi), maka (ketika itu) Allah s.w.t. akan mengutus seorang lelaki yang berasal dari umatku, namanya seperti namaku, dan nama bapanya seperti nama bapaku (Muhammad bin Abdullah). Maka dia akan memenuhi bumi ini dengan keadilan dan kemakmuran, sebagaimana ia (bumi) telah dipenuhi sebelum itu oleh kezaliman dan penganiayaan. Ketika itu langit tidak akan menahan setitis pun dari titisan airnya, dan bumi ini pun tidak akan menahan sedikit pun dari tanam-tanamannya. Maka dia akan hidup bersama kamu selama 7 (tujuh) tahun atau 8 (lapan) tahun, dan paling lama 9 (sembilan) tahun.” (Hadis soheh riwayat At-Tabrani, Al-Bazzar dan Abu Nu’aim. Imam As-Suyuti telah menunjukkan akan kesohehannya dalam kitab Al-Jami’ dan sisahkan juga oleh Al-Albani dalam kitabnya As-Silsilah As-Sohehah, no. 1529.)

3. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Al-Mahdi berasal dari umatku, yang akan diislah oleh Allah dalam satu malam.”* (Inilah hadis soheh yang diriwayatkan oleh At-Tabrani, Al-Bazzar dan Abu Nu’aim. Imam As-Suyuti telah menunjukkan akan sesohehannya dalam kitab Al-Jami’ dan sisahkan juga oleh Al-Albani dalam kitabnya As-Silsilah As-Sohehah, no. 1529.)

4. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Al-Mahdi berasal dari umatku, dari keturunan anak cucuku.”* (Hadis hasan riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Al-Hakim dari Ummu Salamah. Imam Sayuti mensohehkannya dalam kitab Al-Jami’. Berkata Al-Albani; “Sanadnya baik, di mana semua perwawinya adalah siqah dan ia mempunyai banyak penguat (saksi).” Lihat juga kitab As-Silsilah As-Sohehah, 1: 108.)

5. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Pada akhir zaman akan muncul seorang khalifah yang berasal dari umatku, yang akan melimpahkan harta kekayaan melimpah-ruah. Dan dia sama sekali tidak akan menghitung-hitungnya...”* (Riwayat Ahmad dalam Musnadnya, Muslim dalam Sohehnya, hadis dari Jabir bin Abdullah serta Abi Said Al-Khudri.)

Sebelum kita masuk pada pembahasan berikut ini, iaitu

tentang waktu dan tanda-tanda kedatangan Imam Mahdi, perlu dijelaskan di sini bahawa:

1. Kemunculan Imam Mahdi bukan berasal dari usahanya sendiri dan bukan juga suatu permintaan darinya, bahkan dia sendiri sama sekali tidak tahu bahawa Allah s.w.t. akan mengislahkannya dalam waktu satu malam. Dan bahawa Allah s.w.t. akan mempersiapkan baginya suatu kaum yang berjumlah sedikit serta tidak punya persiapan dan kekuatan. Kemudian kaum tersebut membai'ahnya di Kaabah, sedangkan dia (Al-Mahdi) sendiri tidak menyukai bai'ih itu. Lihat hadis-hadis berkaitan dalam buku ini pada perbincangan berikutnya.

2. Kedatangan Al-Mahdi di akhir zaman adalah hal yang sudah ditakdirkan oleh Allah s.w.t. dan telah tertulis di Ummul Kitab (*Lauhul Mahfuz*), yang mana dia pasti akan muncul. Jadi, kemunculannya adalah seperti kedatangan Al-Masihuddajjal, dan turunnya Isa Ibn Maryam, keluarnya Yajuj dan Makjuj serta tanda-tanda hari kiamat yang lain.

Oleh kerana itu kami mengatakan bahawa beriman dengan Imam Mahdi adalah wajib dalam syariat dan iktikad bagi seorang Mukmin. Kerana, terdapat hadis-hadis yang menerangkan tentang Al-Mahdi mencapai tingkat yang mutawatir, sebagaimana yang telah kami terangkan pada pembahasan yang telah lalu. Sedangkan hadis mutawatir (menurut hampir semua ulamak) adalah menunjukkan ilmu yang qath'i (yang tidak dapat digugat lagi), di mana mengetahuinya adalah wajib hukumnya; mengamalkannya adalah fardu dan seseorang yang mengingkari hadis mutawatir boleh menjadikan kafir atau murtad.

3. Bilakah Al-Mahdi akan muncul?

Pembahasan kali ini juga termasuk dalam pembahasan terpenting (signifikan) dari kitab ini. Dan lebih daripada itu, ia adalah merupakan tujuan utama risalah yang ingin disampaikan pada semua orang Muslimin (bahkan juga ahli kitab) agar mengetahui dan mempelajarinya. Kerana,

kemunculan Al-Mahdi adalah suatu kebenaran yang nyata dan khabar yang jelas dari kenyataan-kenyataan takdir yang akan muncul dan terjadi dalam waktu yang dekat (tak lama lagi), yang mana, dengannya Allah s.w.t. akan membenarkan yang benar dan akan membatalkan yang batil.

Sesungguhnya kita yakin bahawa kemunculan Al-Mahdi Al-Muntazar akan terjadi setelah berlakunya peperangan yang amat masyhur sebagai penentu bahawa waktunya telah hampir, iaitu perang Armagadon.

Berikut ini kita akan mengemukakan hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang menerangkan waktu kemunculan Al-Mahdi. Kemudian kita akan mengkaji hubungan antara hadis-hadis tersebut yang menjadikan perkara tersebut menjadi lebih “jelas” terhadap persoalan yang dibincangkan.

Hadis pertama

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Kamu akan mengadakan perdamaian (pakatan) dengan bangsa Rom dalam keadaan aman. Lalu kamu akan berperang bersama mereka melawan suatu musuh dari belakang mereka. Maka kamu akan selamat dan mendapatkan harta rampasan perang. Kemudian kamu akan sampai ke sebuah padang rumput yang luas dan berbukit-bukit. Maka berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom, lalu dia mengangkat tanda salib dan berkata: ‘Salib telah menang. Maka datanglah kepadanya seorang lelaki dari kaum Muslimin, lalu dia membunuh lelaki Rom tersebut. Lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu (mengumpulkan kekuatan) menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera, dan di bawah tiap-tiap bendera terdapat dua belas ribu (12,000) tentera.”* (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar).

Hadis kedua

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Tidak akan terjadi hari kiamat, sehingga kaum Rom turun di kota Amaq dan di Dabiq*

(dekat Damsyik). Kemudian datanglah suatu pasukan yang menghadang mereka dari Madinah, yang berasal dari penduduk pilihan bumi. Dan ketika mereka sudah berbaris-baris, maka berkatalah orang Rom: Biarkanlah (jangan kamu halang) antara kami dengan orang yang memisahkan diri dari kami (yang masuk Islam) untuk kami perangi. Maka kaum Muslim berkata: Demi Allah, kami tidak akan membiarkan kamu memerangi saudara-saudara kami. Dan ketika mereka (Al-Mahdi serta para pengikutnya) telah sampai di Syam, keluarlah Dajjal. Dan ketika mereka sudah bersiap-siap untuk berperang, mereka berbaris dengan rapi. Tiba-tiba, ketika waktu solat sudah masuk, turunlah Isa Ibn Maryam a.s.” (Riwayat Muslim dalam Sohehnya dari Abu Hurairah, dan diriwayatkan serta disohehkan oleh Al-Hakim dan disetujui oleh Az-Zahabi.)

Hadis ketiga

Telah bersabda Rasulullah s.a.w; “Akan terjadi suatu perselisihan ketika meninggalnya seorang khalifah, maka keluarlah seorang lelaki dari penduduk Madinah dan dia lari ke Makkah, maka datanglah kepadanya orang yang berasal dari penduduk Makkah, lalu mereka membawa lelaki tersebut dengan paksa, kemudian mereka membai’atnya pada suatu tempat yang terletak antara Hajarut Aswad dengan Maqam Ibrahim.” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Ummi Salamah. Riwayat Ibn Abi Syaibah dan Tabrani dalam “Al-Ausat.” Al-Haithami berkata dalam kitab “Maima’uzzawaid”: “Para perawinya adalah para perawi hadis soheh.” Dihasankan oleh Ibn Qayyim. Akan tetapi, pada sanadnya ada seorang perawi yang dilemahkan oleh lebih dari satu ulamak hadis, oleh kerana itu, maka Al-Albaani melemahkan hadis ini dalam Ad-Dha’ifah, nombor 1965, akan tetapi kemudian beliau menyebut hal-hal yang mengikutinya dalam As-Sohehah, no. 1924.).

Hadis keempat

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “Pusat kepimpinan kaum Muslimin pada hari peperangan yang paling besar adalah di sebuah negeri yang bernama Ghuthah, yang mana di negeri

itu terdapat sebuah kota yang bernama Damsyik (Damaskus), ia merupakan tempat tinggal yang terbaik bagi kaum Muslimin pada waktu itu.” (Hadis soheh riwayat Imam Ahmad, Abu Daud disahkan oleh Al-Abani dalam Soheh Al-Jami’).

Bila diperhatikan hadis-hadis di atas, kita dapat mengambil beberapa kesimpulan, bahawa tanda-tanda kemunculan Al-Mahdi:

Pertama, bahawa pihak-pihak yang akan terjun dalam perang sekutu dunia tersebut adalah kaum Muslimin dan kaum Rom berada dalam satu blok. Kemudian pihak kaum Muslimin dan kaum Rom akan menghadapi blok lain dari pihak yang bersekutu (sebagaimana yang telah kita terangkan pada pembahasan yang lalu), iaitu Blok Komunis atau blok Syiah atau kedua blok tersebut, sesuai dengan teks hadis yang menyebut: *“Kaum Rom akan berdamai dengan kamu (kaum Muslimin) secara aman. Maka kamu dengan mereka akan memerangi suatu musuh dari belakang mereka.”* Sedangkan pihak kita bersama kaum Rom akan mendapatkan kemenangan, sesuai dengan teks hadis: *“Maka kamu akan menang dan mendapat harta rampasan perang serta akan selamat.”*

Sesungguhnya perang dunia ini (multi-nasional) dan pendahuluan-pendahuluannya telah benar-benar bermula yang mana umat Islam dengan kaum Rom (Bani Ishaq, Eropah dan Amerika) sekarang berada dalam suatu perdamaian yang aman dan tidak berhadapan dalam sebuah perang umum yang terbuka (sebagaimana adanya dalam perang Salib dan ekoran perang salib, penjajahan imperialis). Sedangkan blok komunis (Cina, Rusia dan pengikut-pengikutnya) telah mengadakan perjanjian dan mengadakan persepakatan untuk membina suatu kekuatan serta kemenangan. Rusia menambahkan keakraban hubungannya dengan Cina. Dunia saat ini sedang menumpukan perhatian kepada kawasan Timur Tengah dengan perjanjian-perjanjian dan kesepakatan yang mengkhawatirkan, di antaranya telah banyak dilaksanakan akhir-akhir ini, dan hal ini tidak pernah terjadi selama berabad-abad sebelum ini.

Akhbar al-Ahram, Kairo, April 1966 melaporkan bahawa Amerika Syarikat bertemu markas raksasa yang dirahsiakan, yang di bina oleh Rusia dan diyakini akan menjadi pusat kawalan nuklear. Turki dan Israel dalam diam-diam meneruskan persepakatan, ini sepatutnya menggetarkan telinga umat Islam di negara-negara Arab bila mendengar dan mengamati perkembangan seterusnya, ditambah dengan persepakatan Amerika dengan Jepun dan sebagainya.

Kedua, bilakah perang tersebut akan terjadi? Jawapannya, hanya Allah sajalah yang lebih mengetahui. Kebanyakan dari kaum ahli kitab mengatakan, bahawa peperangan ini mesti terjadi dalam lingkungan awal tahun 2000'an Masihi. Kerana, mereka sekarang sedang menunggu-nunggu "Penyelamat" (Al-Masih) yang akan datang atau turun untuk menyelamatkan mereka.

Kaum Yahudi pula mengatakan, bahawa mereka sekarang sedang menunggu-nunggu "Sang Penyelamat" atau "Raja Yang Mendapat Ilham" bernama "Messiah", yang akan memimpin mereka untuk menguasai dunia. Bahkan mereka telah mendakwa dan meramalkan, bahawa hal itu terjadi lebih awal, iaitu pada bulan April 1998 atau setelah 50 tahun sejak berdirinya negara Israel (hal ini terdapat dalam pembahasan Bapa Destours yang berjudul "Beberapa Perhatian di dalam Kitab Daniel". Di mana beliau berkata: "Munculnya negara Israel, kemudian munculnya Al-Masih yang pendusta...")

Destours menambah, Tuhan yang menjelaskan jarak waktunya dengan berkata: "Kebenaranlah yang akan Aku sampaikan kepadamu, bahawa belum akan berlalu satu generasi ini. Maka ini semua akan terjadi, di mana pada waktu itu, menurut mereka, akan datang Al-Masih yang pendusta." (Orang Nasrani menyebut "Al-Masih yang pendusta" atau "Si ingkar penghancur" atau "anti-christ" terhadap tokoh yang didakwa sebagai "penyelamat Yahudi" yang ditunggu-tunggu kaum Yahudi. Kaum Nasrani mendakwa yang menyebabkan kehancuran alam semesta ini adalah kerana penyelamat itu anti-christ dan mengakui sebagai tuhan, dengan merujuk

kepada Dajjal. Kaum Nasarani pula menunggu kedatangan Isa Al-Masih).

Sementara kaum Muslimin pula mempercayai akan kemunculannya (Dajjal), dan menamakannya sesuai dengan sebutan Nabi Muhammad s.a.w., iaitu “Al-Masih Ad-Dajjal” yang muncul bersama para pengikutnya akan berdiam di Candi Sulaiman yang baru. (Sekarang kaum Yahudi/Israel sedang giat menggantikan lokasi sekitar Masjidil Aqsa untuk mendirikan Candi Sulaiman (Solomon Temple) di atas kawasan masjid umat Islam tersebut).

Kemudian dia bersama para ketua pendeta akan mempersembahkan suatu sembelihan (korban) yang dibakar. Sedangkan para pengikutnya akan berbaris mengelilingi korban tersebut sambil berdoa kepada Tuhan, agar Dia mengirim api dari langit untuk membakar korban tersebut sebagai tanda diterimanya korban mereka oleh Tuhan. Mereka akan berada di sana selama 7 hari (sebagaimana yang kita ketahui, bahawa hal tersebut tidak pernah terbukti).

Apa yang menjadi alasan bagi kaum Yahudi adalah, bahawa hari besar ketiga-tiga agama (Islam - Kristian - Yahudi) yang khusus dengan penyembelihan terjadi pada bulan April 1998, di mana ‘Idul Adha terjadi pada tanggal 5 hingga 8 April 1998. Sedangkan hari raya Paska terjadi pada tanggal 10 hingga 17 1998. Waktu ketika bulan April 1998 menurut orang Yahudi adalah waktu yang pernah diramalkan akan kemunculan “si penyelamat” mereka (Messiah) yang akan memimpin mereka untuk selamat dari umat-umat yang rosak menurut dakwaan mereka atau Al-Ummiyin (kaum buta huruf). Sesuai dengan ungkapan mereka yang tersebut dalam al-Quran yang bermaksud: *“Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan: Tidak ada dosa bagi kami (untuk berlaku bohong) terhadap orang yang ummi. Mereka sebenarnya berkata dusta kepada Allah, padahal mereka mengetahui.”* (Surah Ali-Imran: 75).

Kaum Nasrani menunggu turunnya Al-Masih dari langit ketika bermulanya perang yang menghancurkan yang disebut

sebagai “Armagadon”. Dan perang tersebut menurut dakwaan mereka akan terjadi pada musim gugur 2001 Masihi. Ramalan mereka telah berlalu tanpa menjadi kenyataan.

Apabila Al-Masih telah turun, menurut dakwaan mereka, maka dia akan mengangkat para pengikutnya ke atas awan, sehingga mereka tidak akan disusahkan (disakiti) oleh keganasan perang tersebut. Jadi, dia akan turun untuk mengamankan dan menempatkan para pengikutnya pada kebahagiaan yang kekal.

Catatan: Kaum Muslimin mempercayai sebagaimana yang diimani oleh kaum Nasrani, bahawa Al-Masih Ibn Maryam akan turun dari langit. Namun, terdapat perbezaan antara keyakinan kaum Nasrani dengan keyakinan orang Muslimin, bahawa Isa a.s. akan turun bukan sebagai Tuhan, tetapi, Isa ibnu Maryam itu berperanan sebagai Rasul (mengikuti syariat Nabi Muhammad), yang akan menghancurkan tanda salib, membunuh babi dan menghapuskan jizyah (cukai terhadap orang yang tidak mahu memasuki agama Islam). Nabi Isa akan mengikuti syariat Nabi Muhammad s.a.w. dan tidak akan menerima agama selain agama Islam.

Apa yang dikatakan oleh kaum Muslimin tentang perang ini? Kita mengatakan, bahawa peperangan tersebut telah dekat dan hampir terjadi. Bahkan lebih dekat lagi daripada dugaan para penunggu dan pengamat! Akan tetapi Rasul kita, Muhammad s.a.w. tidaklah pernah memberi batasan “waktu tertentu” akan terjadinya peperangan tersebut. Hanya saja, beliau s.a.w. secara garis besar telah menerangkan tanda-tanda dan isyarat-isyarat umum. Dan hebatnya semua tanda-tanda dan isyarat-isyarat yang beliau s.a.w. terangkan tersebut telah muncul dan terbukti. Maka kita saat ini hanya mengamati dan menunggu saja sambil bersiap-siap dengan meningkatkan jiwa agar lebih bertakwa serta amalan yang penuh keikhlasan dan sumul.

Ketiga, masa pengkhianatan Rom. Setelah terjadinya perang sekutu antarabangsa (Armagadon) yang menghancurkan,

maka kaum Rom (Eropah dan Amerika, Bani Ishaq) akan membuat tipu daya dan mengkhianati kaum Muslimin. Sedangkan kita (kaum Muslimin) sudah mendapatkan kemenangan dari peperangan tersebut dan harta rampasan perang dengan selamat. Setelah itu, berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom sambil mengangkat tanda salib seraya berseru: “Salib telah menang!” Maka majulah seorang lelaki dari kaum Muslimin atas dasar kecintaan (ta’assub) kepada agama, di mana dia menyerang lelaki Rom tersebut dan menewaskannya. Setelah itu, kaum Rom pulang ke negara mereka dengan niat untuk melakukan tipu daya dan pengkhianatan kepada kaum Muslimin, di mana secara diam-diam mereka mengumpulkan raja-raja Rom selama sembilan bulan. Sebagaimana yang diterangkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya: *“Mereka akan mengumpulkan kekuatan untuk menyerang kamu dalam waktu sembilan bulan, seperti masa hamil seorang wanita.”* (Riwayat Imam Ahmad).

Pada masa pengumpulan kekuatan tersebut, muncullah Al-Mahdi. Hal itu disebabkan beliau akan memimpin kaum Muslimin pada peperangan yang paling besar (*Al-Malhamah al-Kubra*). Adapun tempat yang akan menjadi pusat kepemimpinan beliau adalah di Ghuthah dekat Damsyik (Damaskus). Sedangkan kaum Rom akan bergerak menuju Syria dan turun di kota A'maq, atau di Dabiq, yang juga terletak dekat Damsyik, dalam sebuah kumpulan bala tentera dengan lapan puluh bendera, yang mana di bawah tiap-tiap bendera tersebut terdapat 12.000 tentera. (Rujuk hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar).

Keempat, peristiwa meninggalnya seorang khalifah. Jadi, waktu kemunculan Imam Mahdi pada masa kematian seorang khalifah, timbulnya perselisihan dan peperangan untuk merebut kekuasaan, seperti mana hadis keempat di atas. Maka orang pun membai'at Al-Mahdi pada waktu itu.

Kesimpulannya, dapat dikatakan: “Sesungguhnya kemunculan Al-Mahdi adalah pada masa-masa pengkhianatan kaum Rom yang bertepatan pula dengan masa kematian seorang

khalifah kaum Muslimin. Pada waktu itu muncullah Al-Mahdi setelah terjadinya perselisihan dan perebutan kekuasaan, ekoran kematian khalifah itu.”

4. Tanda kedatangan Imam Mahdi, muncul bintang berekor

Ibn Mardawiyah telah meriwayatkan sebuah hadis dari Abu Umamah dari Nabi s.a.w.: *“Apabila berlaku (pada akhir zaman) orang pergi mengerjakan haji dengan pelbagai niat, para raja pergi haji bertujuan untuk berjalan-jalan (melancung) dan para pedagang (saudagar) pula (pergi haji) bertujuan untuk berniaga dan orang miskin (pergi haji) untuk mengemis, para qari pula (membaca al-Quran) untuk tujuan riya dan mencari nama baik (kemasyhuran), maka ketika itu muncullah bintang berekor.”*

Ka’ab r.a berkata; “Dari timur akan keluar bintang sebelum kedatangan Imam Al Mahdi, bintang itu berekor”

Saidina Ali berkata; “Kedatangan Al-Mahdi akan didahului oleh kemunculan bintang yang ekornya menakjubkan, bukan seperti bintang yang kamu lihat muncul setiap dua pertiga pada setiap dekad (sepuluh tahun), dan bukan juga bintang yang muncul pada dua pertiga abad, dan bukan juga bintang yang muncul setiap abad. Tetapi ia adalah bintang berabad-abad, meliputi api, salji, seperti kelajuan cahaya matahari ketika menyongsong fajar. Hujung depannya bertemu dengan hujung belakangnya seperti lingkaran raksasa, memancarkan sinar terang dalam langit yang gelap seperti matahari terbit. Kemudian bintang itu akan kembali beredar pada landasan orbitnya. Setelah itu akan datang banyak malapetaka dan kematian yang merupakan keuntungan bagi orang yang baik, dan kerugian bagi orang jahat.”

Al-Barzanji menyebutkan, bahawa di antara tanda yang paling dekat sekali dengan kemunculan Al-Mahdi adalah terbitnya bintang berekor yang bercahaya. Dalam suatu riwayat yang soheh, sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Kathir dalam

kitab tafsirnya dari Ibn Abbas bahawa Ibn Jarir meriwayatkan dari Abdullah bin Abu Malikah, dia berkata: “Pada suatu pagi aku pergi kepada Ibn Abbas, lalu dia berkata, bahawa malam tadi aku tidak dapat tidur sampai pagi.” Aku bertanya: “Apakah sebabnya?” Beliau menjawab: “Kerana ada orang berkata, bahawa bintang berekor sudah terbit. Kerananya, aku berasa cemas akan kedatangan asap yang sudah mengetuk pintu, hingga aku tidak dapat tidur sampai pagi.” (Ibn Kathir berkata: “Sanad perkataan ini adalah soheh kepada Ibn Abbas.” Tafsir Ibn Kathir.)

Bintang ini (bintang berekor) muncul dari timur, bermakna ketika kemunculan bintang ini sedang merentasi ruang angkasa bumi pada kedudukan antara bumi dan matahari.

Komet ini merentas bahagian langit yang gelap iaitu sebelah malam bumi ketika itu. Pada ketika itu berlaku gerhana bulan, maka Hermes merentas antara bumi dan bulan, dan ekornya tidak kena pada bumi kemungkinan terkena pada bulan.

Bintang berekor yang terakhir sekali muncul adalah pada bulan April 1997 yang dikatakan oleh para ahli bintang: “Ini adalah kesempatan terakhir bagi anda untuk melihatnya, yang mana anda hanya akan dapat melihatnya pada saat sekarang atau pada 3,000 tahun yang akan datang.” Kemudian apakah ini dia bintang berekor yang akan mengiringi kemunculan Al-Mahdi? *Wallahu a’alam.*

5. Tanda-tanda kebenaran Al-Mahdi, tentera yang mengejarnya ditelan bumi

Di antara salah satu tanda kebenaran Al-Mahdi ialah Allah mengurniakan karomah kepadanya dan memelihara dan menyelamatkannya sehingga tiba kemunculannya seperti mana yang dijanjikan. Di antara tanda kebenaran beliau ialah tentera yang mengejar untuk membinasakannya musnah ditelan bumi.

Sebagai buktinya, di sini diketengahkan hadis-hadis berkaitan kemunculan Imam Mahdi, sebagai berikut:

1. Dari Aisyah Umul Mukminin r.a. bahawa ia telah berkata, pada suatu hari kami melihat tubuh Rasulullah s.a.w. kelihatan bergetar dalam tidurnya. Lalu kami bertanya: *“Mengapa engkau kelihatan (terjadi) sesuatu keadaan ke atas engkau yang belum pernah kelihatan sebelumnya wahai Rasulullah.”* Rasulullah s.a.w. menjawab: *“Akan terjadi suatu keanehan, iaitu bahawa sekelompok orang dari umatku akan berangkat menuju Baitullah (Kaabah) untuk memburu seorang lelaki Quraisy yang pergi bersama (rakannya) ke Kaabah. Sehingga apabila orang tersebut telah sampai di sebuah padang pasir (Al-Baida’), maka mereka (kelompok yang memburu itu) ditelan bumi.”* Kemudian kami bertanya: *“Bukankah di padang pasir itu terdapat bermacam-macam orang?”* Beliau menjawab: *“Benar, di antara mereka yang ditelan (bumi) tersebut ada yang sengaja pergi untuk berperang, dan ada pula yang dipaksa untuk berperang, ada pula orang yang sedang berada dalam suatu perjalanan, akan tetapi mereka binasa dalam satu waktu dan di tempat yang sama. Sedangkan mereka berasal dari arah (niat) yang berbeza-beza. Kemudian Allah s.w.t. akan membangkitkan mereka pada hari berbangkit menurut niat mereka masing-masing.”* (Diriwayat oleh Imam Bukhari pada kitab *al-Buyu’* (jual-beli) bab *Ma Zakira Al-Aswaak* (riwayat-riwayat tentang pasar). Riwayat Muslim pada kitab *Al-Fitan wa As-Syratussa’ah* bab “Pembenaman tentera-tentera yang menuju ke Kaabah”).

2. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Seorang lelaki akan datang ke Baitullah (Kaabah), maka diutuslah suatu utusan (oleh penguasa) untuk mengejanya. Dan ketika mereka telah sampai di suatu padang pasir, maka mereka terbenam di telan bumi.”* (Hadis diriwayat dalam Soheh Muslim dari Ummu Salamah pada kitab *Al-Fitan wa As-Syratussa’ah*. Pada hadis yang dikeluarkan oleh Nu’mān bin Hammad dari ‘Amar bin ‘Ash bahawa ia berkata: *“Tanda kemunculan Al-Mahdi adalah apabila*

sepasukan tentera ditelah bumi di sebuah padang pasir.” Telah berkata Qurtubi dalam kitab *Al-Tazkirah* bab “Berita kedatangan khalifah yang akan muncul di akhir zaman bernama Al-Mahdi dan tanda-tanda kemunculannya bahawa: *‘Tentera yang dibenamkan ini adalah tentera yang keluar menuju ke Makkah untuk memerangi Al-Mahdi.’*”)

3. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Suatu kaum yang mempunyai jumlah dan kekuatan yang tidak bererti (sedikit dan kelihatan sangat lemah) akan kembali ke Baitullah. Lalu diutuslah (oleh penguasa) sekelompok tentera untuk mengejar mereka, sehingga apabila mereka telah sampai pada suatu padang pasir, maka mereka ditelan bumi.”* (Hadis diriwayatkan oleh Muslim dalam Sohehnya pada kitab *Al-Fitan wa As-Syratussa’ah* dari Hafsah Ummul Mukminin r.aha.)

4. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sungguh, Baitullah ini akan diserang oleh suatu pasukan, sehingga apabila pasukan tersebut telah sampai pada sebuah padang pasir, maka bahagian tengah pasukan itu ditelan bumi. Maka berteriaklah pasukan bahagian depan kepada pasukan bahagian belakang, di mana kemudian semua mereka ditenggelamkan bumi dan tidak ada yang tertinggal, kecuali seseorang yang selamat, yang akan mengkhabarkan tentang kejadian yang menimpa mereka.”* (Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sohehnya pada kitab *Al-Fitan wa As-Syratussa’ah* dari Hafsah Ummul Mukminin r.aha., dan diriwayatkan juga oleh Ahmad, An-Nasa’ie serta Ibnu Majah.)

5. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Akan dibai’at seorang lelaki antara makam Ibrahim dengan sudut Kaabah.”* (Satu bahagian dari hadis yang soheh yang diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya dan Abu Daud At-Thayalisi dalam Masnadnya, serta Al-Hakim dalam Al-Mustadrak. Disohehkan oleh Syeikh Ahmad Syakir dan Al-Albani dalam As-Sohehah, no. 579.)

Dalam riwayat lain (hadis penuhnya), bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda; *“Akan terjadi suatu perselisihan ketika meninggalnya seorang khalifah, maka keluarlah seorang lelaki dari penduduk Madinah dan dia lari ke Makkah, maka datanglah kepadanya orang yang berasal dari penduduk Makkah, lalu mereka membawa lelaki tersebut dengan paksa, kemudian mereka membai’atnya pada suatu tempat yang terletak antara Hajarut Aswad dengan Maqam Ibrahim.”* (Rujuk hadis riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Umni Salamah. Riwayat Ibn Abi Syaibah dan Tabrani dalam “Al-Ausat”, Al-Haithami telah berkata dalam kitab “Maima’uzzawaid”: “Para perawinya adalah para perawi hadis soheh.” Dihasankan oleh Ibn Qayyim. Akan tetapi, pada sanadnya ada seorang perawi yang dilemahkan oleh lebih dari satu ulamak hadis, oleh kerana itu, maka Al-Albaani melemahkan hadis ini dalam Ad-Dha’ifah, nombor 1965, akan tetapi kemudian beliau menyebut hal-hal yang mengikutinya dalam As-Sohehah, no. 1924.).

6. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Suatu pasukan dari umatku akan datang dari arah negeri Syam menuju ke Baitullah (Kaabah) untuk mengejar seorang lelaki yang akan dijaga Allah dari (gangguan dan ancaman) mereka.”* (Diriwayatkan oleh Ahmad dalam Masnadnya dari Ummu Salamah. Telah berkata Al-Haitahami dalam Majma’ Az-Zawaaid: “Dan padanya terdapat Ali bin Zaid, yang mana dia adalah perawi yang baik. Juga padanya ada satu kelemahan. Akan tetapi, dia juga meriwayatkan hadis semisalnya dari Aisyah, di mana dia berkata: ‘Para perawinya adalah thiqah’.”).

Pada pembahasan ini kita telah mengenal nama “Al-Mahdi” dan ciri-cirinya, iaitu ia bernama Muhammad Ibn Abdullah, berasal dari umat Nabi s.a.w., berkening lebar dan berhidung panjang lagi mancung. Akan tetapi, sifat seperti ini sudah tentu dapat saja menyamai ciri-ciri kebanyakan orang. Hingga masalah ini tentu pula menjadi keliru. Oleh kerana itu,

kita hendaklah pula mengetahui sifat-sifat khusus yang tidak dipunyai oleh orang lain apabila dia telah muncul, yang mana dengan demikian kita tidak akan berselisih dan keliru lagi tentang hakikat Al-Mahdi yang sebenar (Al-Muntazar).

Seperti halnya “Al-Masihudajjal” yang telah dijelaskan sifat-sifatnya oleh Rasulullah s.a.w. dengan terperinci dan jelas sekali. Yakni, beliau s.a.w. menerangkan sifat Dajjal yang tidak dimiliki oleh orang lain; bahawa Dajjal itu tertutis di dahinya (di antara dua matanya) perkataan “kafir” (kaf fa ra) yang dapat dibaca oleh setiap orang Mukmin, termasuk Mukmin yang buta huruf.

Demikian juga halnya dengan ciri-ciri dan sifat Isa Ibn Maryam, yang mana telah dijelaskan dengan terperinci dan jelas oleh Rasulullah s.a.w., hingga tidak dapat diragukan lagi. Namun demikian, beliau s.a.w. juga menerangkan, bahawa Isa Al-Masih akan turun kepada kita dari langit dengan cara yang tidak sama dengan sesiapa pun. Iaitu, dengan meletakkan kedua tangannya di atas sayap dua malaikat yang mulia.

Oleh kerana itu, apakah ada tanda-tanda yang khusus dan jelas yang akan menguatkan (meyakinkan) kita bahawa lelaki yang bernama Muhammad Ibn Abdullah dengan sifat-sifat yang telah disebutkan di atas dan yang akan dibai’at di Baitullah itu adalah benar-benar Al-Mahdi yang ditunggu-tunggu kemunculannya? Jawapannya adalah: “Ada.”

6. Imam Mahdi tidak suka ia dibai’at

Rasulullah s.a.w bersabda; “*Akan terjadi suatu perselisihan ketika meninggalnya seorang khalifah, maka keluarlah seorang lelaki dari penduduk Madinah dan dia lari ke Makkah, maka datanglah kepadanya orang yang berasal dari penduduk Makkah, lalu mereka membawa lelaki tersebut dengan paksa, kemudian mereka membai’atnya pada suatu tempat yang terletak antara Hajarul Aswad dengan Maqam Ibrahim.*” (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Ummi Salamah. Riwayat Ibn Abi Syaibah dan Tabrani dalam “Al-Ausat”.

Riwayat Abu Daud dari Muhammad bin Musanna dari Mu'az bin Hisyam dari ayahnya dari Qatadah dari Salleh bin Khalil dari sahabatnya dari Ummu Salamah (isteri Nabi s.a.w.) bahawa Nabi s.a.w bersabda: *"Akan terjadi perselisihan pada saat kematian seorang khalifah, maka seorang lelaki penduduk Madinah keluar (dari Madinah) melarikan diri ke Makkah. Lalu ia dikunjungi oleh penduduk Makkah untuk menyatakan bai'ah, ia pun keluarlah dari tempat tinggalnya, kerana tidak mahu dibai'ah, lalu ia dikejar sehingga sampai pada suatu tempat (antara Rukun Kaabah dan Maqam Ibrahim), mereka membai'ah juga, sedangkan ia membenci (tidak suka) perbuatan itu (dibai'ahkan)..."*

Berdasarkan kepada hadis di atas, bahawa di antara sifat dan tanda Imam Mahdi Al-Muntazar yang sebenarnya ialah ia tidak suka dibai'ah. Ini menunjukkan jika ada seseorang mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi atau sesuatu kumpulan mendakwa pemimpin mereka sebagai Imam Mahdi, maka menandakan bukan Imam Mahdi sebenar yang dijanjikan oleh Allah, kerana Imam Mahdi Al-Muntazar yang sebenar, ia sendiri tidak mengetahui bahawa dirinya dilantik oleh Allah sebagai Imam Mahdi, bahkan bila ia hendak dibai'ah oleh ketua-ketua kumpulan "Taiffah" ia tidak mahu dan mengelakkan diri, sehinggalah bila ia diugut untuk dibunuh kerana tidak mahu sama-sama mendukung perjuangan kebenaran, maka barulah ia merelakan dirinya dibai'ah "kerana Allah" sebagai pemimpin umat Islam sejagat.

Kebetulan pula ketika itu terjadi kematian seorang pemimpin (khalifah), lalu terjadi perebutan kuasa, dan terjadi rampasan kuasa oleh kelompok yang berselisih pendapat dalam menentukan siapakah di antara para pemuka kelompok-kelompok berkenaan yang layak untuk menggantikan kekosongan jawatan tersebut. Imam Mahdi yang ketika itu belum diketahui tanda-tandanya telah dituduh sebagai perancang rampasan kuasa itu. Bagi mengelak fitnah, ia pun melarikan diri ke Makkah dan diikuti oleh sejumlah yang sedikit sahaja di kalangan para pengikutnya. Dalam masa yang

sama sekelompok tentera telah dikerahkan supaya mengejar Imam Mahdi dan membunuhnya. Tetapi, Allah memelihara Imam Mahdi yang dijanjikan itu, dengan ditenggelamkan tentera yang mengejarnya ke dalam bumi.

Setelah berlaku peristiwa terbenamnya pasukan yang mengajar Al-Mahdi, tersebarlah (masyhurlah) nama “Al-Mahdi”. Berpunca dari itu datanglah kepadanya utusan-utusan di kalangan umat Islam yang sentiasa menanti-nanti kemunculan Al-Mahdi dari Timur dan Barat. Mereka telah membai’at dan berjanji untuk sama-sama mendukung perjuangan meninggikan kalimah Allah dengan syiar “*memilih dua kebaikan*”; iaitu, meraih kemenangan atau mendapat mati syahid, dengan moto “*Eisy kariman au mud syahidan*” (Hidup mulia dan mati syahid). Tetapi sebelum itu, Imam Mahdi tidak suka ia diba’ahkan, seperti mana dijelaskan oleh hadis di atas.

Inilah di antara tanda Al-Mahdi bahawa ia tidak suka ditonjol sebagai pemimpin, apatah lagi untuk mendakwa dirinya sebagai Al-Mahdi, bahkan ia sendiri tidak mengetahui bahawa ia ditakdirkan oleh Allah sebagai Al-Mahdi Al-Muntazar.

Rumusan dan kesimpulan daripada hadis-hadis di atas

Sebelum kita menutup pembahasan mengenai masalah ini, sebaiknya kita mengetahui beberapa hal khusus dari tanda-tanda kemunculan Al-Mahdi dan pembai’atannya:

1. Kita telah menemukan dalil yang soheh (kuat dan tegas) yang menjelaskan “tempat” dan “arah” keluarnya Al-Mahdi, yang mana setelah itu dia akan diba’atkan di Kaabah. Kemudian pula ada beberapa pendapat tentang hal ini, yakni sebagai berikut:

Pertama, Al-Mahdi akan keluar dari arah Timur. Hal ini diterangkan oleh Ibn Kathir dalam kitab beliau yang berjudul *At-Fitan wa al-Malahim* pada juz yang pertama, riwayat tentang Al-Mahdi.

Kedua, Al-Mahdi akan keluar dari arah Barat atau Maghrib. Ini adalah pendapat Imam Qurtubi. (Dalam kitab *At-Tadzkirah*, bab “Dari manakah keluarnya Al-Mahdi dan tanda-tanda keluarnya.”)

Ketiga, Al-Mahdi berasal dari penduduk Madinah yang kemudian melarikan diri (berhijrah) ke Makkah, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis terdahulu.

Kesimpulannya, walaupun terdapat pernyataan hadis Nabi s.a.w. yang soheh menerangkan secara jelas tempat keluarnya Al-Mahdi seperti mana teks-teks hadis yang telah dikemukakan dalam buku ini, dengan ciri-ciri dan tanda-tanda kemunculannya. Namun hakikatnya, Allah s.w.t. sahaja yang mengetahuinya, dan tentu sekali hal itu dirahsiakan kepada manusia akan tempat keluar dan tempat asalnya yang sebenar, kerana mengandungi maksud dan rahsia yang tersirat yang Allah sahaja mengetahuinya, demi untuk melindungi tempat atau negeri tempat keluarnya Al-Mahdi, baik di Timur ataupun di Barat, agar tidak tercapainya niat jahat musuh-musuh yang selalu berusaha melakukan tipu daya dan melepaskan kemarahan mereka apabila mengetahui dengan jelas tempat keluarnya Al-Mahdi. Ini jelas menunjukkan bahawa musuh utama Islam amat menyakini akan kemunculan Al-Mahdi. Kenapa tidak umat Islam sendiri?.

2. Banyak sekali riwayat hadis Rasulullah s.a.w. yang menjelaskan keadaan keanehan peristiwa pasukan yang terbenam ke perut bumi tersebut. Iaitu, bahawa ketika pasukan tersebut berusaha terus untuk mengejar Al-Mahdi, maka tiba-tiba pasukan bahagian tengah telah terbenam ke dalam bumi dan tidak dapat dilihat lagi oleh pasukan bahagian belakang serta tidak meninggalkan bekas apa-apa. Kemudian baki sebahagian pasukan yang masih ada menjadi kebingungan, dicengkam ketakutan dan mereka saling berteriak (bertempiaran) dengan ketakutan sambil

meminta pertolongan. Maka pasukan bahagian depan pun berteriak kepada pasukan bahagian belakang, akan tetapi azab Allah telah datang sebelum mereka mendapat jawapan (menyahut seruan). Kemudian semua mereka berpekikan ditelan bumi. Tidak ada yang dapat menyelamatkan diri dari azab tersebut, kecuali satu atau dua orang sahaja, yang sengaja Allah hidupkan, yang bakal menunjukkan bukti kebenaran, akan mengkhabarkan kepada umum tentang kejadian (aneh) yang menimpa tentera tersebut.

3. Sesungguhnya, tentera yang berjalan untuk menumpas Al-Mahdi dan para pengikutnya adalah tentera pejalan kaki (infantri). Hal ini merupakan suatu dalil, bahawa perang sekutu antarabangsa (Armagedon) yang mendahului (terjadi sebelum) kemunculan Al-Mahdi adalah suatu peperangan yang amat dahsyat yang menghancurkan sebahagian besar senjata-senjata canggih dan senjata-senjata strategik seperti peluru-peluru berpandu dan pesawat terbang (kapal terbang penyerang) dan lain-lain. Jika tidak, tentu pasukan ini tidak perlu merasakan berat dan susahnya perjalanan kaki yang jauh di padang pasir yang panas dari Syam menuju ke Makkah sekiranya dengan mengguna pesawat terbang. Apalagi masalah ini adalah sangat penting, besar dan mendesak untuk mereka selesaikan dengan segera (sebagaimana yang terjadi pada tahun 1980 Masihi, 1400 Hijrah).

4. Sesungguhnya, terbenamnya tentera tersebut ke perut bumi merupakan suatu balasan dan azab dari Allah s.w.t., walaupun keterangan hadis yang lalu membezakan antara *Mustabshir* (orang yang berangkat dengan sengaja berniat untuk memerangi Al-Mahdi) dan *Majbur* (orang yang dipaksa untuk memerangi Al-Mahdi) dan *Ibn Sabil* (para musafir yang kebetulan berada di tempat mana tentera tersebut dibenamkan). Kemudian lanjutan hadis Rasulullah s.a.w. tersebut menerangkan, bahawa semua orang yang terbenam

itu akan dibangkitkan sesuai dengan niat mereka masing-masing. Akan tetapi, kita hendaklah beringat dan memohon perlindungan kepada Allah s.w.t., agar kita tidak menjadi anggota dari pasukan yang malang ditelan bumi tersebut. Dan semoga kita menjadi penguat serta pendukung Imam Mahdi yang kita tunggu-tunggu, sebagai khalifah di akhir zaman, yang nama asalnya “Muhammad Ibn Abdillah” dari golongan umat Rasulullah s.a.w.

7. Peperangan yang tercetus pada zaman Al-Mahdi

Riwayat Abu Daud dari Muhammad bin Musanna dari Mu'az bin Hisyam dari ayahnya dari Qatadah dari Salleh bin Khalil dari sahabatnya dari Ummu Salamah (isteri Nabi s.a.w.) bahawa Nabi s.a.w bersabda: *“Akan terjadi perselisihan pada saat kematian seorang khalifah, maka seorang lelaki penduduk Madinah keluar (dari Madinah) melarikan diri ke Makkah. Lalu ia dikunjungi oleh penduduk Makkah untuk menyatakan bai'ah, ia pun keluarlah dari tempat tinggalnya, kerana tidak mahu dibai'ah, lalu ia dikejar sehingga sampai pada suatu tempat (antara Rukun Kaabah dan Maqam Ibrahim), mereka membai'ah juga, sedangkan ia membenci (tidak suka) perbuatan itu (dibai'ahkan). Setelah itu dikirim kepadanya sepasukan (tentera) untuk menyerangnya dari Syam, tapi (tentera itu) dibinasakan oleh Allah di antara Makkah dan Madinah, dan mereka mati dan dikuburkan di situ. Setelah itu dikirim lagi sepasukan (tentera) lain dari Syam, mereka dibinasakan juga oleh Allah di tempat yang sama. Setelah manusia melihat peristiwa pelik itu (menyedari tanda Al-Mahdi), lalu masing-masing para pemuka negeri Syam dan Iraq datang untuk membai'ahnya. Tidak lama kemudian muncullah seorang lelaki dari kaum Quraisy yang didukung oleh paman-pamannya yang gigih. Akhirnya lelaki itu mengalahkan khafifah tersebut, itulah pasukan yang tangguh, dan sungguh merugikan bagi mereka yang tidak sempat turut serta dengannya. Lelaki itu membagi-bagikan harta benda serta mengamalkan sunnah nabinya dan meneguhkan Islam di muka bumi ini. Hal itu berlangsung beberapa lama hingga akhirnya ia meninggal dan disolatkan*

jenazahnya oleh kaum Muslimin."

Hadis di atas menerangkan permulaan tercetusnya peperangan, apabila musuh Al-Mahdi, khususnya musuh Islam menyedari bahawa tokoh yang bakal dijanjikan oleh Allah menjadi khalifah Islam di akhir zaman telah benar-benar muncul, lalu mereka cuba untuk memusnahkannya. Lalu para penguasa yang anti kebangkitan semula Islam mengutuskan pasukan tentera masing-masing untuk menghapus Imam Al-Mahdi. Tetapi Allah memelihara Al-Mahdi dengan karomahnya. Berlaku suatu peristiwa yang di luar jangkauan akal (*Qawariqul 'Adah*) ke atas musuh-musuh Islam. Ketika itu barulah semua manusia, sama ada di kalangan kaum Muslimin atau musuh-musuh Islam kalangan pengikut Dajjal, masing-masing menyedari bahawa Al-Mahdi yang hak (Al-Muntazar) benar-benar telah muncul.

Kalangan para pejuang Islam yang sedang menunggu kemunculannya datang melalui wakil-wakil masing menyatakan bai'ah untuk sama-sama mendukung perjuangan. Semantara musuh-musuh Islam pula menghantar bala tentera masing-masing untuk memusnah Al-Mahdi dan para pengikutnya. Lalu terjadilah peperangan dua kelompok besar, antara Islam dan kuffar.

Ketika itu berkumpul suatu pasukan dari orang yang bertauhid yang gigih berjuang, tidak mengenal letih dan jemu, mereka menyertai dan memasuki peperangan-peperangan yang banyak lagi dahsyat, yang memerahkan muka, di bawah kilatan pedang dan renggekan tinggi kuda-kuda, sehingga jantung terasa naik ke kerongkongan dan jumlah korban pertempuran tersebut amat dahsyat, serta limpahan darah berlautan yang akan membuat kuda-kuda berenang di atasnya (darah tersebut).

Di samping itu, pada masa-masa tersebut juga akan terjadi kemurtadan yang sangat banyak, kerana pengaruh daripada kemunculan Dajjal mengadakan kempennya. Kerana itu marilah kita sama-sama berdoa semoga kita dilimpahi oleh

Allah keselamatan dan ketetapan hati agar terselamat daripada “fitnah Dajjal”, Amin.

Dengan memperhatikan peperangan-peperangan yang dilalui oleh Al-Mahdi, maka kita dapat memahami bahawa dia akan memerangi seluruh dunia atau seluruh dunia akan memerangnya, yang akan terjadi dalam waktu yang pendek, tidak lebih dari beberapa tahun saja, di mana Al-Mahdi akan memerangi kaum Muslimin semenanjung Arabia (yang ingkar), kaum Syiah (yang ekstrem), kaum Rom (Bani Ishak, Amerika dan Eropah), negara sekular Turki (Konstantin), kaum Yahudi, puak Komunis (bangsa Khauz dan Kirman, Cina, Russia dan Jepun) dan lain-lain kuasa yang menentanginya.

Walaupun peperangan berlaku dari pelbagai penjuru, tetapi kemenangan akan berada di pihak Al-Mahdi dalam setiap pertempuran tersebut.

1). Hadis-hadis mengenai peperangan zaman Al-Mahdi

i). Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Kamu akan memerangi semenanjung Arabia, lalu Allah akan menaklukkannya untukmu. Setelah itu Parsi, di mana Allah akan menaklukkannya untukmu. Kemudian Rom, di mana Allah akan menaklukkannya untukmu. Kemudian kamu akan memerangi Dajjal, di mana Allah akan menaklukkannya untukmu.”* (Riwayat Muslim dari Nafi’ bin ‘Atabah. Diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah.)

ii). Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Setelah pembangunan Baitul Maqdis adalah bererti hancurnya Yasrib (kota Madinah). Dan setelah hancurnya Yasrib bererti terjadinya pertempuran. Dan setelah terjadinya pertempuran bererti penaklukan Konstanstinopel. Dan setelah penaklukan Konstanstinopel bererti keluarnya Dajjal.”* (Hadis soheh riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Mu’az bin Jabal. Disohehkan oleh Al-Albaani dalam Soheh Al-Jami’.)

iii). Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Tidak akan*

terjadi hari kiamat, sehingga kaum Muslimin memerangi orang Yahudi. Mereka pun ditumpas oleh kaum Muslimin sehingga apabila orang Yahudi itu bersembunyi di balik batu dan pohon kayu pun, lalu batu dan pohon itu akan berkata: 'Wahai kaum Muslimin, wahai hamba Allah, ini orang Yahudi ada di belakangku, datanglah ke sini dan bunuhlah dia. Kecuali pohon Ghardaqah, di mana sesungguhnya pohon itu ialah pohon kaum Yahudi'." (Diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Hurairah.)

iv). Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Tidak akan terjadi hari kiamat sehingga kamu memerangi kaum Khauz dan Kirman dari (kalangan) orang 'Ajam yang bermuka merah, berhidung pesek, bermata kecil, wajah mereka bujur seakan-akan meja bundar."* (Riwayat Bukhari dari Abu Hurairah dan Imam Ahmad.)

v). Rasulullah s.a.w. pernah ditanya: *"Kota manakah yang tebih dahulu akan ditakluki, Konstanstinopel atau Rom?" Beliau s.a.w. menjawab: "Kota Herakulis akan ditakluki pertama kali."* (Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ad-Darami dari Abdullah Ibn Umar. Dan disohehkan oleh Al-Hakim serta disetujui oleh Az-Zahabi.) Hadis ini menjelaskan bahawa kota Konstanstinopel lebih dahulu ditakluki daripada Rom.

2). Peperangan yang dihadapi Al-Mahdi

i). Perang melawan semenanjung Arabia

Perang ini sesuai dengan apa yang disabda Rasulullah s.a.w.: *"Kamu akan memerangi semenanjung Arabia. Perang ini akan terjadi pada masa pengkhianatan Rom dan ketika mereka sedang mengumpulkan kekuatan untuk memerangi kaum Muslimin, maka tentera pertama yang memerangi Al-Mahdi (setelah terjadinya pembenaman tentera yang pertama ke dalam bumi) adalah pasukan semenanjung Arab yang terdiri dari kaum Muslimin dan dipimpin oleh seorang lelaki yang berasal dari suku Quraisy. Lelaki ini berkemungkinan adalah lelaki yang bernama Sufyani, yang mana ia meminta kepada suku para pakciknyanya, iaitu suku Kalab. Kemudian mereka berangkat*

untuk memerangi Al-Mahdi. Akan tetapi Imam Mahdi mengalahkan mereka dengan seburuk-buruk bentuk kekalahan serta mendapatkan harta rampasan perang yang luar biasa banyaknya.” Sebahagian riwayat hadis lain menyebutkan: “Adalah suatu kerugian (kegagalan) bagi siapa saja yang tidak pernah melihat harta rampasan perang suku Kalab. Dan dengan peperang ini, maka dapatlah Al-Mahdi menakluk dan berkuasa terhadap seluruh semenanjung Arabia. Maka di sini terbuktilah sabda Rasulullah di atas.” (Al-Qurtubi telah menyebutkan dalam kitabnya yang berjudul Al-Tazkirah, bahawasanya Al-Mahdi akan memerangi As-Sufyani dan para pengikutnya yang terdiri dari suku Kalab. Di mana hal ini bersesuaian dengan teks hadis tersebut, yakni: “Seorang lelaki yang berasal dari suku Quraisy.” Sebahagian orang mengatakan, bahawasanya para penguasa (amir) Kuwait berasal dari suku Kalab.)

ii). Peperang menghadapi Parsi (Iran)

Perang ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: “...*Kamu akan memerangi Parsi, di mana Allah akan menaklukkannya untukmu...*” (Riwayat Muslim dari Nafi’ bin ‘Atabah. Diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah.)

Dengan kata lain, akan keluar suatu pasukan dari Parsi (Iran), yang mana mereka adalah kaum Syiah Imamah atau Syiah yang dua belas. Mereka amat memusuhi kaum Ahlussunnah wal Jamaah. Kaum Syiah tersebut tidak merasa bersalah (keberantan) untuk mengutus suatu pasukan bagi memerangi Al-Mahdi, kerana menurut keyakinan mereka (kaum Syiah Imamah) bahawa Al-Mahdi itu ia bukanlah “Imam yang kedua belas” seperti mana yang mereka tunggu-tunggu, sebab itu mereka menolak dan tidak akunya sebagai Al-Mahdi. Al-Mahdi juga mengalahkan mereka (kaum Syiah Imamah) dengan teruk sekali, kerana tidak satu pun pihak yang dapat mengalahkan bendera Al-Mahdi Al-Muntazar (yang sebenar). Bendera Al-Mahdi berwarna putih dan kuning yang berukir serta bertuliskan nama “Allah Yang Maha Besar” (*Allahu Akbar*).

Untuk pengetahuan bahawa Syiah Imamiah atau Syiah yang dua belas adalah salah satu daripada aliran dalam mazhab Syiah yang berjumlah 18 aliran. Syiah yang dua belas atau Syiah Imamiah adalah suatu kelompok yang menunggu Imam yang didakwa telah ghaib (Imam yang ditunggu-tunggu mereka), iaitu, Imam kedua belas yang bernama Muhammad Ibn Hasan Al-'Asyari. Mereka mendakwa, bahawa dia akan keluar dari Sardeb (Samarra'). Menurut keyakinan mereka, semasa ghaib dahulu dia masih kanak-kanak. Mereka sudah menunggu kemunculannya sejak ratusan tahun. Penungguan mereka tidak akan menjadi kenyataan, kerana bertentangan dengan keterangan hadis. Sebab itu bila kemunculan Al-Mahdi di kalangan Ahli Sunnah, mereka tidak mengakuinya.

Bila kita membaca hadis-hadis mengenai peperangan Al-Mahdi dengan Saudi Arabia dan Parsi atau Iran atau lain-lain, mungkin ada di antara kita yang menimbulkan persoalan, kenapa Imam Mahdi berperang dengan kaum yang selama ini terkenal sebagai orang Islam? Pada kita, itu tidak mustahil, kerana sejarah peperangan sesama Islam pernah berlaku di antara pengikut Saidina Ali dengan pengikut Ma'awwiyah, dan setelah itu diikuti pula dengan peperangan-peperangan lain ketika zaman khalifah-khalifah Bani Umaiyah dan Bani Abbasiyah, hinggalah ke zaman ini, berlaku peperangan di antara Iraq dengan Kuwait, antara Iraq dengan Iran dan lain-lain peperangan yang dianggap peperangan saudara antara negara Islam dengan negara Islam yang lain.

Namun, hakikat sebenarnya, peperangan di antara negara-negara yang dikenali sebagai negara Islam sepertimana yang dibayangkan oleh hadis-hadis di atas, ialah peperangan di antara aliran kebenaran dan aliran kebatilan yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar seperti mana yang disebutkan dalam pelbagai hadis.

Nabi s.a.w. bersabda; *"Bani Israil telah berfirqah (berpecah) sebanyak 72 dan umat aku pula akan berfirqah kepada 73. Semuanya masuk ke dalam neraka, kecuali satu*

firqah.” Para sahabat bertanya; “Siapakah yang satu firqah itu?”. Jawab Rasulullah s.a.w.; “Yang satu firqah itu ialah mereka yang berpegang (berikhtiqad) sepertimana aku dan para sahabat berpegang (berikhtiqad).” (Riwayat At Tirmizi).

Dalam riwayat lain oleh At-Tabrani Nabi s.a.w. menjawab (menjelaskan); “*Ialah firqah Ahlussunnah Wal Jamaah.*” (Rujuk Al Milal Wan Nihal oleh Syahrastani, juz 1, halaman 11).

Sebuah hadis lagi yang amat masyhur dari Abu Huzaifah Al-Yamani r.a. bahawa suatu hari ada seorang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang hal-hal kebaikan. Tetapi sebaliknya aku bertanya tentang hal-hal kejahatan. Kerana aku khuatir kejahatan itu akan mengenai aku, sekiranya aku tidak kenal kejahatan itu, mudahlah aku jauhi. Aku (Abu Huzaifah) bertanya kepada Rasulullah s.a.w.; “Ya Rasulullah, sesungguhnya kami ini asalnya jahil dan jahat (sesat), lantas Allah hidayahkan kepada kami (iman dan Islam). Maka apakah sesudah kebaikan (setelah kami diberi Iman dan Islam) ada (akan datang) lagi kejahatan?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Ya, ada!” Aku bertanya lagi: “Apakah sesudah kejahatan itu ada pula (lagi) kebaikan?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Ya, ada, tetapi di dalam kebaikan itu masih ada (bercampur) lagi kekeruhan.” Aku bertanya lagi: “Apakah kekeruhan itu?” Terang Rasulullah s.a.w.: “Iaitu orang (Islam) yang mengamalkan selain daripada sunnah aku dan mengikut petunjuk (jalan) yang lain daripada yang aku tunjukkan (petunjuk Nabi s.a.w.). Kalau engkau temui mereka, hendaklah engkau engkari dan jauhi.” Aku bertanya lagi: “Apakah sesudah kebaikan itu ada lagi kejahatan?” Jawab Rasulullah s.a.w.; “Ya ada, iaitu para penyeru yang berada di atas pintu-pintu neraka Jahannam dan barang siapa yang menyahut seruan mereka, mereka mencampakan ke dalam neraka.” Aku kemudian meminta Rasulullah s.a.w. terangkan sifat-sifat mereka: “Ya Rasulullah, tunjukkan sifat-sifat mereka itu?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Mereka sebangsa dan sebahasa dengan kami” Aku meminta pandangan Rasulullah s.a.w.: “Ya Rasulullah, nasihatilah kepada aku bagaimana kalau aku berhadapan dengan mereka dan aapakah yang aku patut lakukan?” Sabda Rasulullah s.a.w.: “Hendaklah kamu tetap

berada di dalam jemaah kaum Muslimin dan mentaati Iman (kepimpinan) mereka.” Tanya Abu Huzaifah lagi: “Kalau tidak ada jemaah dan tidak ada pemimpin?” Dengan tegas Nabi s.a.w. menjawab: “Hendaklah kamu keluar menjauhi (mengasingkan) diri daripada golongan itu semuanya (jangan campur dan ikuti sedikitpun cara mereka), walaupun kamu terpaksa menggigit (makan) kayu sehinggalah kamu mati. Kamu mesti tetap demikian (menjauhkan diri dan tidak mengikuti mereka).”

Hadis di atas, dengan jelas bahawa Nabi s.a.w. menggambarkan bahawa menjelang kiamat akan muncul dua golongan yang boleh menyesatkan orang yang beriman:

1. Golongan pertama, yang mengakui beragama Islam, tetapi tidak mengikut ajaran al-Quran dan tidak mengamalkan sunnah Rasulallah s.a.w. Mereka adalah terdiri daripada orang munafik dan fasiq. Mereka melakukan maksiat dan kejahatan secara terang-terang dan berusaha untuk menghapuskan sunnah.

2. Golongan kedua, ialah orang Islam mempunyai rupa bentuk dan sifat-sifat Islam. Bercakap tentang Islam. Tetapi Islam yang mereka perkatakan ialah Islam yang bercampur aduk dengan berbagai-bagai ideologi dan adat istiadat yang sesat atau Islam yang diperkatakan ialah Islam yang dipetik-petik dari sudut-sudut tertentu untuk kepentingan peribadi atau kepentingan duniawi tertentu serta Islam yang dipisahkan daripada ruh akidah dan akhlak.

Jadi, tidak mustahil apabila muncul Imam Al-Mahdi, golongan yang diperangi atau yang memerangi beliau dan pengikutnya ialah golongan-golongan yang disebut oleh Rasulallah s.a.w. dalam hadis-hadis di atas.

iii). Perang menghadapi kaum Rom (Amerika dan Eropah)

Peperang ini disebut oleh Rasulallah s.a.w. dengan “pertempuran yang paling besar” (*Al-Malhamah al-Kubra*),

sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: *“Kemudian kamu akan memerangi kaum Rom dan kamu akan mengalahkan mereka dengan izin Allah.”* Teks hadis lengkap adalah seperti berikut;

Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa; *“Orang Rom (Bani Ishaq, kaum kuli putih) akan mengadakan perjanjian damai denganmu. Kemudian kamu akan terjun ke medan pertempuran, sedangkan mereka akan memusuhi kamu dari belakang. Kamu akan mendapat kemenangan dan harta rampasan perang, serta kamu akan selamat.”* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Dzu Makhmar r.a. Juga diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Ibn Hibban. Ini adalah hadis soheh yang disahkan oleh As-Sayuti dan Al-Albaani dalam Sohehul Jami’).

Dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang berbicara tentang peperangan ini, di mana Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Kamu akan mengadakan perdamaian (pakatan) dengan bangsa Rom dalam keadaan aman. Lalu kamu akan berperang bersama mereka melawan suatu musuh dari belakang mereka. Maka kamu akan selamat dan mendapatkan harta rampasan perang. Kemudian kamu akan sampai ke sebuah padang rumput yang luas dan berbukit-bukit. Maka berdirilah seorang lelaki dari kaum Rom, lalu dia mengangkat tanda salib dan berkata: ‘Salib telah menang. Maka datanglah kepadanya seorang lelaki dari kaum Muslimin, lalu dia membunuh lelaki Rom tersebut. Lalu kaum Rom berkhianat dan terjadilah peperangan, di mana mereka akan bersatu menghadapi kamu (umat Islam) di bawah 80 bendera, dan di bawah tiap-tiap bendera terdapat dua belas ribu (12,000) tentera.”* (Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Ibn Majah dari Dzu Makhmar. Lihat juga kitab Zakaria, fasal 89 ayat 13, dan kitab Hezekiel fasal 12 ayat 39 yang menyebut: *“Bangsa Israel akan memerlukan masa selama 7 bulan untuk menguburkan korban mereka, sebelum membersihkan bumi.”*)

Perang ini adalah perang yang paling dahsyat. Perang ini terjadi 9 bulan setelah kepulangan kaum Rom dari perang Armagadon, di mana mereka telah mengumpulkan raja-raja Rom secara diam-diam dalam masa pengkhianatan mereka terhadap kaum Muslimin. Kemudian dikumpulkan menjadi

satu pasukan besar yang berjumlah sekitar 1,000,000 tentera. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Mereka akan menyerang kamu di bawah 80 bendera dan di bawah tiap-tiap bendera tersebut terdapat 12,000 tentera.”*

Nas (teks) hadis di atas dengan jelas menerangkan, bahawa di sana ada dua peperangan yang akan terjadi, iaitu; *Pertama*, perang dunia Armagadon, di mana peperangan ini telah diketahui akan (bakal) terjadi oleh semua pihak. *Kedua*, peperangan lainnya, yang mana sebahagian hadis ada menyebut sebagai “peperangan terbesar” (*Al-Malhamah al-Kubra*). Perang ini tidak diketahui kecuali oleh sebahagian orang sahaja. Sementara pihak yang berperang dalam pertempuran ini adalah pihak kaum Muslimin menghadapi pihak Rom, setelah terjadinya perang Armagadon, di mana pihak Rom telah berkhianat (belot) terhadap kaum Muslimin dalam perang tersebut.

Maka peperangan Armagadon adalah peristiwa pertama yang kita tunggu sebagai permulaan dari rentetan huru-hara di akhir zaman yang ada kaitan dengan peperangan zaman Al-Mahdi, bahawa pertempuran ini adalah perang penghamburan dan perang nuklear yang akan memusnahkan sebahagian besar senjata-senjata strategik. Setelah itu, alat-alat dan senjata-senjata yang dipakai dalam peperangan selanjutnya adalah senjata-senjata tradisional seperti pedang, panah dan kuda dan lain-lain

Hal tersebut bukanlah suatu yang aneh untuk terjadi, kerana sudah menjadi sunnatullah sejak dari kebudayaan-kebudayaan zaman dahulu akan adanya kehancuran setelah kejayaan, dan kejatuhan setelah ketinggian. Sedangkan kebudayaan abad ke 20 telah mencapai puncak ciptaan dan inovasi dunia, bahkan manusia mulai sibuk membicarakan tentang perang bintang (star war). Maha Suci Allah, tiada yang akan terjadi setelah puncak ketinggian bertukar kepada kejatuhan dan kehancuran. Sesungguhnya hari esok adalah dekat bagi orang yang menunggu, dan peperangan Armagadon akan berkecamuk di bumi Palestin, di mana di sana akan

bertemu kumpula-kumpulan pasukan raksasa berjumlah 400,000,000 tentera. Sebagaimana yang disebutkan oleh para ahli kitab.

Adapun perjalanan peristiwa ini, hasil dan tempat terjadinya sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. berikut ini. Diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab Sohehnya dari Abu Hurairah, di mana telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Tidak akan berdiri (terjadi) hari kiamat sehingga kaum Rom sampai di Amaq atau di Dabiq (nama tempat) untuk menyerang kamu. Maka datanglah suatu pasukan yang akan menghadapi mereka dari kota Madinah, yang mana mereka pada waktu itu adalah manusia-manusa terbaik di bumi ini. Apabila mereka semua telah berbaris (siap untuk berperang), maka berkatalah orang Rom: ‘Biarkan kami membuat perhitungan dengan saudara-saudara kami yang telah tertawan untuk kami bunuh mereka (maksud mereka kaum Rom yang telah masuk Islam setelah ditawan)’. Kemudian kaum Muslimin berkata: ‘Kami tidak akan membiarkan kamu mengusik (menyakiti) saudara-saudara kami’. Lalu kaum Muslimin menyahut tentangan untuk memerangi mereka. Dalam pertempuran itu sejumlah sepertiga (1/3) dari tentera Islam melarikan diri dari pertempuran, yang mana mereka tidak akan diampuni dosanya oleh Allah s.w.t. selama-lamanya. Dan sejumlah sepertiga (1/3) lagi daripada tentera Islam (yang bertekad terus berperang) tersebut tewas (dalam peperangan itu) sebagai para syuhada’ yang paling baik di sisi Allah s.w.t. Sedangkan sejumlah sepertiga (1/3) lagi dari baki tentera tersebut (yang terus berperang) mendapat kemenangan, yang mana mereka tidak akan tersesat selama-lamanya. Kemudian mereka menakluk kota Konstanstinopel. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan harta rampasan perang, mereka telah menggantungkan pedang mereka di pohon Zaitun. Pada saat itu syaitan berteriak: ‘Sesungguhnya Al-Masihuddajjal telah menguasai keluarga-keluarga kamu’. Kemudian mereka (tentera Islam yang bersama Al-Mahdi) bergerak pulang. Ketika mereka telah sampai di Syam, keluarlah ia (Dajjal), dan pada saat kaum Muslim telah bersiap-siap untuk berperang (dengan Dajjal dan tenteranya), tiba-tiba datanglah waktu solat. Maka turunlah Isa Ibn*

Maryam. Kemudian (selepas solat) ia (Isa) pergi dan menghadapi mereka (Dajjal dan tenteranya). Begitu dia (Isa) dilihat oleh musuh Allah s.w.t. maka ia (Dajjal) pun meleleh/ cair (hancur) sehingga binasa. Akan tetapi Allah berkehendak untuk membunuhnya di tangan Isa Ibn Maryam. Maka Isa memperlihatkan darah Dajjal di tombaknya.” (Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab “At-Fitan wa Asyratussa’ah”).

Dalam penjelasan yang lebih panjang dan detail tentang peperang ini, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Pada waktu pertempuran itu akan terjadi kemurtadan yang sangat banyak. Kemudian kaum Muslimin maju dengan suatu pasukan depan yang berani mati (syurtah) yang tidak akan mundur kecuali dalam keadaan menang. Lalu mereka terus berperang sehingga mereka terhalang oleh malam. Maka setiap pihak mendapatkan harta rampasan perang, hingga tidak ada yang dapat dikatakan sebagai pihak yang menang, dan akhirnya pasukan kaum Muslimin itu hancur. Kemudian kaum Muslimin (lain) kembali maju (bergabung) dengan suatu pasukan depan yang berani mati, yang tidak akan kembali kecuali dalam keadaan menang, mereka terus berperang sehingga terhalang oleh malam. Maka kedua belah pihak sama-sama mendapatkan harta rampasan perang, hingga tidak ada pihak yang dapat dikatakan sebagai pemenang dan akhirnya sekelompok pasukan kaum Muslimin itu hancur. Kemudian kaum Muslim (lain) maju lagi (bergabung pula) dengan suatu pasukan depan berani mati yang tidak akan kembali kecuali dalam keadaan menang, dan mereka terus berperang sampai senja, maka kedua belah pihak mendapatkan harta rampasan perang, tidak ada pihak yang dapat dikatakan sebagai pemenang dan akhirnya sekelompok pasukan kaum Muslim itu binasa. Maka ketika telah sampai hari yang keempat, bangkitlah seluruh umat Islam, lalu Allah s.w.t. menimpa bencana terhadap mereka (kaum Rom) dan terbunuhlah mereka dengan dahsyatnya, sehingga tidak pernah dilihat oleh orang sebelumnya. Sehingga apabila burung melewati kawasan pertempuran mereka, maka burung itu akan mati sebelum melewati mereka. Maka bertambahlah **‘keturunan bapa’** yang mati, sehingga tidak didapati yang tertinggal dari mereka kecuali seorang lelaki. Dan dengan harta*

rampasan perang yang mana membuat mereka gembira, serta dengan harta warisan mana yang akan dibahagi.” (Diriwayatkan oleh Muslim dalam Sohehnya dari Jabir r.a.)

Daripada hadis-hadis tersebut di atas dapat dibuat beberapa kesimpulan, iaitu:

Pertama, bahawa peperang yang dahsyat antara kita kaum Muslimin dengan kaum Rom yang dinamakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan “pertempuran yang paling besar” (*Al-Malhamah al-Kubra*) akan berlaku di Syria, dekat kota Damaskus (Damsyik), iaitu di suatu tempat yang bernama Amaq dan Dabiq, dan pusat kemimpinan bagi Al-Mahdi adalah Ghuthah, dekat Damsyik juga.

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Pusat kepimpinan kaum Muslimin pada hari ‘Pertempuran yang paling besar’ adalah di Ghuthah yang terdapat padanya suatu kota bernama Damsyik, yang mana ia adalah negeri kaum Muslimin yang terbaik ketika itu.*” (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Al-Hakim. Disohehkan oleh Al-Albaani dalam Soheh Al-Jami’ As-Saghir.)

(Catatan: Pada tahun 1996, Damsyik telah menolak untuk menghadiri “Persidangan Pusat Pencipta Perdamaian Antarabangsa” yang diadakan di Sharmusshaikh, Mesir pada bulan April 1996. Sedangkan akhbar-akhbar telah memberitakan, bahawa di sana ada perselisihan antara Amerika dengan Damsyik, yang mana kemudiannya Amerika telah mensenaraikan Syria sebagai salah sebuah negara “Pengganas”. Dengan itu benarlah bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda; “*Hampir sahaja Rom akan turun di Amaq dan Dabiq...*” dan masanya telah terlalu hampir akan berlaku)

Kedua, ucapan kaum Rom kepada kaum Muslimin, yang berbunyi: “*Biarkanlah kami membuat perhitungan dengan saudara-saudara kami yang tertawan untuk kami bunuh.*” menunjukkan, bahawa ramai di kalangan kaum Nasrani akan masuk Islam setelah peperang Armagadon dan akan berperang

bersama Al-Mahdi dalam barisan pasukan kaum Muslimin. Kemudian kaum Rom menganggap bahawa mereka (kaum Nasrani yang masuk Islam) yang telah tertawan itu berbuat khianat terhadap bangsa dan agama Rom. Oleh kerana itu, maka kaum Rom hendak memulai peperangan terhadap mereka sebagai membalas dendam.

Ketiga, pertempuran yang besar itu akan berlangsung selama empat hari berturut-turut, yang mana pertempuran itu berlanjutan tanpa henti, kecuali setelah tiba waktu malam. Kemudian pada hari keempat peperangan itu berakhir dengan memberi hasil seperti berikut:

1. Kaum Rom akan mengalami kekalahan teruk (amat buruk) sekali, yang tidak pernah mereka hadapi sebelum ini. Jumlah kematian di pihak tentera Rom amat besar sekali, sehingga tidak dapat diketahui jumlahnya, kecuali Allah sahaja. Ertinya sebahagian besar tentera Rom musnah, berikut dengan musibah yang diturunkan oleh Allah ke atas mereka.
2. Allah s.w.t. akan menurunkan pertolongan (kemenangan) kepada hamba-Nya yang mendapat petunjuk dan pimpinan-Nya (iaitu, Muhammad Ibn Abdillah, Imam Mahdi) setelah sekian lama kaum Muslimin menghadapi kesusahan dan cubaan besar yang menyesak dada dan mengakibatkan 1/3 dari pasukan mereka melarikan diri dari medan pertempuran, yang mana mereka menghinakan kaum Muslim, maka Allah pun menghinakan mereka dan tidak akan menerima taubat mereka selama-lamanya. Kemudian 1/3 dari pasukan kaum Muslimin akan menemui mati syahid, yang mana mereka itulah para syuhada' yang utama dan mulia di sisi Allah. Kemudian 1/3 dari baki kaum Muslimin meraih kemenangan, yang mana mereka itu tidak akan tersesat selama-lamanya dan mereka itulah penduduk syurga.

Keempat, dengan dua hadis di atas dapatlah diambil dua kesimpulan, iaitu; bahawa perang tersebut akan terjadi dengan kuda dan pedang, dengan alasan;

1. Dalam teks-teks hadis tersebut ada menyebut perkataan “kuda” dan “pedang”. Iaitu, bahawa mereka menggantungkan pedang mereka di pohon zaitun.
2. Apabila kita perhatikan dengan teliti sabda Rasulullah s.a.w.: “*Sehingga malam membatasi perang mereka*”, maka hal ini tidak akan terjadi kecuali dalam satu peperangan yang menggunakan kuda dan pedang. Kerana, pada zaman moden yang menggunakan pesawat tempur, kereta kebal dan meriam adalah sama baginya siang dan malam. Tapi dalam hadis tersebut disebut bahawa mereka berhenti ketika waktu malam.

Bagi mereka yang menakwilkan nas-nas hadis Rasulullah s.a.w., bahawa maksud “kuda” dan “pedang” dengan tank dan meriam, maka kami mengatakan; apakah pula takwilan terhadap teks hadis: “*Sehingga malam membatasi perang mereka?*” Dan teks hadis lainnya yang berbunyi: “*Lalu ia (Isa Ibn Maryam) memperlihatkan darahnya (Dajjal) kepada mereka di tombaknya?*” Jawabannya, bahawa teks-teks hadis seperti ini tidak dapat ditakwilkan. Ini bererti bahawa peperang tersebut akan terjadi dengan menggunakan pedang dan kuda. Ini bukan suatu hal yang aneh, kerana perang dunia yang dahsyat (Armagedon) dapat merosak, mematikan dan bahkan membinasakan senjata-senjata moden dan strategik yang menggunakan minyak. *Wallahu ‘a’alam.*

iv). Penaklukan Konstantinopel (Istanbul)

Konstantinopel adalah kota Asitanah atau kota Istanbul di Turki yang dulunya merupakan ibu kota khalifah Turki Uthmaniah. Sehingga muncul Mustafa Kamal Attartuk, dan dialah yang menghapuskan sistem “kekhalfah Islam” pada awal abad ini (1923 Masihi), dan memilih sistem “sekularisme”

sebagai penggantinya. Sesungguhnya, dia telah menggantikan sesuatu yang paling baik dengan yang paling buruk, dan sungguh buruklah apa yang digantikan oleh Attaturk. Sejak itu Turki semakin luntur dan tergelincir dari keIslamannya, sehingga masuk sangat jauh ke dalam sekuralisme. Sehingga sampai saat ini, seluruh kaum Muslimin, terutama bangsa Arab dikejutkan oleh adanya persekutuan Turki, dengan bangsa Arab menjadi musuh utamanya, khususnya kaum Muslimin. Bahkan tidak segan silu menjadikan Israel (Yahudi) sebagai sekutu dalam bidang tentera dan pertahanan (persekutuan ini terlaksana sejak bulan April 1996), dengan membenarkan ruang udaranya kepada tentera udara Israel bagi mengadakan latihan pesawat-pesawat tempurnya. Sungguh ia merupakan suatu protes yang amat jelas terhadap maruah umat Islam.

Senario perkembangan politik Turki sejak dahulu hingga ke saat ini menampakkan kepada kita wajah Turki yang sebenarnya. Oleh itu benarlah apa yang dibayangkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa perjuangan umat Islam akan datang yang dipimpin oleh Al-Mahdi memang layak menawan semula Turki bagi mengembalikan Turki ke pangkuan Islam.

Penaklukan itu adalah suatu penaklukan yang akan terjadi setelah kemunculan Dajjal. Penaklukan kota ini tidaklah dilakukan dengan menggunakan senjata pedang dan tombak, akan tetapi dengan zikrullah, tahlil dan takbir (*Laa Ilaha illa Allah, Allahu Akbar*), seperti mana dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah, bahawa baginda s.a.w. telah bersabda; *“Apakah kamu pernah mendengar suatu kota yang terletak sebahagiannya di darat dan sebahagiannya di laut?”* Mereka (para sahabat) menjawab: *“Pernah wahai Rasulullah.”* Beliau s.a.w. lalu bersabda: *“Tidak terjadi hari kiamat, sehingga ia (kota itu) diserang oleh 70,000 orang dari Bani Ishaq (Eropah dan Amerika dan orang berkulit putih). Ketika mereka telah sampai di sana, maka mereka pun memasukinya. Mereka tidaklah berperang dengan senjata dan tidak melepaskan satu panah pun. Mereka hanya bertakbir; **Laa Ilaha illallah, Allahu Akbar**, maka terbukalah (tertawan) salah satu*

bahagian dari kota itu.” (Berkata Thaur bin Daili, perawi hadis ini: “Saya tidak tahu kecuali hal ini hanya dikatakan oleh pasukan yang berada di bahagian laut.”). Kemudian mereka bertakbir lagi; ***“Laa Ilaha illallah, Allahu Akbar, maka terbukalah (tertawan) semua bahagian kota itu. Lalu mereka pun memasukinya. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan harta rampasan perang, tiba-tiba datanglah seseorang memberitahu; “Sesungguhnya Dajjal telah keluar”. Kemudian mereka meninggalkan segala sesuatu dan kembali.”*** (Riwayatkan Imam Muslim, kitab Al-Fitan wa Asyratussa’ah).

Berkaitan dengan teks hadis di atas mengenai sabda Rasulullah s.a.w.: *“70,000 orang dari Bani Ishaq”* Imam An-Nawawi berkata, bahawa menurut Al-Qadhi ‘Iyadh: “Teks serupa ini terdapat pada seluruh hadis soheh riwayat Imam Muslim, iaitu Bani Ishaq. Kota yang disebut di atas adalah kota Konstantinopel (Istanbul).” (Lihat Syarah Soheh Muslim oleh Imam Nawawi).

Bani Ishaq adalah kaum Rom. Mereka berasal dari keturunan Al-‘Iyadh Ibn Ishaq Ibn Ibrahim Khalilullah. Mereka adalah keturunan dari bapa saudara kepada Bani Israel, iaitu Yaakub Ibn Ishaq. Bani Ishaq yang disebut dalam hadis di atas adalah kaum Rom yang masuk Islam setelah terjadinya perang Armagadon. (Lihat kitab Al-Fitan wa Al-Malahim oleh Ibn Kathir, bab “Keterangan tentang pertempuran besar dengan Rom yang mana akhirnya adalah penaklukan Kota Konstantinopel”).

Al-Hafiz Ibn Kathir berkata: “Hal ini menunjukkan, bahawa kaum Rom akan masuk Islam pada akhir zaman”. Dan boleh jadi, bahawa kota Konstantinopel akan ditakluki oleh satu kelompok dari kalangan mereka diri (kaum Rom yang menganut Islam), sebagaimana telah disebutkan pada penjelasan hadis yang telah lalu.

Ini dikuatkan lagi oleh Ibnu Kathir yang menukilkan hadis Al-Musthaurid Al-Quraisyi bahawa mereka adalah orang yang terpuji. Al-Musthaurid berkata, bahawa ia mendengar

Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Hari kiamat akan terjadi, sedangkan kaum Rom merupakan orang yang paling banyak jumlahnya.”* Lalu Amru bin Asy berkata; *“Terangkanlah apa yang engkau maksudkan?”* Al-Musthaurid menjelaskan; *“Aku mengatakan apa yang Rasulullah s.a.w. bersabda.”* Amru berkata; *“Kalau demikian, maka terdapat empat macam watak mereka, itu; pertama (1), mereka orang yang paling sabar ketika terjadi fitnah, kedua (2), mereka paling cepat sedar setelah ditimpa musibah, ketiga (3), mereka paling cepat kembali setelah berlari, keempat (4), mereka paling baik terhadap orang miskin, anak yatim dan orang yang lemah, yang kelima (5) pula mereka ialah yang terbagus dan terindah, iaitu selalu mencegah kezaliman para raja.”* (Diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab Al-Fitan wa Asyratussa’ah).

Imam Nawawi dalam Syarah Muslim berkata; *“Pada zaman sekarang ini, didapati ramai di antara tentera di negara Syam dan Mesir berasal daripada orang tawanan (kaum Rom) yang telah menganut Islam, setelah mereka menjadi tentera Islam, mereka pula menawan tentera kafir (yang sebangsa dengan mereka).”* (Rujuk Syarah Muslim 18:21).

Berdasarkan isyarat-isyarat hadis di atas dan yang telah dinukilkan yang lalu, dapatlah kita faham bahawa di akhir zaman nanti bangsa Rom akan masuk Islam, seperti mana hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah yang terdahulu dinukilkan mengenai peperangan bangsa Rom yang mana terdapat tentera Rom sendiri mengatakan; *“Biarkanlah kami memerangi orang yang mencela kami.”* (maksud “orang yang mencela kami” ialah bangsa Rom yang telah menganut Islam). Kemudian kaum Muslimin menjawab; *“Tidak!, demi Allah, kami tidak akan membiarkan kamu memerangi saudara-saudara kami (bangsa Rom yang telah menganut Islam).”*

Hadis tersebut menjelaskan bahawa bangsa Rom meminta kaum Muslimin agar membiarkan mereka memerangi orang yang mencela mereka yang berasal dari golongan mereka sendiri, kerana mereka telah masuk Islam. Kemudian kaum Muslimin menolak permintaan mereka serta menjelaskan

kepada mereka (bangsa Rom) bahawa orang yang telah masuk Islam adalah saudara kaum Muslimin yang tidak mungkin diserahkan kepada orang lain. Kewujudan pasukan tentera Muslimin yang asalnya dari tentera kafir (bangsa Rom) yang ditawan (kemudian mereka masuk Islam) bukanlah sesuatu yang aneh, kerana pernah dan bahkan menjadi suatu kebiasaan dalam sejarah Islam. Kerana mereka tertawan dengan layanan baik yang diberikan oleh tentera Islam terhadap tawanan perang.

Ketika mengulas hadis berkaitan di atas, Imam Nawawi berkata; “Hal seperti ini telah ada Pada zaman kita sekarang ini (ketika zaman beliau), bahkan kebanyakan askar Islam di negara Syam dan Mesir berasal dari tawanan perang, kemudian dengan Maha Suci Allah, mereka mengubah akidah (masuk Islam), setelah itu dalam peperangan jihad, mereka pula menawan orang (tentera) kafir. Hal ini bukan usutu yang pelik, tetapi sering terjadi. Dan Alhamdulillah, segala puji kepunyaan Allah yang telah memenangkan Islam dan menolongnya.” (Syarah Muslim 18: 21).

Mengenai riwayat tentang pasukan yang menakluk kota Konstantinopel itu berasal dari anak cucu Ishaq pula diperkuatkan lagi oleh keadaan bahawa pasukan tentera Rom jumlahnya hampir mencapai satu juta orang, yang sebahagiannya mati terbunuh dan sebahagian lagi masuk Islam. Tentera Rom yang masuk Islam inilah yang bersama-sama dengan kaum Muslimin menakluk kota Konstantinopel. Wallahu a’lam.

Berhubungan dengan penaklukan kota Konstantinopel tanpa peperangan, belum terjadi sampai sekarang. Imam Tirmizi meriwayatkan dari Anas bin Malik, bahawa ia berkata: “Penaklukan kota Konstantinopel itu bersamaan (hampir) dengan kedatangan hari kiamat.”

Kemudian Tirmizi menukilkan perkataan Mahmud Ibnu Ghailan (guru Imam Tirmizi); “Ini adalah hadis yang gharib (aneh), kota Konstantinopel adalah kota di Rom yang

akan ditakluki sewaktu keluarnya Dajjal, padahal kota Konstantinopel ini telah ditakluki pada zaman sebahagian sahabat Nabi s.a.w.” (Lihat: Jami’ Al-Tirmizi, Bab Maa Jaa-a Fi ‘Alaamaati Khuruji Ad-Dajjal 6: 498).

Hakikat kebenaran yang sebenarnya, bahawa kota Konstantinopel belum dapat ditakluki pada zaman sahabat, kerana Muawiyah r.a pernah mengutus puteranya, Yazid, dengan pasukannya (yang di antara mereka terdapat Abu Ayyub Al-Ansori) ke Konstantinopel, tetapi penaklukkannya itu dianggap oleh para ahli sejarah, belum lagi sempurna. Setelah kota itu dikepung oleh tentera Islam yang diketuai oleh Maslamah bin Abdul Malik, tetapi ia juga tidak berhasil menaklunya secara keseluruhannya. Bahkan ia mengadakan perdamaian dengan penduduknya untuk mendirikan masjid di sana. (Lihat: An-Nihayah fil Fitān wal Malahim 1: 62).

Selain itu, penaklukan bangsa Turk ke atas kota Konstantinopel juga dilakukan dengan peperangan. Kemudian hakikatnya, Konstantinopel sekarang ini berada di bawah sistem (kekuasaan) kafir dan ia bakal ditakluki oleh kaum Muslimin pada penaklukan yang terakhir sebagaimana yang diberitahukan oleh Rasulullah s.a.w., As-Sadiq Al-Masduq, dilakukan tanpa peperangan, tetapi dengan “*Takbir*”.

Ahmad Syakir berkata; “Penaklukan kota Konstantinopel sebagaimana yang diberitahu dalam hadis itu kelak akan terjadi, entah dalam waktu dekat atau masih lama lagi, yang tahu hanyalah Allah Azza wa Jalla. Dan itulah penaklukan yang sebenarnya, iaitu ketika kaum Muslimin benar-benar kembali kepada agama mereka setelah mereka berpaling darinya sejak sekian lama. Adapun penaklukan bangsa Turk terhadapnya sebelum zaman kita ini merupakan permulaan bagi penaklukan yang agung. Setelah itu, terlepaslah kota tersebut dari tangan kaum Muslimin, bertukar kepada sistem pemerintahan bukan Islam. Ketika inilah mereka (penakluk sekarang) mengadakan perjanjian dengan musuh-musuh Islam dan memerintah rakyatnya dengan hukum dan perundangan bukan Islam, yang terdapat dalam riwayat hadis bahawa Turki menjadi kafir. Lalu,

kelak akan terjadi penaklukan oleh umat Islam terhadapnya, Insha-Allah, sebagaimana yang diberitahukan oleh Rasulullah s.a.w.” (Lihat: Hasyiyah Umdatut Tafsiran Ibn Katsir 2: 256, ikhtishar dan tahqiq oleh Syekh Ahmad Syakir).

v). Perang Menghadapi Kaum Yahudi

Dalam ungkapan lain yang lebih teliti, perang ini disebut “Perang melawan 1/3 Yahudi”. Kerana, 2/3 kaum Yahudi telah musnah dalam perang Armagadon. (Sebagaimana yang tertera dalam kitab Taurat dan Talmud mereka, iaitu; kitab Zakaria, fasal 89 ayat 13. Kitab Yehezkiel, fasal 39 ayat 12.. Begitu juga lihat dalam kitab “Ramalan Dan Politik”. hal. 45.) Sehingga orang Yahudi yang masih baki memerlukan waktu selama 7 bulan untuk menguburkan seluruh tentera mereka yang mati dalam perang tersebut. Hal ini termaktub dalam kitab Yehezkiel (Taurat), iaitu: “Dan akan berlanjut 7 bulan sehingga bangsa Israel dapat menguburkan mereka sebelum mereka membersihkan bumi.” (Lihat: “Ramalan Dan Politik” dalam bahawa Arab “An-Nubuawah wa as-Siasah”, halaman 46)

Setelah 2/3 kaum Yahudi musnah dalam peperang Armagadon, kemudian Imam Mahdi memimpin kaum Muslimin untuk menghancurkan 1/3 lagi jumlah yang baki itu. Hal ini akan terjadi setelah penaklukan kota Konstantinopel dan munculnya Dajjal yang terkutuk, yakni pemimpin kepada kaum Yahudi dan para penentang Islam (yang di dalamnya terdapat juga mantan orang Islam yang telah murtad).

Penjelasan: Bahawa orang Yahudi pada saat ini sedang menunggu “Al-Masih mereka” yang pernah mereka ramalkan akan muncul pada 1998 dan 2000 yang kononnya akan menyelamatkan mereka dari bangsa-bangsa yang mereka anggap sebagai bangsa yang rosak (penduduk bumi selain bangsa Yahudi). Tetapi nyata ramalan mereka meleset.

Ketika Dajjal telah muncul pada waktu yang telah ditakdirkan Allah, lalu Dajjal berjalan di seluruh penjuru bumi bagi menyedatkan umat manusia selama empat puluh (40) hari,

di mana hari pertamanya sama dengan satu tahun, hari keduanya sama dengan satu bulan, hari ketiganya sama dengan satu minggu sedang hari-hari berikutnya (37 hari) sama dengan hari ketiga yang biasa (24 jam). Tentang ini akan diterangkan pada pembahasan akan datang. Setelah itu turunlah Isa Ibn Maryam dari langit. Kemudian dia membunuh Dajjal dan mengalahkan seluruh pengikutnya, yang semuanya terdiri dari orang Yahudi.

Menurut keterangan hadis orang Yahudi, pengikut Dajjal yang kalah itu terpaksa lari dan bersembunyi dari serangan kaum Muslimin di balik batu-batan dan pohon-pohon kayu. Akan tetapi, semua batu dan pohon tersebut tidak melindungi mereka, sebaliknya memberitahu kepada Al-Mahdi dan para tenteranya, bahawa di belakang mereka ada orang Yahudi sedang bersembunyi, kecuali pohon *Ghardaqah*. Menurut Imam An-Nawawi dalam kitabnya Syarah Soheh Muslim, kitab Al-Fitan, bahawa pohon *Ghardaqah* ialah sejenis pohon berduri, tumbuh dan amat terkenal di negeri Baitul Maqdis. Tidak hairanlah sekarang ini ramai penduduk Yahudi di sana menanam pohon tersebut yang diharapkan dapat menjadi pelindung kepada mereka ketika Dajjal bakal terbunuh di negeri tersebut kelak.

Dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dari Jabir, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “...sehingga pohon dan batu memanggil; Wahai roh Allah (nama panggilan untuk Isa ibnu Maryam) di sini ada Yahudi. Maka, tidak ada sedikitpun para pengikut Dajjal yang tidak dibunuh oleh Isa...” (Diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnad, no. 3; 367, dan dalam sanadnya terdapat ‘an’*anah* Abu Zubair, yang mana ia adalah *mudallis* hadis. Juga diriwayatkan oleh Al-Hakim. Al-Hafiz Ibn Kathir telah berkata dalam kitab Al-Fitan wa al-Malahim: “Hadis ini diriwayatkan oleh lebih dari satu ulamak hadis dari Ibrahim bin Thahman, yang mana dia adalah *thiqah* (dipercayai) dan wara’ orangnya”).

Oleh kerana itu kita menjangkakan bahawa segala persiapan perang antara kaum Muslimin dengan Yahudi,

masing-masing sedang dipersiapkan secara senyap-senyap. Kerana peperangan antara dua golongan itu tidak mungkin tidak terjadi, kerana ia telah lebih dahulu disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. Peperangan kaum Muslim dengan Yahudi itu akan berakhir dengan kematian Dajjal yang dibunuh oleh Isa ibnu Maryam dalam negeri Baitul Maqdis.

vi). Peperangan lain yang dihadapi Imam Mahdi

Setelah kekalahan Dajjal dan para pengikutnya, kaum Muslim akan berperang lagi dengan membunuh saki-baki orang yang kafir yang menentang Islam. Antaranya, memerangi dan menakluk Rom (ibu kota Itali sekarang), memerangi bangsa Khauz dan Kirman atau disebut juga dengan Turki yang mempunyai susur galur keturunan Yakjuj dan Makjuj, yang terkenal sebagai bangsa Cina, Russia, Jepun, Manggolia dan bangsa-bangsa sejenis mereka.

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Kamu akan memerangi suatu bangsa Ajam, iaitu kaum Khauz dan Kirman, di mana mereka bermuka merah, berhidung pendek, bermata kecil, berwajah lebar, seakan-akan ia adalah perisaiyang bundar, mereka membuat dan memakai kasut dari bulu (kambing) dan memakai kain dari bulu (kambing).”* (Lihat: Soheh Bukhari, kitab Al-Manaqib, bab Alamin Nubuwwah fil Islam 6: 604).

Peperangan ini berakhir dengan kemenangan bagi pihak umat Islam sepertimana yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis; *“Kebenaran agama ini akan lahir seperti bezanya siang dan malam, dan Allah s.w.t. tidak akan meninggalkan satu rumah pun di desa (padang pasir) atau di kota yang tidak dimasuki oleh agama ini dengan kemuliaan orang yang mulia, dan dengan kehinaan orang yang hina. Iaitu, yang dengannya Allah memuliakan agama Islam, dan yang dengannya juga Allah s.w.t. menghinakan kekufuran.”* (Riwayatkan Ahmad dari Tamim Ad-Dari. Al-Albaani menyebut hadis ini pada pendahuluan kitab Al-Hukmu Al-Jadidah bi at-Izha'ah dan beliau berkata, bahawa ia diriwayatkan oleh Jamaah.)

Dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab Musnadnya dari Al-Miqdad Ibn Al-Aswad, berbunyi; *“Tidak akan tertinggal pun di muka bumi ini satu rumah di desa (padang pasir) ataupun di kota, kecuali ia dimasukki oleh dua kalimah syahadah (Al-Islam).”*

7. Al-Mahdi muncul selepas peperangan Armagadon

Sebahagian ulamak berpendapat tentang urutan kejadian tanda-tanda kiamat bahawa Imam Mahdi a.s. akan muncul sebelum terjadinya perang sekutu antarabangsa “Armagadon” dan bahawa dialah yang akan mengadakan perjanjian damai dengan Rom. Sebahagian ulamak juga berkata bahawa perang sekutu antarabangsa itu telah benar-benar terjadi iaitu “Peperang Teluk” yang berupa perang sekutu antarabangsa di mana umat Islam (tentera negara Islam) bersama (tentera) Rom (Amerika dan Eropah) telah mendapat kemenangan, dan umat Islam pada saat ini sedang berada dalam masa “pengkhianatan Rom” yang akan diakhiri dengan kemunculan Imam Mahdi dan dimulainya pertempuran-pertempuran besar. Barangkali bahawa apa-apa yang tertera dalam hadis tentang perselisihan-perselisihan yang terjadi antara kaum Muslimin dengan Rom telah terjadi yang akan menyebabkan keluarnya tentera negara-negara Islam dari peperangan itu, hal ini diperkuat lagi oleh teks hadis yang berbunyi: *“...dan Allah akan memuliakan kelompok tersebut (kaum Muslimin) yang berselisih dengan Rom itu disebabkan oleh perselisihan dari pertempuran itu dan semua mereka akan terbunuh sedangkan Allah akan memuliakan mereka dengan mati syahid...”*

Berkaitan dengan pendapat dan pandangan di atas, segala hujah-hujah yang diberikan merupakan suatu kemungkinan, akan tetapi kita kurang setuju dengan perkataan bahawa “Perang Teluk” adalah “Perang Armagadon”, kerana perang Armagadon yang sebenar terjadi di Palestin dan ia adalah perang antarabangsa yang diakhiri oleh pengkhianatan Rom. Sedangkan Perang Teluk tidak mempunyai kriteria-kriteria perang Armagadon, maka jauh dari kemungkinan dapat

dianggapkan bahawa Perang Teluk sebagai perang Armagadon. Cuma yang dapat kita nilaikan bahawa Perang Teluk itu cuma mirip-mirip dengan perang Armagadon dari segi taktik dan merupakan senario terhadap perang Armagadon (yang bakal terjadi) kelak.

Adapun anggapan sesetengah pihak bahawa Imam Mahdi akan muncul sebelum perang Armagadon juga merupakan suatu kemungkinan, tidak ada kekhuatiran bagi kita dalam perselisihan pendapat tentang urutan yang seperti ini, kerana tanda-tanda kemunculan Imam Mahdi adalah suatu hal yang sudah maklum, maka yang manapun dari salah satu daripada dua andaian di atas, sama ada muncul dahulu atau kemudian, ia tidak akan sunyi daripada perselisihan pendapat dan ia tidak akan menimbulkan bahaya kepada kita, insya-Allah. Apa yang penting bagi kita ialah kita menyakini Al-Mahdi akan muncul, seperti mana yang diriwayatkan oleh hadis, terserahlah pada Allah, bila dan bagaimana cara kemunculannya, semuanya adalah hak Allah dan berada di dalam rahsia-Nya.

Tetapi bagi kita, berdasarkan kepada kenyataan zahir hadis, selepas peperangan Armagadon, segala senjata canggih telah musnah, sebab itu Nabi Isa a.s. membunuh Dajjal dengan menggunakan tombak dan ia melihat darah mengalir pada tombaknya.

8. Al-Mahdi salah seorang khalifah yang dijanjikan

Seperti mana yang tercatat dalam sejarah bahawa Islam telah berkembang lebih 1,400 tahun menempuh pelbagai era, sehinggalah ke era yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. sebagai era akhir zaman, era peralihan yang dipimpin oleh pemimpin Islam bertaraf khaliffah. Rasulullah s.a.w. telah menyebut akan peristiwa politik dunia sejak daripada zaman baginda hingga menjelang kiamat. Sedangkan sewaktu baginda s.a.w. masih hidup perkara itu belum lagi berlaku, tetapi telah diceritakan dengan begitu terperinci sekali. Peristiwa-peristiwa itu sekarang ini ada yang telah berlaku, ada yang sedang berlaku dan ada yang belum berlaku (akan berlaku). Bahkan, ia pasti

berlaku, iaitu kemunculan Islam sebagai *superpower*, mirip kepada *minhajunnubuwah*.

Kemunculan Islam sebagai kuasa *superpower* di akhir zaman bukan suatu perkara baru diperkatakan oleh dunia Islam dan antarabangsa. Ibnu Khaldun dalam Muqaddimahny meramalkan bahawa pada kurun ke 15 Hijrah adalah permulaan era kebangkitan Islam. Ertinya benih-benih Islam mula bercambah atau bara-bara api Islam yang tertimbus sekian lama telah mula meredap yang akan berakhir dengan semaraknya peluapan apinya menerangi muka bumi Allah ini.

Selain itu, bukti-bukti yang lebih kuat lagi ialah apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. tentang peringkat-peringkat peralihan kuasa politik dunia sejak daripada zaman Rasulullah s.a.w. hinggalah ke zaman ini. Sebagai bukti, marilah kita renung hadis Nabi s.a.w. di bawah ini.

Sabda Nabi s.a.w., bermaksud; *“Telah berlaku era pemerintahan KENABIAN, ia berlaku dan berakhir sepertimana yang Allah kehendaki. Setelah itu berlaku pula era pemerintahan KHALIFFAH AR-RASYIDIN yang berjalan mengikut manhaj (ciri) era kenabian, ia berlaku dan berakhir menurut sepertimana yang Allah kehendaki. Setelah itu diganti pula dengan era pemerintahan yang MENGGIGIT (fitnah) diperintah secara warisan (monarchy), ia berlaku dan berakhir mengikut kadar masa yang ditentukan Allah. Setelah itu diganti dengan era pemerintahan DIKTATOR, ia berlaku dan berakhir mengikut tempoh yang Allah kehendaki. Setelah itu diganti pula dengan era pemerintahan KHALIFFAH yang mendapat petunjuk di atas jalan kenabian (berjalan mengikut manhaj kenabian). Era ini ialah era kegemilangan bagi keseluruhan muka bumi.”* (Riwayat Imam Ahmad, Al-Bazar dan At-Tabrani dari Huzaifah. Lihat: *AL-‘ALAM AL-ISLAMI WAL MAKAlD AD-DAWAlIAH KHALAL QURNA AR-RAB’ ISYRIL HIJRI* oleh Al-Ustaz Fathi Yakan dan juga *AT-TARIQ ILA JAMAATIL MUSLIMIN* Oleh Al-‘Allamah Hussain bin Muhammad bin Ali Jabir).

Hadis di atas menjelaskan bahawa dunia sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga menjelang kiamat terbahagi kepada lima zaman;

1. Zaman Rasulullah s.a.w.: Zaman ini berjalan selama 25 tahun. Zaman Rasulullah s.a.w. terkenal dengan “Zaman Ummah Pertama”. Zaman itu belum pernah berlaku dalam sejarah nabi-nabi sebelumnya. Islam berkembang hingga tiga suku dunia dan dianuti oleh semua bangsa dan suku di muka bumi ini. Nabi-nabi dan Rasul-rasul sebelum ini membawa agama Islam cuma untuk bangsa-bangsa dan suku-suku dan di negara-negara tertentu sahaja. Dengan kemunculan Islam, dua gergasi dunia, iaitu Rome dan Parsi menjadi lemah dan tunduk di bawah kekuasaan Islam.

2. Zaman Khulafa Al-Rasyidin: Zaman ini ialah zaman pemerintahan para sahabat empat, Saidina Abu Bakar Al-Siddiq, Saidina Umar Al-Khattab, Saidina Usaman Affan dan Saidina Ali. Zaman Khulafa Ar-Rasyidin berlansung selama 30 tahun. Zaman ini kekuasaan Rom dan Farsi yang telah lemah itu terus tumbang di tangan para sahabat yang telah dibina iman oleh Rasulullah s.a.w., kedua-dua gergasi itu dapat ditawan. Sebelum itu Nabi s.a.w. telah memberi isyarat dalam sabdanya bahawa kuasa timur dan barat akan dapat ditawan oleh Islam. Sabda Nabi s.a.w., bermaksud; “*Timur dan Barat (nanti) akan terbuka kepada kamu*” - (Riwayat Imam Ahmad).

Setelah itu diikuti oleh zaman Saidina Hassan bin Ali (cucu Rasulullah s.a.w.) menjadi khalifah selama 6 bulan. Masa di antara Saidina Hassan hingga Khalifah Umar Abdul Aziz ialah selama 60 tahun. Dari zaman Rasulullah s.a.w. hingga zaman Khalifah Umar Abdul Aziz selama kira-kira 100 tahun. Selepas itu dicampur dengan zaman selanjutnya, zaman yang Rasulullah s.a.w. masih lagi menjamin umat Islam baik ialah dalam lingkungan kira-kira 200 tahun. Jadi, keseluruhan zaman terbaik menurut sepertimana jaminan Rasulullah s.a.w. ialah kira-kira 300 tahun. Selepas itu tidak lagi ada jaminan terbaik, cuma baik sahaja. Dalam baik itu ada bercampur dengan yang kurang baik.

Sepertimana ditegaskan oleh Nabi s.a.w.; “*Sebaik-baik kurun, ialah kurun aku dan kurun sesudah itu dan sesudah itu dan sesudah itu.*” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Menurut perawi hadis itu, Rasulullah s.a.w. menyebutnya tiga kali. Para ahli sejarah Islam mensifatkan tiga kali itu bererti tiga kurun. Setiap satu kurun 100 tahun. Tiga kali bererti 300 tahun. Itu sahaja kurun yang Rasulullah s.a.w. menjamin baik yang berjalan di atas *minhaj* kenabian. Selepas itu telah mula rosak hinggalah membawa kepada zaman fitnah. Setelah zaman itu, Nabi s.a.w. tidak menjamin kebaikan lagi, bahkan dalam cara hidup umat Islam sendiri terdapat percampuran pelbagai bentuk ragam dan ideologi.

3. Zaman fitnah: Zaman ini ialah zaman pemerintahan raja-raja yang menimbulkan fitnah. Memerintah secara (menurut sistem) turun temurun (monarchy /warisan). Mereka memerintah atas nama Islam, mewarisi kerajaan Islam. Tetapi bercampur dengan kezaliman. Oleh kerana terdapat kezaliman, maka daripadanya timbul fitnah terhadap Islam sehingga orang menyangka Islam bersifat menzalim, gila seks (raja-raja ada banyak gundik). Lalu timbul pemberontakan daripada rakyat dan tercetuslah pelbagai ideologi, Socialis, Komunis dan Demokrasi (penjajah), menumbang kerajaan-kerajaan Islam yang berada di Eropah Barat dan Eropah Timur. Waktu itu kerajaan Islam bertukar menjadi kerajaan dan negara kecil-kecil. Di antara sesama mereka (kerajaan-kerajaan dan negara-negara Islam) tidak ada lagi hubungan. Oleh itu mudahlah dikalah dan dicaturkan oleh penjajah, sama ada yang berideologi sosialis atau demokrasi. Sikap dan peribadi raja-raja Islam yang menimbulkan fitnah (zalim) itu, mula jatuh satu demi satu ke tangan penjajah. Bermula daripada kejatuhan Baghdad, Spanyol, Mesir, Turki dan lain-lain negara taklukan mereka. Lama masa era kuasa pemerintahan ini (zaman fitnah) selama kira-kira 700 tahun.

4. Selepas kajatuhan kerajaan *monarchy* itu muncul pula Zaman Diktator. Maksud zaman diktator ialah zaman

pemerintahan ideologi-ideologi buatan manusia yang garis panduan mereka adalah diambil dari hasil buah fikiran ahli fikir, sama ada ia bernama sosialis, komunis, kapitalis, demokrasi dan lain-lain, termasuk nasionalis.

Kuasa-kuasa pemerintah hasil daripada ideologi inilah, selepas kejatuhan kerajaan monarchy (kerajaan beraja atas nama Islam), yang telah menguasai (menjajah) dunia. Orang yang menguasainya ialah orang Eropah (barat dan timur) seperti British, Belanda, Jerman, Pranchis, Russia, Yugoslavia, Czechoslovakia, Jepun dan lain-lain. Ideologi pemerintahan tersebut berteraskan agama kristian dan komunis. Dunia ketika itu terbahagi kepada dua blok; blok barat (demokrasi) dan blok timur (komunis \ sosialis). Umat Islam berada di bawah kuasa mereka. Sejarah mereka berkuasa ialah antara 100 - 200 tahun.

Tetapi kuasa-kuasa penjajahan tersebut sekarang ini telah mula tumbang satu demi satu. Kalau pun ada yang tidak tumbang secara rasmi, tapi kuasa mereka telah mula lemah, seperti Amereka dan Eropah Barat. Eropah Barat telah mula berkekrisis sekarang ini. Telah mula timbul keretakan dan dijangka akan pecah menjadi dua atau lebih banyak dari itu. Sekarang ini pun Jerman dan Pranchis menjadi satu block dan sementara British dan lain-lain ingin mempertahankan nilai masing-masing. Bagi sesiapa yang yakin dengan sabda Nabi s.a.w. di atas, telah nampak ke mana kesudahannya nasib Eropah Barat sama dengan Eropah Timur. Ini janji Allah melalui lidah kekasih-Nya, sodiqul masduq s.a.w. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janji.

Dengan tumbangannya kuasa-kuasa tersebut, secara mengejut terbongkar rahsia yang selama ini tertutup. Negara-negara yang selama ini dikuasai oleh umat Islam, muncul semula. Barulah dunia mengetahui, rupa-rupanya ramai umat Islam di Eropah. Itulah titik permulaan kebangkitan Islam menjelang era *minhajunnubuwwah*.

5. Zaman Kekhalifahan: Kejatuhan dua ideologi (komunis dan demokrasi) itu sekarang ini adalah merupakan

pertanda apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. 1,400 tahun lalu benar-benar telah terjadi. Kemudian setelah itu, iaitu selepas berlaku dan berlalunya zaman diktator mengikut kadar masa yang telah ditentukan oleh Allah, maka akan muncul pula zaman **KEKHALIFAHAN** yang berjalan mengikut *minhaj* (bentuk dan cara) zaman kenabian. Atau dengan kata lain **ZAMAN KEBANGKITAN SEMULA ISLAM**. Islam akan agung kembali sepertimana zaman kenabian.

Sewaktu kemunculan zaman kenabian, zaman ummah pertama, dua gergasi (empayar) dunia tumbang. Iaitu Rome dan Parsi. Jadi sesuai dengan proses sunnatullah dan ini ditegaskan sendiri oleh Allah dan Rasul bahawa *“Dan tidak sekali-kali kamu dapati sunnatullah itu berubah.”* (Surah Al-Ahzab ayat 62) dan *“Ketahuilah bahawa pusingan Islam itu sentiasa berputar.”* (Hadis riwayat Abu Na'im dari Muaz bin Jabbal). Maka kemunculan zaman Ummah Kedua di akhir zaman ini pun akan berulang sejarah dua gergasi dunia akan tumbang juga, iaitu kuasa komunis (Eropah Timur) dan kristian (Eropah Barat dan Amereka).

Pemimpin Islam di zaman ini (era kekhalifahan) ialah pemimpin bertaraf antarabangsa yang bergelar KHALIFFAH. Di samping kita menyakini kebenaran hadis di atas, terdapat lagi beberapa hadis lain yang Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa menjelang kiamat nanti Islam akan kembali berkuasa dan muncul pemimpin bergelar khaliffah.

Dari Said dan Jabir bahawa Nabi s.a.w. bersabda, maksudnya; *“Akan ada pada akhir zaman nanti seorang khalifah yang akan membahagi-bahagikan harta (kepada rakyat) sehingga tidak terhitung banyaknya (makmur).”* (Riwayat Muslim).

Terdapat lagi sebuah hadis dari Said Al-Khudri bahawa Nabi s.a.w. bersabda; bermaksud; *“Diantara khalifah-khalifah kami, ada seorang khalifah yang mencurahkan harta (kepada umatnya) tanpa mengira-ngira.”* (Riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis itu juga Ibnu Khaldun dalam *Muqaddimah*nya telah meramalkan bahawa zaman Islam bangkit semula ialah pada kurun yang bermula selepas tahun 2001 masehi. Berdasarkan perkembangan dunia hari ini, rasanya kita sekarang ini berada pada kurun yang dimaksudkan itu.

Dalam flem dokumentari berjudul “*Sword in Islam*” meramalkan bahawa Islam akan bangkit di abad ke dua puluh (Masihi) sebagai satu kuasa besar. Oleh sebab itu musuh-musuh Islam sangat gerun dengan Hezbollah, Ikhwanul Muslimin dan ulama-ulama Syiah dan tokoh-tokoh Ikhwan yang sedang merengkuh dalam penjara Mesir sekarang, yang terkenal dengan ketegasan dan sikap tidak bertolak ansur dengan barat dan sebarang kuasa kuffar, termasuk juga yang pihak Barat bimbang ialah Taliban di Afghanistan dan kumpulan-kumpulan Islam di Timur Tengah dan juga di seluruh dunia amnya, sehingga lahir istilah “Militan” yang dilebalkan kepada umat Islam yang kuat berpegang kepada ajaran Islam. Mereka (musuh Islam) menggambarkan Islam sebagai “agama ganas” melebihi keganasan Israel terhadap rakyat Palestin dan Lubnan.

Jadi, dalam soal ini kita perlu berusaha melaksanakan perjuangan yang benar-benar menepati *uslub* seperti mana yang pernah dilalui dan ditempuhi oleh Rasulullah s.a.w., para sahabat dan para tabi’in. Insya-Allah, Allah nanti akan menyerahkan muka bumi ini kepada hamba-Nya yang bertakwa. Apa yang penting kita berusaha berbuat sebagai memenuhi tuntutan “mengadakan sebab”. Allah yang berjanji, nanti Ia akan tunaikan janji-Nya. Bila Allah berkata, “*Kun fayakun*”, maka janji itu akan terlaksana.

Maksud “*Kun fayakun*” menurut para ahli tafsir ialah “dilakukan melalui proses”. Perkataan “Fayakun” ialah *Fe’il mudharie*’ yang memberi maksud, “perbuatan yang dilakukan melalui proses”. Cuma terhasilnya proses itu bergantung kepada kehendak Allah, sama ada cepat atau lambat, itu ditentukan Allah. Tugas dan tanggung jawab hamba-Nya ialah

mengadakan sebab. Hasilnya, jika setelah melalui sunnatullah, maka pasti Allah beri, kerana telah dijanjikan.

Firman Allah, maksudnya; *“Sesungguhnya, jika sekiranya Allah telah kehendaki sesuatu itu terjadi, maka Ia berkata JADI, lalu jadilah (berhasillah) ia”* –(Surah Yaasin ayat 82).

Ditegaskan lagi di sini, bahawa *fayakun* (jadilah ia) itu setelah melalui proses, yakni mengikut sunnatullah. Disebabkan usaha ikhtiar makhluk, maka Allah menetapkan hasilnya. Yakinlah bahawa kita sekarang ini berada di zaman kebangkitan semula Islam yang sedang menuju ke zaman *minhajunnubuwwah*.

Bukti-bukti dari hadis bahawa Imam Mahdi salah seorang Khulafaur-Rasyidin

1. Berkata Imam Ahmad bin Hambal, bahawa telah menceritakan kepada kami oleh Hajjaj dan Abu Nu’aim dari Al-Qasim bin Abu Burrah dari Abu Al-Thufail, perkataan Hajjaj dipetik pula dari Ali bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Jika belum tinggal umur dunia ini kecuali (jika) sehari (pun), sesungguhnya Allah (akan) mengutus seorang lelaki dari (keturunan) kami (Rasulullah s.a.w.) yang akan memenuhi dunia dengan keadilan sebagaimana dunia sesak (dipenuhi) dengan kezaliman.”* Berkata Abu Nu’aim dengan lafaz: *“...lelaki keturunanku...”* dan ia berkata pula pada ketika lain dengan menyebutkan dari Hubaib dari Abu Al-Thufail dari Ali dari Nabi s.a.w. dan diriwayatkan pula oleh Abu Daud dari Uthman bin Abu Syaibah dari Nu’aim Al-Fadhal bin Dikkin, dan berkata Imam Ahmad bahawa Fadhal bin Dikkin menyebut kepadanya bahawa ia (Fadhal) memetik perkataan Yasin bin Al-’Ajaliy dari Ibrahim bin Muhammad bin Al-Hanafiah dari ayahnya dari Ali dari Rasulullah s.a.w., bersabda baginda; *“Al-Mahdi berasal dari Ahlil Bait kami yang diperbaiki (ditarbiah) oleh Allah (selama) semalaman sahaja.”*

2. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dari Uthman bin Abu Syaibah dari Abu Daud Al-Jibry dari Yasin Al-’Alajali. Berkata

Abu Dawud bahawa hadis ini dari Harun Bin Mughirah, telah menceritakan kepada kami Umar bin Abu Qais dari Syu'aib bin Khalid, dari Abu Ishak, ia berkata bahawa Ali berkata sambil menoleh kepada anaknya, Hassan dan Ali berkata; *"Sesungguhnya anak aku ini adalah pemimpin sebagai mana yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dan aku dilahirkan dari seorang lelaki yang bernama Basim, yang wajahnya menyerupai Nabi kamu, tapi berbeza pada sifatnya."* Abu Ishak menambah; *"Lalu ia (Ali) menceritakan sebuah kisah tentang keadilan yang akan memenuhi muka bumi ini."*

3. Abu Daud pula membicarakan khusus mengenai Imam Mahdi dalam sunannya bahawa ia menyebut pada awal hadis dari Jabir bin Samurah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Bahawasanya agama ini akan sentiasa tegak sehingga kamu akan dipimpin oleh 12 khalifah yang mana mereka amat ditaati oleh umatnya."* Dalam riwayat lain disebut bahawa; *"Agama ini akan sentiasa mulia sampai pada 12 khalifah."* Jabir pula berkata, lalu manusia bertakbir dan Rasulullah menyambung dengan sebuah kalimah yang singkat, maka Jabir bertanya, beliau s.a.w. menjawab; *"Mereka seluruh berasal dari Qurisy."* Jabir berkata, tatkala baginda s.a.w. pulang ke rumah, beliau s.a.w. dikunjungi oleh kaum Qurisy, lalu mereka bertanya, setelah itu apa yang akan terjadi, jawab baginda s.a.w.: *"kemudian akan terjadi perselisihan."*

4. Abu Daud meriwayatkan dari hadis Sufyan As-Sauri dan Abu Bakar 'Abbas dan Zaidah dan Qatr dan Muhammad bin Ubaid, semuanya meriwayatkan dari Ashim bin Abu Nujud, yakni Abu Bahdalah dan Zir bin Khubais, dari Abdullah bin Mas'ud dari Nabi s.a.w., beliau bersabda; *"Jika sekiranya tidak ada lagi baki umur dunia ini kecuali sehari sahaja lagi (menjelang kiamat), nescaya Allah akan memanjangkan hari tersebut hingga diutus seorang lelaki dari keturunanku (keluargaku), namanya seperti manaku (Muhammad) dan nama ayahnya seperti nama ayahku (Abdullah)."* Terdapat tambahan pada hadis Qatr; *"...dunia dipenuhi dengan keadilan seperti (sebelum itu) dipenuhi oleh kezaliman dan kerosakan."*

5. Hadis dari Sufiah As-Sauri bahawa Nabi s.a.w bersabda; *“Tidak akan musnah dunia ini (sebelum berlaku kiamat) sehingga umat dunia ini dipimpin oleh seorang lelaki dari (keturunan) keluargaku, namanya seperti nama aku dan nama bapanya juga seperti nama bapaku.”* (Riwayat Abu Daud. Hadis demikian diriwayatkan juga oleh Ahmad, dari Umar bin Ubaid, dari Sufyan bin Uyainah, dari hadis Sufyan As-Sauri, semuanya meriwayatkan dari Ashim sebagaimana hadis di atas. Adapun Tirmizi meriwayatkan dari hadis Sananiyyin dan ia berkata, bahawa hadis itu hadis Hasan Soheh.)

6. Riwayat Abu Daud dari Sahl bin Tamam bin Bari', dari Imran Al-Qattan dari Qatadah, dari Nusrh, dari Abi Said, kata Said bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Al-Mahdi berasal dari keturunanku, lebar dan cantik dahinya, mencung hidungnya, ia memenuhi bumi ini dengan keadilan sebagaimana bumi ini (sebelumnya) meluas dengan kezaliman dan kekejian, ia (Al-Mahdi) memimpin (di atas dunia ini) selama tujuh (7) tahun.”*

7. Riwayat Abu Daud dari Muhammad bin Musanna dari Mu'az bin Hisyam dari ayahnya dari Qatadah dari Salleh bin Khalil dari sahabatnya dari Ummu Salamah (isteri Nabi s.a.w.) bahawa Nabi s.a.w bersabda: *“Akan terjadi perselisihan pada saat kematian seorang khalifah, maka seorang lelaki penduduk Madinah keluar (dari Madinah) melarikan diri ke Makkah. Lalu ia dikunjungi oleh penduduk Makkah untuk menyatakan bai'ah, ia pun keluarlah dari tempat tinggalnya, kerana tidak mahu dibai'ah, lalu ia dikejar sehingga sampai pada suatu tempat (antara Rukun Kaabah dan Maqam Ibrahim), mereka membai'ah juga, sedangkan ia membenci (tidak suka) perbuatan itu (dibai'ahkan). Setelah itu dikirim kepadanya sepasukan (tentera) untuk menyerangnya dari Syam, tapi (tentera itu) dibinasakan oleh Allah di antara Makkah dan Madinah, dan mereka mati dan dikuburkan di situ. Setelah itu dikirim lagi sepasukan (tentera) lain dari Syam, mereka dibinasakan juga oleh Allah di tempat yang sama. Setelah manusia melihat peristiwa pelik itu (menyedari tanda Al-Mahdi), lalu masing-masing para pemuka negeri Syam dan Iraq datang untuk membai'ahnya. Tak lama kemudian muncullah seorang lelaki*

dari kaum Quraisy yang didukung oleh paman-pamanya yang gigih. Akhirnya lelaki itu mengalahkan khafifah tersebut, itulah pasukan yang tangguh, dan sungguh rugilah bagi mereka yang tidak sempat turut serta dengannya. Lelaki itu membagi-bagikan harta benda serta mengamalkan sunnah nabinya dan meneguhkan Islam di muka bumi ini. Hal itu berlangsung beberapa lama hingga akhirnya ia meninggal dan disolatkan jenazahnya oleh kaum Muslimin.”

8. Berkata Abu Daud bahawa Harun berkata, yakni Ibnu Mughiroh telah menceritakan kepada kami Umar bin Abu Qais, dari Mutatrif bin Tarif, dari Abu Hasan, dari Hilal bin Amr, aku telah mendengar Ali telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan keluar dari negara yang berada di belakang sungai akan seseorang yang bernama Haris bin Haran yang berada di depan seorang yang bernama Mansur, ia menempatkan diri sebagai keluarga Muhammad, sebagaimana suku Quraisy memberikan kedudukan (memuliakan) kepada Rasulullah, (ketika itu) wajib bagi setiap Mukmin menolongnya, atau beliau berkata; ‘mentaatinnya.’”*

9. Berkata Ibnu Majah, telah menceritakan kepadaku Harmalah bin Yahya Al-Misri dan Ibrahim bin Sa'id Al-Jauhari, kedua-duanya berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Soleh Abdul Ghaffar bin Daud Al-Harani, telah menceritakan kepada kami Luhaiah, dari Abu Zur'ah, dari Amr bin Jabir Al-Hadrami, dari Abdullah bin Haris bin Jaz'l Az-Zubaidi, ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Akan keluar sekelompok manusia dari arah timur, kemudian ia memberikan kepemimpinan kepada Al-Mahdi.”* (Riwayat Ibnu Majah, 2/1368, nombor 4088).

10. Berkata Ibnu Majah: telah menceritakan kepada kami Uthman bin Abu Syalbah, dan Mu'awiyah bin Hisyam, dari Ali bin Soleh, dari Yazid bin Abu Ziyad, dari Ibrahim, dari Al-Qamah, dari Abdullah, ia berkata, tatkala kami berada di sisi Rasulullah s.a.w. pada saat itu beliau mencururkan air mata, dan berubah warna wajahnya, Abdullah berkata, maka aku berkata, kami sentiasa melihat sesuatu di wajahmu, yang tidak

kami inginkan, lalu beliau bersabda: *“Bahwasanya Allah memilhkan buat keluargaku akhirat daripada dunia, dan setelah kepergianku mereka akan mendapatkan bencana, penyingkiran dan pengusiran, hingga datang suatu kaum dari arah timur, mereka membawa bendera berwarna hitam, lalu mereka meminta roti, namun tidak diberikan, lalu mereka memerangnya, dan mereka mengalahkannya, maka diberikanlah apa yang mereka minta, tetapi mereka tidak menerimanya, hingga mereka serahkan kepada seorang dari keluargaku, lalu ia memenuhinya dengan keadilan sebagaimana meluasnya kekejian, barang siapa di antara kamu yang mendapatkannya (mengetahuinya), maka datanglah (kepadanya), walaupun dengan cara merangkak diatas salji.”* (Riwayat Ibnu Majah: 2/366, nombor 4082).

Konteks hadis ini merupakan isyarat bagi Bani Abbas sebagaimana telah disebutkan saat mengisahkan tentang kerajaan mereka pada tahun 132 Hijrah, dalam hadis ini juga terdapat petunjuk bahwasanya Al-Mahdi muncul setelah runtuhnya kerajaan Bani Abasiah dan ia berasal dari keluarga Nabi s.a.w., keturunan Fatimah binti Rasulullah dari anak keturunan Hasan atau Husain, sebagaimana telah disebutkan pada hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abu Talib. Ada pun jarak di antara kejatuhan Bani Abasiah dengan kemunculan Al-Mahdi tidak dijelaskan, tetapi dalam hadis-hadis dan athar-athar yang telah pun diterangkan yang lalu itu di celah oleh beberapa peristiwa besar. *Wallahu a’lam.*

11. Berkata Ibnu Majah, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Yahya dan Ahmad bin Yusuf, kedua-duanya berkata, telah menceritakan kepada kami Abdurrazak, dari Sufyan Ath-Thauri, dari Khalid bin Al-Khuza’i, dari Abu Asma Ar-Rahbi, dari Thauban, ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Akan dibunuh dari perbendaharaan kamu tiga orang, kesemuanya adalah anak khafifah, tidak ada yang selamat kecuali satu dari mereka, kemudian akan keluar bendera berwarna hitam dari arah timur, kemudian mereka memerangi kamu dengan peperangan yang belum pernah dilakukan oleh satu kaum pun.”* Lalu (setelah itu) beliau s.a.w. menyebutkan

sesuatu yang aku (Thauban) tidak menghapalnya, beliau menyambung; “...*dan jika kamu melihatnya, maka berbai’atlah kepadanya, walaupun kamu mendatangnya dengan merangkak di atas salji, kerana dia adalah khafifatullah Al-Mahdi.*” (Riwayat Ibnu Majah, 2/1367 nombor 4084).

Ibnu Majah mempunyai cara tersendiri dalam meriwayatkan hadis ini, adapun sanad hadis ini sangat kuat kebenarannya. Adapun yang dimaksud dengan perbendaharaan adalah perbendaharaan Ka’abah, yang akan dibunuh darinya, untuk mengambil anak-anak khalifah, hingga terjadi akhir zaman, lalu keluar Al-Mahdi. Adapun tempat keluarnya dari arah timur dan bukan dari Sirdab Samira sebagaimana yang disangka oleh kaum Rafidhah, kononnya Al-Mahdi telah ada dan bersembunyi di situ dan mereka menunggu keluarnya pada akhir zaman. Persangkaan seperti ini hanyalah sebuah igauan serta neraca yang sangat lemah, dan pemikiran yang sangat lemah yang dipengaruhi oleh syaitan, padahal apa yang ada di dalam pemikiran mereka tidak mempunyai alasan yang kukuh berdasarkan petunjuk al-Quran dan hadis, demikian pula tak dapat dibenarkan oleh akal yang sihat dan sempurna (normal).

12. Berkata Tirmizi, telah menceritakan kepada kami Qutaibah, dari Rasyid bin Sa’ad, dari Yunus bin Syihab Az-Zuhri, dari Qabisah bin Zu’yib, dari Abu Hurairah ia berkata, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Akan keluar dari Khurasan bendera-bendera berwarna hitam, tidak ada sesuatu yang menghalanginya hingga ditancapkan di Iliyya.*” (Riwayat Tirmizi: 531, nombor 2269).

Hadis ini adalah hadis gharib. Adapun bendera-bendera hitam tersebut bukanlah yang dibawa oleh Abu Muslim Al-Khurasani, yang mana ia menghancurkan kekuasaan Bani Umayyah pada tahun 132 H. Adapun yang dimaksud adalah bendera-bendera hitam yang lain yang bersama Al-Mahdi yakni Muhammad bin Abdullah Al-Alawi, Al-Fatimi, Al-Hasani, yang Allah memperbaikinya dalam semalaman dan mengampuni dosa-dosanya serta memberi taufik dan memberikan pemahaman kepadanya, kemudian menunjukinya yang pada

waktu sebelumnya ia tidak demikian, lalu ia dibantu oleh para pembantu (pengikut) dari penduduk di sebelah timur, menolong dan memberikan (menyerahkan) kepemimpinan (membai'ah) kepadanya, serta menguatkannya.

Adapun bendera-bendera mereka (pengikut Al-Mahdi) juga berwarna hitam, dan ia adalah lambang yang dihormati, kerana bendera Rasulullah juga berwarna hitam yang dinamakan *Iqab*, yang mana Khalid bin Walid telah menancapkannya di Thunayyah yang berada di sebelah timur Damaskus (Damsyik, Syria) tatkala ia menuju ke Iraq, maka diketahuilah Thunayyah dengannya, yang saat ini dinamakan Thunayyah *Iqab*, yang mana hal tersebut sangat menyakitkan hati bagi orang kafir, baik dari bangsa Rom atau bangsa Arab, dan kukuhlah kekuatan hamba-hamba Allah yang beriman dari kaum Muhajirin dan Ansar serta orang yang sentiasa mengikuti jejak mereka hingga ke hari kiamat, dan hanya kepada Allah-lah segala pujian. Demikian juga Rasulullah pada waktu fatuh Makkah, memasuki kota Makkah memakai tutup kepala berwarna hitam.

Di dalam riwayat lain, adalah beliau s.a.w menutup kepalanya dengan serban berwarna hitam yang melapisi warna putih, selawat serta salam senantiasa kita mohonkan atas beliau, adapun yang dimaksud dengan Al-Mahdi yang akan keluar pada akhir zaman, tempat keluarnya berasal dari arah timur, kemudian ia di bai'at di Ka'abah, sebagaimana yang ditunjukkan oleh hadis dan aku (Ibnu Katsir) telah menulis dalam pembahasan tersendiri tentang Al-Mahdi, dan hanya kepada Allah kita memuji.

13. Berkata Ibnu Majah, telah menceritakan kepada kami Nasr bin Ali Al-Juhdami, dari Muhammad bin Marwan Al-Uqaili, kami Ammarah bin Abu Hafsah, dari Zaid Al-Ami, dari Abu Siddik An-Naji, dari Abu Sa'id Al-Khudri, bahwasanya Nabi s.a.w. bersabda: *"Akan datang dari umatku Al-Mahdi, jika ia selama 7 dan jika tidak 9 (tahun), pada saat itu umatku diberikan nikmat yang mereka belum pernah mendengar (mengetahui dan merasa) terjadiannya pada masa-masa*

sebelumnya, bumi menghamparkan segala perbendaharaannya dan tidak ada yang disimpan sedikitpun, harta benda pada waktu itu sangat banyak, sehingga ada seorang lelaki mendatangi Al-Mahdi dan berkata, wahai Al Mahdi berikan (harta) kepada kepadaku, kemudian Al-Mahdi berkata; 'Ambillah'."

14. Berkata Tirmizi, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Yasar, dari Muhammad bin Ja'far, kami Syu'bah, aku mendengar Zaid Al-Ami, aku mendengar Abu Siddiq An-Naji, menceritakan dari Abu Sa'id Al-Khudri, ia berkata, kami khawatir akan terjadi sesuatu setelah kepergian Nabi kami, lalu kami bertanya kepada Nabi Allah s.a.w, maka beliau bersabda: *"Bahwasanya di antara umatku akan keluar Al-Mahdi, dia akan hidup selama 5 atau 7 atau 9, dan (ada orang) datang kepadanya kemudian berkata, Wahai Mahdi berikan sesuatu kepadaku, ia berkata, lalu ia melemparkan pada pakaiannya sekemampuan ia membukanya."*

Darjat hadis ini hasan. Telah diriwayatkan dari berbagai jalan, dari Nabi s.a.w. adapun Abu Siddiq An-Naji, adalah Bakr bin Amr, terkenal juga dengan panggilan Bakr bin Qais, hadis ini menunjukkan bahwasanya waktu terpanjang baginya selama 9 dan yang terpendek 5 atau 7, dan barang kali ia adalah khalifah yang membagi-bagikan harta sebanyak-banyaknya. Pada zamannya buah-buahan berbuah dengan banyaknya, tumbuh-tumbuhan melimpah ruah, harta benda sangat banyak, pemimpinnya bijaksana, agama (Islam) tegak dan dilaksanakan dengan sempurna, musuh-musuh tunduk dan merendahkan diri, kebaikan zaman itu berlanjut terus menerus. *Wallahu a'alam.*

15. Berkata Imam Ahmad, telah menceritakan kepada kami Kalf bin Walid, dari Ibad bin Ibad, dari Khalid bin Sa'id, dari Abi Widak, dari Abu Sa'id: berkata seorang lelaki, demi Allah, tidaklah datang kepada kami seorang pemimpin, kecuali lebih jelek daripada sebelumnya, Abu Sa'id berkata, lalu aku katakan: kalaulah aku tidak mendengarkan Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Bahwasanya di antara pemimpin kamu, ada yang*

akan membagi-bagikan harta tanpa memperhitungkannya, datang kepadanya seseorang, lalu meminta kepadanya, kemudian ia menjawab: ambillah, lalu membentangkan pakaiannya dan melemparkan ke dalamnya (harta benda), kemudian Rasulullah s.a.w. membentangkan jubahnya yang tebal sebagai contoh perbuatan orang tersebut, lalu ia meletakkan pada bahunya dan beliau s.a.w. berkata; 'Kemudian ia mengambilnya (memikul barang-barang itu) lalu pergi'."

Berdasarkan keterangan hadis-hadis yang dikemukakan di atas, jelaslah kepada kita bahawa khalifah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. yang akan mengisi era kekhalifahan yang berjalan mengikut *minhaj* (bentuk dan cara) zaman kenabian, atau dengan kata lain **ZAMAN KEBANGKITAN SEMULA ISLAM**, ialah Khalifah Imam Mahdi Al-Muntazar. Islam ketika itu akan agung kembali sepertimana zaman kenabian.

9. Pusat Pemerintahah dan tempoh masa Imam Mahdi memerintah dunia

Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. menceritakan (bersabda) bahawa: "***Pusat kepemimpinan kaum Muslimin pada hari 'Pertempuran yang paling besar' adalah di Ghuthah yang terdapat padanya suatu kota bernama Damsyik, yang mana ia adalah negeri kaum Muslimin yang terbaik ketika itu.***" (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Al-Hakim. Disohehkan oleh Al-Albaani dalam Soheh Al-Jami' As-Saghir.)

Dalam hadis lain diterangkan bahawa peperang yang dahsyat antara kita kaum Muslimin dengan kaum Rom yang dinamakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan "pertempuran yang paling besar" (*Al-Malhamah al-Kubra*) akan berlaku di Syria, dekat kota Damaskus (Damsyik), iaitu di suatu tempat yang bernama Amaq dan Dabiq, dan di situlah dikatakan pusat kemimpinan bagi Al-Mahdi, iaitu Ghuthah, dekat Damsyik (Syria).

Berkaitan dengan masa kemunculan Imam Mahdi pula, secara terperinci kita tidak dapat menentukan bilakah tahun Imam Mahdi muncul dan berakhirnya pemerintahannya, kerana di dalam hadis-hadis tidak diceritakan secara terperinci, cuma Rasulullah s.a.w menyebutkan tanda-tandanya dengan peristiwa-peristiwa yang bakal berlaku. Seperti mana yang telah diterangkan dalam buku ini pada halaman 177-185, antara tanda-tanda masa kemunculan Imam Mahdi ialah;

1. Setelah berlakunya peperangan Armagadon.
2. Setelah itu bangsa Rom (dunia Eropah dan Barat serta pakatan mereka) melanggar dan mengkhianati perjanjian damai dengan umat Islam.
3. Setelah itu berlaku kematian khalifah (salah seorang pemimpin negara di Asia Barat) dan terjadi perebutan kuasa, kemudian diikuti oleh pakatan untuk membunuh Imam Mahdi, kerana dituduh menjadi dalang dalam perebutan kuasa itu.
4. Semasa Imam Mahdi melarikan diri ke Makkah, beberapa pasukan tentera yang mengejarnya ditelan bumi dengan cara yang amat luar biasa dan amat pelik sekali.

Sementara tempoh tamat masa pemerintahan Imam Mahdi ialah kira-kira setahun selepas kemunculan Al-Masihuddajjal. Dalam suatu riwayat dalam kitab Shahih Muslim, Rasulullah s.a.w. menerangkan tentang tempoh Dajjal menjalankan dakyahnya bagi menyesatkan umat manusia, iaitu (selama): *"Empat puluh (40) hari, satu hari darinya sama dengan satu tahun, dan satu hari lagi sama dengan satu bulan dan satu hari lagi sama dengan satu minggu, sedangkan baki hari-hari tersebut adalah sama dengan hari-hari biasa mereka.."* Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, pada suatu hari yang sama lamanya dengan satu tahun tersebut apakah cukup bagi kami untuk solat sehari lima waktu saja?" Beliau s.a.w. menjawab: *"Tidak, perkirakanlah olehmu hari-hari tersebut."*

Hadis di atas menjelaskan pada kita bahawa Dajjal akan bermaharajalela di muka bumi selama 1 tahun 2 bulan dan empat hari. Rasulullah s.a.w. menyebut 1 hari pertama sama dengan 1 tahun, hari kedua sama dengan 1 bulan, hari ketiga sama dengan 1 minggu (7 hari), hari-hari yang baki (27 hari) sama dengan hari-hari biasa. Satu hari pertama sama setahun itu bukan bermaksud hari panjang sehingga selama setahun, tetapi hari mengikut kiraan biasa, iaitu setahun bersamaan dengan 365 hari.

Oleh sebab itu masa Dajjal mengelilingi dunia menyebarkan pengaruh kuffarnya, khususnya di dunia sebelah Barat memakan masa selama 40 hari itu bersamaan dengan 1 tahun 2 bulan dan 4 hari. Setelah itu Dajjal dibunuh oleh Nabi Isa Ibn Maryam di pintu kota Lud di Palestin.

Sabda Rasulullah s.a.w.: *"...Kemudian (selepas solat) ia (Isa) pergi dan menghadapi mereka (Dajjal dan tenteranya). Bila dia (Isa) dilihat oleh musuh Allah s.w.t. maka ia (Dajjal) pun meleleh/cair (hancur) sehingga binasa. Akan tetapi Allah berkehendak untuk membunuhnya di tangan Isa Ibn Maryam. Maka Isa memperlihatkan darah Dajjal di tombaknya."* (Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab "At-Fitan wa Asyratussa'ah".)

Selepas kematian Dajjal, Imam Mahdi memerintah dunia ini beberapa ketika sahaja, setelah itu disambung oleh Nabi Isa Ibn Maryam, seperti mana Nabi s.a.w bersabda: *"...Lelaki itu membagi-bagikan harta-benda serta mengamalkan sunnah Nabi-nya dan meneguhkan Islam di muka bumi ini. Hal itu berlangsung beberapa lama hingga akhirnya ia meninggal dan disolatkan jenazahnya oleh kaum Muslimin."* (Riwayat Abu Daud dari Muhammad bin Musanna dari Mu'az bin Hisyam dari ayahnya dari Qatadah dari Salleh bin Khalil dari sahabatnya dari Ummu Salamah, isteri Nabi s.a.w.).

Dajjal Penyibar Pemikiran dan Budaya Kufur dan Pencetus Huru-hara Dunia

SEPERTIMANA Al-Mahdi, terlalu banyak dan pelbagai riwayat hadis Nabi s.a.w. yang menerangkan juga tentang Dajjal. Dajjal juga disebut dengan Al-Masihuddajjal. Dajjal disebut dengan Al-Masih kerana matanya tidak ada sebelah, juga tidak ada alis matanya (terhapus atau kosong sama sekali). Matanya hanya satu sahaja. Sementara perkataan “dajjal” berasal dari perkataan “dajlun” yang bererti “penutup”, iaitu penutup kebenaran dengan kebatilan.

Al-Masihuddajjal bukanlah dajjal yang pertama, akan tetapi ia adalah dajjal yang paling terakhir, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya menjelang terjadinya kiamat terdapat 30 dajjal pendusta.”* (Hadis soheh riwayat Ahmad dari Ibn Umar. Dimuat oleh Al-Albaani dalam kitab As-Sohehah, no. 1683. Dan telah muncul dajjal-dajjal pendusta yang banyak, seperti Musailamah Al-Kazzab, Al-Aswad Al-Ansi, Thulaihah Al-Asadi, Sajjah, Ghulam Ahmad al-Qadiani dan lainnya.)

1. Ciri-Ciri dan sifat-sifat Al-Masihuddajjal

Al-Masihuddajjal atau Dajjal adalah seorang anak lelaki dari anak manusia (anak Adam) dari keturunan kaum Yahudi

yang berupa buruk, berperangai dan berbentuk seperti syaitan. Ia di kelilingi oleh syaitan-syaitan dan diikuti oleh 70,000 orang Yahudi yang memakai toga (sejenis topi) di kepala.

Adapun tentang dua orang tuanya, telah bersabda Rasulullah s.a.w. telah menjelaskan di dalam hadis seperti berikut; *“Orang tua dajjal tidak pernah mendapatkan anak selama 30 tahun, kemudian lahirlah dari kedua-duanya seorang anak lelaki yang hanya bermata satu, berperangai buruk dan sangat sedikit manfaatnya. Ketika matanya tertidur, hatinya tidaklah ikut tertidur...Bapanya adalah seorang lelaki yang bertubuh tinggi, berhidung panjang seakan-akan paruh burung dan berkulit kasar. Ibunya adalah seorang wanita yang berbadan besar, bertangan panjang dan payudaranya besar”* (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Abu Bakar. Diriwayatkan juga oleh Al-Tirmizi dari Hammad bin Salamah, dan dia berkata, bahawa ini hadis hasan.)

Adapun tentang bentuk tubuh badan Dajjal pula telah amat jelas diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. secara lengkap sekali sehingga seseorang yang apabila melihatnya amat mudah untuk mengenalinya, sama ada sifatnya dilihat dari jarak jauh atau dari jarak yang dekat.

Apabila kita melihatnya dari jarak jauh, maka ia kelihatan bagai seorang lelaki yang pendek, berbadan sangat gemuk, berkulit coklat merah tulin, pipinya merah, berkepala besar, seakan-akan kepalanya seperti kepala ular, berambut sangat kerinting dan berbintik-bintik, seakan-akan rambutnya terbuat dari air dan kerikil, tebal berkelok-kelok, seakan-akan rambutnya itu bagai dahan-dahan pokok, dan hujung kedua tapak kakinya pula rapat-rapat, sedangkan tumitnya berjauhan. (Lihat: Hadis Imam Ahmad dalam Musnadnya. Dan diriwayatkan juga oleh Abu Ya’la dari Ibn Abbas. Sanad hadis ini disohehkan oleh Al-Hafiz Ibn Kathir dalam Tafsirnya.)

Apabila dilihat dari jarak dekat pula, kelihatan seperti syaitan (buruk dan menakutkan), yang mana bahagian kanan wajahnya terhapus, tidak bermata dan tidak beralis, mata

kirinya bercahaya berwarna hijau, seakan-akan ia adalah bintang yang berkilau, seakan-akan ia adalah kaca hijau yang mengembung, terbelalak dan membengkak di atas pipinya seperti biji anggur yang terapung. Dajjal itu bermata satu, mata kanannya terhapus, tak bercahaya, sedangkan mata kirinya menjulur keluar, membelalak dan menjulai di atas pipinya. (Lihat: Al-Hafiz Ibn Hajar mengutip perkataan ini dari Al-Qadhi 'Iyadh. Berkata Imam An-Nawawi: "Ia adalah perkataan yang sangat baik. Lihat pula dalam kitab Fathut Baari, kitab Al-Fitan, bab Dzikruddajjal, halaman 97.)

Adalah Rasulullah s.a.w. ingin menghentikan keterangannya berkaitan ciri-ciri Dajjal sampai di sini saja. Akan tetapi, Allah s.w.t. berkehendak untuk menerangkannya dengan lebih jelas, sehingga tak seorang pun yang meragukannya, sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.: *"Tertulis di bahagian dahinya perkataan KAFIR (kaf, fa', ra') yang dapat dibaca oleh setiap orang Mukmin yang pandai membaca mahupun oleh Mukmin yang buta huruf."* (Muttafaun 'Alaih, dari Anas).

Hal ini tidak akan tersembunyi (meragukan) lagi bagi siapa saja. Pada zaman sekarang ada orang yang mengatakan, bahawasanya dajjal hanyalah sekadar isyarat atau kod, yang mana dia muncul dalam bentuk television atau di kawasan segi tiga bermuda dan lain sebagainya. Kami mengatakan, bahawa sesungguhnya hadis-hadis yang menerangkan tentang ciri-ciri dajjal secara terperinci adalah sangat banyak, dan hal tersebut merupakan bantahan yang jelas terhadap dakwaan-dakwaan yang tidak ada dalilnya, dan hanya dibuat-buat berdasarkan andaian semata-mata.

Bagi membuktikan bahawa ada hadis-hadis lain yang menerangkan tentang ciri-ciri dajjal, maka di bawah ini diturunkan adalah sebagai berikut:

1. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Ternyata ia adalah seorang lelaki yang berbadan besar, merah, berambut kerinting dan bermata sebelah."* (Riwayat Bukhari dari

Ibn Umar dalam kitab Al-Fitan, bab Dzikruddajjal, Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: “Dalam hadis riwayat At-Tabrani dari Abdullah Ibn Mughfal disebutkan, bahawa dajjal tersebut berkulit coklat, dan berambut kerinting. Hal ini menunjukkan, bahawa ia berkulit coklat tulin dan hal ini tidak menafikan untuk mensifatkannya dengan warna merah.” halaman 97.)

2. Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Sesungguhnya Al-Masihuddajjal adalah seorang lelaki yang pendek, hujung telapak kakinya berdekatan (rapat-rapat), sedangkan tumitnya berjauhan, berambut kerinting, bermata sebelah dengan mata yang (sebelah lagi) terhapus (tiad ada lansung).*” (Diriwayatkan oleh Abu Daud dari Ubadah Ibn Shamit. Dan diriwayatkan oleh Imam Ahmad, sanatnya baik (Jayyid), sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Albaani dalam kitab Takhrij Al-Misykat.)

3. Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Sesungguhnya kepala Dajjal itu dari belakang terlihat tebal dan berkelok-kelok.*” (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad dari Hisyam bin Amir).

4. Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Sesungguhnya Dajjal itu terhapus matanya yang sebelah kiri.*” (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad dari Anas dan Abu Huzaifah. Lihat juga kitab Al-Jami’ As-Soghir oleh Imam Sayuti).

5. Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Pada matanya yang sebelah kanan seakan-akan ia adalah satu biji anggur yang terapung (tersembul keluar).*” (Diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab sohehnya dari Ibn Umar, kitab At-Fitan, bab Dzikruddajjal).

6. Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Bukankah sesungguhnya ia itu bermata sebelah, dan tertulis di antara kedua mata dajjal itu kata kafir, yang dapat dibaca oleh setiap Mukmin.*” (Muttafaqun ‘Alaih, dari Anas).

Dan dalam riwayat yang lain dinyatakan: “*Tertulis di antara dua matanya huruf, kaf, fa’ dan ra’.*” (Riwayat At-Tirmizi dari Anas dan dalam As-Sohehah oleh Al-Albaani, no. 2457.)

2. Di manakah tempat Dajjal berada sekarang

Al-Masihuddajjal masih hidup sampai sekarang dan tetap mendapat rezeki untuk hidup, akan tetapi ia tertahan (terpenjara) sehingga pada suatu masa yang ditentukan di sebuah biara pada sebuah pulau ysg mana di sana juga ia akan dilepaskan. Kemudian yang menjadi pertanyaan adalah, di manakah letak biara itu, dan siapakah yang memenjarakannya, serta apakah dajjal itu anak dari seorang pemburu Yahudi?

Sebelum menjawab berapa pertanyaan di atas, terlebih dahulu kami akan mengetengahkan kepada anda tentang hadis yang mengisahkan perihal “Al-Jassasah” yang diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab Sohehnya dari Fatimah binti Qais, bahawa dia berkata: “*Aku mendengar seruan dari tukang seru Rasulullah s.a.w. (Bilal) untuk melaksanakan solat berjemaah, maka aku pun berangkat ke masjid dan bersolat bersama Rasulullah s.a.w. Aku solat di saf para wanita di belakang kaum lelaki. Ketika solat sudah selesai, Rasulullah s.a.w. duduk di atas mimbar, sambil tersenyum beliau berkata: ‘Demi Allah, sesungguhnya aku mengumpulkan kamu semua bukanlah untuk suatu khabar gembira atau khabar buruk, akan tetapi aku mengumpulkan kamu semua kerana Tamim Ad-Dari yang dahulunya seorang lelaki penganut agama Nasrani, sekarang dia telah menganut agama Islam dan membai’atku. Dia telah berkata kepadaku dengan suatu perkataan yang sudah pernah aku katakan kepada kamu tentang Al-Masihuddajjal. Dia mengisahkan perjalanannya kepadaku, bahawa dia berlayar dengan sebuah kapal laut bersama 30 orang lelaki dari kabilah Lakham dan Juzam. Kemudian mereka terumbang-ambing dipukul oleh ombak (badai) selama sastu bulan. Hingga mereka terkandas pada sebuah pulau di tengah laut yang terletak pada arah tempat matahari terbenam. Lalu mereka semua*

duduk (berhenti istirehat) di suatu tempat yang terletak sangat dekat dengan kapal. Setelah itu mereka masuk ke dalam pulau tersebut, lalu mereka bertemu dengan seekor binatang yang berbulu lebat sehingga mereka tidak dapat memastikan di bahagian mana ekornya dan kepalanya, kerana tertutup oleh bulunya yang terlalu banyak (tebal). Maka mereka berkata: 'Celaka, dari jenis apakah kamu ini'. Ia menjawab: 'Saya adalah Al-Jassasah'. Mereka bertanya: 'Apakah Al-Jassasah itu?' (Tanpa menjawab) ia berkata: 'Wahai manusia, pergilah kamu kepada seorang lelaki yang berada di biara itu. Sesungguhnya ia sangat ingin mendengarkan berita-berita dari kamu'. Tamim Ad-Dari berkata: 'Ketika ia telah menjelaskan kepada kami tentang lelaki itu, kami pun terkejut kerana kami mengira; bahawa ia adalah syaitan. Lalu kami segera berangkat sehingga kami memasuki biara tersebut, tiba-tiba di sana terdapat seorang manusia yang paling besar (yang belum pernah kami lihat) dalam keadaan terikat sangat kuat. Kedua tangannya terikat ke pundaknya serta antara dua lutut dan mata kakinya (buku lali) terikat dengan besi'. Kami berkata: 'Celaka, siapakah kamu ini?' Ia menjawab: 'Takdir sudah menentukan bahawa kamu akan menyampaikan khabar-khabar kepada saya, maka khabarkanlah kepada saya siapakah kamu ini?' Mereka menjawab: 'Kami adalah orang Arab yang berlayar dengan sebuah kapal, tiba-tiba kami menghadapi sebuah laut yang sedang bergelora dengan ombak besar, lalu kami terumbang-ambing di tengah laut selama satu bulan, lalu terdampar (terkandas) di pulau ini. Lalu kami duduk di tempat yang terdekat dengan kapal, kemudian kami masuk ke pulau ini. Maka kami bertemu dengan seekor binatang yang sangat banyak bulunya, yang tidak dapat dipastikan mana ekor dan mana kepalanya, kerana banyaknya bulunya. Maka kami berkata: 'Celaka, apakah kamu ini?' Ia menjawab: 'Aku adalah Al-Jassasah.' (Tanpa menjawab) ia berkata: 'Pergilah kamu kepada seorang lelaki yang berada di biara itu, kerana ia sangat menginginkan berita-berita yang kamu bawa. Lalu kami segera menuju tempat kamu ini, maka kami terkejut bercampur takut kerana mengira bahawa kamu ini adalah syaitan.' Dia (lelaki besar yang terikat itu) berkata: 'Beritakanlah kepada saya tentang pohon-pohon kurma yang

ada di daerah Baisan.' Kami berkata: 'Tentang apa yang ingin kamu tanya tentangnya?' Dia berkata: 'Saya menanyakan apakah pohon-pohon kurma itu tetap berbuah?' Kami menjawab: 'Ya'. Dia berkata: 'Adapun pohon-pohon kurma itu, maka ia (sebentar lagi) hampir saja tidak akan berbuah lagi'. Kemudian dia berkata lagi: 'Beritakanlah kepadaku tentang tasik Tiberia'. Mereka berkata: 'Tentang apakah yang ingin kamu tanyakan perihalnya?' Dia bertanya: 'Apakah ia tetap berair?' Kami menjawab: 'Ya'.. Dia berkata: 'Adapun airnya, maka ia (sebentar lagi) hampir saja akan habis (kering)'. Kemudian ia berkata lagi: 'Beritakanlah kepada saya tentang mata air Zugar'. Mereka berkata: 'Tentang apa yang kamu ingin tanyakan perihalnya?' Dia bertanya: 'Apakah di sana masih ada air dan apakah penduduk di sana masih bertani dengan menggunakan air mata air Zugar itu?' Kami katakan kepadanya: 'Benar, ia berair banyak dan penduduknya bertani dari sumber mata air tersebut'. Lalu dia berkata lagi: 'Beritakanlah kepada saya tentang Nabi yang ummi, apa sajakah yang sudah dia perbuat?' Mereka menjawab: 'Dia telah keluar dari Makkah menuju Madinah'. Lalu dia bertanya: 'Apakah dia diperangi oleh orang Arab?' Kami menjawab: 'Ya'. Dia bertanya: 'Apakah yang dia lakukan terhadap mereka?' Maka kami memberitahukan kepadanya, 'bahwa dia (Nabi itu) telah menundukkan orang Arab yang bersama dengannya dan mereka mentaatinya'. Lalu ia berkata: 'Apakah itu semua telah terjadi?' Kami menjawab: 'Ya'. Ia berkata: 'Sesungguhnya adalah lebih baik bagi mereka untuk mentaatinya dan sungguh saya akan mengatakan kepada kamu tentang diri saya, saya adalah Al-Masihuddajjal dan sesungguhnya saya hampir saja diizinkan untuk keluar. Maka saya akan keluar dan berjalan di muka bumi, dan tidak ada satu pun kampung (negeri) yang tidak akan aku masuki dalam waktu 40 malam kecuali Makkah dan Thibah. Maka kedua negeri itu adalah terlarang untuk saya, di mana setiap aku ingin memasuki salah satu dari kedua negeri itu, saya dihadang oleh seorang malaikat yang di tangannya ada pedang berkilau dan sangat tajam untuk menghambatku dari kedua negeri tersebut. Dan pada setiap celahnya (jalan masuknya) terdapat malaikat yang menjaganya'. Dia (Fatimah si perawi hadis) berkata: 'Rasulullah s.a.w. bersabda sambil menghentakkan tongkatnya

di atas mimbar: Inilah Thibah, inilah Thibah, inilah Thibah (maksudnya kota Madinah). Bukankah aku sudah menyampaikan kepada kamu tentang hal itu?’ Para sahabat menjawab: ‘Benar’. Beliau s.a.w. berkata: ‘Saya tertarik dengan apa-apa yang dikatakan oleh Tamim Ad-Dari, kerana ia bersesuaian dengan apa yang pernah aku sampaikan kepada kamu tentang Madinah dan Makkah. Bukankah ia (tempat dajjal) terletak di laut Syam atau laut Yaman?’ Rasulullah mengisyaratkan tangannya ke arah Timur. Dia (Fatimah) berkata: ‘Hal ini saya hafalkan dari Rasulullah s.a.w.’” (Riwayat Muslim dari Fatimah binti Qais dalam kitab Al-Fitan. Riwayat Ahmad dari Abu Hurairah dan Aisyah. Riwayat Ibn Majah dari Fatimah dan riwayat Abu Daud dengan sanad yang hasan dari Jabir.)

Daripada hadis yang begitu panjang, maka kita akan timbulkan beberapa persoalan untuk membuktikan kebenarannya:

Pertama: Apakah Dajjal yang dilihat oleh Tamim Ad-Dari adalah anak seorang pemburu Yahudi?

Anak tersebut adalah putera dari seorang pemburu Yahudi yang tinggal di Madinah pada zaman Rasulullah s.a.w., yang mana anak tersebut mempunyai sifat-sifat Al-Masihuddajjal. Ia adalah seorang peramal (dukun) dan salah satu dari dajjal-dajjal yang ada. Kehadirannya menimbulkan beberapa persoalan sesetengah para sahabat dan bahkan bagi Rasulullah sendiri. Lagi pun, wahyu dari Allah s.w.t. yang menerangkan tentang anak tersebut tidak pernah turun kepada beliau s.a.w.

Imam An-Nawawi berkata: “Para ulamak berkata, bahawa kisah anak seorang pemburu itu adalah suatu hal yang musykil dan mencurigakan. Akan tetapi, yang jelas ia adalah salah satu dari dajjal-dajjal yang ada. Dan bahawa wahyu tidak pernah turun kepada Nabi s.a.w. yang menerangkan tentang anak tersebut. Bahkan beliau s.a.w. berkata kepada Umar bin Khattab ketika dia kehendak membunuhnya: “Tidak ada

baiknya bagi engkau untuk membunuhnya.” (Ini adalah sebahagian dari teks hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dari Ibn Umar dalam kitab Al-Janaiz dan kitab Al-Jihad. Diriwayatkan pula oleh Muslim dalam kitab Al-Fitan, yang mana di dalamnya tertera; bahawa Nabi s.a.w. berkata kepada Umar: “Jika ia adalah dajjal itu, maka engkau tidak akan berkuasa terhadapnya. Dan jika ia bukan dajjal, maka tidak ada baiknya bagi engkau untuk membunuhnya.” Hal itu disebabkan oleh kerana yang akan membunuhnya (jika ia dajjal sebenar) adalah Isa Ibn Maryam. Lihat Fathul Baari, Juz. 13, kitab Al-Itisom. Lihat juga Syarah Nawawi terhadap hadis Muslim dalam kitab Al-Fitan, bab Zikru Ibn Shayyad).

Oleh kerana itu, kita tidak akan memperpanjangkan masalah ini, akan tetapi hanya menyerahkannya kepada Allah s.w.t. Kerana, ia adalah suatu pengetahuan, yang mana tidak ada mudharatnya bagi kita jika tidak mengetahuinya secara terperinci. Sebab, ia bukanlah untuk suatu amal tertentu. Dengan perkiraan bagaimanapun juga, apakah dajjal itu anak dari seorang pemburu Yahudi atau yang lainnya, yang jelas adalah; bahawa dajjal itu sedang dipenjara sekarang ini. Cara, di mana dan bila dibebaskan, itu hak Allah dan menjadi rahsia kepada-Nya.

Kedua: Siapakah yang memenjarakan Dajjal?

Menurut suatu riwayat, yang memenjarakan Dajjal itu adalah malaikat. Sedangkan menurut riwayat lain, bahawa yang memenjarakannya adalah Nabi Sulaiman a.s. Akan tetapi, kita tidak menemukan riwayat yang soheh yang dapat dijadikan sandaran untuk masalah ini. Apa yang jelas adalah, bahawa ia sekarang ini sedang terpenjara di suatu rumah atau biara dengan rantai yang sangat kuat, hingga pada suatu saat yang sudah dijanjikan oleh Allah s.w.t. barulah akan terungkai.

Ketiga: Di manakah tempat biara penjara Dajjal itu?

Biara itu terletak di arah timur, tepatnya di daerah Khurasan pada sebuah desa Isfahan, antara perbatasan Rusia dan Iran sekarang.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Dajjal akan keluar dari sebuah negeri di Timur yang bernama Khurasan.”* (Riwayat At-Tirmizi dan Al-Hakim dari Abu Bakar. Disohehkan oleh Al-Albaani dalam Al-Misykat, no. 5487).

Dalam hadis lain Rasulullah. s.a.w. bersabda: *“Dajjal akan diikuti oleh 70,000 orang Yahudi Isfahan yang memakai jubah besar berwarna hijau.”* (Riwayat Ahmad dan Muslim dari Anas).

Di sini kami tidak akan banyak memberikan komentar (keterangan) terhadap hadis “Al-Jassasah” yang lalu, namun dari hadis tersebut dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Bahawasanya Dajjal tetap ada dan hidup sampai sekarang sejak dari zaman diutusnya Rasulullah s.a.w. dan bahawasanya ia terbelenggu dengan sangat kuat di suatu tempat khas, yang Allah sahaja yang mengetahuinya.
2. Walaupun tempatnya secara positif dapat diketahui, akan tetapi manusia manapun tidak akan dapat sampai kepadanya ataupun membebaskannya, kerana ia mempunyai suatu masa yang sudah ditentukan oleh Allah s.w.t. yang tidak dapat dicepatkan atau dilambatkan oleh sesiapa.
3. Bahawasanya masa keluarnya Dajjal akan didahului oleh tanda-tanda yang sudah diketahui seperti: Keringnya tasik Tiberia, habisnya kurma negeri Baisan dan lain-lain seperti mana yang tersebut di dalam hadis di atas.
4. Tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh Dajjal adalah Makkah dan Thibah (Madinah), kerana dua kota itu terlarang baginya untuk memasukinya. Begitu juga halnya dengan Baitul Maqdis sebagaimana yang diterangkan oleh hadis yang lain.

5. Sebab Tamim Ad-Dari menganut agama Islam kerana dia melihat dan berbicara secara langsung dengan Dajjal. Dajal pula telah memberitahunya tentang kebenaran Rasulullah s.a.w.

3. Waktu, sebab-sebab dan tanda-tanda keluarnya Dajjal

Allah s.w.t. telah menentukan bahawasanya terlepasnya belenggu Dajjal dan keluarnya dari tempat ia dipenjarakan, adalah sebagai tanda besar pertama dari salah satu tanda kiamat yang akan muncul, dan Allah s.w.t. juga telah menjadikan dan menjelaskan beberapa sebab dan tanda-tanda tentang waktu keluarnya.

Pertama: Sebab-sebab keluar Dajjal

Dajjal yang dilaknat Allah akan keluar oleh kerana suatu kemarahan, hal ini telah dijelaskan oleh sebuah hadis soheh dari Hafsah Ummul Mukminin, di mana baginda s.a.w. telah bersabda: "*Sesungguhnya Dajjal akan keluar kerana suatu kemarahan.*" (Riwayat Muslim dan Ahmad dari Hafsah).

Kemarahan itu bukanlah disebabkan ia tidak dapat melepaskan belenggu yang mengikatnya, jika demikian, maka sudah tentu ia telah marah semenjak dibelenggu di biara tersebut, sebagaimana yang diterangkan oleh hadis "Al-Jassasah" yang lain: "*Maka ia menghembuskan nafas panjang sebanyak tiga kali.*" (Riwayat Ahmad dan AlHakim).

Jadi, kesimpulannya, kemarahan tersebut hanyalah merupakan "sebab" yang diciptakan oleh Allah s.w.t.

Sebagaimana Allah s.w.t. telah menciptakan "sebab" keluarnya Ya'juj dan Ma'juj dari dinding yang telah dibangun oleh Zulkarnain untuk memenjarakan mereka dengan perkataan mereka: "Besok kita akan membukanya Insyallah", maka pada saat itu Allah s.w.t. akan mengilhamkan kepada mereka untuk mengatakan "insya-Allah" yang akan

menjadi sebab berhasilnya mereka keluarnya dari dinding tersebut. Sedangkan sebelumnya mereka tidak pernah mengucapkan perkataan “insya Allah” itu.

Kedua: Waktu keluar Dajjal

Dajjal dijangkakan akan keluar setelah kota Konstantinopel (Istanbul) ditakluk oleh kaum Muslimin. Hal itu telah pun disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.: *“Setelah pembangunan Baitul Maqdis diikuti kehancuran Yasyrib (kota Madinah), setelah kehancuran Yasyrib terjadi pula pertempuran besar, setelah terjadinya pertempuran besar berlaku peristiwa penaklukan Konstantinopel, dan setelah penaklukan Konstantinopel, lalu keluarlah Dajjal.”* (Riwayat Ahmad dan Abu Daud dari Mu‘az dan disohehkan oleh Al-Albaani dalam Al-Misykat, no. 423).

Pada perbincangan berkaitan dengan Al-Mahdi terdapat hadis yang menyebutkan tentang masa kemunculan Dajjal: *“...Kemudian mereka menakluk kota Konstanstinopel. Ketika mereka sedang membahagi-bahagikan harta rampasan perang, mereka telah menggantungkan pedang mereka di pohon Zaitun. Pada saat itu syaitan berteriak: ‘Sesungguhnya Al-Masihuddajjal telah menguasai keluarga-keluarga kamu’. Kemudian mereka (tentera Islam yang bersama Al-Mahdi) bergerak pulang. Ketika mereka telah sampai di Syam, keluarlah ia (Dajjal), dan pada saat kaum Muslimin telah bersiap-siap untuk berperang (dengan Dajjal dan tenteranya), tiba-tiba datanglah waktu solat. Maka turunlah Isa Ibn Maryam. Kemudian (selepas solat) ia (Isa) pergi dan menghadapi mereka (Dajjal dan tenteranya). Setelah dia (Isa) dilihat oleh musuh Allah s.w.t.itu, maka ia (Dajjal) pun cair (menjadi lemah) sehingga binasa (kaku tidak dapat berbuat apa-apa). Akan tetapi Allah berkehendak untuk membunuhnya di tangan Isa Ibn Maryam. Maka Isa memperlihatkan darah Dajjal di tombaknya (setelah menikam dengan tombaknya).”* (Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab “At-Fitan wa Asyratussa’ah”).

Pada bahagian lalu juga diterangkan Dajjal akan keluar setelah munculnya Al-Mahdi dan setelah Al-Mahdi menghadapi beberapa peperangan di semenanjung Arabia, Parsi, Rom, dan Konstantinopel yang akan memakan waktu selama beberapa bulan.

Ketiga: Tanda-tanda kemunculan Dajjal

Bagi mengetahui dengan jelas tentang tanda-tanda kemunculan Dajjal, elok dirujuk semula beberapa keterangan hadis yang lalu dan juga pada bab perbincangan mengenai Imam Mahdi. Di antaranya adalah:

1. Setelah terjadinya perang Armagadon, yang mana setelah itu terjadilah kekeringan sungai Furat (*Euphrates*) dan kering tasik Tiberia di Syam, demikian juga halnya dengan kebun kurma negeri Baisan yang terletak di sempadan Palestin dan Jordan tidak berbuah. Apabila telah terjadi perang dunia Armagadon, setelah itu tunggulah kemunculan Dajjal.

2. Datangnya tahun-tahun kekeringan (ketiadaan mata air), kemarau (ketiadaan hujan), kelaparan, bencana-bencana, mahalunya harta barang-barang dan berkurangnya agama manusia dan lain-lain seperti mana yang diterangkan di dalam hadis-hadis yang lalu dan yang selanjutnya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Dan sesungguhnya sebelum keluarnya Dajjal adalah padanya tempoh waktu **tiga tahun** yang sangat sulit, yang mana pada waktu itu manusia akan ditimpa oleh kelaparan yang sangat, Allah s.w.t. akan memerintahkan kepada langit pada **tahun pertama** darinya untuk menahan sepertiga dari hujannya, dan memerintahkan kepada bumi supaya menahan **sepertiga** dari tanam-tanaman. Kemudian Allah memerintahkan kepada langit pada **tahun kedua** darinya untuk menahan **dua pertiga** dari hujannya dan memerintahkan kepada bumi supaya menahan **dua pertiga** dari tumbuh-tumbuhannya. Kemudian pada **tahun ketiga** darinya Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan semua air hujannya, lalu bumi tidak akan tumbuh*

satu tanaman hijau pun (kemarau dan kering kuntang), semua binatang yang berkuku akan mati, kecuali yang tidak dikehendaki oleh Allah s.w.t (untuk dimatikan). Kemudian para sahabat bertanya: 'Dengan apakah manusia akan hidup pada waktu itu?' Beliau s.a.w. menjawab: 'Tahlil, takbir dan tahmid akan sama ertinya bagi mereka dengan makanan (boleh menghilangkan lapar dan dahaga).'" (Hadis soheh riwayat Ibn Majah, Ibn Khuzaimah dan Hakim dari Abu Umamah. Diriwayatkan oleh Ahmad dengan sanad yang mempunyai satu kelemahan dari Asma binti Zaid Al-Ansariyah. Ibn Majah berkata; "Aku mendengar Abul Husein At-Thanafisi berkata, 'aku mendengar Abdurrahman Al-Muharibi berkata: Hadis ini sepatutnyalah dimiliki oleh para pendidik supaya mereka dapat mengajarkannya di sekolah al-Quran'." Lihat kitab Al-Fitan wa Al-Malahim, oleh Ibnu Kathir, hal. 80. Hadis ini juga disohehkan oleh Al-Albaani dalam Sohehah Jami' dan dalam As-Sohehah, no. 2457. Al-Albaani berkata: "Saya mempunyai sebuah tulisan tentang tahkrij hadis ini dan pentahkikan teksnya, yang mana saya menemui banyak teks-teks lain yang menguatkannya.")

Hadis di atas Rasulullah s.a.w. mengingatkan umatnya bahawa sebelum keluarnya Dajjal akan terjadi tiga tahun yang susah, pada masa itu manusia akan ditimpa kelaparan yang amat sangat.

1. Pada tahun pertama Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan 1/3 air hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan 1/3 tumbuh-tumbuhan.
2. Pada tahun keduanya Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan 2/3 air hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan 2/3 tumbuhannya.
3. Pada tahun ketiganya Allah s.w.t. memerintahkan kepada langit untuk menahan semua air hujannya sehingga tidak setitis pun ia menurunkan hujan

(kemarau) dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan semua tumbuh-tumbuhannya sehingga tidak satu tumbuhan pun yang tumbuh, dan tidak akan tertinggal binatang yang berkuku (musnah) kecuali apa-apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Sehingga para sahabat bertanya: "Dengan apa manusia akan hidup pada zaman itu?" Beliau s.a.w. menjawab: "*Tahlil, takbir dan tahmid, itu semuanya (zikir dan wirid) akan memadai (menjadi kenyang) bagi mereka (orang Mukmin) sebagaimana makanan.*"

Peristiwa-peristiwa yang tersebut di atas sudah mulai terjadi, dan apabila kita membaca di dalam surat khabar dan melihat TV, hampir setiap hari kita akan mendapati berita-berita jutaan manusia yang ditimpa kelaparan dan hidup di bawah garis kemiskinan, sedangkan jumlah mereka selalu bertambah (kemiskinan bertambah setiap masa dan tidak berkurangan). Sering diberitakan juga tentang mesyuarat-mesyuarat dan forum-forum anjuran organisasi makanan antarabangsa, seperti FAO (*Food and Agriculture Organisation*) yang lakukan oleh para pemimpin dunia bagi membincangkan masalah-masalah dunia yang ada kaitan dengan masalah kekurangan makanan. Hal tersebut bukanlah suatu hal yang aneh kerana banyaknya isu-isu peperangan yang sering terjadi, kejadian bencana alam, seperti gempa bumi, taufan, dan lain-lain yang mengakibatkan kekurangan bahan makanan. Demikian juga kejadian-kejadian disebabkan oleh masalah perebutan "air" (dari sungai-sungai yang melewati beberapa negara) di dunia.

Jadi, tanda keluarnya Dajjal adalah terjadinya kerosakan umum di muka bumi, tidak adanya stabiliti, huru-hara peperangan-peperangan, kelaparan, kekeringan sungai-sungai dan tasik-tasik utama yang menjadi sumber bekalan air, bertambah banyaknya masalah dan krisis antarabangsa. Hal yang demikianlah yang sesuai untuk menyambut keluarnya Dajjal (makhluk syaitan) yang mana keseluruhan fitnahnya adalah berpunca daripada makanan dan minuman. Kita berdoa semoga Allah s.w.t. menyelamatkan kita dari fitnahnya.

4. Bagaimana menyelamatkan diri dari fitnah Dajjal

Pertama: Banyakkan berwirid dan berzikir.

Sebelum kemuculan Dajjal, akan terjadi kemarau panjang selama tiga (3) tahun, sepertimana keterangan hadis yang dicatatkan pada halaman 247-248 buku ini. Hadis itu Rasulullah s.a.w. mengingatkan umatnya bahawa sebelum keluarnya Dajjal akan terjadi tiga tahun yang susah, pada masa itu manusia akan ditimpa kelaparan yang amat sangat. Pada tahun pertama Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan 1/3 air hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan 1/3 tumbuh-tumbuhan. Pada tahun keduanya Allah memerintahkan kepada langit untuk menahan 2/3 air hujannya dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan 2/3 tumbuhannya. Pada tahun ketiganya Allah s.w.t. memerintahkan kepada langit untuk menahan semua air hujannya sehingga tidak setitis pun ia menurunkan hujan (kemarau) dan memerintahkan kepada bumi untuk menahan semua tumbuh-tumbuhannya sehingga tidak satu tumbuhan pun yang tumbuh, dan tidak akan tertinggal binatang yang berkuku (musnah) kecuali apa-apa yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. Sehingga para sahabat bertanya: "Dengan apa manusia akan hidup pada zaman itu?" Beliau s.a.w. menjawab: "*Tahlil, takbir dan tahmid, itu semuanya (zikir dan wirid) akan memadai (menjadi kenyang) bagi mereka (orang Mukmin) sebagaimana makanan.*" (Hadis soheh riwayat Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah dari Abu Umamah).

Kedua: Memohon perlindungan Allah dengan doa.

Dajjal adalah sumber fitnah (ujian) yang utama dan paling besar ke atas orang Mukmin yang boleh menggugat keimanan bagi orang yang lemah iman. Bagi menghadapi fitnah itu, Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada umatnya agar sentiasa meminta pertolongan dan perlindungan kepada Allah, pada setiap kali lepas solat. Bahkan sesetengah ulamak menghukumkan wajib ke atas umat Islam memohon perlindungan itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Apabila. salah seorang dari kamu sudah selesai membaca tasyahhud (tahayyat akhir) dalam solatnya hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah s.w.t. daripada empat perkara, dengan membaca:*

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَالِ.

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari azab negara Jahannam, dan dari azab kubur dan dari fitnah hidup dan mati serta fitnah Al-Masihuddajjal.” (Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

Ketiga: Sentiasa mengingatkan keluarga dan masyarakat tentang bahaya fitnah Dajjal.

Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan kita bahawa tidak ada satu Nabi pun yang diutus oleh Allah s.w.t kecuali dia memperingatkan kaumnya tentang bahaya fitnah Dajjal. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya aku benar-benar akan memperingatkan kamu akan bahayanya (Dajjal), tidak ada satu Nabi pun, kecuali dia memperingatkan kaumnya (akan fitnah Dajjal) dan Nuh juga telah memperingatkan kaumnya, akan tetapi aku akan mengatakan kepada kamu suatu perkataan yang belum pernah dikatakan oleh para Nabi sebelum aku terhadap kaum mereka, sesungguhnya ia (Dajjal) bermata sebelah dan Allah bukanlah bermata sebelah (bermata satu).”* (Riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, dan Tirmizi dari Ibn Umar.)

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, telah berkata An-Nawwas Ibn Sam'an: *“Rasulullah s.a.w. menyebut, tentang Dajjal itu pada suatu pagi, beliau kadangkala merendah dan meninggikan suara, seolah-olah ia (Dajjal) berada dalam kebun kurma (dekat dengan kami).”* (Sebahagian dari teks hadis ini diriwayatkan oleh Muslim dalam sohehnya pada kitab Al-Fitan).

Sungguh aneh umat (umat Islam) yang menjauhkan (tidak mahu memperhatikan) perkara ini dan mengira bahawa jarak antara mereka dengannya (kedatangan Dajjal) masih sangat jauh lagi, sedangkan semua Nabi telah memperingatkan kaum mereka masing-masing tentang Dajjal. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah banyak menyebutnya sehingga para sahabat mengira bahawa Dajjal sedang bersembunyi di sebalik pohon kurma yang hampir saja mengejutkan mereka (keluar) dengan tiba-tiba. Bagaimana perasaan kita sekarang ini?

Keempat: Menjauhkan diri daripada jaringan perangkap-perangkap Dajjal melalui perkara syubhat dan syahwat.

Perangkap-perangkap Dajjal untuk menrosakkan umat manusia pelbagai macam, antaranya adalah fitnah “syubhat” (yang hak dilihat sebagai kebatilan dan sebaliknya) dan fitnah “syahwat” (tersibarnya aktiviti yang merangsang nafsu syahwat sehingga membawa kepada pergaulan bebas, perzinaan, sumbang muhram, berleluasanya bersekedudukan tanpa nikah, pembuangan bayi hasil zina dan sebagainya). Jadi ia bukanlah cubaan yang bersifat paksaan dan kekerasan (seperti pembunuhan, pemerasan dan sebagainya).

Oleh sebab itu, para ulamak merumuskan bahawa fitnah Dajjal adalah berbentuk “syaitaniah” seperti fitnah syaitan yang berkata kepada para pengikutnya dan terhadap sesiapa saja yang telah terpedaya olehnya pada hari kiamat, seperti yang difirmankan oleh Allah s.w.t.: *“Dan berkatalah syaitan tatkala perkara (hisab) telah diselesaikan: ‘Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kepadamu janji yang benar, dan aku pun telah menjanjikan kepadamu, tetapi aku menyalahinya. Sekali-kali tidak ada kekuasaan bagiku terhadapmu, melainkan (sekedar) aku menyeru kamu, lalu kamu mematuhi seruanku, oleh sebab itu janganlah kamu mencerca aku, akan tetapi cercalah dirimu sendiri. Aku sekali-kali tidak dapat menolongmu dan kamu pun sekali-kali tidak dapat menolongku. Sesungguhnya aku tidak membenarkan perbuatanmu mempersekutukan aku (dengan Allah) sejak dahulu’. Sesungguhnya orang yang zalim itu mendapat siksaan yang pedih.”* (Surah Ibrahim (14): 22).

Apabila kita mengatakan “fitnah syaitaniah”, maka fitnah tersebut menjadi lemah pengaruhnya terhadap kaum Mukmin yang teguh imannya, kerana ia hanya berupa ujian perdayaan dan ujian nafsu syahwat, maka inilah yang dimaksud dengan sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis di atas: “Maka beliau s.a.w. merendahkan dan meninggikan suaranya” yang bererti beliau mengangkat dan menekankan betapa besarnya (fitnah, ujian) Dajjal tersebut. Namun, walaupun begitu fitnah tersebut adalah lemah pengaruhnya (tidak memberi kesan) terhadap orang Mukmin sejati dan (fitnah itu) amat hina di sisi Allah s.w.t.

Kelima: Berusaha perkuatkan iman dan amalan.

Dajjal dengan hal-hal syubhat (pemutarbelitkan kebenaran dan kebatilan) dan hal-hal luar biasa (sihir) yang dipunyainya akan dapat memikat (menundukkan) hati dan merosakkan iman orang yang lemah (keyakinan terhadap Allah dan hari akhirat) di kalangan kaum Muslimin, apalagi terhadap kaum musyrikin dan kaum atheis serta kaum munafik. Dajjal akan keluar pada waktu terjadinya kekeringan, kemarau dan kelaparan antarabangsa dengan mendakwa kebaikan, kemudian ia mendakwa kenabian dan setelah itu ia mendakwakan pula bersifat ketuhanan, maka pada waktu itu terhapuslah matanya dan tertulislah di atas keningnya perkataan “kafir”, kemudian dengan melihat hal yang demikian larilah darinya semua orang yang mempunyai akal (yang ada panduan syariat).

Pada masa kesusahan tersebut, Dajjal akan keluar dengan melambai-lambaikan roti (isyarat kepada makanan dan kemewahan hidup), kerana ia memiliki gunung roti dan sungai air minuman, maka terpedayalah olehnya orang materialistik, pengikut-pengikut syahwat dan orang yang hanya mementingkan dunia dan tidak mempedulikan dari mana asal apa yang mereka makan, apakah dari sumber yang halal atau yang haram. Sehingga sanggup berkata: “Kami (terpaksa dan sanggup) berteman dengan syaitan (demi) untuk hidup.”

Begitu hebatnya fitnah (cubaan) Dajjal dan keadaan keadaan yang begitu keras pada waktu keluarnya, sehingga Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa Dajjal tersebut adalah satu-satunya fitnah amat terbesar yang pernah timbul di muka bumi. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Semenjak Adam diciptakan sampai terjadinya kiamat tidak ada hal (cubaan) yang lebih besar dari fitnah Dajjal.”* (Riwayat Muslim dalam Sohehnya pada kitab Al-Fitan dan Munculnya Dajjal).

Dalam riwayat lain beliau s.a.w. bersabda: *“Tidak ada makhluk yang lebih besar dari Dajjal.”* Dan dalam riwayat lain beliau s.a.w. bersabda: *“Tidak ada fitnah yang lebih besar dari fitnah Dajjal.”* (Hadis riwayat Ahmad dalam Musnadnya dari Hisyam bin Amir).

Keenam: Hendaklah lari menjauhkan diri daripada Dajjal sejauh-jauhnya bagi mengelak pengaruh sihirnya.

Rasulullah s.a.w. juga mengkhabarkan bahawasanya manusia akan lari ke gunung-gunung kerana takut akan terpedaya oleh fitnah Dajjal. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya, orang akan berlarian ke gunung-ganang untuk menjauhkan diri dari fitnah Dajjal.”* (Riwayat Muslim, Ahmad dan Tirmizi dari Ummu Syuraik.)

Oleh kerana itu, jika berhadapan dengan Dajjal, Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan kita (khususnya orang yang lemah iman); *“Barang siapa yang mendengar nama Dajjal hendaklah ia berpaling (lari menjauhkan diri) darinya. Kerana, demi Allah, sesungguhnya apabila ia menemuinya (berhadapannya dengan Dajjal) dan ia mengira (akan menjadi keliru dan menyangka) dirinya (Dajjal) adalah (menyerupai) seorang Mukmin, maka dia akan mengikutinya (Dajjal tersebut) dengan segala syubhat (kebatilan dan khurafat) yang ditimbulkan.”* (Hadis soheh diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Hakim dari Imran bin Husain. Disohehkan oleh Al-Albaani dalam Al-Misykat, no. 5488.)

Hadis ini sebagai peringatan Rasulullah s.a.w. kepada umatnya, khususnya yang lemah iman agar tidak berhadapan dengan Dajjal, kerana dibimbangkan tidak mampu menangkis fitnah (sihir) Dajjal, yang Allah sengaja berikan kepadanya bertujuan untuk menguji umat Islam.

Adapun orang yang berpegang teguh dengan tali Rabbnya, dengan keyakinan yang sempurna kepada Allah, maka dia boleh menghadapi Dajjal dan hal itu tidak akan mudah terpedaya dengan fitnah Dajjal.

Ketujuh: Hendaklah kenali segala bentuk fitnah Dajjal dan menentangnya dengan bersungguh-sungguh.

Antara fitnah yang terbesar sekali sebelum ia dibunuh oleh Isa Ibnu Maryam ialah ia mengakui dirinya sebagai utusan tuhan sekaligus sebagai tuhan, ia membawa di kiri dan kanannya syurga dan neraka, mengguna sihir, sabotaj kesusahan kepada penentangannya dan memberi nikmat kepada penyokongnya.

Masa Dajjal mengelilingi dunia menyebarkan pengaruh kuffarnya, khususnya di dunia sebelah Barat memakan masa selama 40 hari. Menurut keterangan bahawa pusingan Dajjal amat cepat seperti hujan yang dibawa oleh angin, dia akan menyeru manusia kepada dirinya, dia dikelilingi oleh syaitan-syaitan yang akan menolongnya dalam kesesatan. Keadaan Dajjal seperti seorang tukang sihir, yang mana apabila ia semakin sesat atau kufur, maka semakin bertambah taat kepadanya syaitan-syaitan dan iblis-iblis. Kesesatan dan kekufuran itu bagaikan sogokan atau suapan yang akan menyenangkan hati syaitan sehingga ia mentaati segala permintaan si tukang sihir tersebut.

Dajjal akan memasuki segala penjuru dunia kecuali Makkah dan Thibah (atau kota Madinah), kerana dua negeri tersebut adalah terlarang baginya, dan di setiap pintu-pintu negeri itu terdapat malaikat yang menjaga dan menghadangnya dengan pedang yang tajam dan berkilau-kilau.

Seorang Imam hadis kalangan Ahli Sunnah, Imam Ahmad telah meriwayatkan sebuah hadis yang amat bagus dan menarik dari Mihjan bin Adra', bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah berkhotbah dengan bersabda: *"Hari pembebasan!, dan apakah kamu tahu tentang apakah itu hari pembebasan? (Baginda s.a.w. menyebutnya sebanyak tiga kali). Maka para sahabat bertanya: Apakah hari pembebasan itu? Beliau bersabda: Dajjal akan datang (selepas terbebas dari belanggu), maka ia menaikkan seseorang (ke tempat yang tinggi), lalu ia melihat ke Madinah dan bertanya kepada teman-temannya (para pengikutnya): 'Apakah kamu melihat Istana Putih ini (Madinah)? Ini adalah Istana Ahmad'."* (Riwayat Imam Ahmad).

Daripada hadis di atas dapatlah kita sedari bahawa hal ini merupakan suatu mukjizat dari Nabi Muhammad s.a.w. yang akan menambah Iman seorang Muslim, yang mana Nabi s.a.w. telah mengkhabarkan kepada kita bahawasanya Dajjal akhir zaman akan memandang kepada masjid Rasulullah s.a.w. dan ia akan berkata kepada para pengikutnya: "Lihat kepada Istana Putih ini." Sedangkan waktu beliau s.a.w. bersabda itu, masjid beliau masih terbangun dengan batang tamar dan batu kerikil. Kemudian pada hari ini masjid tersebut benar-benar sudah menjadi seperti sebuah istana putih. Benarlah ucapan orang yang benar lagi dibenarkan Allah.

Kemudian Dajjal berangkat menuju kota Madinah tersebut, maka ia telah bertemu pada setiap lorong dan celah jalan masuk ke kota itu akan malaikat yang mengawal dan menghunus pedang tajam yang berkilauan, sehingga ia tidak dapat memasukinya, lalu ia berhenti di sebuah tanah tandus di sebuah lereng bukit dan mendirikan khemah-khemah bersama para pengikutnya. Kemudian terjadi suatu gegaran pada kota Madinah sebanyak tiga kali gegaran, sehingga setelah tidak ada seorang pun lelaki atau perempuan yang munafik atau yang fasik, semuanya mereka pergi bergabung kepadanya (Dajjal), itulah hari pembebasan. (Intisari dari hadis soheh riwayat Ahmad dalam Musnadnya. Al-Haithami berkata dalam kitabnya Al-Majma', bahawa para perawinya adalah para perawi kalangan yang meriwayatkan hadis-hadis soheh).

Bagi mengakhiri pembahasan tentang fitnah Dajjal ini, rasanya elok diketengahkan sebuah hadis yang menerangkan dengan lengkap tentang fitnah Dajjal dan perjalanannya. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Wahai manusia, sesungguhnya semenjak Allah s.w.t. menciptakan anak cucu Adam, tidak ada fitnah (cubaan) di muka bumi ini yang lebih besar dari fitnah Dajjal, dan bahawasanya tidak satu Nabi pun yang diutus oleh Allah s.w.t. yang tidak memperingatkan umatnya akan fitnah Dajjal, sedangkan aku adalah Nabi yang paling terakhir dan kamu adalah umat yang paling terakhir, maka tidak dapat dimungkiri lagi bahawa ia (Dajjal) akan muncul di tengah-tengah (semasa zaman) kamu. Sekiranya ia keluar sedangkan aku (masih) berada di tengah-tengah kamu, maka aku adalah pembela (penyelamat) setiap Muslim dan sekiranya ia keluar setelah (kewafatan) aku, maka (tugas dan tanggung jawab) setiap kamu adalah (menjadi sebagai) penyelamat bagi diri kamu sendiri, dan Allah adalah sebagai penggantinya dalam menyelamatkan setiap Muslim. Dan sesungguhnya ia (Dajjal) akan keluar dari sebuah celah (tempat) yang terletak antara Syam dan Iraq, maka ia berbuat kerosakan di kiri dan di kanan. Wahai hamba Allah!, wahai manusia teguhkan sifat kamu (selaku seorang Mukmin), kerana sesungguhnya aku akan menerangkan sifat-sifatnya (Dajjal) yang tidak pernah diterangkan oleh seorang Nabi pun sebelum aku. Ia (Dajjal) akan mendakwa diri sebagai tuhan, dengan katanya: ‘Aku adalah Rabbmu’. Sedangkan kamu tidak akan dapat melihat Allah kecuali setelah kamu mati (di dalam syurga kelak), dan ia (Dajjal) hanya mempunyai satu mata, sedangkan Allah bukanlah bermata sebelah, dan di tempat antara dua matanya (bahagian dahi) tertulis perkataan kafir yang dapat dibaca oleh setiap Muslim sama ada yang boleh menulis dan yang tidak boleh menulis. Di antara fitnah-fitnahnya adalah bahawa bersamanya, (kononnya) ia ada syurga dan neraka, maka sebenarnya nerakanya (itulah) adalah syurga, (sementara) syurganya (itulah) adalah neraka. Maka barang siapa yang dapat ujian dengan nerakanya, hendaklah dia memohon perlindungan kepada Allah dan hendaklah dia membaca ayat-ayat (al-Quran) pada awal surah Al-Kahfi. Dan di antara*

fitnah-fitnahnya juga adalah ia akan berkata kepada seorang Arab: 'Renungkanlah olehmu, sekiranya aku membangkitkan (menghidup) ayah dan ibumu yang telah mati, apakah kamu akan bersaksi bahawa aku adalah Rabbmu?' Maka orang Arab itu berkata: 'Ya'. Kemudian muncullah syaitan menjelma di hadapannya dalam bentuk bapa dan ibunya, maka keduanya berkata: 'Wahai anakku, ikutilah dia, sesungguhnya dia adalah Rabbmu'. Dan di antara fitnah-fitnahnya (lagi) bahawa dia (Dajjal) akan memaksa (suruh akuinya tuhan) terhadap seorang manusia (tapi orang itu ingkar), lalu dia membunuhnya dan memotongnya dengan sebuah gergaji, maka terbelah orang tersebut menjadi dua bahagian, kemudian ia (Dajjal) berkata: 'Lihatlah olehmu kepada hambaku ini, sesungguhnya aku akan membangkitkannya dan kemudian dia akan mendakwa bahawa Tuhannya adalah selain aku'. Maka Allah s.w.t. pun membangkitkan (menghidup semula) orang yang terbelah (terbunuh) tersebut, maka berkatalah yang keji (Dajjal) kepadanya: 'Siapakah Rabbmu?' Ia (orang yang dipotong itu) berkata: 'Rabbku adalah Allah dan kamu adalah musuh Allah, kamu adalah Dajjal, demi Allah mulai hari ini, tidak ada hal yang lebih aku ketahui dengan yakin selain dari kedustaanmu (Dajjal)'." (Riwayat-riwayat dalam hadis-hadis Bukhari dari Abu Said Al-Khudri dalam kitab Al-Fitan, bab Laa Yadkhulu Ad-Dajjal fi Al-Madinah 13: 101 dan juga riwayat Ibnu Majah dari Abi Umamah Al-Bahili r.a.).

Di antara fitnah-fitnah Dajjal lagi yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis, adalah bahawa ia akan memerintahkan langit untuk menurunkan hujan, maka turunlah hujan, dan ia memerintahkan bumi supaya tumbuh akan tumbuhan, maka tumbuhlah tumbuhan.

Dan di antara fitnah-fitnahnya lagi adalah bahawa ketika ia (Dajjal) melalui sebuah negeri, kemudian penduduk negeri itu mendustakan nya, maka tidak satu binatang ternak pun yang tidak musnah di situ (musnah semuanya).

Di antara fitnah-fitnah Dajjal lagi adalah bahawa bila ia (Dajjal) melewati sebuah negeri, kemudian mereka (penduduk

negeri itu) membenarkan pembohongannya, maka ia pun memerintahkan langit untuk menurunkan hujan, maka turunlah hujan, dan ia memerintahkan bumi untuk tumbuh, maka tumbuhlah tumbuhan, sehingga sejak hari itu binatang menjadi paling gemuk dan paling besar dari masa-masa yang lalu, paling besar lambungnyanya dan paling melimpah susunnya.

Sesungguhnya tidak ada satu pun negeri di muka bumi yang tidak dimasuki dan dikalahkan oleh Dajjal, kecuali Makkah dan Madinah, dia tidak akan dapat memasukinya dari setiap celah-celah (lorong) masuknya, kerana di situ ada malaikat yang menjaga dengan pedang tajam dan berkilat, sehingga ia turun di sebuah tempat perkhemahan di persimpangan sebuah tanah kosong yang belum pernah didiami. Maka bergegarlah kota Madinah dengan tiga kali gegaran, sehingga tidak ada yang tinggal lagi (baki) di sana seorang lelaki atau perempuan munafik, kecuali masing-masing keluar dan pergi kepada Dajjal, maka terhapuslah (habis) orang keji (kotor) dari kota Madinah, sebagaimana kikir (alat pembersih besi) menghilangkan kotoran besi, dan disebutlah hari itu dengan hari pembersihan. Para sahabat bertanya: “Di manakah orang Arab pada waktu itu?” Beliau s.a.w. menjawab: “Mereka pada hari itu sedikit, mereka dipimpin oleh **“seorang lelaki yang soleh”**, maka ketika pemimpin mereka sudah menuju ke hadapan untuk mengimami solat, ketika itu Isa pun meletakkan tangannya di antara dua bahunya (pemimpin kaum Muslimin) dan berkata: “Majulah kamu dan pimpinlah solat, kerana sesungguhnya ia diiqamatkan untuk kamu”, maka pemimpin mereka pun mengimami solat mereka dan ketika solat sudah selesai Isa berkata: “Bukalah pintu”. Mereka pun membuka pintu dan di belakangnya telah ada Dajjal bersama 70,000 orang Yahudi, masing-masing mereka memiliki pedang berhias emas dan berjubah besar berwarna hijau, maka ketika dia (Isa) memandang kepada Dajjal, Dajjal itu pun cair (hancur) seperti garam yang cair di dalam air, kemudian ia lari, dan dihadang oleh Isa di pintu timur kota Lud (di Palestin), kemudian Isa membunuhnya, maka Allah s.w.t. menjadikan kekalahan untuk orang Yahudi, di mana tidak ada satu

makhluk pun yang diciptakan Allah yang dapat dijadikan sebagai perlindungan oleh orang Yahudi, yang mana Allah menjadikan segala sesuatu dapat berbicara, sehingga batu-batu, pohon-pohon, dinding-dinding rumah dan bangunan, binatang-binatang ternakan, kecuali pohon Ghardaqah, maka sesungguhnya ia adalah pohon mereka (Yahudi) yang tidak mahu berbicara. Semua makhluk itu (selain Ghardaqah) berkata: “Wahai hamba Allah yang Muslim, di sini ada Yahudi, kemarilah! dan bunuhlah dia!” (Rujuk hadis-hadis riwayat Muslim dalam kitab “At-Fitan wa Asyratussa’ah”).

5. Cara-cara lain menyelamatkan diri dari fitnah Dajjal

Segala puji bagi Allah yang selalu menurunkan ubat pada setiap penyakit, yang diketahui oleh setiap orang yang berilmu dan tidak diketahui oleh orang yang jahil, maka barang siapa yang tidak mengetahuinya hendaklah dia tidak mencela siapa pun kecuali kepada dirinya sendiri, kerana dia telah lalai dalam menuntut ilmu.

Walaupun fitnah dan bahaya Dajjal begitu besar dan berat, namun ia adalah kecil di sisi Allah, yang mana Dajjal tidak mempunyai kuasa terhadap kaum Muslimin, kecuali yang diizinkan Allah kepadanya (Dajjal) sebagai istidraj untuk menguji orang Mukmin. Oleh kerana, itu ketika Al-Mughirah bin Syukbah berkata: “Tidak seorang pun yang bertanya lebih banyak tentang Dajjal daripada aku.” Rasulullah berkata kepadanya: “Apakah yang membuat engkau gelisah dengannya? Sesungguhnya ia (Dajjal) tidak akan membahayakan kamu.” Al-Mughirah berkata: “Wahai Rasulullah, mereka mengatakan bahawasanya Dajjal itu mempunyai makanan dan minuman.” Beliau s.a.w. bersabda: “Hal itu hanyalah kecil bagi Allah s.w.t.” (Riwayat Bukhari pada kitab Al-Fitan. Riwayat Muslim juga pada kitab At-Fitan).

Fitnah Dajjal tidak akan berlangsung lama di bumi, iaitu selama 40 hari (mengikut kiraan seperti mana riwayat hadis di atas), sehingga turun Isa Ibn Maryam yang akan membunuhnya dan membasmiikan segala fitnahnya.

Dalam masa tempoh itu, Rasulullah s.a.w. telah mengajarkan kita bagaimana cara menyelamatkan diri dari fitnah Dajjal, di antaranya adalah:

1. Selalu beramal dengan doa yang disuruh membacanya oleh Rasulullah s.a.w. pada akhir setiap solat (setelah tahiyat akhir), iaitu:

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ
وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَالِ.

Maksudnya: *"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari azab negara Jahannam, dan dari azab kubur dan dari fitnah hidup dan mati serta fitnah Al-Masihuddajjal."* (Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

Barang siapa yang memohon perlindungan kepada Allah, maka Allah akan melindunginya dan barang siapa yang menjaga doa ini tentu Allah s.w.t. juga akan menjaganya.

2. Menghafaz surah Al-Kahfi atau sekurang-kurangnya sepuluh ayat pada awalnya atau sepuluh ayat pada akhirnya. Bahkan, kalau sesiapa menghafaz tiga awal dari surah Al-Kahfi sahaja pun, maka dia akan terselamat dari fitnah Dajjal.

Riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud dan Tirmizi dari Abu Darda' bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *"Barang siapa yang menghafaz 10 ayat dari awal surah Al-Kahfi, dia akan terpelihara dari fitnah Dajjal."* Dalam hadis Muslim dan Abu Daud menyebut; *"10 ayat pada akhir surah al-Kahfi."* Dan dalam hadis yang lain disebut; *"3 ayat dari awal surah al-Kahfi."*

3. Barang siapa yang ditakdirkan oleh Allah bertemu dan melihat Dajjal, hendaklah dia meludah ke arah mukanya seakan-akan dia adalah *Khinzib*, iaitu syaitan pengganggu solat.

Dan hendaklah dia membaca ayat-ayat al-Quran pada awal atau akhir surah Al-Kahfi, semoga diselamatkan Allah dari Dajjal.

4. Barang siapa yang mendengar kemunculan Dajjal, hendaklah dia pergi ke kota Madinah atau Makkah dan berlindung di sana, kerana kedua negeri itu tidak akan dapat dimasuki oleh Dajjal.

5. Barangsiapa yang tidak mampu melakukan empat perkara di atas, hendaklah ia mengelakkan diri dan lari daripada berhadapan dengan Dajjal dan terus menerus berzikir seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w., kerana dengan cara itu Dajjal tidak akan membahayakannya.

Para sahabat bertanya: *“Dengan apakah manusia akan hidup (makan) pada waktu itu? (semasa terjadi kemarau panjang dan lain-lain bencana angkara Dajjal)”* Rasulullah s.a.w. menjawab: *“(Orang Mukmin akan boleh hidup dengan Tahlil, takbir dan tahmid (wirid dan zikir) akan sama ertinya bagi mereka (orang Mukmin) dengan makanan (boleh menghilangkan lapar dan dahaga)”*. (Riwayat Ibn Majah, Ahmad, Ibn Khuzaimah dan Hakim dari Abu Umamah. Teks lengkap hadis lihat muka surat 249-250).

6. Tempoh lama masanya Dajjal mengadakan tipudaya dan huru-hara di muka bumi

Dalam suatu riwayat dalam kitab Soheh Muslim termaktub sepotong hadis: Mereka bertanya: “Wahai Rasulullah berapa lama ia (Dajjal) berada di bumi?” Beliau s.a.w. menjawab: *“Empat puluh (40) hari, satu hari darinya sama dengan satu tahun, dan satu hari lagi sama dengan satu bulan dan satu hari lagi sama dengan satu minggu, sedangkan baki hari-hari tersebut adalah sama dengan hari-hari biasa mereka..”* Mereka bertanya lagi: “Wahai Rasulullah, pada suatu hari yang sama lamanya dengan satu tahun tersebut apakah cukup bagi kami untuk solat sehari lima waktu saja?” Beliau s.a.w. menjawab: *“Tidak, perkirakanlah olehmu hari-hari tersebut.”*

Hadis di atas menjelaskan pada kita bahawa Dajjal akan bermaharajalela di muka bumi selama 1 tahun 2 bulan dan empat hari. Rasulullah s.a.w. menyebut 1 hari pertama sama dengan 1 tahun, hari kedua sama dengan 1 bulan, hari ketiga sama dengan 1 minggu (7 hari), hari-hari yang baki (27 hari) sama dengan hari-hari biasa. Satu hari pertama sama setahun itu bukan bermaksud hari panjang sehingga selama setahun, tetapi hari mengikut kiraan biasa, iaitu setahun bersamaan dengan 365 hari.

Oleh sebab itu masa Dajjal mengelilingi dunia menyebarkan pengaruh kuffarnya, khususnya di dunia sebelah Barat memakan masa selama 40 hari itu bersamaan dengan setahun dan dua bulan empat hari.

Menurut keterangan hadis lain lagi bahawa pusingan Dajjal amat cepat seperti hujan yang dibawa oleh angin, dia akan menyeru manusia kepada dirinya, dia dikelilingi oleh syaitan-syaitan yang akan menolongnya dalam kesesatan. Keadaan Dajjal seperti seorang tukang sihir, yang mana apabila ia semakin sesat atau kufur, maka semakin bertambah taat kepadanya syaitan-syaitan dan iblis-iblis. Kesesatan dan kekufuran itu bagaikan sogokan atau suapan yang akan menyenangkan hati syaitan sehingga ia mentaati segala permintaan si tukang sihir tersebut.

Dajjal akan memasuki segala penjuru dunia kecuali Makkah dan Thibah (atau kota Madinah), kerana dua negeri tersebut adalah terlarang baginya, dan di setiap pintu-pintu negeri itu terdapat malaikat yang menjaga dan menghadangnya dengan pedang yang tajam dan berkilau-kilau.

7. Kehancuran Dajjal dan kekalahan para pengikutnya

. Pada saat Dajjal memasuki segala penjuru dunia dengan pergerakannya amat cepat dan pantas bagi menyesatkan manusia dengan kesesatan yang dibawanya, dan ia menyakiti manusia dengan fitnah-fitnah jahatnya, sehingga mereka (yang

Mukmin) yang hendak mempertahankan iman terpaksa melarikan diri ke gunung-gunung, sedangkan Al-Mahdi dan kaum Muslim yang bersama-samanya (Al-Mahdi) sudah terkepung di Damsyik (Syam), mereka sudah ditimpa ujian kesusahan, kerana berlaku kekeringan (kemarau) dan kelaparan, maka tiba-tiba pintu pertolongan Allah datang kepada orang yang dikasihi-Nya serta ke atas para walinya, yang mana ketika itu Isa Ibn Maryam, dengan izin Allah, turun dari langit ke bumi untuk kedua kalinya (setelah dulunya diangkat ke langit). Isa Ibn Maryam turun ke tempat Al-Mahdi dan kaum Muslimin yang bersama dengannya di Al-Mannarah Al-Baidha' (menara putih) di timur Damsyik (Syria). Ketika itu, iqamat untuk solat Subuh telah berkumandang. Maka Al-Mahdi mengimami solat bersama-sama kaum Muslimin dan Isa Ibn Maryam. Setelah masing-masing selesai mengucapkan salam (selesai solat), berkatalah Isa; "Keluarlah kamu semua bersama kami untuk menghadapi musuh Allah (Dajjal)." Lalu mereka pun keluar. Dajjal yang di laknat Allah mendakwa bahawa ia adalah raja yang mendapat petunjuk dan pemimpin yang pandai dan bijaksana (hebat), bahkan ia mengaku pula sebagai "Rabb Yang Maha Tinggi". Sebaik sahaja Dajjal melihat Isa, ia pun meleleh (hancur) seperti garam yang meleleh di dalam air (menjadi lemah). Kemudian ia melarikan diri (dengan ketakutan), akan tetapi ia dihadap oleh Isa di pintu kota Lud di Palestin. Sekiranya Isa membiarkan saja (Dajjal lari), maka ia (Dajjal) akan hancur (juga) seperti garam dalam air, akan tetapi Isa berkata kepadanya: "Sesungguhnya aku berhak untuk mengajar kamu dengan satu pukulan." Lalu Isa menombaknya dan membunuhnya, maka Isa memperlihatkan darah Dajjal ditombaknya (membuktikan Dajjal telah mati). Ketika itu sedarlah para pengikut Dajjal yang terdiri dari orang Yahudi, bahawa ia (Dajjal) bukanlah Allah. Sebab itu Dajjal dapat dibunuh oleh Isa.

Dengan kematian Dajjal, jelaslah kekalahan kaum Yahudi yang juga dilaknat Allah, maka mereka pun melarikan diri dan bersembunyi daripada buruan Isa, Al-Mahdi dan kaum Muslimin, akan tetapi apa saja yang dijadikan sebagai perlindungan oleh kaum Yahudi, dengan izin Allah dapat

berbicara untuk menunjukkan tempat persembunyian orang Yahudi tersebut. Dengan izin Allah terbunuhlah mereka semua dan bumi ini pun menjadi suci dari mereka yang kotor dan najis yang selalu bermaharajalela dengan pelbagai kerosakan.

8. Peringatan Rasulullah s.a.w. mengenai dajjal-dajjal sebelum Dajjal

Hadis riwayat Abu Hurairah r.a.: Dari Nabi s.a.w., baginda bersabda: *“Kiamat tidak akan terjadi sebelum dibangkitkan dajjal-dajjal pendusta yang berjumlah sekitar tiga puluh (30) orang, semuanya mengaku bahawa dia adalah utusan (wakil) Allah.”* (Hadis Soheh riwayat Muslim: 5205)

Imam Nawawi rahimahullah mengulas hadis di atas, sebagaimana berikut: “Maksud ‘yub’athu’ ialah keluar atau zahir, dan telah dinyatakan pada awal kitab mengenai tafsiran dajjal. Dajjal daripada perkataan *al-dajl* iaitu mengelirukan. Mereka ini muncul dengan bilangan yang ramai sepanjang zaman, dan mereka telah dihancurkan oleh Allah, dan telah dihilangkan kesan mereka, dan begitulah juga akan dilakukan terhadap mereka yang masih belum muncul.”

Daripada tafsiran Imam Nawawi ini, kita mendapat dua ciri utama dajjal pendusta, iaitu:

- a. Dajjal bersikap mengelirukan.
- b. Dajjal mempunyai bilangan penmgikut yang ramai dan kuat.

Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani dalam Fathu al-Bari yang mensyarahkan Soheh Al-Bukhari dalam Bab Alamatun Nubuwwah fi al-Islam, juz 10, hlm. 410 berkata: “Dajjal ialah menutup (menyembunyikan) kebenaran dan mengelirukan, dan digunakan juga untuk penipuan. Bukanlah maksud hadis ini sesiapa sahaja yang mengaku menjadi nabi, kerana bilangan mereka terlalu banyak, sebahagian besar mereka disebabkan penyakit mental, tetapi maksud hadis ini ialah sesiapa yang mendakwa dirinya nabi dan mempunyai kekuatan dan

menyebabkan keraguan kekeliruan masyarakat Islam. Allah s.w.t. telah menghancurkan mereka itu dan juga mereka yang belum lagi muncul, yang mana akan diakhiri dengan Al-Masihuddajjal.”

Daripada tafsiran Al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani ini, kita mendapat tiga ciri utama dajjal pendusta, iaitu:

- a. Dajjal pendusta bukanlah mengisytiharkan dirinya sebagai nabi secara rasmi atau terang-terangan.
- b. Dajjal pendusta mempunyai bilangan pengikut yang ramai.
- c. Dajjal pendusta menimbulkan keraguan dan boleh menggoncang keyakinan (iman) masyarakat.

Imam Muslim juga meriwayatkan matan hadis yang lain bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *“Pada akhir zaman akan ada para dajjal lagi pendusta. Mereka membawa kepada kamu hadis-hadis yang tidak pernah kamu dan bapa-bapa kamu (sebelum ini) mendengarnya. Kamu hendaklah berhati-hati dengan mereka agar mereka tidak menyesatkan kamu dan memfitnah kamu (menipu kamu sehingga yang batil disangkakan benar).”* (Riwayat Muslim dalam muqaddimah Sohehnya).

Kandungan hadis yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hambal dalam Musnadnya: Musnad Ahmad; No. Hadith 8241: Hasan Soheh. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan datang pada umatku, para Dajjal pendusta, mereka memberitahu hadis yang direka yang tidak pernah kamu dan bapa-bapa kamu mendengarnya, maka (ketika itu) berhati-hatilah kamu akan diri mereka, jangan sampai mereka memfitnah (memperdaya dan menipu) kamu.”*

Daripada hadis riwayat Imam Muslim dan Imam Ahmad ini, kita mendapat tiga ciri utama dajjal pendusta, iaitu:

- a. Kedatangan Dajjal pendusta adalah soheh dan pasti.

b. Para dajjal berdusta atas nama Nabi s.a.w. dengan mencipta kononnya 'kata-kata Nabi' atau 'pengkhabaran dari Nabi' sedangkan sebelum itu tidak pernah didengar oleh semua generasi umat Islam sejak daripada masa dahulu sehingga kini.

c. Rasulullah s.a.w. meminta kita semua berhati-hati dengan fitnah mereka.

Ciri-ciri lain dajjal-dajjal pendusta sebelum Dajjal

1. Berkaitan dengan dajjal yang mengistiharkan diri sebagai utusan atau wakil Tuhan, Imam al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyatakan bahawa tidak semestinya seseorang itu membuat pengakuan yang jelas atau mutlak, kerana ia boleh berlaku dalam bentuk tidak langsung. Berkemungkinan ia timbul kerana salah faham, salah tafsir dan salah mempraktikkan maksud firman Allah tentang pengertian peranan manusia sebagai "khalifah/pengganti Allah" di muka bumi ini. (Baqarah ayat 30). Jika menafsir ayat ini tanpa ilmu dan panduan, tak hairanlah semua yang membacanya akan mengakui bahawa ia adalah khalifah dalam pengertian "pengganti" Allah termasuk menyamai sifat Allah dan sedarjat dengan Allah sehingga boleh menentukan jadual Allah (perjalanan dan peredaran peristiwa) di muka bumi ini.

2. Berhubung dengan perbuatan berdusta dengan mencipta hadis palsu dan mendakwa sebagai berita ghaib yang datang dari perkhabaran Rasulullah s.a.w., maka menurut jumhur ulamak, pembohong dan pendusta yang menggunakan nama Nabi s.a.w. telah melakukan dosa besar, tetapi tidaklah menjadi kafir, kecuali dia telah menghalalkan perbuatan dusta itu. Dan kami mengambil dan berdiri dengan pendapat jumhur ini. Bagaimanapun, seorang ulamak dalam mazhab al-Syafie, iaitu al-Imam Abu Muhammad al-Juwaini bapa kepada Imam al-Haramain mengkafirkan orang yang sengaja berdusta terhadap Rasulullah s.a.w. walaupun dia tidak menghalalkan perbuatan dusta itu.

Pendapat Imam Al-Juwaini ini disandarkan kepada firman Allah: *“Sebenarnya yang tergamak berdusta itu hanyalah orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itu ialah orang yang berdusta.”* (Surah Al-Nahl: ayat 105).

Ayat ini dengan tegas menafikan iman orang yang membuat dusta terhadap Allah, dan berdusta terhadap Rasulullah s.a.w. bererti berdusta terhadap Allah. Pendapat al-Juwaini ini disepakati oleh Imam Nashiruddin Ahmad bin Muhammad bin al-Munair al-Maliki dan ulamak-ulamak lain dari mazhab Hambali dan disepakati juga oleh Imam Az-Zahabi, jika pendustaan itu dibuat dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan syariat.

Imam Az-Zahabi memetik firman Allah berikut: *“Dan pada hari kiamat, Engkau akan melihat orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu). Muka mereka hitam legam...”* (Surah al-Zumar: ayat 60).

Beliau kemudiannya menyebutkan pula pendapat al-Imam al-Hafiz Ibn Al-Jauzi yang berkata dalam tafsirnya: *“Sebahagian para ulamak berpendapat bahawa berdusta kepada (atas nanam) Allah dan Rasul-Nya adalah kufur yang mengeluarkan seseorang daripada agama (murtad)”*.

Ini adalah pendapat sebilangan ulamak hadis yang sangat cinta pada Allah dan Rasul serta ingin membersihkan agama daripada penyelewengan. Bagaimanapun, kami tetap tidak menghukum kafir kepada individu dan para pengikutnya yang telah terang-terang berdusta atas nama Rasulullah s.a.w. Kami memegang pendapat jumhur ulama yang tidak menghukumkan kafir atas kesalahan sebegini. Ini bermakna mereka telah melakukan dosa besar yang maha besar!

Sikap para ulamak dalam menentang orang yang mereka-reka kata-kata atau perkhabaran dari Rasulullah sangat keras. Sikap mereka ini sangat bertepatan dengan ‘kekerasan’ amaran Nabi s.a.w. sendiri melalui sabdanya: *“Sesungguhnya berdusta*

ke atasku (menggunakan namaku) bukanlah seperti berdusta ke atas orang lain (menggunakan nama orang lain). Sesiapa yang berdusta ke atasku dengan sengaja, maka siaplah tempat duduknya dalam neraka". (Riwayat Al-Bukhari dalam kitab Al-Janaiz dan Muslim dalam muqaddimah Sohehnya. Hadis ini adalah mutawatir sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Al-Salah, 'Ulum Al-Hadis, m.s. 239, cetakan: Beirut, Dar Al-Fikr Al-Mu'asarah, m.s. 239.)

3. Mempunyai pengikut yang ramai dan ada kekuatan: Benarlah kata-kata Rasulullah s.a.w.! Apa yang baginda beritakan memang benar. Pembawa ajaran sesat yang diistilahkan sebagai "dajjal sebelum dajjal" mempunyai pengikut yang ramai. Pengikut yang ramai juga bermaksud kekuatan yang meliputi pelbagai bidang untuk memperdaya umat Islam menerusi media, kebudayaan, perniagaan, penulisan dan lain-lain.

4. Membawa fitnah yang besar: Ajaran "dajjal sebelum dajjal" memang banyak mengelirukan umat Islam khususnya di alam Melayu. Kita dapati ramai orang menjadi mangsa sehingga akidah dan sistem hidup mereka musnah dan rosak. Ramai orang yang terkeliru dengan pelbagai taktik dan strategi yang sangat mempesankan.

Fitnah yang disabdakan oleh baginda s.a.w. itu adalah fitnah terhadap iman dan akidah. Fitnah yang mengakibatkan ramai orang terkeliru dan mudah mengikuti ajaran sesat yang dibawa oleh "dajjal sebelum dajjal". Bagaimanapun, pesan baginda sangat perlu kita pegang. Iaitu berhati-hati dan berwaspada dengan kejahatan para dajjal dan pengikutnya.

Daripada keempat-empat huraian di atas, kita mendapati bahawa memang wujud, sedang dan telah wujud, tokoh-tokoh yang menepati ciri seorang dajjal pendusta (*Dajjal Al-Kazzab*). Selama ini, mungkin orang awam hanya mengetahui tentang Al-Masihuddajjal yang menjadi lawan kepada Nabi Isa a.s. sebelum kiamat berlaku. Itu memang wujud, tetapi Al-

Masihuddajjal tidak sama dengan dajjal al-Kazzab. Ciri-ciri yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dapatlah kita jadikan sebagai panduan untuk mengesan kemunculan mereka dari semasa ke semasa.

9. Keadaan dunia setelah kematian Dajjal

Setelah kematian Dajjal dan kematian Al-Mahdi, maka Isa Ibn Maryam akan menjadi seorang hakim yang adil bagi umat manusia dan seorang permimpin yang bijaksana yang akan menghancurkan tanda salib, membunuh babi-babi, dan menghapuskan jizyah (cukai terhadap bukan Islam), menghapuskan zakat (kewajipan mengeluarkan harta bagi orang Islam apabila harta tersebut sudah sampai nisab kepada pihak yang sudah ditentukan), maka dia tidak akan mencari seekor kambing atau seekor unta zakat pun.

Ketia zaman Isa Ibnu Maryam juga terhapusnya kedengkian dan permusuhan, diangkat (dihilang) bisa dari segala makhluk berbisa sehingga apabila seorang bayi perempuan memasukkan tangannya ke dalam mulut ular, ular tersebut tidak akan membahayakannya, bayi perempuan tersebut akan dapat menyakiti seekor singa, sedangkan ia tidak akan dapat menyakiti bayi tersebut. Serigala yang berada di tengah gerombolan kambing akan menjadi baik, seakan-akan ia adalah pengembala kepada kambing. Dunia akan dipenuhi oleh perdamaian sebagaimana sebuah bejana diisi air (yang penuh tidak berkocak), agama akan menjadi satu, tidak ada yang disembah selain Allah s.w.t. Segala punca yang menyebabkan peperangan terhapus. Suku Quraisy kembali mengambil kekuasaan. Bumi akan menjadi seperti hamparan perak (putih bersih). Tumbuh-tumbuhan subur seperti di zaman Nabi Adam, sehingga apabila sekelompok orang (3 orang sampai dengan 10 orang) berkumpul untuk makan setangkai anggur boleh mengenyangkan mereka, dan apabila sekelompok orang tersebut berkumpul untuk memakan sebuah delima juga boleh mengenyangkan. Seekor sapi pada waktu itu hanya berharga sedikit (murah) saja dan seekor kuda hanya berharga beberapa dirham saja (harga barangan keperluan murah).

Nabi Isa a.s. Penyambung Perjuangan Al-Mahdi, Pembunuh Dajjal dan Pembawa Keamanan dan Kemakmuran Sejagat

SEBELUM kita membicarakan masalah turunnya Isa Ibnu Maryam ‘alaihisalam, baiklah kita mengenali lebih dahulu akan sifat-sifat atau identitinya terlebih dahulu, sebagaimana yang disebutkan dalam nas-nas Syariah.

1. Sifat-sifat dan identiti Isa ‘alaihissalam (a.s)

Ciri-ciri beliau menurut beberapa riwayat ialah bertubuh sedang, tidak tinggi dan tidak pendek, berkulit merah dan berbulu (roma agak lebat dari orang biasa), dadanya bidang, rambutnya lurus seperti orang baru keluar dari permandian, dan rambutnya itu sampai di bawah hujung telinga (bahagian bawah) yang disisir rapi dan mencecah kedua bahunya.

Hadis-hadis yang menerangkan ciri-ciri Nabi Isa a.s antaranya ialah seperti yang diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a, ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Pada malam ketika aku diisra’kan, aku telah bertemu Musa...”* Lalu beliau menyebutkan ciri-cirinya kemudian melanjutkan sabdanya, *“Dan aku juga bertemu Isa perawakannya sedang, kulitnya merah seperti orang yang baru keluar dari permandian.”* (Soheh

Bukhari. Kitab Ahaadissil Ambia, Bab Qaulillah “Wazkuruu fil Kitaabi Maryam” 6: 476; Soheh Muslim dengan Syarah Nawawi, Bab Al-Isra’ bi Rasulullah wa Fardhish Solawat 2:232).

Dari Ibnu Abbas r.a., ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Aku melihat Isa, Musa dan Ibrahim (pada malam Isra’). Isa berkulit merah dan berbulu (roma agak panjang) serta bidang dadanya.*” (Soheh Bukhari 6:477).

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata; Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Aku melihat diriku di Hijr dan orang Quraisy bertanya kepadaku...*” Lalu beliau melanjutkan; “*Tiba-tiba (kelihatan) Isa bin Maryam ‘alaihissalam sedang berdiri menunaikan solat. Orang yang paling mirip dengannya ialah ‘Urwah bin Mas’ud Ath-Thaqafi.*” (Soheh Muslim dengan Syarah Nawawi 2:237-238).

Dari Abdullah bin Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Pada suatu malam aku bermimpi berada di sisi Ka’abah, lalu aku lihat seorang lelaki berkulit coklat yang sangat bagus rambutnya sampai di bawah telinganya dan sangat indah serta disisirnya dan rambut itu menitiskan air. Dia bersandar pada dua orang lelaki atau pada pundak dua orang lelaki dan dia melakukan tawaf di Baitullah. Lalu aku bertanya; ‘Siapakah ini?’ Kemudian dijawabnya; ‘Ini adalah Al-Masih Ibnu Maryam’.*” (Soheh Bukhari 6: 477; Soheh Muslim, Bab Zikril Al-Masih Ibni Maryam ‘alaihissalam 2:233).

Riwayat-riwayat tersebut kelihatannya macam bertentangan satu sama lain. Dalam satu riwayat dikatakan bahawa Isa berkulit merah dan dalam riwayat lain dikatakan, berkulit coklat (sawa matang) dan dalam satu riwayat dikatakan rambutnya lurus, sedang dalam riwayat lain dikatakan rambutnya keriting. Oleh sebab itu, riwayat-riwayat tersebut perlu diberi penjelasan. Antara riwayat yang mengatakan berkulit merah dan berkulit coklat atau sawa matang tidaklah ada pertentangan, kerana warna coklatnya begitu cemerlang hingga boleh dianggapkan sebagai merah. (Al-Isya’ah: 143). Sementara perbezaan pada riwayat yang mengatakan

rambutnya kerinting (ja'd), maka hal ini dapat dijelaskan bahawa yang lurus itu rambutnya dan yang "ja'd" adalah tubuhnya dengan erti dagingnya padat. (Lihat: Fathul-Bari 6:486). *Wallahu 'alam.*

2. Turunnya Isa 'alaihissalam ke muka bumi

Setelah Dajjal muncul dan melakukan kerosakan di muka bumi, Allah mengutus Isa 'alaihissalam untuk turun ke bumi, dan tempat turunnya di menara putih di timur Damsyiq, Syria. Beliau mengenakan dua helai pakaian yang dicelup dengan waras dan za'faran, dan beliau meletakkan kedua telapak tangannya di sayap dua orang Malaikat. Bila beliau menundukkan kepalanya, lalu menurunkan rambutnya dan bila diangkat kepalanya kelihatan landai seperti mutiara. Dan tidak ada orang kafir yang mencium nafasnya kecuali akan mati dan nafasnya itu berbau sejauh pandangan matanya.

Nabi Isa a.s. akan turun dan bersama-sama berada dalam kelompok yang diberi pertolongan oleh Allah s.w.t., iaitu mereka yang berperang untuk menegakkan kebenaran dan mereka bersatu menghadapi Dajjal. Ketika beliau turun waktu sedang diiqamati untuk solat (Subuh), lantas beliau solat berjemaah di belakang pemimpin kelompok itu.

Ibnu Kathir berkata; "Inilah yang termasyhur mengenai tempat turunnya Isa, iaitu di menara putih bahagian timur Damsyiq. Dan dalam beberapa kitab yang saya baca beliau turun di menara putih sebelah timur masjid Jami' Damsyiq, dan ini rupanya pendapat yang lebih terpelihara. Kerana di Damsyiq tidak dikenal ada menara di bahagian timur selain di sebelah Masjid Jami' Umawi di Damsyiq sebelah timur. Inilah pendapat lebih sesuai kerana beliau turun ketika sedang dibacakan iqamat untuk solat (Subuh), lalu imam kaum Muslimin berkata kepada beliau; "Wahai Ruh Allah, majulah untuk mengimami solat." Kemudian ia (Isa a.s.) menjawab; "Anda saja yang maju menjadi iman, kerana iqamat tadi dibacakan untuk anda." Dan dalam satu riwayat lain dikatakan bahawa Isa a.s. berkata; "Sebahagian anda merupakan amir (pemimpin) bagi sebahagian

yang lain, sebagai penghormatan dari Allah untuk umat ini.” (Soheh Muslim, Kitab Al-Iman Bab Bayanu Nuzuli Isa bin Maryam Hakiman bisyari’ati Nabiyyina Muhammad s.a.w. 2:193-194. An-Nihayah Fil Fitan wal Malahim 1: 144-145 dengan tahqiq Dr. Taha Zaini).

Ibnu Kathir menyebutkan bahawa pada zamannya, iaitu tahun 741 Hijrah, kaum Muslimin mengubahsuai bangunan menara dengan batu putih yang biayanya diambil dari harta kaum Nasara ang telah membakar menara yang berada di daerah mereka. Hal ini barangkah merupakan petunjuk kenabian yang jelas di mana Allah menakdirkan pembangunan menara ini dengan harta kaum Nasara, agar Isa Ibnu Maryam turun di sana untuk membunuh babi, menghancurkan salib dan tidak menerima jizyah dari mereka. Mana-mana orang Nasara yang mahu (dengan rela hati) memeluk Islam dilayan dengan baik, dan yang tidak mahu memeluk Islam dibunuh, demikian juga dengan rang kafir yang lain. (Lihat: An-Nihayah 1: 145).

Dalam hadis Nawwas bin Sam’an yang panjang yang membicarakan kemunculan Dajjal dan turunnya Isa a.s. Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Ketika Allah mengutus Al-Masih Ibnu Maryam, maka turunlah ia di menara putih di sebelah timur Damsyiq dengan mengenakan dua helai pakaian yang dicelup dengan waras dan za’faran dan kedua telapak tangannya diletakkan di sayap dua Malaikat. Bila ia menundukkan kepalanya, kelihatan menurunlah rambutnya, dan jika diangkatnya kelihatan landai seperti mutiara. Maka tidak ada seorang kafir pun yang mencium nafasnya, kecuali pasti meninggal dunia, padahal nafasnya itu sejauh mata memandang. Lalu Isa mencari Dajjal hingga menjumpainya di pintu kota Lud, lantas dibunuhnya Dajjal. Kemudian Isa a.s. datang kepada suatu kaum yang telah dilindungi oleh Allah dari Dajjal, lalu Isa mengusap wajah mereka dan memberi tahu mereka tentang darjat mereka di dalam syurga.”* (Soheh Muslim, Kitab Al-Fitan wa Asyritis Sa’ah. Bab Zikir Ad-Dajjal 18:67-68).

1). Dalil-dalil berkaitan turunnya Nabi Isa a.s. ke bumi dalam al-Quran

Firman Allah; *“Dan tatkala putera Maryam (Isa) dijadikan perumpamaan, tiba-tiba kaummu (Quraisy) bersorak (dengan nada mengejek) kerananya. Dan mereka berkata; ‘Manakah yang lebih baik, tuhan-tuhan kami atau dia (Isa)?’ Mereka tidak membezakan perumpamaan itu kepadamu melainkan dengan maksud membantah saja, sebenarnya mereka adalah kaum yang suka bertengkar. Isa tidak lain hanyalah seorang hamba yang Kami berikan kepadanya nikmat (kenabian) dan Kami jadikan dia sebagai tanda bukti (kekuasaan Allah) untuk Bani Israil. Dan kalau Kami kehendaki, Kami (boleh) jadikan sebagai gantimu di muka bumi ini (dari kalangan jenis) malaikat-malaikat yang turun-temurun. Dan sesungguhnya Isa itu benar-benar memberikan pengetahuan tentang hari kiamat. Kerana itu janganlah kamu ragu-ragu tentang kiamat itu dan ikutilah Aku. Inilah jalan yang lurus.”* (Surah Az- Zukhruf: 57-61).

Ayat-ayat di atas membicarakan Isa ‘alaihissalam dan pada ayat terakhir (61) disebutkan *“wa innahuu ‘a ‘ilmun lissa ‘ah”* (Dan sesungguhnya Isa itu benar-benar memberikan pengetahuan tentang hari kiamat), yakni turunnya Isa a.s. ke bumi sebelum datangnya hari kiamat merupakan petanda telah dekatnya hari kiamat. Dan hal ini juga ditunjukkan oleh *qiroah* (bacaan) lain terhadap ayat itu, yakni *“wa innahuu la ‘ilmun lissa‘ah”* dengan memberi harakat fathah pada huruf **‘ain** dan **lam**, yang bererti *‘alaamah* (alamat) dan *amaaroh* (tanda) telah dekatnya hari kiamat. Bacaan ini diriwayatkan dari Ibnu Abbas, Mujahid, dan lain-lain Imam tafsir. (Lihat: Tafsir Al-Qurthubi 16:105, dan Tafsir At-Tabari 25:90-91).

Imam Ahmad meriwayatkan dengan sanadnya dari Ibnu Abbas r.a mengenai penafsiran ayat ini, bahawa yang dimaksudkan ialah keluarnya Isa a.s. sebelum terjadinya hari kiamat. (Lihat: Musnad Ahmad 4:329 hadis nomor 21921 dengan tahqiq Ahmad Syakir yang mengatakan, “Isnadnya soheh”).

Al-Hafiz Ibnu Kathir berkata; “Yang benar bahawa dhomir atau kata ganti pada lafaz *innahu* (sesungguhnya dia) itu kembali (dirujuk) kepada Isa a.s., sebab konteks pembicaraan ayat ini mengenai Isa.” (Lihat: Tafsir Ibnu Katsir 7: 222).

Ibnu Kathir menganggap jauh (penafsiran yang terlalu jauh) kalau ayat ini diertikan dengan: Apa-apa (mukjizat) yang menyertai Isa seperti menghidupkan orang yang telah mati, menyembuhkan orang yang berpenyakit “tuna netra” dan belang dan penyakit-penyakit lainnya. Dan lebih jauh lagi apa yang diriwayatkan dari sebahagian ulamak bahawa dhomir pada lafaz *innahu* ia kembali kepada Al-Quranul Karim. (Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 7:223).

Firman Allah selanjutnya: *“Dan kerana ucapan mereka: ‘Sesungguhnya kami telah membunuh Al-Masih Isa putera Maryam, Rasul Allah’ padahal mereka tiada membunuhnya dan tidak pula menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh) ialah orang yang diserupakan dengan Isa bagi mereka. Sesungguhnya orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa benar-benar dalam keraguan tentang yang dibunuh itu. Mereka tidak mempunyai keyakinan tentang siapa (sebenarnya) yang dibunuh itu, kecuali hanya mengikuti persangkaan belaka dan mereka tidak pula yakin bahawa yang mereka bunuh itu adalah Isa. Tetapi (yang sebenarnya) Allah telah mengangkat Isa kepada-Nya. Dan adalah Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan pada hari kiamat nanti Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.”* (Surah An-Nisa’: 157-159).

Ayat-ayat di atas di samping menunjukkan bahawa orang Yahudi tidak membunuh dan tidak menyalib Isa, tetapi Allah yang mengangkatnya ke langit sebagaimana disebutkan dalam surah Ali Imran ayat 55: *“Ingatlah ketika Allah berfirman: ‘Wahai Isa sesungguhnya Aku akan menyampaikan kamu kepada akhir ajalmu dan mengangkat kamu kepada-Ku...”*

Maka ayat-ayat tersebut juga menunjukkan bahawa di antara ahli kitab kelak ada orang yang beriman kepada Isa a.s. pada akhir zaman, ketika ia turun (secara hakiki) ke bumi dan sebelum wafatnya sebagaimana diberitakan oleh hadis-hadis yang soheh dan mutawatir.

Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah, ketika ditanya tentang masalah wafat dan diangkatnya Nabi Isa 'alaihissalam, beliau berkata; "Segala puji kepunyaan Allah. Isa 'alaihissalam masih hidup. Dan disebutkan di dalam hadis soheh bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *"Ibnu Maryam akan turun di tengah-tengah kamu sebagai hakim dan pemimpin yang adil, lalu menghancurkan salib, membunuh babi dan membebaskan cukai."* (Lihat: Perkataan Syeikh Muhammad Abduh dalam Tafsir Al-Manar 3:317).

Selanjutnya Syaikhul Islam itu mengatakan; "Dan disebutkan pula dalam hadis soheh bahawa Isa akan turun di menara putih sebelah timur Damsyiq dan akan membunuh Dajjal. Maka barang siapa yang rohnya telah berpisah dari tubuhnya, tidaklah tubuhnya akan turun dari langit dan jika ia dihidupkan kembali, maka ia akan bangkit dari kuburnya.

Perbicaraan dalam pembahasan ini bukanlah tentang pengangkatan Isa 'alaihissalam, tetapi untuk menjelaskan bahawa dia diangkat dengan tubuh dan ruhnya. Sekarang Nabi Isa a.s masih hidup di langit kelak akan turun pada akhir zaman serta diimani oleh orang ahli kitab yang hidup pada waktu itu, sebagaimana firman-Nya; *"Tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya."* (Surah An-Nisa': 159).

Ibnu Jarir berkata: "Telah diceritakan kepada kami oleh Basyar, dia berkata: 'Telah diceritakan kepada kami oleh Sufyan dari Abu Husham dan Sa'id bin Juhari dari Ibnu Abbas mengenai ayat; *Tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali akan beriman kepada Isa sebelum kematiannya*'. (An-Nisa': 159) Dia (Ibnu Abbas) berkata; 'Sebelum kematian Isa bin Maryam'. (Tafsir At-Tabari 6:18). Ibnu Kathir berkata; 'Ini adalah isnad

yang soheh’.” (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān wal Malāhim 10: 136. Atsar Ibnu Abbas ini juga disahkan oleh Ibnu Hajar dalam Fathul Bari 6:492).

Selanjutnya, setelah mengemukakan pelbagai pendapat mengenai makna ayat ini, Ibnu Jarir berkata; “Dan pendapat yang paling soheh ialah pendapat orang yang mengatakan bahawa takwil ayat itu ialah tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali akan beriman kepada Isa sebelum Isa meninggal dunia.” (Lihat: Tafsir At-Tabari 6: 2).

Ibnu Jarir At-Tabari meriwayatkan dengan sanadnya dari Al-Hasan Al-Basri bahawa beliau berkata; “Sebelum kematian Isa. Demi Allah, sesungguhnya beliau (Isa a.s.) sekarang masih hidup di sisi Allah. Tetapi apabila beliau telah turun, maka semua orang beriman kepada beliau.” (Lihat: Tafsir At-Tabari, halaman 18).

Ibnu Kathir berkata; “Dan tidak diragukan lagi bahawa apa yang dikemukakan oleh Ibnu Jarir inilah pendapat yang benar, kerana ini merupakan maksud dari konteks ayat-ayat yang menetapkan batalnya pengakuan orang Yahudi yang mendakwa bahawa mereka telah membunuh Isa, menyalibnya, dan menyerahkannya kepada orang Nasrani yang bodoh dan tidak mengerti masalah itu. Lalu Allah memberitahukan bahawa perkaranya tidak demikian, tetapi ada seseorang yang diserupakan oleh Allah dengan Isa, lantas mereka membunuh orang yang diserupakan itu, sedangkan mereka tidak mengetahui dengan jelas tentang hal itu. Kemudian Allah mengangkat Isa kepada-Nya, dan dia (Isa) masih hidup dan kelak akan turun ke bumi sebelum datangnya hari kiamat sebagaimana ditunjukkan oleh hadis-hadis mutawatir.” (Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 2:405).

Ibnu Kathir juga menyebutkan riwayat dari Ibnu Abbas bahawa Ibnu Abbas mengulangi dhomir pada lafaz “*qobla mautihi*” (sebelum kematiannya) untuk ahli kitab. Hal ini kalau soheh riwayatnya, tidaklah menafikan pendapat pertama. Tetapi yang sudah jelas soheh makna dan isnadnya yang telah

kami sebutkan terdahulu. (Lihat: An-Nihayah Fil Fitan wal-Malahim 1: 137).

2). Dalil-dalil berkaitan turunnya Nabi Isa a.s. ke bumi yang terdapat di dalam As-Sunnah

Dalil-dalil dari Sunnah mengenai akan turunnya kembali Isa ‘alaihissalam banyak sekali jumlahnya dan berdarjat mutawatir sebagaimana telah disebutkan sebahagiannya yang lalu, dan di sini akan dikemukakan lagi sebahagiannya, tidaklah keseluruhan, kerana kuatir akan terlalu panjang. Hadis-hadis tersebut antara lain:

1. Asy-Syakhani (Bukhari dan Muslim) meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a, ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Demi Allah yang diriku di tangan-Nya, benar-benar putera Maryam akan turun di tengah-tengah kamu sebagai juru damai yang adil, lalu ia menghancurkan salib dan harta kekayaan melimpah ruah hingga tidak ada seorang pun yang mahu menerima (sedekah atau zakat) dari orang lain sehingga pada waktu itu sujud satu kali lebih baik daripada dunia dan isinya.”* Kemudian Abu Hurairah berkata; “Bacalah firman Allah ini jika anda mahu.” (Firman Allah surah An-Nisa’ ayat 159); *“Tidak ada seorang pun dari ahli kitab kecuali akan beriman kepadanya (Isa) sebelum kematiannya. Dan pada hari kiamat nanti Isa akan menjadi saksi terhadap mereka.”* (Lihat: Soheh Bukhari, Kitab Ahaadithil Ambia’, Bab Nuzuli Isa Ibni Maryam ‘alaihissalam Haakiman 6:490-491; Sahih Muslim, Bab Nuzuli Isa Ibni Maryam ‘alaihissalam Haakiman 2: 189-191).

Iniilah penafsiran Abu Hurairah terhadap ayat ini bahawa yang dimaksudkan ialah di antara ahli kitab akan ada orang yang beriman kepada Nabi Isa ‘alaihissalam sebelum beliau meninggal dunia. Hal ini terjadi ketika beliau turun kembali ke bumi pada akhir zaman sebagaimana telah dijelaskan yang lalu.

2. Asy-Syaikhani (Imam Bukhari dan Muslim) juga meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a, ia berkata: Rasulullah

s.a.w. bersabda: *“Bagaimana keadaan kamu nanti apabila putera Maryam telah diturunkan di tengah-tengah kamu sedangkan imam (pemimpin) kamu adalah dari antara (kalangan) kamu sendiri?”* (Soheh Bukhari 6:491; Soheh Muslim 2:193).

3. Imam Muslim meriwayatkan dari Jabir r.a, ia berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan sentiasa ada segolongan dari umatku yang berjuang membela kebenaran dengan memperolehi pertolongan hingga datangnya hari kiamat...Kemudian akan turun Isa putera Maryam ‘alaihissalam lalu pemimpin mereka berkata (kepada Isa); ‘Silakan anda solat mengimami kami’ Isa menjawab; ‘Tidak, sesungguhnya sebahagian kamu adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain sebagai tanda kemuliaan dari Allah bagi umat ini.”* (Soheh Muslim 2:193-194).

4. Telah disebutkan pada yang lalu hadis Huzaifah bin Usaid yang membicarakan tanda-tanda kiamat yang besar yang di dalamnya disebutkan tentang “akan turunnya Isa putera Maryam ‘alaihissalam.” (Soheh Muslim 18: 27-28).

5. Imam Ahmad meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *“Para Nabi itu adalah bersaudara sebapa berlainan ibu dan agama mereka adalah satu. Dan aku adalah manusia yang paling dekat dengan Isa putera Maryam, kerana antara aku dan dia tidak ada nabi lagi. Dan sesungguhnya dia akan turun kembali ke bumi, kerana itu jika kamu melihatnya maka kenalilah dia.”* (Musnad Ahmad 2: 406 dan hadis ini adalah soheh. Lihat catatan pinggir Umdatut-Tafsir 4: 36 dengan tahqiq Syekh Ahmad Syakir. Bahagian permulaan hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari 6: 478 dan diriwayatkan pula oleh Hakim dalam Al-Mustadrak 2: 595. Hakim berkata; “Ini adalah hadis yang soheh isnadnya hanya saja Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkannya.” Perkataan Hakim ini disetujui oleh Az -Zahabi).

3. Hadis-hadis berkenaan turunnya Isa a.s. Mutawatir

Pada permulaan bab Isa a.s. telah pun disebutkan hanya beberapa buah hadis sahaja tentang turunnya kembali Isa 'alaihissalam ke bumi ini kerana dikuatirkan akan menimbulkan kesan pembahasan yang terlalu panjang. Hadis-hadis itu disebutkan di dalam kitab-kitab Soheh, Sunan, Musnad dan lain-lain kitab hadis yang semuanya menunjukkan dengan jelas bahawa Nabi Isa a.s. akan turun kembali ke dunia ini pada akhir zaman menjelang kiamat, dan tidak ada alasan untuk sesiapa pun menolaknya atau yang mengatakan bahawa hadis-hadis itu adalah hadis-hadis yang tidak dapat dijadikan hujah. Dengan ini juga menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa masalah turunnya Isa itu tidak termasuk dalam bahagian aqidah yang wajib diimani oleh kaum Muslimin. Oleh itu di sini ditegaskan bahawa apabila suatu hadis itu telah sah maka wajiblah diimani dan dibenarkan apa yang disabdakan oleh Nabi s.a.w., As-Sodiq Al-Masduq (yang benar lagi dibenarkan).

Para ulamak telah sepakát menyatakan bahawa hadis-hadis mengenai turunnya Nabi Isa a.s. adalah mutawatir. Berikut ini dibawakan kenyataan beberapa ulama tersebut:

1. Ibnu Jarir At-Tabari telah menyebutkan perbezaan pendapat tentang wafatnya Nabi Isa dan ia mengatakan; "Pendapat yang paling soheh menurut pandangan kami ialah pendapat orang yang mengatakan: Maksud ayat al-Quran itu ialah: *'Sesungguhnya Aku (Allah) mengambilmu (Isa) dari bumi dan mengangkatmu kepada-Ku'*. Mengingat mutawatirnya berita-berita dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: *'Isa bin Maryam akan turun lalu membunuh Dajjal'*." Selanjutnya Ibnu Jarir mengemukakan beberapa buah hadis berkaitan dengan turunnya Nabi Isa itu. (Lihat: Tafsir At-Tabari 3: 29 1).

2. Ibnu Kathir berkata; "Telah mutawatir hadis-hadis dari Rasulullah s.a.w. yang memberitahukan akan turunnya Isa 'alaihissalam sebelum hari kiamat sebagai pemimpin dan hakim yang adil." Kemudian beliau membawakan lebih dari lapan

belas (18) buah hadis berkaitan akan turunnya Isa itu. (Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 7: 223)

3. Syekh Siddiq Hasan berkata, “Hadis-hadis berkaitan akan turunnya Nabi Isa a.s itu banyak sekali, di antaranya, Imam As-Syaukani mengemukakan dua puluh sembilan (29) buah hadis antaranya soheh, hasan, dan dhaif yang di antaranya ada yang berhubungan dengan hadis-hadis Dajjal, ada yang berhubungan dengan hadis-hadis Al-Mahdi Al-Muntazor. Di samping itu juga terdapat athar-athar dari para sahabat yang memiliki hukum marfu’, kerana dalam kes seperti ini tidak diperkenankan untuk berijtihad (maka athar-athar sahabat itu sudah tentu bersumber dari Rasulullah s.a.w.). Semua riwayat yang telah kami kemukakan ini mencapai darjat mutawatir, sebagaimana tidak samar bagi orang yang memiliki pengetahuan yang luas.” (Lihat: Al-Iza’ah: 160).

4. Al-Ghimari (iaitu Abul Fadhl Abdullah Muhammad As-Siddiq Al-Ghimari) berkata; “Sesungguhnya telah mantap pendapat tentang akan turunnya Isa ‘alaihissalam dari para sahabat, tabi’in dan pengikut-pengikut mereka, dari para imam dan para ulamak semua mazhab sejak dulu hingga masa kita sekarang ini.” (Lihat: Aqidah Ahlil Islam fii Nuzuuli Isa ‘alaihissalam: 12).

Pada tempat lain beliau (Al-Ghimari) mengatakan; “Jalan periwayatannya ini sudah mutawatir betul-betul sehingga tidak mungkin memungkirinya kecuali orang bodoh, seperti kelompok Qadiyaniah dan orang yang pandangan hidupnya seperti mereka, sebab hadis-hadis ini diriwayatkan oleh sejumlah rangkaian dari para periwayat dari generasi ke generasi sehingga termaktub di dalam kitab-kitab sunnah yang sampai kepada kita secara mutawatir.” (Lihat: Aqidah Ahlil Islam fii Nuzuuli Isa ‘alaihissalam: 5).

5. Hadis-hadis berkiatan Nabi Isa a.s. akan turun ke bumi juga diriwayatkan oleh lebih dari dua puluh lima (25) orang para sahabat, diriwayatkan oleh lebih dari tiga puluh (30) orang tabi’in, kemudian diriwayatkan oleh tabi’ut-tabi’un (generasi

selepas tabi'in) sejumlah lebih dari itu. Begitulah hingga diriwayatkan oleh para imam di dalam kitab-kitab sunnah, di antaranya dalam kitab-kitab musnad seperti Musnad At-Thayalisi, Ishaq bin Rahawaih, Ahmad bin Hambal, Uthman bin Abi Syaibah, Abu Ya'ala, Al-Bazzar dan Ad-Dailami. Diriwayatkan juga oleh penyusun kitab-kitab soheh seperti Al-Bukhari, Muslim, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibban, Al-Hakim, Abu 'Awanah, Al-Isma'ili, Adh-Dhiya' Al-Muqaddasi dan lain-lain. Juga diriwayatkan oleh para pengarang kitab Al-Jam' Al-Mushannaf, Sunan, Tafsir bin Mathur, Mu'jam, Al-Ajz', Al-Gharaib, Al-Mu'jizat, At-Tabaqat dan Al-Malahim.

6. Selain itu, di antara orang yang menghimpunkan hadis-hadis mengenai akan turunnya Isa 'alaihissalam ialah Syekh Muhammad Anwar Syah Al-Kasymiri dalam buku beliau At-Tasyrih Bimaa Tawaatara Fii Nuzulil Masih. Dalam kitab itu beliau mengemukakan lebih dari tujuh puluh (70) hadis.

7. Pengarang kitab 'Aunul Ma'bud Syarah Sunan Abu Daud berkata; "Telah mutawatir khabar dari Nabi s.a.w. tentang akan turunnya Nabi Isa 'alaihissalam dari langit dengan jasadnya ke bumi ketika telah hampir kiamat, dan ini adalah mazhab Ahli Sunnah." (Lihat: 'Aunul Ma'bad 11: 457 oleh Abu Thayyib Muhammad Syamsul Haqqil 'Azim Abadi).

8. Syekh Ahmad Syakir berkata; "Masalah akan turunnya Isa 'alaihissalam pada akhir zaman merupakan perkara yang tidak diperselisihkan lagi di kalangan kaum Muslimin, memandangkan banyaknya khabar-khabar yang soheh dari Nabi s.a.w. mengenai perkara ini. Tambahan pula ini merupakan suatu perkara yang diketahui secara pasti dari ajaran *ad-din* (agama) kita, yang jika sesiapa mengingkarinya, ia tidak dianggap beriman." (Lihat: Hasyiyah li Tafsir At-Tabari 6:460 dengan takhrij Syekh Ahmad Muhammad Syakir dan tahqiq Mahmud Syaki; terbitan Darul Ma'arif, Mesir).

9. Syekh Muhammad Nasiruddin Al-Albani berkata: "Ketahuilah bahawa hadis-hadis Dajal dan turunnya Isa 'alaihissalam adalah mutawatir yang wajib diimani. Dan

janganlah anda teperdaya oleh orang yang menganggap bahawa hadisnya adalah hadis ahad, kerana mereka tidak mengerti ilmu ini, dan di antara mereka tidak ada orang yang mengkaji jalan-jalan periwayatannya. Seandainya di antara mereka ada yang melakukan pengkajian ini nescaya dia akan menemukannya sebagai hadis mutawatir, sebagaimana kesaksian para pakar ilmu ini, seperti Al-Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lainnya. Sungguh amat dikesalkan sikap sebahagian orang yang begitu berani membicarakan masalah yang bukan bidang dan keahliannya, apalagi ini merupakan masalah *ad-din* yang menyentuh aqidah.” (Lihat: Hasyiyah Syarah Aqidah Thahawiyah, halamam 565 dengan takhrij Syekh Muhammad Nasiruddin Al-Albani, seorang ahli hadis dari Syam.)

10. Masalah turunya Isa ‘alaihissalam ini oleh sebahagian ulamak mencantumkan sebagai aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah, dia akan turun untuk membunuh Dajjal laknatullah, semoga Allah membinasakannya. Dalam hal ini Imam Ahmad bin Hambal rahimahullah berkata; “Prinsip Ahli Sunnah menurut kami ialah berpegang teguh dengan apa yang dipegang oleh para sahabat Rasulullah s.a.w., mengikuti dan meneladani mereka, dan meninggalkan segala bentuk bid’ah, kerana setiap bid’ah itu adalah sesat.” Kemudian beliau menyebutkan sejumlah Aqidah Ahli Sunnah. Setelah itu beliau berkata; “Dan mengimani bahawa Al-Masihuddajjal akan muncul dunia dan di antara kedua matanya terdapat tulisan ‘*kafir*’. Mempercayai hadis-hadis yang membicarakannya, serta mengimani bahawa yang demikian itu akan terjadi dan bahawa Isa akan turun untuk membunuh Dajjal di pintu kita Lud.” (Lihat: Tabaqat Al-Hambaliah 1: 241-243 oleh Al-Qadhi Al-Hasan Muhammad bin Abi Ya’la, terbitan Darul Ma’rifah wan-Nasyr, Beirut).

11. Syaikhul Islam Ibnu Taimiyyah berkata; “Al-Masih ‘alaihissalam wa’ala saarin nabiyyin, pasti akan turun ke bumi sebagaimana telah disebutkan dalam hadis-hadis soheh. Kerana itu beliau berada di langit kedua, kerana beliau lebih utama daripada Yusuf, Idris dan Harun, kerana beliau akan ke bumi sebelum datangnya hari kiamat, berbeza dengan Nabi yang lain. Sedang Adam berada di langit dunia, kerana roh anak-anaknya

ditunjukkan kepadanya.” (Lihat: Majmu’ Al-Fatawa oleh Ibnu Taimiyyah 4: 329).

4. Hikmah diturunkannya Nabi Isa, tidak Nabi lain

Sebahagian ulamak berusaha mencari hikmah, kenapa Allah s.w.t. turunkannya Isa ‘aihissalam ke dunia pada akhir zaman, bukan nabi yang lain, bagi menjalankan missi Rabbani. Antara hikmah yang dapat disorot oleh para ulamak ialah;

1. Untuk menolak anggapan orang Yahudi bahawa mereka telah membunuh Isa ‘alaihissalam:

Allah menjelaskan kebohongan mereka beserta pemimpin mereka si Dajjal laknatullah, sebagaimana dijelaskan dalam pembicaraan terdahulu. Al-Hafiz Ibnu Hajar menganggap pendapat ini lebih kuat daripada yang lain. (Lihat: Fathul Bari 6:493).

2. Isa ‘alaihissalam menjumpai keutamaan umat Muhammad s.a.w. tercantum dalam Injil:

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran: *“Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya lalu tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lantas menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya.”* (Surah Al-Fath: 29).

Maka Isa pun berdoa kepada Allah agar dimasukkan ke dalam golongan mereka. Lalu Allah mengabulkan doanya dan mengekalkan kehidupannya hinggalah ia akan diturun ke bumi pada akhir zaman sebagai pembaharu terhadap urusan Islam.

Imam Malik rahimahullah berkata: “Telah sampai berita kepadaku bahawa orang Nasarani apabila mereka melihat para sahabat yang menaklukkan Syam, mereka berkata; ‘Demi Allah, sesungguhnya mereka lebih baik daripada kaum Hawariyun menurut berita yang sampai kepada kami’.” Ibnu Kathir berkata; “Dalam hal ini mereka benar, kerana umat (Islam) ini

sangat dihormati di dalam kitab-kitab terdahulu dan dalam berita-berita yang beredar.” (Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 7: 343).

Imam Az-Zahabi telah menulis riwayat hidup Isa ‘alahissalam dalam kitab beliau Tajriidu Asma’ As-Sahaabah. Beliau berkata; “Isa putera Maryam ‘alahissalam adalah seorang sahabat dan seorang Nabi, kerana ia pernah melihat Nabi s.a.w. pada malam isra’ dan mengucapkan salam kepadanya. Maka dia adalah sahabat yang paling akhir meninggal.” (Lihat: Tajriidu Asma’ As-Sahaabah 1: 432).

3. Sesungguhnya turunnya Isa ‘alahissalam dari langit kerana ajalnya sudah dekad agar dia dikubur dibumi:

Setiap makhluk yang diciptakan daripada tanah tidak diperkenan mati di luar bumi. Dan turunnya Isa a.s. nanti bersesuaian dengan keluarnya Dajjal dan telah tibanya masanya Dajjal akan menemui ajalnya, lalu Isa membunuhnya.

4. Beliau akan turun untuk mendustakan kaum Nasrani dan mendedahkan kepalsuan dan kebatilan mereka:

Ketika turunnya Isa, Allah hancurkan semua agama, kecuali Islam. Lalu Isa menghancurkan salib, membunuh babi dan membebaskan (membasmi) cukai.

5. Isa a.s. adalah Nabi yang istimewa:

Berdasarkan pada sabda Nabi s.a.w.: “*Aku adalah orang yang paling dekat dengan Isa putera Maryam. Antara aku dan dia tidak diselingi oleh Nabi lain.*” (Soheh Bukhari 6:477-478, Kitab Ahadisil Ambia’, Bab Qauli-Lah Wazkur fil Kitaabi Maryam. Soheh Muslim 15: 119, Kitab Al-Fadhaail, Bab Fadhaail Isa ‘alafiissalam).

Menurut pengakuan Rasulullah s.a.w. bahawa beliau adalah orang yang paling istimewa dan paling dekat dengan Isa ‘alahissalam, kerana Isa-lah yang menyampaikan berita gembira akan datangnya Rasulullah s.a.w. sesudahnya, dan

menyeru manusia untuk membenarkan dan mengimannya, sepertimana yang terdapat di dalam al-Quran; *“Dan aku (Isa) menyampaikan khabar gembira akan datangnya seorang Rasul sesudahku yang bernama Ahmad (Muhammad).”* (Surah As-Saf ayat 6. Lihat: Al-Minhaj Fi Syu‘abil Iman 1: 424-425 oleh Al-Hulaimi; At-Tazkiroh oleh Al-Qurthubi 679; Fathul Bari 6:493; dan catatan kaki kitab At-Tasyrih bimaa Tawaataro Fii Nuzuulil Masih: 94 oleh Syekh Abdul Fattah Abu Ghodah).

Dan dalam suatu riwayat disebutkan: *“Para sahabat bertanya; ‘Wahai Rasulullah, mahukah engkau memberitahunya kepada kami tentang dirimu?’ Baginda s.a.w. menjawab; ‘Mahu, aku adalah keberhasilan doa Ibrahim dan khabar gembira yang pernah disampaikan oleh saudaraku Isa’.”* (Riwayat Ibnu Isyaaq dalam As-Sirah. Lihat: Tahzib Sirah Ibnu Hisyam: 45 oleh Abdus Salam Harun, terbitan Al-Majma‘ul ilmi Al-‘Arabi Al-Islami, Beirut. Ibnu Kathir berkata tentang isnadnya, “Ini isnad yang bagus.” Dan beliau mengemukakan beberapa riwayat sebagai syahidnya yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Lihat: Tafsir Ibnu Kathir 8:136; dan Musnad Imam Ahmad 4:127. 5:262).

5. Dengan apakah Isa a.s. menetapkan hukum?

Seperti mana yang kita ketahui, turunnya Nabi Isa a.s. ke muka bumi ini semasa dan di penghujung pemerintahan Imam Al-Mahdi dan selepas tumpasnya kuasa dan nyawa Al-Masiduddajjal serta kekalahan secara total kaum Yahudi yang sejak ribuan tahun menguasai minda dan carahidup sebahagian besar umat manusia di dunia ini, terutamanya di dunia Barat. Nabi Isa a.s. ialah nabi sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. Setelah diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. bererti syariat yang dibawa oleh Nabi Isa dimansuhkan. Timbul persoalan di kalangan sesetengah pihak, bila Nabi Isa a.s. dimunculkan semula selepas Nabi Muhammad s.a.w. apakah ia akan membawa atau menghidupkan kembali ajaran Injil?

Sesungguhnya, Isa a.s. akan menetapkan hukum dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w. dan dia termasuk pengikut baginda s.a.w. Sebabnya, Nabi Isa turun kembali ke muka

bumi ini tidak membawa syariat baru, kerana agama Islam merupakan agama penutup hingga datangnya hari kiamat dengan tiada dimansuhkan. Maka Isa ‘alaihis salam adalah salah seorang hakim (ahli hukum) di antara ahli-ahli hukum umat Islam ini dan sebagai mujaddid terhadap urusan Islam, kerana tidak ada nabi lagi sesudah Nabi Muhammad s.a.w. (dengan erti tidak ada nabi yang datang membawa syariat baru, selepas syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad). Kemunculan Nabi Isa a.s dan berperanan semula di akhir zaman, selepas kewafatan Nabi Muhammad, menjelang kiamat bukan atas dasar dan peranannya sebagai seorang nabi dan rasul yang membawa syariat baru, tetapi sebagai pengikut dan umat Nabi Muhammad s.a.w., dan beliau a.s. ditugaskan oleh Allah bagi menyambung perjuangan dan menegakkan syariat Nabi Muhammad s.a.w., selepas dihidupkan semula (tajdid) oleh Maujaddid akhir zaman, Imam Al-Mahdi.

Sebagai bukti peranan sebenar Nabi Isa a.s. ialah seperti berikut:

Imam Muslim meriwayatkan hadis dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bagaimanakah kamu jika Putera Maryam telah turun di tengah-tengah kamu sedang imammu dari kalanganmu sendiri?”*

Al-Walid bin Muslim berkata kepada Ibnu Abi Zi‘ab; “Sesungguhnya Al-Auzai telah menceritakan kepada kami dari Az-Zuhri, dari Nafi dari Abu Hurairah tentang lafaz *wa imaamukum minkum* (dan imammu dari kalangan kamu sendiri) Ibnu Abi Za‘ib bertanya; ‘Tahukah engkau, apa yang bermaksud imammu dari kalanganmu sendiri itu?’. Saya menjawab; ‘Sebaiknya anda beritahu kepada saya’. Ia menjawab; ‘Iaitu ia memimpin kamu dengan kitab Rabb kamu dan Sunnah Nabi kamu.” (Lihat: Soheh Muslim, Kitabul Iman, Bab Nuzuuli Isa bin Maryam Haakiman 2:193)

Dari Jabir bin Abdullah r.a, ia berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Akan sentiasa ada segolongan dari umatku yang berjuang membela kebenaran dengan*

mendapat pertolongan Allah hingga datangnya hari kiamat. Kemudian akan turun Isa Putera Maryam 'alaihissalam, lalu pemimpin mereka berkata (kepada Isa); 'Kemarilah, silakan anda mengimami kami solat'. Lalu Isa menjawab; 'Tidak, sesungguhnya sebahagian anda adalah pemimpin bagi sebahagian yang lain, sebagai penghormatan dari Allah kepada umat ini'." (Lihat: Soheh Muslim 2:193-194).

Al-Qurthubi berkata; "Suatu kaum berpendapat bahawa dengan turunnya Isa 'alaihissalam tidak ada taklif lagi, supaya ia tidak menjadi Rasul bagi manusia pada zaman itu yang menyampaikan perintah dan larangan (wahyu) dari Allah. Ertinya peranan Nabi Isa bukan sebagai rasul yang membawa syariat baru, kerana Allah telah menegaskan di dalam al-Quran; *"(Nabi Muhammad) penutup para Nabi."* (Surah Al-Ahzab: 40)

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri menegaskan, yang sabdanya diakui kebenaran Allah; *"Tidak ada lagi nabi sesudahku."* (Lihat: Soheh Muslim, Kitabul Fadha'il, Bab Fii Asmaihi s.a.w. 15: 104). Dan sabda baginda s.a.w.lagi: *"Dan aku adalah penutup (para nabi)."* (Lihat: Soheh Bukhari. Kitab Tafsir. Bab Ya'tii min ba'dii ismuhu Ahmad, surah As-Saf ayat 6, juz 8: 640-641).

Daripada keterangan di atas, fahamlah kita bahawa peranan Nabi Isa a.s. yang akan turun ke bumi bukan sebagai Nabi dengan membawa syariat baru, tetapi menyambung memperjuangkan syariat Nabi Muhammad s.a.w. bahkan ia menjadi pengikut Nabi Muhammad s. a.w. sebagaimana diberitahukan oleh baginda s.a.w. kepada Saidina Umar; *"Kalau seandainya Musa itu masih hidup, nescaya tidak ada kemungkinan lagi baginya selain mengikuti aku."* (Lihat: Musnad Imam Ahmad 3: 387 dengan catatan pinggir Muntakhabul Kanzi. Ibnu Hajar berkata: "Perawi-perawinya ada kepercayaan, hanya saja pada diri Mujahid (salah seorang perawinya) terdapat kelemahan. Lihat: Fathul Bari 13: 334. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Abdur Razzaq dalam Al-Musannaf 10: 313-314 dengan tahqiq Habibur Rahman Al-Azami. Dan Mujahid itu adalah Mujahid bin Sa'id bin Umair

Al-Hamdani Al-Kufi. Imam Muslim meriwayatkan darinya bila disertakan yang lain. Dan mengenai Mujahid ini Ibnu Hajar mengatakan; "Dia itu orang yang benar, jujur." Lihat: Tahzib Al-Tahzib 10: 39-41). Hadis ini, Nabi s.a.w. menyebut Nabi Musa a.s., jika ia masih hidup ia pun akan mengikut ajaran Islam, dan kinayah itu dikiaskan kepada Nabi Isa a.s. sebagai bukti tidak ada lagi nabi dan rasul sesudah Nabi Muhammaad s.a.w.

Sebelum turun kembali ke bumi, semasa berada di langit, Isa a.s. sudah difahamkan oleh Allah mengenai ilmu syariah (Islam) ini untuk dipergunakan menghukum antara manusia dan untuk diterapkan bagi dirinya sendiri. Ketika pemerintahannya berkumpullah kaum Mukminin kepadanya pada waktu itu memohon agar ia melaksanakan hukum-hakam syariat Islam pada diri dan masyarakat mereka. Hal ini disebabkan tugas dan peranannya, lebih-lebih lagi setelah kematian Imam Al-Mahdi, ialah menjadi imam (pemimpin) kepada solat, mengerjakan haji, berjihad melawan menentang saki-baki orang kafir (penentang Islam) dan lain-lain yang ditugaskan ke atas beliau a.s. selaku pemimpin manusia menjelang kiamat. (Lihat: At-Tazkirah: 677-678).

Diriwayatkan di dalam Soheh Muslim dari Hanzalah Al-Aslami, ia berkata: Saya mendengar Abu Hurairah r.a menceritakan dari Nabi s.a.w. bahawa baginda s.a.w bersabda: *"Demi Allah yang diriku di tangan-Nya, sungguh Putera Maryam akan bertahlil di Fajjur Rauha' (suatu tempat di antara Makkah dan Madinah yang dilalui Nabi s.a.w. dalam perang Badar) dalam melakukan haji atau umrah, atau melakukan syarah Nawawi (haji qiran)."* (Lihat : Soheh Muslim dengan syarah Nawawi, Kitabul Haji, Bab Jawazit Tamattu' Fil Hajji wal Qiran 8: 234).

Adapun tugasnya menghapus atau membebaskan jizyah (cukai kepala) ke atas orang kafir adalah syariat yang telah ada dalam Islam sebelum turunnya Isa 'alaihissalam, maka pernyataan Nabi s.a.w. tentang peranan Nabi Isa a.s. bukan dianggap perkara baru yang hanya berlaku semasa turunnya Nabi Isa a.s., tetapi sebagai salah satu tugasnya selain tugas-

tugasnya yang lain. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.; *“Demi Allah sesungguhnya putera Maryam akan turun sebagai hakim yang adil, lalu dia akan menghancurkan salib, membunuh babi dan membebaskan jizyah.”* (Lihat: Soheh Muslim, Bab Nuzuh Isa Hakiman 2:292).

6. Meluas dan meratanya keamanan dan keberkatan pada zaman Isa a.s.

Pada zaman Isa a.s. (setelah turun kembali ke bumi) ialah merupakan zaman yang penuh dengan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran serta kedamaian. Allah menurunkan hujan yang amat lebat, dengan bumi menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan buahan yang subur dan segar-segar serta banyak sekali keberkatannya yang tidak dapat dibayangkan, harta melimpah ruah, segalam kemungkaran hatta perasaan dendam dan kebencian di dalam hati pun terhapus. Perhubungan umat manusia menjadi ceria sepanjang masa.

Dalam hadis Nawas bin Sam'an yang panjang yang membicarakan tentang Dajjal, turunnya Isa, keluarnya Yakjuj dan Makjuj pada zaman Isa a.s. dan doa Isa agar mereka dihancurkan Allah, Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Kemudian Allah menurunkan hujan dan tidak ada rumah tanah liat (simen atau batu) mahu pun bulu yang dapat menahan airnya, lantas mencuci bumi hingga bersih seperti cermin kaca. Kemudian diperintahkan kepada bumi: ‘Tumbuhkanlah buah-buahanmu dan kembalikanlah barakahmu’. Maka pada hari itu senyumlah orang kerana dapat memakan buah delima dan bernaung di bawahnya. Dan susu pun diberi berkat, sehingga susu seekor unta bunting yang sudah dekat melahirkan dapat mencukupi ramai orang, susu seekor sapi mencukupi untuk sekumpulan kabilah, dan susu seekor kambing mencukupi untuk satu keluarga...”* (Lihat Soheh Muslim, Kitabul Fil Fitan, Bab Zikrid Dajjal 18:63-70).

Imam Ahmad meriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: *“Para Nabi itu bersaudara seayah dengan*

ibu yang berbeza-beza, sedangkan din (agama) mereka adalah satu. Aku adalah orang yang paling dekat dengan Isa putera Maryam, dan sesungguhnya dia akan turun ke bumi....Maka pada zamannya, Allah membinasakan Al-Masihuddajal (melalui tangan Isa) dan suasana di muka bumi sangat aman sehingga ular hitam (yang ganas dan bisa) dapat hidup bersama dengan unta, harimau berdampingan dengan sapi, dan serigala bersama dengan kambing dan anak-anak kecil dapat bermain dengan ular sedangkan ular-ular itu tidak membahayakan mereka.” (Lihat: Musnad Ahmad 2: 406. Ibnu Hajar berkata, “Sanadnya soheh”. Lihat: Fathul Bari 6: 493)

Imam Muslim meriwayatkan Abu Hurairah bahawa dia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Demi Allah, sesungguhnya Isa putera Maryam akan turun ke bumi sebagai hakim yang adil, akan membebaskan jizyah, unta-unta muda akan dibiarkan hingga tidak ada yang mahu mengurusinya lagi, telah terhapus sama sekali sifat bakhil, saling membenci dan saling dengki, dan orang akan memanggil-manggil (mana-mana) orang lain yang mahu menerima hartanya (sedekahnya), tetapi tidak ada seorang pun yang mahu menerimanya (kerana tidak perlu, zaman kemakmuran.” (Lihat: Muslim, Bab Nuzul Isa a.s. 2:192).*

Imam Nawawi berkata; “Maknanya, bahawa pada saat itu orang sudah tidak tertarik lagi untuk memelihara unta kerana banyaknya harta kekayaan, keinginan sedikit, ketamakan sudah tidak ada, masing-masing mengambil keperluan sahaja kerana masing-masing sedar bahawa kiamat sudah dekat. Dan disebutkan lafaz *Al-Qilaas* (unta muda) dalam hadis ini kerana unta muda itu merupakan harta yang paling baik bagi bangsa Arab (pada waktu itu). Ini selari dengan firman Allah s.w.t.: “*Dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan (tidak dipedulikan)...” (Surah At-Takwir: 4). Dan makna perkataan laa yas ‘aa ‘alaiha ialah tidak mengurusinya, dengan maksud tidak memperdulikannya.” (Lihat: Syarah Muslim 9:192)*

7. Tempoh masa pemerintahan Nabi Isa a.s. hingga wafatnya

Masa Nabi Isa a.s. berperanan di atas muka bumi selepas diturunkan semula menurut satu riwayat adalah selama tujuh (7) tahun, dan menurut sebahagian riwayat yang lain lagi selama empat puluh (40) tahun.

Menurut riwayat Imam Muslim dari Abdullah bin Umar r.a. bahawa Rasulullah s. a.w. bersabda: *“Lalu Allah mengutus Isa Ibnu Maryam...lantas ia tinggal bersama orang banyak selama tujuh (7) tahun, yang pada waktu itu tidak ada permusuhan sama sekali antara sesama manusia. Setelah itu Allah mengirim angin yang sangat dingin dari arah Syam, maka tidak ada seorang pun di muka bumi ini yang pada waktu itu masih mempunyai kebaikan atau keimanan dalam hati walaupun seberat atom, melainkan akan dihembusnya dan mati kerananya.”* (Lihat: Soheh Muslim, Bab Zikriddajjal 18: 75-76).

Sementara dalam riwayat Imam Ahmad dan Abu Daud disebutkan: *“Kemudian ia tinggal di bumi selama empat puluh (40) tahun, kemudian Allah mewafatkannya, dan dia disolat oleh orang Muslim.”* (Lihat: Musnad Ahmad 2: 406 dengan catatan pinggir/hamisy Muntakhabul Kanzi. Ibnu Hajar berkata; “Soheh.” Lihat juga, Fathul-Bari 6: 493; Aunul Ma’bud Syarah Sunan Abi Daud. Kitabul Malahim, Bab Khurujiddajjal 11. 456).

Kedua-dua riwayat di atas sama-sama soheh dan ini merupakan suatu kemuskilan kecuali jika riwayat yang mengatakan tujuh tahun itu diertikan dengan pengertian tujuh tahun setelah beliau a.s. turun kembali ke bumi, lalu ditambah usianya yang tiga puluh tiga tahun sebelum diangkat ke langit dahulu, sehingga dengan demikian menjadi empat puluh tahun. *Wallahu ‘alam.* (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān Wal Malahim 1: 146 dengan tahqiq Dr. Toha Hussain).

Tanda-Tanda Kiamat Besar Menjelang Bumi Dimusnahkan Segala-gala yang Ada Atasnya

SEBELUM muka bumi Allah ini dimusnahkan oleh Allah, Allah datangkan beberapa tanda-tanda yang diistilahkan oleh para ulamak sebagai tanda-tanda kiamat besar (kubra). Dalam sebuah hadis secara terkumpul Rasulullah s.a.w menyebut sebanyak sepuluh. Tetapi daripada hadis-hadis lain yang berpisah-pisah, para ulamak mengumpulkan lebih daripada sepuluh perkara dan peristiwa yang akan berlaku menjelang bumi ini dihancurkan. Selepas itu terjadi kiamat dan bermulanya hari kebangkitan, yang mana manusia dihalau ke Padang Mahsyar.

Terlalu banyak terdapat hadis-hadis yang menyebut tentang tanda-tanda kiamat besar, di antaranya ialah;

Imam Muslim meriwayatkan dari Huzaifah bin Usaid Al-Ghiffari r.a., ia berkata, Rasulullah s.a.w., pernah muncul di hadapan kami ketika kami sedang berbincang-bincang. Lalu baginda s.a.w. bertanya; "Apakah yang sedang kamu perbincangkan?" Para sahabat menjawab; "Kami sedang membincangkan tentang as-sa'ah. Lalu baginda s.a.w. pun bersabda; "*Sesungguhnya kiamat itu tidak akan datang*

(berlaku) sehingga kamu melihat sepuluh (10) tanda sebelumnya.”Kemudian baginda s.a.w. menyebut; “Asap, Dajjal, binatang Dabbatul Ardh (yang keluar dari bumi), terbit (menyinsing) matahari dari arah barat, turunnya Nabi Isa Ibnu Maryam, lahir Yakjuj dan Makjuj, berlaku tiga gempa bumi; di timur, di barat dan di jazirah Arab, terakhir keluar api daripada Yaman yang mengiringi manusia ke tempat mengumpulkan mereka.” (Lihat: Soheh Muslim, Kitab Fitan Asyratissa’ah 18: 27-28).

Dalam riwayat lain, Imam Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Bersegeralah melakukan amal-amal soleh sebelum datangnya tanda pertama iaitu terbitnya matahari dari barat, atau asap, atau Dajjal, atau keluarnya binatang dari perut bumi, atau terjadinya kematian yang mengejutkan kamu; atau disibukka kamu oleh urusan umum (sehingga kamu tidak berkesempatan melakukan amal soleh).” (Lihat: Soheh Muslim).*

Banyak lagi hadis-hadis yang rasanya tidak perlu dinukilkan di sini, kerana selanjutnya akan dikemukakan beberapa hadis lain yang menyebut secara langsung tentang alamat-alamat kiamat besar. Mengenai tanda-tanda kiamat besar yang telah disebut pada bab Imam Mahdi, Al-Masihuddajjal, turunnya Nabi Isa a.s. ke bumi, kami tidak lagi menyebutnya, kerana telah disebut dengan panjang lebar dan terlalu banyak. Apa yang ingin disebutkan selanjutnya ialah tanda-tanda kiamat besar berikutnya, selepas Al-Mahdi, Dajjal dan Nabi Isa a.s. dan bermula daripada keluarnya Yakjuj dan Makjuj dan seterusnya sehingga keluar api dari Yaman yang menghalau manusia yang masih hidup ke tempat berkumpul dan setelah itu ditiupkan Sangkakala untuk menghancurkan bumi ini.

1. Keluar Yakjuj dan Makjuj memusnahkan isi bumi ini

Peristiwa keluarnya makhluk yang bernama Yakjuj dan Makjuj terjadi pada masa Isa putra Maryam telah membunuh Dajjal, lalu Allah membinasakan mereka semua dalam satu

malam berkat doanya Nabi Isa a.s. Allah Ta'ala berfirman dalam al-Quran: *"Hingga apabila dibukakan (tembok) Yakjuj dan Makjuj dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat-tempat yang tinggi. Dan telah dekatlah kedatangan janji yang benar (hari berbangkit)..."* (Surah Al-Ambia: 96-97).

Dalam ayat lain Allah berfirman lagi mengenai Yakjuj dan Makjud dalam kisah Zulqarnain membina tembok untuk membendung Yakjuj dan Makjuj dari mengganggu manusia: Firman Allah *"Kemudian dia menempuh satu jalan (yang lain lagi), hingga apabila dia telah sampai di suatu tempat di antara dua gunung, dia mendapati di hadapan kedua bukit itu suatu kaum yang hampir tidak mengerti pembicaraan. Mereka berkata; 'Wahai Zulqarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu golongan makhluk yang membuat kerusakan di muka bumi, maka dapatkah kami memberikan sesuatu pembayaran kepadamu, supaya kamu membuat dinding antara kami dengan mereka.' Zulqarnain berkata; 'Apa yang telah dikuasakan oleh Tuhanku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, maka tolonglah aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar aku membuatkan dinding antara kamu dengan mereka. Berilah kepada aku potongan-potongan besi'. Hingga apabila besi itu telah sama rata dengan dua puncak gunung itu, berkata Zulqarnain; 'Tiupkanlah api.' Hingga apabila api itu sudah menjadi merah, Zulqarnain berkata; 'Berikanlah kepada aku tembaga (yang telah dididihkan) agar aku tuangkan ke dalam besi panas itu'. Maka mereka (Yakjuj dan Makjuj) tidak dapat lagi mendakinya dan tidak dapat (pula) melubanginya. Zulqarnain berkata; 'Ini (dinding) adalah rahmat dari Tuhanku, maka apabila sudah datang janji Tuhanku, Dia akan menjadikannya hancur luluh; dan janji Tuhanku itu adalah benar.' Kami biarkan mereka (Yakjuj dan Makjuj) pada hari itu (setelah keluar) bercampur-aduk antara satu dengan yang lain, kemudian ditiup lagi sangkakala, lalu Kami kumpulkan mereka itu semuanya."* (Surah Al-Kahfi: 92-99).

Ibnu Kathir telah menyebut di dalam kitab tafsirnya tentang kisah Zulqarnain dan berita ia membangun (membina) dinding dari besi dan tembaga antara dua gunung, maka

ia berkata; “Ini adalah rahmat dari Tuhanku agar aku menghalangi antara kaum yang berbuat kerusakan dengan manusia, maka apabila janji Tuhanku telah tiba, artinya waktu yang telah ditakdirkan pembinasannya. Allah akan membuatnya rata (dinding itu runtuh) sama dengan tanah, dan janji Tuhanku adalah haq / benar. Ertinya: Ini merupakan hal yang mesti terjadi, kami biarkan sebahagian mereka bercampur-baur dengan yang lain, yakni pada hari pembinasannya. Mereka bertemu manusia dan bersuka-ria, dan mereka turun, yakni; mereka cepat-cepat berjalan dari tiap-tiap tempat yang tinggi. Tak lama kemudian sangkakala ditiupkan untuk mengejutkan penduduk bumi. Sebagaimana Allah berfirman pada ayat lain: *‘Hingga apabila dibukakan (tembok) Yakjuj dan Makjuj dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat-tempat yang tinggi.’*” (Al-Ambia’: 96).

Selanjutnya Ibnu Kathir menyebut pula beberapa hadis yang berkaitan dengan Yakjuj dan Makjuj, adalah seperti berikut;

Dalam Soheh Bukhari dan Muslim terdapat hadis dari Zainab binti Jahsy (isteri Nabi s.a.w.), bahawa Rasulullah s.a.w. tidur di sisinya kemudian ia bangun sedang wajahnya ketika itu kelihatan merah, dan beliau s.a.w berkata; *“La Ilaha il Lallah (Tiada Tuhan kecuali Allah), celakalah orang arab kerana kejahatan telah dekat. Hari ini penutup Yakjuj dan Makjuj telah dibuka seperti ini.”* Lalu beliau s.a.w. melingkarkan kedua-dua jarinya. Pada riwayat lain disebutkan beliau s.a.w. melingkarkan 70 atau 90. Zainab berkata; “Wahai Rasulullah, apakah kita akan binasa sedangkan orang soleh bersama kita.” Beliau s.a.w. menjawab; *“Ya, apabila kejahatan semakin banyak.”*

Dalam hadis lain riwayat Bukhari dan Muslim juga, hadis dari Wahib dari Ibnu Thawas dari ayahnya dari Abu Hurairah bahwa Rasulullah bersabda: *“Hari ini telah terbuka penyumbat (penutup) Yakjuj dan Makjuj seperti ini.”* Lalu beliau menyimpulkan angka 90.

Dari Sa'id bin Abu Arubah dari Qatadah, Abu Rafi' dari Abu Hurairah dari Rasulullah, beliau s.a.w. bersabda: *"Sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj (sekarang ini) sedang melubangi dinding (tembok yang dibina oleh Zulqarnain) setiap hari, sampai apabila mereka melihat cahaya matahari. Berkata orang di atas mereka. Kembalilah kamu akan melubanginya esok. Kemudian mereka kembali kepadanya dan bekerja lebih kuat dari yang dulu, sehingga jika waktunya telah tiba, Allah akan mengirimkan mereka kepada manusia sesuai dengan kehendak-Nya. Mereka melubanginya sampai mereka melihat sinar matahari, lalu orang yang berada di atas memanggil mereka sambil berseru; pergilah pagi hari, kamu akan melubanginya esok, **insya Allah**, dan ia mengecualikan. Kemudian mereka kembali kepadanya sedang ia dalam keadaan seperti mereka meninggalkannya. Lalu mereka melubanginya dan keluar ke hadapan manusia. Mereka mengeringkan air dan orang berlindung di benteng-benteng. Mereka melepaskan anak panahnya ke langit, lalu Allah mengirimkan sejenis ulat pada tengkuk mereka hingga mereka mati."* (Riwayat Imam Ahmad).

Selanjutnya Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Demi jiwa Muhammad yang berada dalam genggamannya, sesungguhnya binatang melata di bumi akan gemuk dan mengucapkan terima kasih kerana (memakan) daging dan darah mereka (Yakjuj dan Makjuj yang telah mati)."*

Imam Ahmad berkata, telah menceritakan kepada kami Ya'kub dari ayahku dari Abu Ishaq dari Asim bin Umar bin Qatadah dari Mahmud bin Lubaid dari Abi Sa'id Al-Khudri, ia berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Dibukakan tembok Yakjuj dan Makjuj, kemudian mereka keluar sebagaimana Allah berfirman: 'Mereka turun dari seluruh tempat yang tinggi'. Lalu orang lari ketakutan dan menghindari dari mereka (Yakjuj dan Makjuj) untuk berlindung diri di kota-kota dan di benteng-benteng. Mereka berkumpul dengan ternakan-ternakan mereka. Kemudian mereka berlalu dan meminum air yang ada (di dalam sebuah tasik bernama Tabariah) hingga kering. Kemudian orang yang kemudian*

melewatinya (tasik itu) lalu berkata; 'Di sini dulu ada air.' Tidak seorang pun yang tersisa kecuali semuanya bersembunyi di benteng-benteng pada kota-kota. Salah seorang dari mereka (Yakjuj dan Makjuj) mulai berkata; 'Mereka adalah penduduk bumi, kita telah menyelesaikan mereka, tinggal di langit'. Beliau s.a.w. berkata, Selanjutnya salah seorang dari mereka menggerakkan tombak pendeknya lalu melemparkannya ke langit, maka tombak tersebut kembali kepada mereka dengan celupan darah fitnah dan cobaan, maka tatkala mereka berada dalam keadaan seperti itu, tiba-tiba Allah mengiriskan penyakit di tengkuk mereka seperti ulat yang keluar dari tengkuk mereka, kemudian mereka mati. Tidak lagi terdengar suara dan gerakan mereka, lalu orang Islam berkata, 'Tidakkah ada seorang lelaki menggadaikan dirinya kepada kita, untuk melihat apa yang di lakukan oleh musuh-musuh tersebut?' Ia berkata, 'Lalu seorang lelaki dari mereka telah mempersiapkannya untuk dikorbankan, lalu ia turun dan mendapati mereka telah mati. Selanjutnya ia (lelak itu) berseru: 'Wahai kaum Muslimin, tidakkah kamu berasa senang, sesungguhnya Allah Ta'ala telah menghancurkan musuh kamu, kemudian mereka keluar dari kota-kota dan benteng-benteng mereka dan melepaskan ternak-ternaknya (ke padang rumput) untuk memakan rumput, kemudian mereka tidak mendapati melainkan padang rumput tersebut dipenuhi oleh daging-daging binatang ternak (binatang ternakan menjadi sihat/gemuk kerana memakan rumput yang subur), maka semua susu binatang ternak tersebut penuh (dalam kantung) seperti tunas pohon yang paling bagus (subur) yang tidak pernah dipotong." (Ibnu Majah juga meriwayatkan hadis yang serupa dari Yunus Ibnu Bukair dari Muhammad bin Ishak dan sanadnya Jayyid).

Pada hadis An-Nawas bin Sam'an telah menyebutkan: Isa membunuh Dajjal di Bab Lud (pintu kota Lud) di bahagian timur, ia berkata, tiba-tiba Allah mewahyukan kepada Isa a.s. bahwa Aku (Tuhan) telah memunculkan sekelompok orang dari hamba-hamba-Ku yang tak boleh di bunuh oleh kamu. Maka kumpulkan mereka di gunung Ath-Thur, kemudian Allah mengirim Yakjuj dan Makjuj seperti yang difirmankan Allah: "Dan mereka turun dari tempat-tempat yang tinggi." Maka Isa dan sahabat-

sahabatnya memohon (berdoa) kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, sehingga Allah mengirim ulat pada tengkuk mereka (Yakjuj dan Makjuj), maka mereka pun mati, kemudian Isa dan sahabat-sahabatnya berdoa (lagi) kepada Allah dengan bersungguh-sungguh, maka Allah mengirimkan burung (yang lehirnya panjang) kepada mereka lalu dibawa dan dilemparkan (bangkai Yakjuj dan Makjuj) di mana saja yang dikehendaki Allah.

Dalam hadis Mudbir bin Ubadah dari Ibnu Mas'ud tentang berkumpulnya para Nabi; Muhammad, Ibrahim, Musa dan Isa, lalu mereka saling bertanya tentang hari kiamat, kemudian mereka menyerahkan urusan tersebut kepada Isa dan ia pun berkata; 'Adapun waktunya hanya Allah yang tahu, namun Allah beritahukan kepadaku bahawa Dajjal muncul dan bersamanya dua pedang yang tajam, apabila ia melihatku, maka ia akan meleleh (cair dan hancur) seperti timah, ia berkata, Allah akan membinasakannya hingga batu dan pohon berkata, Wahai Muslim, di bawahku ada orang kafir, kemarilah dan bunuhlah dia, ia berkata, lalu Allah membinasakan mereka dan orang kembali ke tanah air mereka. Ia berkata, maka pada saat itu Yakjuj dan Makjuj keluar dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat-tempat yang tinggi. Mereka menginjakkan kakinya di negeri mereka. Apa saja yang mereka lewati dimusnahkan dan air yang mereka temui diminumnya, ia berkata, maka orang pulang sambil mengeluhkan perih (angara) mereka (Yakjuj dan Makjuj). Lalu Aku mendoakan mereka agar ditimpa musibah, kemudian mereka (Yakjuj dan Makjuj) dimusnahkan sampai bumi penuh dengan bau busuk bangkal mereka. Selanjutnya, Allah menurunkan hujan dan menyapu bersih mereka hingga menghayutkannya ke laut. Maka tentang apa yang dijanjikan Allah kepadaku, bahwa apabila keadaannya seperti itu, maka akan tibalah hari kiamat seperti perempuan yang hamil tua, keluarganya tidak tahu bila mereka dikejutkan dengan lahirnya malam atau siang.

1). Siapakah Yakjuj dan Makjuj?

Yakjuj dan Makjuj adalah dua kelompok dari bangsa Turki dari anak cucu Adam, sebagaimana yang dijelaskan oleh sebuah hadis soheh. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.; *“Allah s.w.t. akan berfirman ketika pada hari kiamat (kelak); ‘Wahai Adam!’ Maka dia (Adam) menjawab: ‘Aku penuhi panggilan-Mu dengan segala kerendahan dan kebaikan hanya ada pada-Mu’. Maka Allah berfirman: ‘Apakah sudah keluar Ba’thunnur?’ Adam bertanya: ‘Apakah Ba’thunnur itu?’ Allah menjawab: ‘Pada tiap-tiap 1000 orang ia ada 999 orang’. Apabila dia sudah keluar, maka ketika itu anak kecil akan beruban dan setiap wanita hamil akan melahirkan, dan engkau akan melihat manusia dalam keadaan mabuk. Sebetulnya mereka tidaklah mabuk, akan tetapi (mereka kelihatan) seperti orang yang sedang mabuk kerana azab Allah itu sangat pedih.”* Para sahabat bertanya: *“Ya Rasulullah, yang manakah di antara kami yang satu (1000-999) itu?”* Beliau s.a.w. menjawab: *“Bergembiralah kamu, kerana sesungguhnya seorang lelaki dari kamu adalah sama dengan 1000 orang berbanding Yakjuj dan Makjuj.”* (Riwayat Bukhari dalam kitab Al-Fitan, kitab Al-Ambia’, bab kisah Yakjuj dan Makjuj, dari Abi Sa’id Al-Khudri.)

Yakjuj dan Makjuj adalah keturunan Yafit bin Nuh. Kerana, Nuh mempunyai tiga anak iaitu; Anak pertamanya bernama Ham, dia adalah nenek moyang orang Habsyi (Afrika). Anak yang kedua bernama Sam, dia adalah nenek moyang bangsa Arab, Parsi dan Rom. Sementara anak yang ketiga adalah Yafit, dia adalah nenek moyang bangsa Turki. Oleh itu Yakjuj dan Makjuj adalah keturunan bapa-bapa saudara dari bangsa Turki, iaitu bangsa-bangsa Cina, Rusia, Jepun, Mongolia, dan sejenis mereka).

Adapun ciri-ciri mereka, seperti mana yang disebut oleh hadis, adalah seperti bangsa Turki Mongolia: Bermuka lebar, bermata sepet (kecil), berambut perang (hitam keputih-putihan atau keruh seperti awan), seakan-akan wajah mereka adalah seperti meja yang bundar. Ciri-ciri mereka yang seperti ini telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis marfu’

yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam musnadnya dari Abu Harmalah dan dari emak saudaranya.

Al-Hafiz Ibn Kathir berkata: “Orang yang mengatakan bahawasanya di antara mereka itu (Yakjuj dan Makjuj itu) yang tinggi ramping seperti pohon kurma dan di antara mereka ada yang pendek serta ada pula yang mempunyai dua telinga yang mana salah satunya mereka gunakan untuk menutupi diri mereka (selimut) sedangkan satu lagi untuk berpijak (sebagai lapik duduk), mereka (orang yang berkata seperti ini) adalah orang yang berbicara tanpa ilmu dan tanpa dalil.” (Lihat: Kitab Al-Fitan wa Al-Malahim, bab Zikrul Yakjuj wa Makjuj, halaman 130). Maksud daripada tafsiran Ibn Kathir ini ialah bahawa rupa Yakjuj dan Makjuj bukan berupa pelik seperti yang digambarkan oleh mereka yang menafsirkan ayat Aal-Quran tanpa ilmu. Tetapi menurutnya rupa Yakjuj dan Makjuj adalah seperti rupa manusia biasa juga, kerana Yakjuj dan Makjuj berketurunan dari Yafr bin Nuh seperti yang dijelaskan di atas.

2). Di manakah Yakjuj dan Makjuj berada sekarang?

Allah s.w.t. berfirman: *“Sehingga apabila dia telah sampai di antara dua buah gunung dia mendapati di hadapan kedua gunung itu suatu kaum yang hampir tidak difahami pembicaraannya. Mereka berkata: Wahai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu orang yang membuat kerosakan di muka bumi, maka dapatkah kami memberikan suatu pembayaran (upah) kepada kamu, supaya kamu membuat dinding di antara mereka? Zulkarnain berkata: Apa yang telah dikuasakan oleh Rabbku kepadaku terhadapnya adalah lebih baik, maka tolonglah aku dengan kekuatan (manusia dan alat-alat), agar aku membuatkan dinding antara kamu dan mereka.”* (Surah Al-Kahfi: 93-95)

Jadi, Yakjuj dan Makjuj adalah terkurung di belakang dinding yang dulunya dibina oleh Zulkarnain untuk mereka yang disebabkan mereka banyak berbuat kerosakan dan kejahatan. Dinding penghalang itu tebal, teguh dan tinggi menjulang yang terbuat dari besi dan tembaga yang dicampur,

sehingga mereka tidak dapat melubanginya kerana sangat tebalnya dan tidak pula dapat memanjatnya kerana sangat tinggi dan licin. Dinding tersebut dibangun antara dua pembatas yang besar iaitu gunung yang besar.

Di manakah letak dinding ini? Ibn Abbas, ahli tafsir al-Quran, berkata: "Ia terletak di persimpangan negeri Turki berdekatan dengan negeri Armenia dan Azerbaijan." (Sebahagian besar ahli tafsir telah mengutip perkataan ini dari Ibn Abbas, sila lihat Tafsir al-Qurtubi, Al-Baidhawi dan Ruhul Ma'ani oleh Al-Alusi).

Dari keterangan di atas jelaslah bahawa tembok itu terletak di perbatasan antara Turki dengan Rusia, berdekatan dengan pergunungan Kaukasus. (Pergunungan Kaukasus tingginya antara 1000 hingga 3000 meter).

Walau bagaimana pun demikian, adalah lebih baik bagi kita untuk mengatakan bahawa tidak ada seorang pun yang akan dapat atau mampu mencapai tempat Yakjuj dan Makjuj itu, sebagaimana halnya siapa pun tidak akan mampu mencapai tempat Dajjal yang sekarang ini juga masih terkurung. Kerana keluarnya semua mereka itu berkaitan dengan "masalah takdir" dan ketentauan dari Allah, yang waktunya sudah ditentu dalam Luh Mahfuz. Allah s.w.t. berfirman; *"(Zulkurnain berkata); 'Dan apabila telah datang janji Rabbku, Dia akan menjadikannya hancur luluh. Dan janji Rabbku adalah benar'."* (Surah Al-Kahfi: 98).

3). Bilakah Yakjuj dan Makjuj akan keluar?

Yakjuj dan Makjuj akan keluar setelah Isa membunuh Dajjal, dan Allah s.w.t. akan mengizinkan mereka untuk keluar dengan menjadikan dinding tersebut terpecah. Walau pun mereka tidak pernah berputus asa untuk berusaha keluar sejak mereka dikurung, namun mereka setiap hari sentiasa berusaha melubangi dinding raksasa tersebut, sehingga apabila mereka sudah hampir melihat cahaya matahari, berkatalah pemimpin mereka: "Kembalilah kamu, kita akan membukanya esok hari."

Kemudian mereka pun pulang, setelah itu (keesokan hari) mereka akan mendapati lubang itu tertutup kembali seperti sediakala, sehingga apabila telah datang janji Allah, maka orang yang di atas (pemimpin) mereka mendapat ilham dari Allah untuk mengatakan “Insya Allah” dengan berkata: “Kembalilah kamu, **Insya Allah** kita akan membukanya esok hari.” Kemudian mereka pun pulang dan ketika mereka kembali lagi, maka pada hari berikutnya mereka mendapati dinding yang dilubang itu tetap seperti yang mereka tinggalkan semalamnya (berlubang), dan mereka pun berhasil membukanya dan keluar kepada manusia.

Suatu ketika, semasa Rasulullah s.a.w. terbangun dalam keadaan terkejut dan berkata: *“La Ilaha Illallah, celakalah orang Arab akibat bencana yang sudah mendekat, pada hari ini hampir saja pembukaan (berlubangnya) dinding Yakjuj dan Makjuj selesai seperti ini.”* Beliau s.a.w. melingkarkan ibu jari dengan telunjuknya. Lalu bertanyalah Zainab binti Jahsyi (isteri baginda s.a.w): *“Wahai Rasulullah, apakah kita akan hancur sedangkan di antara kita terdapat orang yang soleh?”* Beliau s.a.w. menjawab: *“Ya, apabila sudah banyak terjadi kemaksiatan (dosa).”* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

4). Yakjuj dan Makjuj akan menyerang dan membinasakan manusia

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Dinding Yakjuj dan Makjuj akan terbuka, maka mereka akan menyerang semua manusia, sebagaimana firman Allah s.w.t.; ‘Dan mereka turun dengan cepat dari seluruh tempat-tempat yang tinggi’. (Surah Al-Ambia’: 96). Maka mereka akan menyerang manusia, sedangkan kaum Muslim akan berlari dari mereka dan pergi berlindung ke kota-kota dan benteng-benteng mereka, kemudian mereka mengambil binatang-binatang ternak bersama mereka. Sedangkan mereka (Yakjuj dan Makjuj) meminum semua air di bumi, sehingga apabila sebahagian mereka melewati sebuah sungai, maka mereka pun meminum air sungai tersebut sampai kering dan ketika sebahagian yang lain dari mereka melewati sebuah sungai, maka mereka pun meminum air sungai tersebut*

sampai kering dan ketika sebahagian yang lain dari mereka melewati sungai yang sudah kering tersebut, maka mereka berkata: 'Dulu di sini pernah ada air'. Dan apabila tidak ada lagi manusia yang baki kecuali seorang saja di sebuah kota atau benteng, maka berkatalah salah seorang dari mereka (Yakjuj dan Makjuj): 'Mereka (penduduk bumi) sudah kita habisi, maka yang tertinggal adalah penduduk langit'. Kemudian salah seorang dari mereka melemparkan tombaknya ke arah langit, dan tombak tersebut kembali dengan berlumuran darah yang menunjukkan suatu bala dan fitnah. Maka tatkala mereka sedang asyik berbuat demikian, Allah s.w.t. mengutus ulat ke lahir mereka seperti ulat belalang yang keluar dari tengkoknya, maka pada pagi harinya mereka pun mati dan tidak terdengar satu nafas pun (semuanya mati). Setelah itu kaum Muslim berkata: 'Apakah ada seorang lelaki yang mahu menjual dirinya (berkorban) untuk kami untuk melihat (menyelidiki) apa yang sedang dilakukan oleh musuh kita ini?' Maka majulah salah seorang dari mereka dengan perasaan (menganggap) bahawa dia telah mati (bertekad untuk mati), kemudian dia menemui bahawa mereka (Yakjuj dan Makjuj) semua telah mati dalam keadaan sebahagian mereka di atas sebahagian yang lain (bertindihan), maka lelaki tersebut menyeru: 'Wahai kaum Muslim bergembiralah kamu sesungguhnya Allah s.w.t. sendiri sudah membinasakan musuh kamu'. Maka mereka pun keluar dari kota-kota dan benteng-benteng (kubu tempat perlindungan), dan melepaskan ternak-ternak mereka ke padang-padang rumput, kemudian mereka tidak mendapati melainkan padang rumput tersebut dipenuhi oleh daging-daging binatang ternak (binatang ternakan menjadi sihat/gemuk kerana memakan rumput yang subur), maka semua susu binatang ternak tersebut penuh (dalam kantung) seperti tunas pohon yang paling bagus yang tidak pernah dipotong." (Hadis soheh riwayat Ahmad, Ibn Majah, Ibn Hibban dan Al-Hakim dari Abu Said).

Adapun jumlah Yakjuj dan Makjuj adalah sangat besar yang tidak dapat dihitung seperti mana jumlah semut atau belalang, kerana sangat banyaknya, sehingga kaum Muslim akan menyalakan api selama 7 tahun untuk berlindung dari

penyerangan Yakjuj dan Makjuj, para pemanah dan perisai mereka. (Lihat: Hadis soheh riwayat Ibn Majah dari An-Nawwas. Dalam As-Sohehah Al-Albaani, no. 1940.).

Fitnah dan kejahatan mereka adalah sangat besar dan menyeluruh, tidak seorang manusia pun yang dapat mengatasinya, sehingga ketika mereka telah keluar, maka Allah s.w.t. berkata kepada Isa Ibn Maryam: *“Sesungguhnya Aku telah mengeluarkan hamba-hamba (Yakjuj dan Makjuj) yang tidak mampu diperangi oleh sesiapa pun, maka hendaklah kamu mengasingkan hamba-hamba-Ku (kaum Muslimin) ke bukit Thur (Tursina).”* Dan di sana terkepunglah Nabi Isa a.s. beserta para sahabatnya, sehingga harga sebiji kepala sapi lebih mahal dari 100 dinar (berlaku kelaparan). Kemudian Nabi Isa a.s. dan para sahabat-sahabatnya menginginkan itu, maka mereka tidak menemukan sejengkal pun dari tanah di bumi kecuali ia dipenuhi oleh bau hanyir dan busuk mereka (bangkai Yakjuj dan Makjuj). Kemudian Nabi Isa dan para sahabatnya meminta (memohon) kelapangan kepada Allah s.w.t., maka Allah mengutus seekor burung (raksasa) yang akan membawa mereka, kemudian menurunkan mereka sesuai dengan kehendak Allah, kemudian Allah menurunkan air hujan yang tidak meninggalkan satu rumah pun di kota atau di kampung (padang pasir), maka ia membasahi bumi sehingga menjadi seperti perigi yang penuh (dengan air). (Lihat hadis-hadis riwayat Ahmad, Muslim dan Tirmizi dari An-Nawwas bin Sam'an)

Jadi, penyelamat dari fitnah Yakjuj dan Makjuj adalah Isa Ibn Maryam yang mengarahkan kaum Muslim berlindung di bukit Tursina di Senai, Mesir, mengikut seperti mana yang diwahyukan oleh Allah; *“Bawalah hamba-hamba-Ku ke Thur.”*

5). Pusat Angkasa NASA temui kewujudan Yakjuj dan Makjuj

Surah al-Kahf ayat 92-99, yang dikemukakan pada awal bab ini, iaitu mengenai suatu kaum yang disebut oleh

ayat al-Quran tersebut yang tidak memahami bahasa, akhbar Weekly World News telah mendedahkan tentang penemuan mengejutkan mengenai satu kaum primitif yang di panggil Mole People yang hidup 20 batu di bawah tanah, menggunakan terowong rahsia untuk memasuki United States. Penemuan ini telah dibuat bukan oleh ahli kaji purba, tetapi oleh saintis NASA yang menggali jauh ke dalam Bumi dan mereka cuba menyembunyikan kewujudan kaum ini dari pengetahuan awam.

Seorang pekerja NASA yang tidak mahu dikenali telah mendedahkan gambar-gambar eksklusif dan informasi mengenai kaum 'orang gua' ini. "Cerita ini harus diberitahu," kata sumber itu. "Ia terlalu besar untuk disorok". Sumber itu telah mendedahkan beberapa rahsia besar mengenai Mole People. "Nampaknye mereka seperti kaum yang peramah", beliau berkata, "Tetapi mereka amat primitif. Kami cuba berkomunikasi dengan mereka, tetapi ia satu kerja yang susah memandangkan mereka tidak tahu bahasa English. Mole People, sebagaimana yang kami panggil, mempunyai laluan senang untuk ke muka Bumi (surface world)."

Kata sumber itu; "Dengan demikian, President Bush mengendalikan situasi ini dengan penuh berhati-hati. Tersilap langkah boleh mengakibatkan makhluk ini mengisytiharkan perang dengan manusia di atas. Kami tidak pasti berapa jumlah mereka ini. Kami baru melihat satu bandar setakat ini, dengan anggaran 2,000 orang Mole tinggal di situ. Tetapi ada pihak yang menyatakan bahawa mungkin berjuta-juta orang Mole tinggal merata-rata di dalam bandar-bandar bawah tanah, berselerak di bawah muka Bumi".

Makhluk itu mempunyai beberapa persamaan dengan manusia dan juga sedikit perbezaan. "Seperti kita, mereka berjalan dengan dua kaki, tetapi mereka jauh lebih tinggi dari manusia biasa, setinggi 8 ke 10 kaki tinggi. Jari-jari mereka seperti kuku binatang. Dan tangan mereka juga seperti kaki itik (web), direka untuk menggali, bukan seperti kuku mole. Kulit mereka sangat kuat. Ia adalah untuk menahan panas yang melampau dan juga keadaan yang teruk di bawah Bumi.

Didapati bahawa terdapat perhubungan dan interaksi di antara manusia dengan makhluk ini suatu ketika dahulu, mereka bercakap di dalam bahasa yang hampir sama dengan dialek Navajo Lama.”

Sumber itu juga menyatakan bahawa kaum Mole ini mempunyai sistem otot-otot yang sangat besar, membuatkan mereka mampu bertindak ganas. “Apabila salah seorang ahli ekspedisi itu menyalakan rokok, kaum Mole menganggap itu sebagai satu ancaman dan terus menyerang beliau. Mereka mencakar dan menyerang beliau seperti kucing hutan, hampir menjatuhkan beliau bersama rokoknya. Beliau amat bertuah selamat dan hidup dari insiden itu”.

Kaum Mole amat berminat dengan dunia atas muka Bumi, pakaian, alat-alatan dan makanan terutamanya. Mereka amat meminati buah-buahan segar. “Saya belikan mereka sedikit anggur, dan mereka terus berpesta dan bersukaria”, mengikut kata sumber.”Amat jelas mereka tidak boleh menanam buah-buahan mereka sendiri memandangkan mereka tinggal 20 batu di bawah muka Bumi”.

NASA amat berminat untuk mengkaji kaum Mole. “Kami mahu tahu segala-galanya mengenai mereka, apa yang mereka makan, bagaimana mereka tinggal dan yang paling mustahak, apakah perhubungan mereka dengan kaum manusia.”

“Kami tertanya-tanya jikalau mereka itu ada kaitan dengan manusia di dalam aspek-aspek yang tertentu. Adakah mereka adalah nenek moyang manusia moden hari ini secara genetiknya?”

Pakar berkata terdapat spekulasi yang pelbagai mengenai kaum Mole. “Mereka boleh jadi apa saja, dari Yetis (Big Foot), makhluk asing dari angkasa atau saki-baki orang yang terselamat dari bandar “Atlantis Yang Hilang”. Pakar juga berkata penemuan ini telah menimbulkan beberapa andaian. Adakah makhluk itu musuh dan suka berperang ataupun peramah dan sanggup bekerjasama? Dan bagaimana dengan

minyak dan simpanan mineral di bawah Bumi? Siapa yang memiliki mereka: kaum Mole atau kita? Bagaimanakah dengan NASA yang mana misi asalnya adalah untuk meneroka ruang angkasa, telah menjumpai kaum yang hidup di bawah muka Bumi? Jurucakap NASA tidak menafikan mahupun mengiyakan laporan itu. Setelah menerima tekanan hebat dari wartawan, jurucakap White House menjanjikan informasi yang dibenarkan oleh White House untuk disebar. Tetapi beliau telah memberi amaran “mungkin tidak untuk jangkamasa yang terdekat”.

Menurut sumber itu, NASA menjumpai kaum bawah tanah itu dalam bulan Ogos ketika sedang menjalankan projek rahsia yang di beri nama *Operation Mole Hole*, satu inisiatif yang mana wartawan sekarang percaya ia mungkin untuk mengintip China, menggunakan “teknologi bawah tanah”. Setakat ini NASA telah menjumpai pintu laluan rahsia ke dunia bawah tanah di kawasan sekitar Washington State’s Mount Shasta, gua Mammoth di Kentucky dan juga gua-gua yang berselerak sekitar barat daya U.S mengikut kata sumber. Berkurun lamanya manusia telah bercerita tentang kewujudan makhluk di bawah muka Bumi. Sekarang, buat pertama kalinya, spekulasi itu telah dibuktikan kesahihannya. Tetapi sama ada makhluk-makhluk ini kawan ataupun lawan masih tidak diketahui. (Tranungkite.net 5.5.2003)

2. Matahari terbit dari arah barat

Terbitnya Matahari dari barat adalah sebagai tanda kiamat besar, ertinya telah sangat hampir terjadi kiamat. Tanda ini juga akan dilihat oleh orang Mukmin, yang masih baki, yang setiap hari sehingga ke waktu malam mereka menghabiskan masa beribadah di masjid, jumlah mereka amat sedikit. Namun yang ramai ialah mereka yang tidak beriman. Ketika terbit Matahari dari barat baru mereka terperanjat dan mula mempercayai kebenaran yang sebelum ini mereka tolak. Ketika itu tiada lagi peluang dan tidak lagi bermanfaat (tidak diterima) taubat seseorang hamba Allah.

Kebenaran tentang tanda-tanda pemusingan tabiat alam itu telah diceritakan di dalam al-Quran dan dalam banyak hadis yang soheh yang dibentangkan di bawah ini, bukah untuk bagai pengetahuan sahaja, tetapi untuk tindakan dan amalan, sebagai persediaan menghadapi saat kiamat yang setiap orang bakal hadapi, iaitu mati:

Allah Ta'ala telah berfirman: *"Yang mereka nanti-nantikan, tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka) atau kedatangan (seksa) Tuhanmu atau kedatangan beberapa ayat Tuhanmu (tanda-tanda kiamat), Pada hari datangnya ayat dari Tuhanmu, tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya. Katakanlah: 'Tunggulah olehmu, sesungguhnya Kami pun menunggu (pula).'"* (Surah Al-An'am: 158).

Imam Ahmad berkata, telah menceritakan kepada kami Waki' dari Ibnu Abi Laila dari Athiyah Al-Awfa dari Abi Sa'id Al-Khudri dari Nabi s.a.w. tentang maksud ayat al-Quran: *"Pada hari datangnya tanda-tanda Tuhanmu, tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang bagi dirinya sendiri."* Ia berkata bahawa maksudnya ialah "terbitnya Matahari dari barat". (Riwayat At-Tirmizi dari Sufyan bin Waki' dari ayah).

Imam Bukhari berkata tentang penafsiran hadis ini, bahawa telah menceritakan kepada kami Musa bin Ismail dari Abdullah Wahid dari Ammarah dari Abu Zur'ah dari Abu Hurairah, ia berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Hari kiamat tidak akan terjadi sampai Matahari terbit dari barat, tatkala manusia melihatnya mereka pun beriman. Itulah hari, ketika iman seseorang tidak lagi bermanfaat bagi dirinya sendiri (bagi) yang belum beriman sebelum itu."*

Hadis selanjutnya ini datang dari beberapa jalur dari Abi Hurairah dan dari sekelompok sahabat, dari Abi Syuraihah Hudzaifah bin Sa'id dari Rasulullah s.a.w., beliau bersabda: *"Hari kiamat tidak terjadi sampai kamu melihat sepuluh tanda,*

yaitu; terbitnya Matahari dari barat, keluar binatang melata (dabbul ardh), munculnya Yakjuj dan Majuj, serta Isa dan Dajjal, tiga gerhana; gerhana di timur, di barat dan di pulau Arab dan keluar api dari dasar Adn (Yaman) yang menggiring atau menghimpun manusia. Ia bermalam dengan mereka di mana saja mereka tinggal dan tidur di siang hari bersama mereka di mana saja mereka tidur.” (Hadis riwayat Muslim, Ahmad, Ahlussunan).

Hadis Muslim dari hadis Al-Alaa' dari ayahnya, dari Abi Hurairah dan dari hadis Qatadah dari Al-Hasan, dari Ziyad bin Rabah dari Abi Hurairah, dari Rasulullah s.a.w., beliau bersabda: *“Bersegeralah berbuat kebajikan sebelum datangnya enam perkara, lalu beliau menyebutkan di antaranya: terbitnya matahari dari barat, kabut, binatang melata...”* (seterusnya seperti yang telah dikemukakan di atas).

Al-Hafiz Abu Bakar bin Mardawaih berkata dalam tafsirnya, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ali bin Dahim dari Ahmad bin Hazim bin Ali Gharzah dari Dirar bin Sard dari Ibnu Fudhail dari Sulaiman bin Yazid dari Abdullah bin Abi Awfa, ia berkata, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesungguhnya suatu malam akan datang kepada manusia yang menyamai tiga malam kamu ini. Apabila keadaan demikian terjadi, orang yang suka melaksanakan ibadah sunnah mengetahuinya. Salah seorang mereka bangun lalu membaca al-Quran, kemudian tidur dan bangun lalu membaca al-Quran, kemudian tidur, maka tatkala mereka berkeadaan (beramal) seperti itu, sebahagian orang berteriak kepada yang lain. Selanjutnya mereka berkata; ‘Apa ini?’ mereka segera lari pergi ke masjid-masjid, ternyata matahari telah terbit (dari barat) sampai kedudukannya berada di tengah-tengah langit. Ia kembali dan terbit dari tempatnya, ia berkata; ‘pada hari itulah iman seseorang tidak lagi bermanfaat bagi dirinya sendiri.’”*

Kemudian Ibnu Mardawaih bertanya dari jalur Sufian Ath-Thauri dari Mansur dari Rib'iy dari Huzaifah, ia bertanya kepada Nabi s.a.w; *‘Apakah tanda terbitnya Matahari dari*

barat'. Beliau s.a.w. menjawab; *"Malam itu menjadi panjang, sampai panjangnya seukuran dua malam, lalu orang yang solat di malam itu memperhatikan, mereka beramal seperti biasanya sedangkan bintang-bintang tidak lagi terlihat kerana telah diam di tempatnya. Mereka tidur lalu bangun dan solat, kemudian mereka tidur lalu bangun dan solat, kemudian mereka tidur lalu bangun dan solat, malam menjadi panjang dan manusia pun terkejut, kerana pagi hari tak kunjung tiba. Maka tatkala mereka menunggu Matahari terbit dari timur, tiba-tiba matahari itu terbit dari arah barat, maka ketika manusia (yang belum beriman) melihatnya mereka pun beriman, padahal iman mereka (yang belum beriman sebelum itu) tidak lagi bermanfaat."*

Pada hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan At-Tirmizi dan dibenarkan oleh An-Nasaie dan Ibnu Majah dari jalur Ashim bin Abi Manjud dari Zir bin Hubaisy dari Shafwan bin Assal, katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Sesungguhnya Allah telah membuka, sebuah pintu taubat sebelum magrib yang luasnya 70 atau 40 hasta, tidak ditutup sampai Matahari terbit."*

Sesungguhnya, semenjak Allah s.w.t. mencipta langit dan bumi, setiap hari Matahari selalu mula terbit di timur dan terbenam di barat dan dia minta kepada Tuhannya untuk selalu melakukan hal itu, dia selalu mendapat izin. Sehingga apabila telah datang suatu waktu yang dijanjikan oleh Allah s.w.t., ia meminta izin kepada Allah untuk terbit seperti biasanya, akan tetapi pada kali itu ia tidak mendapat izin, kemudian dia minta izin lagi, akan tetapi ia tidak mendapat izin, selama tiga hari ia tidak terbit, kemudian dikatakanlah kepadanya (Matahari); *"Kembalilah kamu dari tempat datangmu"*, dan ketika orang belum bergerak (dari tidur) tiba-tiba Matahari sudah terbit dari tempat terbenamnya (di barat).

Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Apakah kamu tahu ke manakah Matahari itu akan pergi? Sesungguhnya ia adalah berjalan sehingga ia sampai ke suatu tempat di bawah Arasy, maka ia segera bersujud, ia selalu dalam keadaan sujud"*

sehingga dikatakan kepadanya: 'Naiklah kamu dan kembalilah ke tempat datangmu', maka ia pun terbit dari tempat terbitnya, kemudian ia berjalan sehingga ia sampai ke suatu tempat di bawah Arasy, maka ia segera bersujud, ia selalu dalam keadaan sujud sehingga dikatakan kepadanya: 'Kembalilah kamu ke tempat datangmu', maka ia pun terbit dari tempat terbitnya, kemudian ia terus berjalan dan tidak seorang manusia pun yang tahu tentangnya (keadaan Matahari itu) sehingga ia sampai ke tempat asalnya di bawah Arasy, maka dikatakan kepadanya: 'Naiklah dan terbitlah kamu dari tempat terbenammu', maka ia pun terbit dari tempat terbenamnya, apakah kamu tahu bilakah hal itu akan terjadi? Itu akan (pasti) terjadi. Pada waktu itu tidak akan berguna lagi iman seseorang yang belum pernah beriman sebelumnya atau belum pernah berbuat baik dengan imannya.' (Riwayat Muslim dari Abu Zar).

Al-Hafiz Al-Baihaqi dalam kitab "Al-Ba'thu wa An-Nusyur" meriwayatkan suatu hadis dari Ibn Mas'ud tentang hal ini: *"Pada malam itu seorang lelaki akan memanggil tetangganya: 'Wahai saudara apakah yang telah terjadi terhadap kita pada malam ini? Aku telah tidur sampai puas dan aku pun telah solat sampai penat'. Kemudian dikatakanlah kepadanya (Matahari): 'Terbitlah kamu dari tempat terbenammu'. Dan itulah hari yang tidak berguna iman seseorang yang tidak pernah beriman sebelumnya atau berbuat baik dalam imannya."* (Lihat: Fathul Baari, Kitaburriqaq, juz. 11, Bab Tulu'issyamsyi Min Maghribiha. Dan juga Kitabul Fitn wal Malahim, Zikru Tulu'issyamsyi Min Maghribiha).

Sesungguhnya cara terbitnya Matahari yang terbalik dari kebiasaannya ini hanyalah akan terjadi selama satu hari saja, dan dengannya tertutuplah pintu taubat, kemudian gerakan Matahari akan kembali seperti sedia kala, maka dia akan kembali terbit dari timur sampailah terjadi kiamat.

Dalam hadis Ibnu Abbas, oleh Ibn Mardawiyah termaktub bahawa Ubai bin Kaab bertanya kepada Rasulullah s.a.w.; *"Maka bagaimana jadinya Matahari dan manusia setelah itu? Beliau s.a.w. menjawab: 'Matahari akan tetap menyinarkan*

cahayanya dan akan terbit sebagaimana terbit sebelumnya, dan orang akan menghadapi (tugas-tugas) dunia mereka, apabila kuda seorang lelaki melahirkan anaknya, maka ia tidak akan dapat menunggang kuda tersebut sampai terjadinya kiamat'." (Lihat: Fathul Baari, Kitaburriqaq, juz. 11, Bab Tulu'issyamsyi Min Maghribiha).

3. Keluar binatang melata dari perut bumi yang boleh berbicara dan mengenali sifat-sifat manusia

Allah s.w.t. berfirman: *"Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka, bahwa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami."* (Surah An-Naml: 82)

Ibnu Abbas, Al-Hasan dan Qatadah berkata, bahawa maksud firman Allah: "mengatakan kepada mereka" artinya menggalak mereka berbicara dengan sebuah pembicaraan. Ibnu Jarir mentarjih bahwa binatang tersebut mengajak berbicara lalu ia berkata kepada mereka; "Sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami", ia menceritakan dari Atha dan Ali, tentang masalah ini perlu adanya tinjauan. Dan dari Ibnu Abbas: bahwa maksud "menyatakan kepada mereka" mengeluarkan mereka yakni tertulis pada dahi orang kafir akan tulisan "KAFIR". Dan orang beriman bertulisan "MUKMIN", binatang mengajak mereka berbicara dan mengeluarkan mereka. Pendapat ini tersusun dari dua mazhab yang kuat dan baik yang mencakup kedua pendapat tersebut di atas.

Ibnu Majah berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Ghasan Muhammad bin Umar dari Abu Numailah dari Ibnu Ubaid dari Abdullah bin Buraidah dari ayahnya, ia berkata, Rasulullah pergi bersamaku ke sebuah tempat di sebuah padang sahara dekat Makkah dan ternyata itu adalah sebidang tanah kering dikelilingi pasir, maka Rasulullah s.a.w bersabda: *"Binatang melata itu muncul dari tempat ini dan ternyata itu adalah sebuah lubang yang berukuran setengah jengkal."*

Ibnu Buraidah berkata, kemudian aku menunaikan haji setelah beberapa tahun, lalu aku menengoknya (tempat yang disebut oleh Rasulullah s.a.w.), ternyata apabila diukur dengan tongkatku, ukurannya begini dan begitu, yakni setiap kali waktu berlalu, tempat tersebut bertambah luas sampai tiba waktu kemunculannya.

Abdurrazaq Al-Ma'mar berkata, dari Qatadah bahwa Ibnu Abbas berkata, bahawa binatang melata tersebut merupakan jenis binatang yang mempunyai bulu-bulu halus, berkaki empat, keluar dari sebahagian lembah Tihamah (daratan rendah yang terietak antara tepi pantai dengan sebuah gunung di Hijaz dan Yaman). Sa'id bin Mansur meriwayatkannya dari Uthman bin Mathar dari Qatadah dari Ibnu Abbas sebagaimana hadis tersebut.

Ibnu Abi Hatim berkata; "Ayahku bercerita kepadaku dari Abdullah bin Rawha' daari Fudhail bin Marzuq dari Atiyah, ia berkata bahawa Abdullah berkata; 'Binatang melata itu keluar dari lubang pada Safa seperti larinya kuda. Sepertiga dari binatang itu tidak muncul selama tiga hari. Dan dari Abdullah bin Amr bahwa ia berkata, Binatang ini muncul dari bawah batu, lalu menghadap ke timur dan berteriak satu kali hingga sampai ke arah lain, kemudian menghadap ke Syam lalu berteriak satu kali yang sampai kedengaran suaranya ke arah lain, kemudian menghadap ke Yaman, lalu berteriak berteriak satu kali hingga tembus (terdengar) ke arah lain, lalu ia pergi dari (meninggalkan) Makkah, kemudian ia berada di Afsan'. Dikatakan kepadanya: 'Kemudian apa (kesudahannya)?' Ia lalu menjawab: 'Kemudian aku tidak tahu'. Dan dari Abdullah bin Amr juga bahwa ia berkata; 'Binatang itu keluar dari bawah Sadum, yakni kota kaum Luth. Pendapat-pendapat ini saling bertentangan.'" *Wallahu 'a'alam.*

Dari Abi At-Tufail bahwa ia berkata; "Binatang tersebut keluar dari Safa atau Marwah." (Riwayat Al-Baihaqi).

Ibnu Abi Hatim berkata, telah menceritakan kepadaku ayahku dari Abu Saleh dari penulis Al-Laith, Mu'awiyah bin

Abi Salih bercerita kepadaku dari Abu Maryam, bahwa ia mendengar Abu Hurairah berkata; “Sesungguhnya binatang melata itu memiliki semua warna, dan antara dua tanduknya ada tempat renggang bagi pengendera (penunggang).”

Dari Amirul Mu'minin Ali bin Abi Talib, ia berkata; “Sesungguhnya binatang itu mempunyai kepala, bulu-bulu yang halus, berpunggung, mempunyai ekor, berjanggut dan ia muncul tiga kali seperti larinya kuda yang kencang dan dua pertiganya tidak keluar.” (Riwayat Ibnu Abi Hatim).

Ibnu Juraij berkata, dari Abu Az-Zubair bahwa ia menerangkan ciri-ciri binatang melata itu kemudian ia berkata; “Kepalanya seperti kepala sapi, matanya seperti mata babi, telinganya seperti telinga gajah, tanduknya seperti tanduk kijang, lehernya seperti leher burung unta, dadanya seperti dada singa, warnanya seperti warna harimau, bahagian ponggongnya seperti kucing, ekornya seperti ekor kambing, kakinya seperti kaki unta, jarak antara kedua persendiannya dua belas hasta, bersamanya keluar tongkat Nabi Musa dan cincin Nabi Sulaiman, lalu tidak terbaki orang beriman kecuali ditulis pada wajahnya dengan tongkat Nabi Musa, sebuah tanda putih, lalu tanda tersebut menyebar sampai wajahnya memutih dan orang yang sedang berjual-beli di pasar berkata; ‘Wahai Mukmin berapa harga barang ini? Wahai kafir berapa harga barang ini?’. Dan penduduk Makkah duduk di mejanya kemudian mereka mengetahui sesiapa yang beriman dan yang kafir. Selanjutnya binatang itu berkata kepada mereka: ‘Wahai Fulan, bersuka rialah, kamu termasuk penduduk syurga, dan wahai Fulan kamu termasuk penduduk neraka’. Oleh kerana itu Allah berfirman: *‘Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka, sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami’* (Surah An-Naml ayat 82).” (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān Wal Malahim oleh Ibnu Kathir).

Ibn Majah meriwayatkan hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; “*Binatang bumi itu akan keluar*

dengan membawa Tongkat Musa dan Cincin Sulaiman, maka ia akan mencap (menanda) pada hidung orang kafir dengan tongkat dan akan membuat terang wajah orang Mukmin dengan cincin, sehingga dengan demikian apabila telah berkumpul beberapa orang yang makan di suatu meja hidangan, maka salah seorang dari mereka akan berkata: 'Makanlah ini wahai orang Mukmin dan makanlah ini wahai orang kafir.' (Riwayat Abu Daud At-Thayalisi, Ahmad dan Ibnu Majah. Semua riwayat-riwayat bersumberkan dari Hammad bin Salamah dari Abu Hurairah).

Jadi, inilah ia binatang Allah, salah satu dari tanda kiamat kubra (besar). Abdullah bin Amru bin Ash berkata bahawasanya binatang ini adalah Al-Jassasah yang pernah disebut dalam hadis Tamim Ad-Dari. (Lihat: Syarah An-Nawawi atau Soheh Muslim)

Ibnu Kathir dalam An-Nihayah Fil Fitn Wal Malahim menukilkan hadis dari Ibnu Abbas bahawa binatang melata tersebut dari keturunan iblis. *Wallahu 'alam.*

Muslim berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Bakar bin Abi Syaibah dari Muhammad bin Bisyr dan Abi Hayan, dari Abi Zur'ah, dari Abdullah bin Amr, ia berkata, aku hafaz satu hadis dari Nabi yang belum dilupakan olehku sama sekali, aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Sesungguhnya awal tanda-tanda kiamat ialah matahari terbit dari barat dan munculnya binatang melata di hadapan manusia pada waktu dhuha, mana saja dari keduanya yang muncul terlebih dahulu, maka yang lain akan muncul setelahnya tidak lama kemudian.*" (Riwayat Muslim)

Maksudnya tanda-tanda awalnya tidak seperti biasanya, meskipun Dajjal dan turunnya Isa a.s. dari langit sebelum itu, begitu juga munculnya Yakjuj dan Makjuj semua itu merupakan hal-hal yang biasa. Adapun munculnya binatang tersebut dalam bentuk yang aneh adalah hal yang luar biasa, ia berbicara dengan manusia, ia menandakan pada manusia dengan sebutan iman dan kufur, itu merupakan hal diluar kebiasaan (ganjil).

Itulah awal tanda kiamat dari bumi. Terbitnya matahari dari barat di luar kebiasaannya merupakan awal tanda-tanda kiamat dari langit.

4. Keluarnya Asap

Keluar asap yang menggelapkan seluruh alam adalah tanda yang akan disaksikan oleh orang Mukmin.

Allah Ta'ala berfirman: *"Maka tunggulah hari ketika langit membawa kabut yang nyata yang meliputi manusia. Inilah azab yang pedih. (Mereka berdo'a): 'Ya Tuhan kami, lenyapkanlah dari kami azab itu, sesungguhnya kami akan beriman'. Bagaimanakah mereka dapat menerima peringatan, padahal telah datang kepada mereka seorang rasul yang memberi penjelasan. Kemudian mereka berpaling daripadanya dan mereka berkata (menuduh Nabi s.a.w.): 'Dia adalah seorang yang menerima ajaran (dari orang lain) lagi pula seorang yang gila'. Sesungguhnya (kalau) Kami melenyapkan siksaan itu agak sedikit, sesungguhnya kamu (tetap) akan kembali (ingkar). (Ingatlah) hari (ketika) Kami menghentam mereka dengan hentaman yang keras (semasa peperangan Badar), sesungguhnya Kami adalah pemberi balasan."* (Surah Ad-Dukhan: 10-16).

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *"Sesungguhnya Rabbmu telah memperingatkan kamu dengan tiga hal (pertama): Asap yang akan mengakibatkan kepada orang Mukmin seperti (terasa macam) demam dan kepada orang kafir sehingga ia melepuh (pecah) dan keluar asap dari setiap telinganya, yang kedua adalah binatang, yang ketiga adalah Dajjal."* (Dikeluarkan oleh Ibnu Jarir dan diriwayatkan oleh At-Tabrani dari Malik Al-Asy'ari dan sanadnya adalah jayyid).

Telah berkata Ibn Abi Hatim dan Ali bin Abu Talib: *"Sebelum selesai tanda asap, maka ia akan mengakibatkan kepada orang Mukmin seperti demam dan akan melepuhkan orang kafir sampai pecah."* (Tafsir Ibnu Kathir surah Ad-Dukhan).

Ibn Jarir meriwayatkan dari Abdullah bin Abu Malikah, ia berkata; “Pada suatu pagi saya pergi kepada Ibn Abbas. Maka dia berkata: ‘Malam tadi aku tidak dapat tidur sampai pagi’. Aku bertanya: ‘Apakah sebabnya’. Beliau menjawab; ‘Kerana ramai orang berkata bahawa bintang berekor sudah terbit, maka saya cemas akan kedatangan asap yang sudah mengetuk pintu, maka saya tidak dapat tidur sampai ke waktu pagi’.” (Ibnu Kathir berkata bahawa sanad perkataan ini adalah soheh kepada Ibnu Abbas. Lihat: Tafisr Ibnu Kathir).

Jadi, asap adalah tanda besar kiamat yang akan disaksikan oleh kaum Muslimin, dan tidak akan membahayakan mereka, akan tetapi ia adalah peringatan untuk orang kafir sebagai permulaan azab dan bencana bagi mereka. Asap ini akan tetap ada selama 40 hari.

Oleh kerana itu, maka setelah kemunculan asap ini akan datang angin yang lembut dari arah Yaman, maka ia akan mencabut roh-roh setiap Mukmin, dan ia tidak akan meninggalkan kecuali jiwa-jiwa yang kafir, sebagai permulaan untuk turunnya azab kepada mereka.

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Di pintu gerbang (menjelang) hari kiamat akan datang angin yang akan mencabut roh-roh setiap Mukmin.”* (Riwayat Ahmad, Muslim, Tirmizi dan Ibnu Majah dari An-Nuwas Ibn Sam’an).

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Sesungguhnya Allah akan mengutus suatu angin yang lebih lembut dari sutera dari arah Yaman atau arah selatan. Maka tidak seorang pun yang akan ditinggalkan dari orang yang masih ada Iman di hatinya walaupun seberat biji sawi (zarrah) kecuali dicabut rohnya.”* (Riwayat Muslim dari Abu Hurairah, riwayat Hakim. Lihat juga As-Sohehah oleh Al-Albani).

5. Muncul puak Qahtani yang zalim

Imam Bukhari meriwayatkan dari Abdul Aziz bin Sulaiman bin Bilal dari Muslim dari Qutaibah dari Abdul Aziz

Ad-Darawardy, kedua-danya dari Thaur bin Yazid Ad-Daily dari Abi Al-Ghaith Salim Maula Ibn Muthi' dari Abu Hurairah dari Nabi s.a.w., beliau s.a.w. bersabda; *"Kiamat tidak akan terjadi hingga seorang lelaki Qahthan muncul. Ia mengiring orang dengan tongkatnya."* (Hadis ini juga diriwayatkan oleh Muslim).

Al-Imam Ahmad berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Bakar Al-Hanafi dari Abdul Humaid bin Ja'far dari Umar bin Al-Hakam Al-Ansari dari Abu Hurairah, ia berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Malam dan siang tidak akan lenyap hingga seorang lelaki memiliki budak-budak (hamba) yang disebut Jahjaah."*

Muslim meriwayatkannya dari Muhammad bin Basyar dari Abu Bakar Al-Hanafi. Ada kemungkinan nama ini adalah Zus-Suwaqatain Al-Habsy. Seseengah pula mengatakan kemungkinan orang lain, kerana ia dari Qahthan, sedangkan yang satu lagi dari Habsyah.

6. Terjadi kilat dan hujan lebat yang luar biasa

Al-Imam Ahmad berkata, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Mush'ab dari Ammarah dari Abu Nadharah dari Abu Sa'id Al-Khudri bahwa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Akan terjadi banyak kilat ketika hari kiamat telah dekat hingga seorang lelaki mendatangi suatu kaum lalu berucap: 'Siapa yang disambar petir sebelum kamu pada pagi hari ini?' mereka menjawab: 'Fulan, Fulan dan Fulan'."* (Riwayat Ahmad).

Dalam hadis lain riwayat Al-Hafiz Abu Bakar Al-Bazzar dalam Musnadnya berkata, telah menceritakan kepada kami Ishaq dari Khalid dari ayahnya, dari Abu Hurairah ia berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Kiamat tidak terjadi sehingga langit menurunkan hujan yang sangat deras."*

Maksud berlakunya petir dan hujan lebat itu bukanlah seperti petir dan hujan yang biasa berlaku, tetapi secara dan bentuk yang amat luar biasa daripada petir dan hujan biasa yang pernah dan sering berlaku, sehingga semua orang yang

mengalaminya akan kehairanan dan kaget. Inilah petir dan hujan lebat sebagai tanda dan alamat kiamat telah dekat masanya akan berlaku.

7. Haji di tinggalkan dan Ka'abah tidak lagi ditawafkan

Abdurrahman berkata dari Syu'bah dari Qatadah: "Hari kiamat tidak terjadi hingga Ka'abah tidak lagi dikunjungi oleh jamaah haji." Abu Abdullah berkata; "Yang awal lebih banyak." Selesailah yang dikatakan Bukhari.

Al-Bazar telah meriwayatkannya dari Muhammad bin Al-Muthanna dari Abdurrahman bin Mahdi dari Aban, dari Yazid Al-Athar dari Qatadah. Seperti yang disebutkan Bukhari, dan riwayat Sulaiman bin Dawud Al-Qathan dari Imran disebutkan oleh Al-Imam Ahmad seperti yang engkau lihat.

Abu Bakar Al-Bazar berkata, telah menceritakan kepada kami Abu Bakar Al-Muthanna dari Abdul Aziz dari Syu'bah dari Qatadah, aku mendengar Abdullah bin Abi Utbah bercerita dari Abu Sa'id Al-Khudri dari Nabi s.a.w. bahawa beliau s.a.w. bersabda: "*Hari kiamat tidak akan terjadi hinggalah Ka'abah tidak lagi dikunjungi oleh jamaah haji.*"

Ia berkata, kami tidak mengetahui riwayat hadis ini dari Nabi s.a.w. kecuali melalui sanad ini. Aku berkata; tidak dapat dinafikan makna antara kedua riwayat tersebut kerana Ka'abah masih dikunjungi orang setelah kemunculan Yakjuj dan Makjuj. Ketika zaman Isa Ibnu Maryam manusia hidup aman damai dan makmur dengan rezeki yang melimpah. Selanjutnya Allah mengiriskan angin sejuk lalu nyawa setiap Mukmin melayang, kemudian Nabi Isa wafat dan kaum Muslimin mensolatkannya (jenazah Nabi Isa), ia dikuburkan bersebelahan makam Rasulullah s.a.w. Kemudian Ka'abah hancur di tangan Zus-Suwaqatain, meskipun kemunculannya pada zaman Al-Masih seperti dikatakan Ka'ab Al-Ahbar.

8. Ka'abah dihancurkan

Apabila Ka'abah tidak lagi dikunjungi oleh orang yang mengerjakan haji lalu ia dihancurkan oleh segolongan yang diketuai oleh Zus-Suwaikatain.

Dari Ka'ab Al-Ahbar dalam tafsirnya tentang firman Allah: "Hingga jika dibuka (tembok) Yakjuj dan Makjuj bahwa awal kemunculan Zus-Suwaikatain pada masa Isa Ibn Maryam, itu terjadi setelah Yakjuj dan Makjuj binasa, kemudian Isa mengirim kepada mereka pasukan yang jumlahnya antara 700 sampai 800 orang. Maka tatkala mereka berjalan ke arahnya, tiba-tiba Allah mengirim angin dari arah Yaman yang sejuk, lalu setiap Mukmin mati. Kemudian yang baki hanyalah rakyat jelata. Mereka membuat kerusakan seperti halnya binatang." Kemudian Ka'ab berkata lagi; "Pada saat itu hari kiamat sudah dekat." (Lihat: An-Nihayah Fil Fitat Wal Malahim oleh Ibnu Kathir).

Al-Imam Ahmad berkata, telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Abdul Malik yaitu Al-Harrany dari Muhammad bin Salamah dari Muhammad bin Ishaq dari Ibnu Abi Najih dari Al-Mujahid dari Abdullah bin Amr, ia berkata; aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: *"Zus-Suwaikatain dari Habsyah menghancurkan Ka'abah, ia merampas perhiasannya, menanggalkan kiswahnya (pakaianya) seolah-olah aku melihat mereka berkepala botak dan bengkok persendian kakinya, mereka memecahkan Ka'abah dengan menggunakan linggis (besi pemecah) dan cangkul."* (Sanad hadis ini jayyid dan kuat).

Abu Daud meriwayatkan hadis Al-Qasim bin Ahmad dari Abu Amir dari Zuhair dari Musa bin Jubair dari Abu Umamah bin Sahl bin Hauf dari Abdullah bin Amr dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: *"...harta simpanan Ka'abah tidak dikeluarkan kecuali oleh Zus-Suwaikatain dari Habsyah."*

Al-Hafiz Abu Bakar Al-Bazar berkata, telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Al-Muthana dari Ba'bu Amir dari

Abdul Aziz dari Thaur dari Abi Al-Ghaith dari Abu Hurairah dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: *“Zus-Suwaiqatain dari Habsyah menghancurkan Ka’abah.”* Muslim meriwayatkannya dari Qutaibah bin Sa’id dari Abdul Aziz bin Muhammad Ad-Darawardi.

9. Berlakunya gempa bumi di tiga wilayah dunia

Terjadinya tiga gempa (tanah runtuh) yang merupakan salah satu tanda kiamat besar itu disebutkan dalam hadis-hadis yang membicarakan tanda-tanda kiamat, dan dalilnya adalah seperti berikut;

Dari Abu Huzaifah bin Usaid r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesungguhnya kiamat itu tidak akan terjadi sehingga kamu melihat sepuluh tanda...”* Kemudian baginda s.a.w. menyebutkan antara lain *“dan tiga gempa/tanah runtuh, iaitu gempa di wilayah timur, di wilayah barat dan di jazirah Arab.”* (Soheh Muslim Syarah Nawawi 18:27-28).

Dari Ummu Salamah r.nha., ia berkata: Aku pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sesudahku nanti akan terjadi gempa bumi di wilawah timur, gempa bumi di wilayah barat dan gempa bumi di jazirah Arab.”* Saya (Ummu Salamah) bertanya; *“Wahai Rasulullah, apakah bumi akan digempakan padahal di dalamnya masih ada orang yang soleh.”* Baginda menjawab; *“Apakala penghuninya telah banyak melakukan keburukan (dosa dan maksiat).”* (Riwayat At-Tabrani dalam Al-Ausat sebagaimana kata Al-Haithami dalam Majma‘uz Zawaid 8: 11. Beliau (Al-Haithami) berkata; “Sebahagian matan hadis ini tersebut dalam kitab Soheh. Dan badis ini di dalam sanadnya terdapat Hakim bin Nafi’ yang dianggap berkepercayaan oleh Ibnu Ma’in, tetapi dilemahkan oleh yang lain. Sedangkan para perawi lain adalah berkepercayaan.).

Apakah gempa bumi itu telah terjadi, berikutan kebelakangan ini terjadi gempa ekoran daripada gempa yang menghasilkan Tsunami dan lain-lainnya. Sesungguhnya ketiga-tiga gempa di tiga wilayah tersebut belum lagi terjadi

sebagaimana halnya (terjadi) tanda-tanda kiamat besar yang lain, meskipun sebahagian ulamak seperti Asy-Syarif Al-Barzanji berpendapat bahawa gempa tersebut telah terjadi. Tetapi yang sebenarnya gempa-gempa tersebut belum lagi terjadi, meskipun sering terjadi gempa di pelbagai wilayah di dunia ini, tetapi bukanlah gempa bumi seperti mana yang dimaksudkan di dalam hadis di atas. Gempa-gempa bumi yang telah terjadi itu adalah gempa bumi sebagai isyarat kepada alam kiamat kecil seperti hadis dari Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Tidak akan datang kiamat sehingga banyak terjadi gempa bumi.”* (Bukhari dalam Fitn).

Juga dari Salamah bin Nufail As-Sukuni bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Sebelum terjadinya kiamat akan terjadi kematian yang mengerikan dan sesudahnya akan terjadi banyak gempa bumi.”* (Riwayat Ahmad, At-Tabrani, Al-Bazar dan Abu Ya’la).

Adapun gempa bumi yang tiga macam (di tiga wilayah) yang akan terjadi itu sangat besar dan berlaku merata di banyak tempat di muka bumi ini, baik di wilayah timur, barat dan di jazirah Arab. Hal itu Ibnu Hajar berkata. *“Sesungguhnya telah dijumpai pelbagai gempa bumi dan tanah runtuh di berbagai tempat, tetapi yang dimaksudkan dengan tiga gempa itu adalah lebih besar lebih luas wilayahnya daripada yang sudah terjadi.”* (Lihat: Fathul Bari 13:84)

Pendapat ini diperkuatkan oleh hadis yang mengatakan bahawa ketiga-tiga rempa bumi itu terjadi apabila kerosakan dan kemaksiatan telah bermaharaja lela di kalangan manusia. Lalu Allah jadikan gempa bumi atau terbenamnya muka bumi yang akan menelan manusia, yang mana ia merupakan suatu azab, seperti sabda Rasulullah s.a.w.: *“Terhadap umat ini akan terjadi pembenaman bumi, perubahan bentuk (kepada yang buruk) dan bumi menggelongsor, apabila sudah muncul para penyanji wanita, alat-alat muzik dan minuman-minuman keras (secara berleluasa).”* (Hadis soheh riwayat Tirmizi dari Umran Ibn Husain. Lihat As-Sohehah Al-Albani no. 2203).

Kejadian pembenaman bumi, perubahan bentuk (kepada yang buruk) dan bumi menggelongsor tersebut tidak akan terjadi secara umum, akan tetapi Allah akan hanya lakukan terhadap kaum tertentu, sementara terhadap kaum Mukmin dilindungi dari semua itu. Sesungguhnya Allah s.w.t. akan menjaga dan melindungi orang yang benar-benar beriman sehingga mereka tidak akan melihat goncangan hari kiamat yang mana terjadi sebelumnya tiga pembenaman bumi di timur, di barat, dan di tanah Arab tersebut.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda: *“Kiamat (kehancuran) tidak akan terjadi kecuali atas manusia-manusia yang paling jahat.”* (Riwayat Muslim dan Ahmad dari Ibn Mas’ud. Juga terdapat di dalam riwayat Bukhari dengan lafaz yang berbeza).

Dalam hadis diriwayatkan oleh Muslim, Ahmad, Tirmizi dan Ibn Hibban dari Anas Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Kiamat tidak akan terjadi kecuali apabila di atas muka bumi ini tidak lagi disebut-sebut (nama) Allah, Allah.”*

10. Muncul api dari Yaman

Setelah terjadinya tiga pembenaman bumi tersebut, datanglah tanda kiamat besar yang paling terakhir, yang mana ia juga merupakan syarat yang pertama dari kehancuran alam besar yang sebenarnya, iaitu keluarnya api dari negeri Yaman atau dari dasar Aden atau dari timur yang akan menggiring manusia ke bumi Mahsyar mereka di Syam.

Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Adapun isyarat kiamat yang pertama adalah api yang keluar dari Timur, maka ia akan mengumpulkan manusia ke Barat.”* (Riwayat Ahmad, Bukhari dan An-Nasaie dari Anas).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dari Abu Huzaifah bin Usaid r.a., telah bersabda Rasulullah s.a.w.: *“Dan yang terakhir darinya adalah keluarnya api dari negeri Yaman yang akan menggiring manusia ke Mahsyar mereka.”*

Dalam riwayat hadis yang lain disebut: *“Keluarnya api dari dasar Aden yang akan mengiring manusia ke Mahsyar dan api tersebut akan bermalam di tempat mana pun manusia itu bermalam dan ia akan berada di mana pun manusia itu tidur siang (istirehat).”* (Riwayat Ahmad dan Muslim dari Abu Huzaifah bin Usaid).

Api tersebut tidak akan menyeksakan (membiarkan) seorang kafir pun, akan tetapi ia akan mengiring semua mereka ke depannya, dan barang siapa yang berlambat-lambat, maka ia akan memakan (membakar) mereka, sehingga mereka terpaksa mengikutnya hingga ke bumi Mahsyar di Syam.

Cara menjamak (mengkompromikan) riwayat-riwayat yang kelihatan macam bercanggahan, iaitu sebahagian riwayat mengatakan bahawa api ini merupakan tanda hari kiamat besar yang terakhir sedangkan pada riwayat lain dikatakan sebagai tanda alamat kiamat yang pertama, ialah bahawa api ini dianggap tanda terakhir bila dilihat penyebutannya bersama tanda-tanda lain yang seperti tertera dalam hadis Hudzaifah. Dan dikatakan sebagai tanda yang pertama kerana ia merupakan tanda hari kiamat yang pertama memandangkan sesudahnya tidak ada urusan dunia. Bahkan, dengan berakhirnya api ini, maka langsung disusuli dengan ditiupnya sangkakala. Berbeza dengan tanda-tanda lain seperti yang disebutkan dalam hadis Huzaifah, kerana setelah terjadinya tiap-tiap tanda masih ada urusan dunia (Lihat: Fathul-Bari 13:82).

Adapun riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa api itu akan keluar dari Yaman dan menurut riwayat lain ia akan mengumpulkan manusia dari timur hingga barat, maka hal ini dapat diberi jawapan sebagai berikut:

1. Riwayat-riwayat itu dapat dikompromikan demikian, bahawa keluarnya api itu dari Yaman tidak menafikan tindakannya mengumpulkan manusia dari timur hingga barat. Api itu mula-mula keluar dari lembah ‘Adn (di Yaman), apabila telah keluar maka akan menyebar ke seluruh permukaan bumi.

Dan yang dimaksudkan dengan “mengumpulkan manusia dari timur hingga barat” ialah meratanya pengumpulan itu, bukan khusus di timur dan di barat saja.

2. Bahawa ketika api itu telah menyebar maka yang pertama kali dikumpulkannya ialah penduduk kawasan timur. Hal ini diperkuatkan dengan permulaan fitnah itu selalu bermula dari timur. Adapun penyebutan bahawa kesudahannya di barat, maka hal ini disebabkan negeri Syam itu adalah kawasan barat, bila ia dinisbahkan kepada negeri-negeri timur.

3. Boleh jadi api yang disebutkan dalam hadis Anas itu sebagai kinayah tentang fitnah yang tersebar luas yang menyebarkan keburukan yang besar dan membara sebagaimana api membara dan bemula dari timur hingga sebahagian besar binasa dan manusia terkumpul dari kawasan timur ke Syam dan Mesir yang keduanya termasuk kawasan barat, sebagai mana terjadi beberapa kali pada masa Jengis Khan dan sesudahnya.

Adapun api yang tersebut dalam hadis Huzaifah bin Usaid dan Ibnu Umar adalah api yang hakiki (sebenarnya). *Wallahu alam.* (Lihat: Fathul-Bari 13:82 dan 11: 378-379)

1). Cara Allah mengumpulkan manusia

Ketika api yang besar ini muncul dari Yaman, maka ia segera menyebar ke bumi dan mengiring manusia ke bumi tempat berkumpul. Dan orang yang dikumpulkan itu terbahagi tiga kelompok:

1. Kelompok orang yang penuh harapan, mereka akan berpakaian dan berkenderaan.

2. Kelompok yang berjalan kaki dan ada pula yang bersesak-sesakan naik seekor unta sebagaimana disebutkan dalam hadis, iaitu ada dua orang yang naik seekor unta, ada yang tiga orang naik seekor unta, hingga ada yang sepuluh orang yang menaiki seekor unta. Hal ini disebabkan sedikitnya kenderaan darat pada waktu itu.

3. Kelompok orang yang dikumpulkan oleh api, iaitu mereka yang diiringi api dari belakang dan dari segala penjuru menuju ke bumi tempat berkumpul, dan barang siapa yang ketinggalan, maka dia akan dimakan oleh api. (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān Wal Malahim 1:230-231)

Hadis-hadis yang menjelaskan cara api itu mengumpulkan manusia antara lain ada seperti berikut:

Imam Bukhari dan Muslim meriwayatkan dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. baginda bersabda: *“Manusia akan dikumpulkan menjadi tiga kelompok iaitu kelompok yang berasa berharap dan takut, ada pula yang dua orang menaiki seekor unta, tiga orang naik seekor unta, empat orang naik seekor unta dan sepuluh orang naik seekor unta; dan bakinya dikumpulkan oleh api, yang mana api itu pada siang hari menyertai mereka ketika mereka tidur siang dan menyertai mereka pada malam hari ketika mereka tidur malam hari, dan menyertai mereka pada pagi hari dan menyertai mereka pada petang hari.”* (Lihat: Fathul Bari, Syarah Soheh Bukhari, Kitab Ar-Riqaq, Bab Al-Hasyr 11: 377 hadis nombor 6522. Soheh Muslim dengan Syarah Nawawi, Kitab Al-Jannah wa Syifat Na’imiha, Bab Fana’id Dunya wa Bayan Al-Hasyr Yaumul Qiyamah 17:194-195)

Dari Abdullah bin Amr, ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Api itu akan dibangkitkan pada penduduk kawasan timur lalu mengumpulkan (mengiring) mereka ke kawasan barat; api itu bermalam bersama mereka di mana mereka bermalam dan pada siang hari pun menyertai mereka ketika mereka tidur siang. Apa yang terjatuh dan tertinggal dari mereka menjadi miliknya dan diiringnya mereka seperti mengiring unta yang bercerai-berai.”* (Hadis Riwayat At-Tabrani dalam Al-Kabir dan Al-Ausat, dan perawi-perawinya adalah dipercayai kebenarannya. Majma’uz-Zawaid 8: 12. Dan diriwayatkan juga oleh Hakim dalam Al-Mustadrak 4: 548, dan beliau berkata; *“Ini adalah hadis soheh, hanya saja Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkannya.”* Az-Zahabi juga menyetujui pentashehan Hakim ini).

Dari Huzaifah bin Usaid r.a, ia berkata: Abu Zar r.a pernah berdiri lalu berkata; ‘Wahai Bani Ghiffar, bersatulah dan jangan berselisih, sesungguhnya As-Sodiq Al-Masduq (orang yang benar lagi dibenarkan, yakni Nabi s.a.w.) telah bersabda kepadaku: *“Sesungguhnya manusia itu akan dikumpulkan dalam tiga kelompok; Satu kelompok dengan berkenderaan dan penuh harapan mereka makan dan berpakaian; satu kelompok lagi berjalan dan berlari; dan satu kelompok lagi diseret mukanya oleh malaikat dan diiring ke neraka. Lalu salah seorang dari mereka bertanya; ‘Dua kelompok ini telah kami kenal, maka bagaimana halnya orang yang berjalan kaki dan berlari?’ Baginda menjawab; ‘Allah akan menimpakan penyakit pada binatang-binatang tunggangan hingga tidak ada yang baki sehingga ada orang yang memiliki kebun yang baik ditukarkan dengan unta yang dipekerjakan, namun orang itu akhirnya tidak dapat menguasai (memiliki)nya.’”* (Musnad Imam Ahmad 5: 164-165 dengan catatan pinggir Muntakhab Kanzil Ummal; dan Sunan Nasaie, Kitab Al-Janaiz, Bab Al-Ba’ath 4:116-117, dan Mustadrak Al-Hakim 4:564. Al-Hakim berkata; “Ini adalah hadis yang soheh isnadnya hingga Al-Walid bin Jami tetapi Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkannya.” Az-Zahabi berkata dalam talkhisnya terhadap Al-Mustadrak; “Al-Walid ini dipakai oleh Muslim untuk meriwayatkan hadis mutaabi’, sebagai pendukung hadis semakna yang telah ada dan dianggap hujah oleh Nasai.”)

2). Di manakah bumi tempat berkumpul itu?

Manusia akan dikumpulkan di Syam pada akhir zaman, maka negeri Syam inilah yang merupakan *Ardhul-Mahsyar* (bumi tempat berkumpul) sebagaimana disebutkan dalam beberapa hadis seperti di bawah ini:

Diriwayatkan dari Ibnu Umar r.a mengenai ketika akan keluarnya api itu, para sahabat bertanya; “Wahai Rasulullah, apakah yang engkau perintahkan kepada kami?” Baginda s.a.w. menjawab: *“Hendaklah kamu berkumpul di Syam.”* (Hadis Riwayat Imam Ahmad dan Tirmizi).

Imam Ahmad meriwayatkan dari Hakim bin Muawiyah Al-Bahzi dari ayahnya, lalu ia menyebutkan hadisnya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Di sini kamu akan dikumpulkan, di sini kamu akan dikumpulkan, di sini kamu akan dikumpulkan dengan berkenderaan, ada yang dengan berjalan kaki dan ada pula yang diseret wajahnya."* Ibnu Abi Bukair berkata; *Lalu baginda menunjuk dengan tangan ke arah Syam sambil bersabda: "Ke sinilah kamu akan dikumpulkan."* (Musnad Imam Ahmad 4: 446-447 dengan catatan pinggir Muntakhab Kanzul Ummal).

Imam Tirmizi meriwayatkan dari Bahz bin Hakim dari ayahnya dari datuknya, ia berkata: "Saya bertanya, Wahai Rasulullah, ke manakah engkau perintahkan aku?" Baginda menjawab; "Ke sanalah!" Dan baginda menunjuk dengan tangannya ke arah Syam. (Lihat: Tuhfatul Ahwazi Syarah Sunan Tirmizi 6: 434-435. Beliau berkata; "Ini adalah hadis Hasan Soheh." Mengenai kedua riwayat ini Ibnu Hajar mengulas; "Hadis ini diriwayatkan oleh Tirmidi dan Nasaie dan sanadnya kuat." Lihat: Fathul Bari 11: 380).

Imam Ahmad dan Abu Daud meriwayatkan dari Abdullah bin Amr, ia berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *"Akan terjadi hijrah setelah hijrah yang mana orang akan menuju ke tempat hijrahnya Nabi Ibrahim. Tidak ada yang tinggal di bumi kecuali orang yang paling jahat. Mereka diberitahu oleh bumi tempat mereka tinggal dan diingatkannya akan azab Allah. Mereka akan dikumpulkan oleh api bersama kera dan babi. Api itu selalu menyertai mereka malam dan siang hari dan memakan orang yang ketinggalan (tidak berhijrah)."* (Musnad Ahmad 11: 99, hadis nombor 6871. Ahmad Syakir berkata; "Isnadnya soheh." Dan Anunul Ma'bud Syarah Sunan Abi Daud 7: 158 hadis nombor 2465. Al-Hafiz Ibnu Hajar berkata; "Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dengan sanad yang tidak tercela." Lihat: Fathul-Bari 11: 380).

Ibnu Hajar berkata: "Disebutkan dalam Tafsir Ibnu Uyainah dari Ibnu Abbas, dia berkata; 'Barang siapa yang

meragukan bahawa tempat berkumpulnya manusia (pada akhir zaman) itu di sini, yakni di Syam, maka hendaklah ia membaca permulaan surah Al-Hasyr. Pada satu hari Rasulullah s.a.w. bersabda kepada mereka (para sahabat): ‘Keluarlah!’ Mereka bertanya; ‘Ke mana?’ Baginda menjawab; ‘Ke bumi tempat berkumpul’.” (Fathul-Bari 11: 380. Lihat juga Tafsir Ibnu Kathir 8:84-85).

Sebab dijadikannya negeri Syam sebagai bumi tempat berkumpul adalah kerana keamanan dan keimanan itu berada di Syam ketika terjadi fitnah pada akhir zaman. Mengenai keutamaan dan anjuran menetap di Syam ini telah disebutkan dalam beberapa hadis soheh, antara lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dari Abu Darda’ r.a, ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Ketika aku sedang tidur tiba-tiba aku bermimpi melihat pelapik tempat alas Al-Kitab (al-Quran) dibawa dari bawah kepalaku, maka aku mengira bahawa ia akan hilang. Kerana itu pandanganku terus mengikutinya, ternyata ia dibawa ke Syam. Ingatlah bahawa keimanan itu berada di Syam ketika telah terjadi pelbagai fitnah.*” (Musnad Imam Ahmad 5: 198-199 dengan catatan pinggir Muntakhab Kanzul Ummal. Ibnu Hajar berkata; “Diriwayatkan oleh Ahmad, Ya’qub bin Sufyan dan Tabrani dan sanadnya adalah soheh.” (Lihat: Fathul-Bari 12:402-403).

At-Tabarani meriwayatkan dari Abdullah bin Hawalah r.a bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “*Ketika malam aku diisrakan, aku melihat tiang (putih seperti bendera yang dibawa oleh malaikat). Lalu aku bertanya; ‘Apakah yang anda bawa itu?’ Malaikat itu menjawab; ‘Pilar Al-Kitab (tempat alas al-Quran), kami diperintahkan untuk membawanya dan menaruhnya di Syam’.*” (Fathul Bari 12: 403. Al-Hafiz Ibnu Hajar berkata; “Sanadnya hasan.”).

Abu Daud meriwayatkan dengan sanadnya dari Abdullah bin Hawalah r. a, ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda; “*Urusan itu akan berubah sedemikian rupa sehingga kamu menjadi tentera yang dikerahkan iaitu sebagai tentera di Syam, di Yaman dan di Iraq.*” Ibnu Hawalah berkata; “Pilihkanlah

untukku wahai Rasulullah jika aku mendapati taman itu.” Baginda menjawab; “Hendaklah engkau memilih Syam kerana itu merupakan bumi pilihan Allah untuk hamba-hamba-Nya yang terpilih. Adapun jika kamu tidak mahu di Syam, maka menetaplah di Yaman dan cercalah orang yang mengkhianatimu kerana Allah telah menyerahkan Syam dan penduduknya kepadaku.” (Aunul Ma’bud Syarah Sunan Abi Daud 7:160-161 hadis nombor 2466. Dan hadis ini soheh. Lihat: Soheh Al-Jami’ As-Soghir 3: 314-315 hadis nombor 3553).

Suatu ketika Rasulullah s.a.w. pernah berdoa agar negeri Syam diberi keberkatan, sebagaimana diriwayatkan dalam Soheh Bukhari dari Ibnu Umar r.a, ia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berdoa: *“Ya Allah berilah keberkatan untuk kami di negeri Syam. Ya Allah berilah keberkatan kepada kami di negeri Yaman.”* (Lihat: Soheh Bukhari Kitab Al-Fitan Bab Qaulin Nabiy s. a. w. “Al-Fitnah Min Qibalil Masyriq 13:45).

Salah seorang ulamak, Abu Ubayyah mengingkari negeri zaman menjadi tempat berkumpulnya manusia pada akhir zaman itu. Beliau beralasan kepada al-Quran surah Ibrahim ayat 48; *“Pada hari ketika bumi diganti dengan bumi yang lain...”* Namun ramai ulamak menolak pandangan Ubayyah ini kerana banyak dalil-dalil lain yang menunjukkan bahawa negeri Syam merupakan tempat berkumpulnya manusia pada zaman fitnah (akhir zaman) sebagaimana telah disebutkan yang lalu. Kemungkinan besar yang menyebabkan Abu Ubayyah berpendapat demikian adalah kerana ia mengira bahawa pengumpulan ini di akhirat, bukan di dunia. Maka perlu dijelaskan dalam pembahasan berikut bahawa pengumpulan ini di dunia, sebagaimana ditunjuk oleh nas-nas yang soheh.

3). Pengumpulan raksasa manusia di dunia

Pengumpulan atau penghimpunan manusia sebagaimana yang disebutkan dalam hadis-hadis itu adalah di dunia, bukan pengumpulan manusia sesudah dibangkitkan dari kubur. Al-Qurtubi mengatakan bahawa Al-Hasyr yang bererti Al-Jamu’ (penghimpun atau pengumpulan) manusia itu ada empat

macam, yang dua macam di dunia dan dua macam di akhirat. Adapun pengumpulan atau penghimpunan manusia di dunia itu:

Pertama: Pengusiran Bani Nadhir ke Syam.

Kedua: Penghimpunan manusia ke Syam sebelum terjadinya hari kiamat oleh api sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa hadis. (Lihat: Tafsir Al-Qurtubi 18: 7-3; At-Tazkirah: 198-199).

Penghimpunan manusia di dunia inilah yang telah disepakati oleh Jumhur ulamak sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Qurtubi, Ibnu Kathir, dan Ibnu Hajar. Ini pulalah yang ditunjuk oleh nas-nas sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Sebahagian ulamak, seperti Al-Ghazali (Lihat: Farhul-Bari 11: 379 dan At-Tazkirah: 199) dan Al-Hulaimi berpendapat bahawa penghimpunan manusia ini bukan di dunia, tetapi di akhirat. (Lihat: Al-Minhaj Fi Syu'abil Iman 1: 442).

Ibnu Hajar menyebutkan bahawa sebahagian pensyarah Al-Masabih mengatakan bahawa penghimpunan manusia ini adalah dari kubur (setelah mereka dibangkitkan dari kubur) dengan beralasan:

1. Bahawa Al-Hasyr (pengumpulan manusia) itu bila diucapkan secara mutlak dalam syara', maka yang dimaksudkan ialah penghimpunan manusia setelah dibangkitkan dari kubur, selama tidak ada dalil yang mengkhususkannya.

2. Bahawa pembahagian atau pengelompokan manusia sebagaimana disebutkan dalam riwayat itu tidak jelas menunjukkan ke Syam, kerana orang yang berhijrah itu boleh jadi dengan perasaan berharap atau takut, atau dengan perasaan harap-harap cemas.

3. Bahawa penghimpunan orang yang berbaki (masih

hidup di akhir zaman) dan diiringkan oleh api menuju ke arah Syam serta menetap di sana dan tidak lagi meninggalkannya, merupakan perkataan yang tidak dapat dipegangi, dan tidak dapat menetapkan berkuasanya api di dunia terhadap orang yang celaka, tanpa adanya dasar yang dapat dipegangi.

4. Bahawa hadis itu saling menafsirkan antara sebahagian terhadap sebahagian yang lain. Tersebut dalam riwayat-riwayat hasan dari hadis Abu Hurairah dan diriwayatkan pula oleh Al-Baihaqi dari jalan lain dari Ali bin Zaid dari Aus bin Abi Aus dari Abi Hurairah dengan lafaz; “...*kamu akan terbahagi menjadi tiga kelompok ada yang seperti binatang melata ada yang berjalan kaki dan ada pula yang diseret mukanya.*”

Dan pembahagian dalam riwayat ini sesuai dengan yang tersebut dalam surah Al-Waqi'ah ayat 7: “*Dan kamu menjadi tiga golongan.*”

Alasan-alasan di atas dapat dijawab demikian:

1. Bahawa terdapat dalil yang menunjukkan bahawa *hasyr* (pengumpulan manusia) itu terjadi di dunia sebagaimana tersebut dalam beberapa hadis yang lalu.

2. Bahawa pembahagian atau pengelompokan dalam surah Al-Waqi'ah itu bukanlah pembahagian seperti yang tersebut dalam hadis. Kerana yang dimaksudkan dalam hadis ialah pembahagian dalam rangka pembebasan dari fitnah. Maka barang siapa yang memiliki kesempatan maka dia dapat berkumpul dengan naik kenderaan dan membawa bekalan, dengan perasaan penuh harap terhadap apa-apa yang akan dihadapinya dan merasa takut terhadap apa yang ditinggalkannya. Mereka inilah kelompok pertama yang tersebut dalam hadis di atas. Ada pula orang yang terlambat hingga kenderaan tinggal sedikit, lalu mereka berdesak-desakkan naik kenderaan tersebut. Mereka ini adalah kelompok kedua. Dan kelompok ketiga ialah mereka yang diiringi oleh api dan diseret oleh malaikat.

3. Sebagaimana ditunjuki oleh beberapa buah hadis, bahawa yang dimaksud dengan api tersebut bukan api akhirat (neraka), tetapi ia adalah api yang muncul di dunia, yang Nabi s.a.w. menakut-nakuti umatnya akan keluarnya api tersebut beserta apa yang dilakukannya, sebagaimana tersebut dalam hadis-hadis yang telah dikemukakan di atas.

4. Bahawa hadis yang mereka jadikan alasan yang diriwayatkan dari jalan Ali bin Zaid, yang dia ini masih diperselisihkan oleh para ulamak hadis tentang kepercayaan dan tidaknya, hal itu tidaklah bertentangan dengan hadis-hadis yang menerangkan bahawa pengumpulan atau penghimpunan itu terjadi di dunia. Bahkan menurut hadis lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad melalui jalan Ali bin Zaid disebutkan bahawa: “Mereka menjaga wajah mereka pada setiap tanah yang tinggi dan berdiri padahal tanah tempat berkumpulnya manusia pada hari kiamat itu semuanya datar tidak ada yang berliku dan berbelok, tidak ada bukit tidak ada tanah tinggi dan tidak ada duri.” (Lihat: Musnad Ahmad 16: 356, no. 8632 dengan tahqiq Ahmad Syakir dan Dr Al-Husaini Abdul Majid Hasyim melengkapi keterangan dengan menyebutkan bahawa isnadnya hassan. Tetapi Al-Hafiz Ibnu Hajar melemahkannya kerana adanya perawi Ali bin Zaid bin Jad’ah. (Rujuk: Fathul-Bari 11: 380-381)

Imam Nawawi berkata; “Para ulamak mengatakan bahawa penghimpunan ini terjadi pada saat menjelang berakhirnya kehidupan dunia, beberapa waktu sebelum terjadinya kiamat dan sebelum ditiupnya sangkakala, berdasarkan sabda Rasul: *“Mereka yang tertinggal dikumpulkan (diiring) oleh api. Api itu terus menyertai mereka pada waktu malam siang pagi dan petang hari.”* (Lihat: Syarah Muslim oleh Nawawi 17:194-195).

Setelah mengemukakan hadis-hadis yang menerangkan akan keluarnya api ini dan menjelaskan bahawa pengumpulan itu terjadi di dunia, Ibnu Kathir berkata; “Konteks hadis-hadis ini menunjukkan bahawa penghimpunan ini adalah penghimpunan orang yang masih hidup pada masa akhir kehidupan dunia, dari seluruh penjuru bumi ke tempat

berkumpul, iaitu negeri Syam. Semua ini menunjukkan bahawa peristiwa ini terjadi pada akhir zaman yang mana makan, minum, dan berkenderaan dilakukan di atas kenderaan yang diberi dan lainnya, sedangkan orang yang tertinggal maka dia dibinasakan oleh api. Seandainya peristiwa ini terjadi setelah manusia dibangkitkan dari kubur setelah ditiupnya sangkakala (pada kali yang kedua) nescaya sudah tidak ada lagi kematian, tidak ada binatang (kenderaan) yang diperjualbelikan, tidak ada makanan, minuman, dan pakaian di halaman-halaman yang luas.” (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān Wal Malahim 1: 230-231).

Adapun pengumpulan manusia di akhirat, maka terdapat beberapa buah hadis yang menerangkan bahawa semua manusia baik yang Mukmin maupun yang kafir dikumpulkan dengan tidak mengenakan alas kaki (kasut), dalam keadaan telanjang bulat, tidak berkhitan, dan dengan warna kulit yang sama.

Di dalam Soheh Bukhari disebutkan suatu riwayat dari Ibnu Abbas, dia berkata bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berdiri di tengah-tengah kami, lalu baginda bersabda: *“Sesungguhnya kamu akan dikumpulkan dengan tidak bersepatu (berkaki ayam) dalam keadaan telanjang dan tidak berkhitan lalu beliau membaca ayat (maksudnya): ‘Sebagaimana Kami telah memulai penciptaan pertama begitulah Kami akan mengulanginya’. Dan orang yang pertama kali diberi pakaian pada hari kiamat ialah Ibrahim Al-Khalil.”* (Soheh Bukhari, Kitab Ar-Raqaiq, Bab Al-Hasyr 11: 377).

Ibnu Hajar berkata; *“Dan dari manakah orang memiliki kebun-kebun setelah dibangkitkan dari kubur, yang menjadikannya terhormat?”* (Lihat: Fathul-Bari 11: 382).

Dengan demikian maka jelaslah bahawa penghimpunan atau pengumpulan ini terjadi di dunia sebelum terjadinya hari kiamat. Barang siapa yang berpendapat yang bertentangan dengan ini, maka dia telah dianggap cuba menyaingi kebenaran. *Wallahu a’alam.*

Tiupan Sangkakala dan Kemusnahan Segala Makhluk dan Alam ini

SEBAGAI mengakhiri penyusunan buku ini, maka buku ini ditutup dengan peristiwa Tiupan Sangkakala yang menandakan alam ini diperintahkan oleh Allah supaya dimusnahkan untuk digantikan dengan alam baru, yang mana setiap yang hidup dimatikan dan setiap yang mati dibangkitkan semula untuk berhadapan dengan soal-jawab di Mahkamah Akhirat yang Allah sendiri sebagai Hakim.

Suatu kejadian yang dahsyat yang akan menimpa manusia setelah kejadian tanda-tanda kiamat lain adalah tiupan (Sangkakala) yang mengejutkan dan menggemparkan semua makhluk. Allah memerintahkan pada Malaikat Israfil untuk meniup Sangsakala, maka ketika itu penduduk bumi ini dalam kebingungan memperhatikan persoalan yang besar itu, yang mana sebelum itu mereka sibuk (lalai) dengan urusan dunia dan tidak menyangka kiamat berlaku bagaikan secara tiba-tiba.

Allah berfirman: *“Dan (ingatlah) hari (ketika) ditiup sangsakala, maka terkejutlah segala (makhluk) yang di langit dan di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (sentiasa mengamati dan mengambil perhatian) dan semua mereka datang menghadap-Nya dengan merendahkan diri, dan kamu*

lihat gunung-gunung itu, kamu sangka dia tetap di tempatnya, padahal ia berjalan sebagaimana jalannya awan, (begitulah) perbuatan Allah yang membuat dengan kukuh setiap sesuatu, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (Surah An-Naml (27):87-88).

Allah berfirman: *“Iaitu hari (yang pada waktu itu) ditiup sangsakala dan kami akan mengumpulkan pada hari itu orang yang berdosa, dengan muka yang biru muram.” (Surah Toha (20):102).*

Berkata Imam Ahmad bahawa telah menceritakan kepada kami Ismail dari Sulaiman At-Tamimi dari Assalam Al-‘Ajily dari Bisyr bin Sofyan dari Abdullah bin Amr, beliau berkata, seorang anak dusun bertanya: *“Wahai Rasulullah apakah sangkakala itu?”* Beliau menjawab: *“Semacam tanduk yang hidup.”*

Berkata Imam Ahmad bahawa telah menceritakan kepada kami Asbath dari Mutharrif dari Athiyah dari Ibnu Abbas berkenaan dengan firman Allah: *“Apabila ditiup Sangsakala, maka waktu itu adalah waktu (datangnya) hari yang sulit, bagi orang kafir tidaklah mudah.” (Surah Al-Mudassir:8-10),* Ibnu Abbas berkata, Rasulullah bersabda: *“Bagaimana aku dapat bersenang-senang sementara meniup Sangsakala telah mula memasukkannya ke mulutnya dan tinggal menunggu bila ia akan diperintahkan (oleh Allah), ialu ia pun meniupnya.”* Para sahabat bertanya: *“Wahai Rasulullah apakah yang dapat kita lakukan?”* Beliau menjawab: *“Katakanlah, cukuplah bagi kami Allah, dan Dialah sebaik-baik pelindung serta hanya kepada-Nyalah kami bertawakkal.”*

Berkata Imam Ahmad bahawa telah diceritakan kepada kami Yahya bin Said dari At-Tamimi dari Aslam dari Abu Mariyah dan Abdullah bin Umar dari Nabi s.a.w.: *“Kedua-dua meniup Sangkakala berada di langit kedua, kepala salah seorang di antara kedua-duanya berada di barat dan kedua kakinya berada di timur, kedua-dua (meniup Sangsakala itu) menunggu bilakah diperintahkan untuk meniup Sangsakala.”*

Firman Allah; *“Dan mereka berkata: ‘Bilakah (terjadinya) janji ini (hari berbangkit) jika kamu adalah orang yang benar?’ Mereka tidak menunggu melainkan satu teriakan saja (suara tiupan Sangkalala yang pertama yang menghancurkan bumi ini) yang akan membinasakan mereka ketika mereka sedang bertengkar. Lalu mereka tidak kuasa (tak sempat) membuat suatu wasiat pun dan tidak (pula) dapat kembali kepada keluarganya. Keadaan orang Mukmin pada hari kiamat. Dan ditiuplah Sangkalala (tiupan ini adalah tiupan Sangkalala yang kedua yang sesudahnya bangkitlah orang dalam kubur.), maka tiba-tiba mereka keluar dari kuburnya (menuju) kepada Tuhan mereka. Mereka berkata: ‘Aduhai celakalah kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari tempat tidur kami (kubur)?’. Inilah yang dijanjikan (Tuhan) Yang Maha Pemurah dan benarlah Rasul-rasul(Nya). Tidak adalah teriakan itu selain sekali teriakan saja, maka tiba-tiba mereka semua dikumpulkan kepada Kami. Maka pada hari itu seseorang tidak akan dirugikan sedikitpun dan kamu tidak dibalasi, kecuali dengan apa yang telah kamu kerjakan.”* (Surah Yaasin: 48-54)

1. Tiupan Sangkakala pertama, iaitu tiupan guncangan

Tiupan yang pertama ini adalah panjang dan menyebabkan kegoncangan dan terjadi kepanikan semua yang berada di langit dan yang berada di bumi, kecuali orang yang dikehendaki oleh Allah, iaitu yang terdiri dari para Nabi, Rasul dan para syuhada'. Kerana tiupan ini akan menggetarkan dan membuatkan keadaan panik semua yang hidup, sedangkan para Nabi, Rasul dan syuhada' adalah hidup di sisi Tuhan mereka, maka Tuhan melindungi mereka dari guncangan tiupan ini.

Allah s.w.t. berfirman: *“Dan (ingatlah) hari (ketika ditiup Sangkakala), maka terkejutlah segala yang di langit dan di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah. Dan mereka semua mereka akan datang menghadap-Nya dengan merendahkan diri.”* (Surah An-Naml: 87).

Tiupan ini akan menimpa segenap alam semesta dengan guncangan yang keras dan hebat yang akan menanggalkan

segala hubungan (sendi) dan melepaskan semua ikatan yang mengikat susunan setiap bahagian alam yang rapi (harmonis) ini. Maka, ia akan menggoncangkan bumi segoncang-goncangnya, mendatarkan gunung dengan bumi selumat-lumatnya, meletuskan gunung-ganang dengan kuat sehingga menjadi debu yang bertebaran, membuat laut-lautan saling beradu dan mengeluarkan api yang menyala, langit akan menjadi pecah secara luar biasa dan hilanglah hukum graviti yang biasa kita kenal, maka planet pun saling berlanggaran, bintang-bintang berjatuhan, bersatulah Matahari dengan Bulan dan hilanglah cahaya, semuanya binasa, setelah itu keadaan alam semesta kembali seperti sebelum Allah s.w.t. menciptakan iaitu hanya berupa kabut dan gas (asap).

Itulah tiupan yang akan mengejutkan akal manusia yang sombong dan bongkak yang selalu merasai pintar. Pada waktu itu buntulah akal para ahli sains kerana sebelum ini mereka membuta-tulkan akal terhadap keagungan Allah, lalu nafsu menjadi gundah tanpa menemui jawapan.

Tiupan itulah yang akan didengar oleh setiap jiwa dengan saksama dengan mengiringkan kepalanya dalam keadaan mengangkat salah satu telinganya untuk mengamati tiupan yang mengejutkannya.

Tiupan itulah yang akan datang kepada manusia dengan tiba-tiba sedangkan mereka berada dalam kelalaian dan terlena dalam kekufuran mereka. Sungguh ia akan mengejutkan mereka seperti mana yang diterangkan oleh Rasulullah s.a.w.; *“Sesungguhnya, akan terjadi hari kiamat (dengan mengejutkan) di mana apabila dua orang lelaki telah membuka pakaian (dagangan)nya, maka keduanya tidak akan (sempat) memperjual-belikan ataupun melipatnya (membungkus) kembali, dan sungguh akan berdiri hari kiamat (dengan mengejutkan) di mana apabila seorang lelaki sudah memerah susu (ternak)nya maka ia tidak akan (sempat) meminumnya, dan sungguh akan berdiri hari kiamat (dengan mengejutkan) di mana apabila seseorang sudah membina periginya dengan tanah liat, dia tidak akan (sempat) meminum airnya, dan*

sebenarnya akan berdiri hari kiamat (dengan mengejutkan), sehingga apabila seseorang sudah mengangkat makanan ke mulutnya, maka dia tidak akan (sempat) memakannya.” (Riwayat Bukhari, Muslim dan Ibnu Majah dari Abu Hurairah).

Allah s.w.t. berfirman: “Wahai manusia, bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya goncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang amat besar (dahsyat). (Ingatlah) pada hari (ketika) kamu melihat kegoncangan itu, semua wanita yang menyusui anaknya terlupa anak yang disusukannya, wanita yang sedang mengandung gugurlah semua kandungannya, dan kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka semua tidak mabuk, akan tetapi (kerana) azab Allah itu sangat kerasnya.” (Surah Al-Hajj: 1-2).

2. Tiupan Sangkakala kedua, iaitu tiupan kejutan (pengsan) dan kematian

Setelah tiupan pertama tersebut, Allah s.w.t. memerintahkan Malaikat Israfil untuk meniup Sangkakala pada kali kedua, dengan tiupan ini terkejutlah (pengsan) dan matilah semua makhluk yang berada di langit dan di bumi, termasuk para Nabi, Rasul dan para Syahida’, kecuali makhluk yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. iaitu sebanyak lapan malaikat, iaitu: Jibril, Mikail, Israfil, Izrail, para malaikat pembawa Arasy yang empat.

Allah s.w.t. berfirman: “Dan ditiuplah sangkakala, maka matilah apa yang ada di langit dan di bumi kecuali yang dikehendaki oleh Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi, maka tiba-tiba mereka berdiri menunggu (keputusannya masing-masing).” (Surah Az-Zumar: 68)

Kemudian Allah s.w.t. memerintahkan Malaikat Maut untuk mencabut nyawa Jibril, Mikail, Israfil dan para malaikat pembawa Arasy yang empat, maka tidak ada yang tertinggal kecuali Allah s.w.t. dan Malaikat Maut. Kemudian Allah berkata kepada Malaikat Maut: “Wahai Malaikat Maut, kamu adalah salah satu dari makhluk-makhluk-Ku, maka sekarang matilah

kamu.” Dengan demikian matilah Malaikat Maut dan tidak ada yang tertinggal kecuali Allah Yang Maha Perkasa, Yang Hidup yang tidak pernah mati, Yang tidak ada sebelumnya sesuatu apa pun, Yang akhir, Yang tidak ada sesudah-Nya sesuatu apa pun, kemudian Allah s.w.t. dengan kehendak-Nya menggoyangkan semua langit dan bumi seraya berkata: “Akulah Raja, Akulah penguasa, di manakah raja-raja bumi? Di manakah para penguasa? Di manakah orang yang sombong? Dan untuk siapakah kekuasaan pada hari ini?” Maka Zat menjawab dengan berkata: “Bagi Allah Yang Maha Esa lagi Perkasa.” (Lihat: An-Nihayah Fil Fitān Wal Malahim oleh Ibnu Kathir).

Kedadaan alam semesta akan tetap seperti di atas (musnah dan kosong) selama 40 hari, sebagaimana yang diterangkan oleh hadis soheh yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah bahawa telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Antara dua tiupan adalah 40.*” Ada yang bertanya: “Wahai Abu Hurairah 40 harikah?” Ia menjawab: “Aku tidak tahu dan aku tidak mahu menjawab. Mereka bertanya lagi: “40 tahunkah?” Dia Menjawab; “Aku tidak tahu dan aku enggan untuk menjawab.” Mereka bertanya lagi: “40 bulankah?” Dia menjawab: “Aku tidak tahu dan aku enggan untuk menjawab.” (Lihat: Soheh Bukhari dan Soheh Muslim).

Kemudian setelah itu Allah s.w.t. menurunkan hujan dari langit seperti gerimis atau bayangan (naungan), yang mana dengannya tumbuhlah semua jasad makhluk dan sesungguhnya semua manusia akan hancur kecuali “ekor yang terakhir” (iaitu tulang yang ada dipunggung paling bawah), dan darinyalah tumbuh tubuh atau jasad dan tersusun kembali, maka jadikanlah itu sebagai iktibar wahai orang yang mempunyai mata hati dan penglihatan akal yang tajam.

3. Tiupan Sangkakala ketiga, iaitu tiupan kebangkitan

Maka apabila telah sempurna penciptaan tersebut Allah s.w.t. menghidupkan Israfil sebagai makhluk pertama yang dihidupkan, kemudian menyuruhnya untuk berseru (berteriak) dengan mengatakan: “Wahai tulang-tulang yang hancur, sendi-

sendi yang terputus, bahagian-bahagian yang terpisah dan rambut-rambut yang tercabit, sesungguhnya Allah memerintahkan kamu untuk bersatu kembali untuk memutuskan (keputusan) keadilan.” (Lihat: Kitab Hasyiah As-Shary terhadap Tafsir Jalalain 3: 328 pada ayat 53 surah Yasin, iaitu bererti: “*Sesungguhnya ia hanyalah sekali tiupan saja, maka tiba-tiba mereka sudah dihadirkan kepada Kami.*”).

Sesungguhnya pada Sangkakala itu terdapat lubang-lubang yang banyak sesuai dengan jumlah roh atau nyawa semua makhluk, maka Israfil pun meniupnya dan terbanglah semua roh ke jasadnya masing-masing. Roh-roh kaum Mukmin akan terbang dengan memancarkan nur (cahaya) sedangkan roh-roh kaum kafir akan menimbulkan kegelapan, kemudian Allah s.w.t. berkata: “Demi kebesaran dan keperkasaan-Ku semua roh hendaklah benar-benar kembali kepada jasadnya yang dulunya dia berada ketika di dunia”, maka dengan demikian masuklah setiap roh ke dalam jasadnya sebaik sahaja bangun dari kubur masing-masing, sedangkan kepalanya masih bergelumang tanah, dan berkatalah orang kafir: “Ini adalah hari yang sulit”, sedangkan orang Mukmin berkata: “Segala puji bagi Allah yang telah menghilangkan kesedihan dari kami.”

4. Langit dan bumi diganti dengan yang baru

Disebutkan di dalam hadis tentang sangkakala, setelah bumi ini hancur, lalu Allah menggantikan bumi yang hancur itu dengan bumi yang lain, lalu bumi yang baru itu hamparkan, dan diratakan serta dilapangkan. Allah berfirman: “*Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-gunung, maka katakanlah: ‘Tuhanku akan menghancurkannya (di hari kiamat) sehancur-hancurnya’. Maka Dia akan menjadikan (bekas) gunung-gunung itu datar sama sekali. Tidak ada sedikit pun kamu lihat padanya tempat yang rendah dan yang tinggi-tinggi.*” (Surah Toha: 105-107). Kemudian Allah menggoncang ciptaan-Nya dengan goncangan yang kuat, tiba-tiba mereka sedar dan berada di atas bumi yang baru. Firman Allah: “*(Iaitu) pada hari (ketika) bumi diganti dengan bumi yang lain dan (demikian pula) langit, dan mereka semuanya (di padang*

Mahsyar) berkumpul menghadap ke hadharat Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa.” (Surah Ibrahim: 48).

Di dalam Soheh Muslim dari Aisyah bahwasanya Rasulullah s.a.w. ditanya: “*Dimanakah manusia pada saat bumi dan langit diganti?*” Beliau s.a.w. bersabda: “*Di dalam kegelapan di bawah titian (Sirat).*”

Ada pula kemungkinan bahawa penggantian yang disebut di dalam ayat itu adalah penggantian selain yang disebutkan di dalam hadis ini. Yakni digantinya segala sesuatu yang ada di bumi di antara tiupan kematian dengan tiupan kebangkitan. Di mana gunung-gunung berjalan, dan bumi pun menjadi rata bagaikan satu hamparan saja, tak ada lagi dataran tinggi dan rendah serta tak ada lagi lekukan sedikit pun.

Dan firman-Nya: “*Dan (ingatlah) akan hari (yang ketika itu) Kami perjalankan gunung-gunung dan kamu akan melihat bumi itu datar dan Kami kumpulkan seluruh manusia, dan Kami tidak tinggalkan seorang pun dari mereka. Dan mereka akan dibawa ke hadapan Tuhanmu dengan berbaris. Sesungguhnya kamu datang kepada Kami, sebagaimana Kami menciptakan kamu pada kali yang pertama, bahkan kamu mengatakan bahwa Kami sekali-kali tidak akan menetapkan bagi kamu waktu (memenuhi) perjanjian.” (Surah Al-Kahfi: 47-48).*

Hingga inilah berakhirnya perbincangan mengenai tanda-tanda kiamat. Penyusun tidak berhajat untuk memanjangkan hingga ke Hari Akhirat, kerana menjadikan buku ini terlalu tebal. Lagi pun topik yang utama sekali ialah perbincangan berkaitan dengan tiga tokoh yang bakal menakluk dunia ini menjelang kiamat. Kerana merekalah yang bakal membawa perubahan kepada keadaan manusia dan penghuni dunia ini. *Wallahu a’alam.*

Pesanan dan Peringatan serta Persediaan Hadapi Kiamat dan Kematian

SUATU pertanyaan penting yang perlu timbul dari benak setiap kita ialah: “Apakah yang harus dilakukan oleh seorang Muslim pada saat sekarang ini untuk persiapan diri menghadapi ujian-ujian (cubaan-cubaan) ketika berdepan dengan tanda-tanda dan isyarat-isyarat kiamat yang telah dibentangkan pada bab-bab yang lalu dalam buku ini? Apalagi peristiwa-peristiwa tersebut sudah mendekati kita dan ada yang hampir-hampir datang dengan tiba-tiba.”

Bagi orang Mukmin sejati, jawapan dari pertanyaan tersebut bukan dengan lidah dan menunjukkan sikap kebimbangan dan keresahan, tetapi dengan tindakan dan amalan yang sepatutnya dilakukan oleh setiap Muslim seperti mana yang dianjurkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Melengkapkan diri dengan ilmu dan panduan hidup

Apa yang dimaksudkan dengan ilmu di sini adalah ilmu yang soheh dan benar yang berasal dari Rasulullah s.a.w. yang jauh dari khurafat, kesesatan dan kebatilan. Jadi ilmu ini

mencakup ilmu al-Quran, Hadis, Fiqh serta semua ilmu syariah umumnya serta mengerti akan perkembangan zaman yang akan kita alami ini khususnya berkaitan dengan tanda-tanda kiamat yang telah, sedang dan berbakal berlaku. Sebahagian ilmu dan maklumatnya telah dipaparkan di dalam buku ini. Hal itu hendaklah sentiasa mengamati perkembangannya dari semasa ke semasa.

Perlu kita ingat bahawasanya suatu ilmu yang bermanfaat hendaklah didasari oleh keikhlasan kerana Allah dan mendapat keredaan serta restu dari Allah s.w.t. selain ilmu tersebut soheh, dan ia hanya dapat dicapai dengan jiwa yang bertakwa.

Firman Allah: *“Dan bertakwalah kamu kepada Allah, nescaya Allah akan mengajarmu dan Allah Maha Mengetahui akan segala sesuatu.”* (Surah Al-Baqarah: 282).

2. Sentiasa beristighfar dan bertaubat

Kewajipan yang kedua untuk menghadapi masa ini adalah sentiasa berasa diri berdosa, lalu bertindak melakukan istighfar dan bertaubat kepada Allah s.w.t. dari segala dosa, sama ada dosa besar, dosa kecil, yang dilakukan secara terang atau tersembunyi, yang sengaja dan tidak sengaja dan segala dosa terhadap makhluk hendaklah memohon maaf. Keperluan kepada bertaubat ini adalah kerana setiap manusia di zaman fitnah dan peperangan-peperangan besar tersebut akan terjadi keadaan panik dan kadangkala seseorang tidak akan dapat menyedari kealpaan dirinya yang disebabkan oleh kesibukannya dalam menghadapi ujian-ujian yang besar tersebut, maka apabila dia tidak pernah benar-benar bertaubat sebelumnya, maka ketika itu boleh jadi dia tidak akan dapat dan tidak ada kesempatan melaksanakannya taubat pada hari-hari yang penuh dengan cubaan, ujian, kelaparan, kekeringan, kemarau, kemiskinan, peperangan-peperangan serta fitnah-fitnah tersebut.

Sedangkan Rasulullah s.a.w. sudah pun mengingatkan dengan sabdanya: *“Bersegeralah kamu beramal sebelum datang*

tujuh (7) perkara kerana (tabiat) kamu suka menunggu (menungguh-nangguh amalan) ketika (telah terjadi) kefakiran yang melupakan atau kekayaan yang memabukkan atau penyakit yang menghancurkan atau keadaan tua bangka yang melemahkan (akal/kesedaran/kekuatan) atau kematian yang menunggu (sentiasa menghampir) atau ketika kedatangan Dajjal, dia adalah seburuk-buruk makhluk yang ditunggu atau hari kiamat, maka kiamat itu adalah musibah yang lebih dahsyat dan lebih menyesakkan.” (Riwayat Tirmizi dari Abu Hurairah).

Wahai sekalian hamba Allah s.w.t. kembalilah dan bertaubatlah kamu kepada Allah sebelum kamu dikejutkan oleh fitnah-fitnah yang pasti akan datang tersebut (kerana sermua telah diberitakan oleh Rasulullah s.a.w.) sebelum Matahari terbit dari tempat terbenamnya (di sebelah barat) yang menandakan telah tertutupnya pintu taubat.

Allah Ta’ala telah mengingatkan di dalam al-Quran; *“Yang mereka nanti-nantikan, tidak lain hanyalah kedatangan malaikat kepada mereka (untuk mencabut nyawa mereka) atau kedatangan (seksa) Tuhanmu atau kedatangan beberapa ayat Tuhanmu (tanda-tanda kiamat), Pada hari datangnya ayat (tanda) dari Tuhanmu (Matahari terbit di sebelah barat), (ketika itu) tidaklah bermanfaat lagi iman seseorang kepada dirinya sendiri yang belum beriman sebelum itu, atau dia (belum) mengusahakan kebaikan dalam masa imannya...” (Surah Al-An’am: 158).*

Demikian juga Rasulullah s.a.w. bersabda: *“Hari kiamat tidak akan terjadi sampai Matahari terbit dari barat, tatkala manusia melihatnya mereka pun beriman. Itulah hari, ketika iman seseorang tidak lagi bermanfaat bagi dirinya sendiri (bagi yang belum beriman sebelum itu.” (Riwayat Imam Bukhari dari Musa bin Ismail dari Abdullah Wahid dari Ammarah dari Abu Zur’ah dari Abu Hurairah).*

3. Zuhud terhadap dunia

Zuhud bukanlah bererti meninggalkan semua urusan dunia, kerana Rasulullah s.a.w. tetap makan, minum, tidur, berkeluarga (kahwin), berjalan di pasar-pasar dan menghadapi segala macam kenyataan hidup, akan tetapi beliau juga bersabda: “*Jadilah kamu di dunia seperti seorang perantau atau musafir.*” (Riwayaat Bukhari, Muslim, Ahmad dan lain-lain dari Abdullah bin Umar).

Hadis di atas Rasulullah s.a.w. memberi isyarat agar kita menyediakan bekalan ketika berada di atas dunia seperti seorang musafir yang menyediakan bekalan untuk melanjutkan perjalanannya sehingga sampai ke tempat tujuan. Tempat tujuan kita seorang hamba Allah (selaku musafir di atas dunia ini) ialah akhirat. Bekalan yang patut disediakan ialah amalan yang diperintahkan. Untuk memudahkan dan melancarkan perjalanan ke akhirat dan mendapat syurga, ialah dengan menjauhkan diri segala macam dosa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan makhluk, kerana ia mengganggu perjalanan.

Selaku orang yang dalam perjalanan, maka perhatikanlah apa-apa yang perlu engkau bawa dalam perjalananmu. Apa yang dituntut dari ialah meninggalkan sifat “cinta dunia”, kerana sifat ini adalah pangkal sebab dari segala kesalahan (dosa), yang mana apabila seseorang sudah mencintai dunia, maka hati dan fikirannya akan dipenuhi oleh iri-hati, dengki dan sanggup melakukan kezaliman, kebakhilan, ketamakan dan lain-lain.

4. Menyediakan bekalan untuk kehidupan akhirat

Allah s.w.t. berfirman: “*Berbekallah dan sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah takwa dan bertakwalah kepada-Ku wahai orang yang berakal.*” (Surah Al-Baqarah: 197).

Sesungguhnya pasar kebaikan (amal) selalu terbuka siang dan malam dan orang yang beruntung atau menang adalah orang yang berusaha keras di pasar amal tersebut sedangkan orang yang mensia-siakan waktunya dan lalai di pasar tersebut ialah

orang yang rugi. Maka pintu-pintu kebaikan adalah sangat mudah dan banyak sekali, di antaranya adalah seperti:

1). Membaca al-Quran, maka anda akan mendapat pahala dari setiap satu hurufnya dengan satu kebaikan, sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.: *“Barang siapa yang membaca satu huruf dari Kitabullah, maka dia akan mendapat satu kebaikan (pahala) sedangkan setiap pahala itu akan dilipat gandakan menjadi sepuluh kali ganda, aku tidak mengatakan ‘Alif Lam Mim’ itu satu huruf, akan tetapi **alif** adalah satu huruf, **lam** adalah satu huruf dan **mim** adalah satu huruf...”* (Riwayat Tirmizi dari Abdullah Ibn Mas’ud).

Selain itu dianjurkan juga agar sering membaca atau menghafaz surah Al-Kahfi, sekurang-kurangnya sepuluh ayat pada awalnya atau sepuluh ayat pada akhirnya. Bahkan, kalau sesiapa menghafaz tiga awal dari surah Al-Kahfi sahaja pun maka dia akan terselamat dari fitnah Dajjal.

Riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud dan Tirmizi dari Abu Darda’ bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; *“Barang siapa yang menghafaz 10 ayat dari awal surah Al-Kahfi, dia akan terpelihara dari fitnah Dajjal.”* Dalam hadis Muslim dan Abu Daud menyebut; *“10 ayat pada akhir surah al-Kahfi.”* Dan dalam hadis yang lain disebut; *“3 ayat dari awal surah al-Kahfi.”*

2). Mengingati Allah (sentiasa berzikir) dengan bertasbih, bertahmid, bertakbir dan bertahlil. Apabila anda membaca suatu wirid (zikir) yang sedikit yang selalu anda baca dengan tetap (istiqamah) maka Allah s.w.t. akan memberikan kepada anda pahala sebesar gunung-ganang.

Lagi pun Rasulullah s.a.w. mengingatkan kita ketika berhadapan dengan fitnah Dajjal, tidak lain dengan banyak berzikir dan bertahmid.

Ketika Rasulullah s.a.w. mengingatkan bahawa akan timbul kelak fitnah dan kesusahah angkara Dajjal, sehingga para sahabat bertanya, dengan apa manusia akan hidup pada zaman itu? Beliau s.a.w. menjawab: *"Tahlil, takbir dan tahmid, itu semuanya (zikir dan wirid) akan memadai (menjadi kenyang) bagi mereka (orang Mukmin) sebagaimana makanan."* (Hadis soheh riwayat Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah dari Abu Umamah).

3). Menyempurnakan wuduk dan sentiasa kekal di dalam wudhuk.

4). Banyak-banyak pergi solat berjemaah ke masjid.

5). Memuliakan tetamu, maka pahala kita akan dilipatgandakan dan darjat kita akan ditingkatkan oleh Allah s.w.t.

6). Membiasakan diri mengucapkan salam.

7). Bersedekah makanan atau wang atau pakaian dan lain-lain.

8). Berbuat baik kepada dua orang tua (menyantuni, taati perintahnya, dan menghentikan segala larangannya).

9). Menghubungkan silaturrahim, berbuat baik kepada jiran.

10). Menunggu solat demi solat, kerana sesungguhnya itu adalah tali pembenteng di jalan Allah.

11). Mengunjungi orang yang sakit.

12). Mendamaikan dua pihak yang berselisih, kerana hal ini akan mengangkat darjat dan boleh menghapuskan dosa-dosa kita.

13). Khusus untuk para wanita, hendaklah mereka sentiasa mentaati suaminya dan memperbaiki sikap dengannya dalam keadaan tetap menjaga rukun-rukun (hal-hal yang diwajibkan) agama. Maka bagi wanita tersebut akan dibukakan kepadanya pintu syurga yang kelapan, yang boleh dimasukinya melalui pintu mana yang dikehendakinya.

14). Dan lain-lain. Jadi, pintu-pintu kebaikan (amal) adalah sangat banyak dan selalu terbuka, maka bersegera kamu wahai para hamba Allah untuk melaku kebaikan, untuk mendapatkan syurga yang maha luasnya, melebihi luasnya bumi dan langit.

5. Selalu mengajak orang lain kepada agama Allah

Berdakwah sama sekali bukan hanya bererti menyampaikan ceramah, pidato atau khutbah, tetapi ia juga bermaksud mengajak jiran kita untuk mendirikan solat atau menyuruh keluarga supaya taat kepada Allah dan Rasul serta ajaran agama. Maka, apabila kita sudah melakukan hal-hal tersebut, bererti kita sudah dinamakan melakukan dakwah kepada agama Allah dan itulah perkataan yang terbaik sedangkan kita akan mendapat pahala sebesar pahala orang yang mengikuti ajaran kita tersebut.

6. Melaksana dan mentaati semua perintah (syariat) Allah

Seorang Mukmin sejati tidak akan membantah apa pun syariat yang diperintahkan oleh Allah dan rasul-Nya, akan tetapi dia sentiasa akan berkata: "Kami dengar dan kami taati."

Allah s.w.t. berfirman; *"Dan tidaklah patut bagi lelaki yang Mukmin dan tidak pula bagi perempuan yang Mukminah apabila Allah dan rasul-Nya telah menetapkan suatu ketetapan akan ada bagi mereka pilihan yang lain tentang urusan mereka. Dan barang siapa yang menderhakai Allah dan rasul-Nya, maka sungguh dia telah sesat dengan suatu kesesatan yang nyata."* (Surah Al-Ahzab: 36)

Dan dalam sebuah hadis dari Aisyah disebutkan: “*Semoga Allah merahmati wanita-wanita Ansar, ketika turun firman Allah s.w.t.: ‘Dan hendaklah menutupkan kain tudung mereka ke dada mereka’. Kemudian para lelaki (suami) mereka pulang ke rumah, mereka masing-masing membacakan ayat-ayat yang sudah diturunkan oleh Allah tersebut, maka para wanita Ansar tersebut mengeratkan kain selendang mereka di kepala mereka dan memakai kain penutup yang terikat di kepala atas dasar tashdiq (membenarkan dan mengakui) dengan iman dengan apa-apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka pun mengikuti Rasulullah dengan memakai kain penutup yang terikat di kepala seakan-akan di kepala mereka ada burung gagak.*” (Riwayat Bukhari dari Aisyah).

7. Menghapuskan perpecahan dan perselisihan

Segala bentuk perselisihan adalah buruk dan tidak akan mendatangkan kebaikan, perselisihan adalah penyakit umat-umat sebelum kita, ia adalah sebuah penyakit yang sangat menyusahkan yang apabila ia sudah menimpa sebuah umat, maka ia akan menghancurkan dan menghilangkan kekuatan umat tersebut.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Tirmizi, dari Zubair bin Awwam, telah bersabda Rasulullah s.a.w.: “*Penyakit umat-umat sebelum kamu telah mula menjalar kepadamu, iaitu: dengki, saling benci membenci, sedangkan kebencian itu adalah pencukur, iaitu pencukur agama bukan pencukur rambut. Demi yang diriku, Muhammad di tangan-Nya (Allah), tidaklah kamu dinamakan beriman sehingga kamu saling kasih mengasihi. Aku akan memberitahu kepada kamu sesuatu amalan yang apabila kamu melakukannya kamu akan saling kasih mengasihi. Iaitu sebarkan salam (Assalamu ‘alaikum) sesama kamu.*”

Oleh kerana itu, untuk menghilangkan perselisihan antara individu-individu atau kelompok-kelompok dari kaum Muslim antaranya mengajurkan memberi salam antara mereka. Hukum menghilangkan perselisihan dan pergaduhan adalah

fardu dan wajib, khususnya pada zaman ini yang mana musuh-musuh kita terus memerangi umat Islam dan memperebutkan mereka seperti orang yang sedang lapar memperebutkan hidangan makanan.

Sesungguhnya semua orang yang membangkitkan (menimbulkan) fitnah-fitnah, kekacauan dan perselisihan di antara kaum Muslim pada zaman ini adalah berdosa adalah berdosa!, berdosa!, berdosa!. Oleh kerana itu hendaklah diusahakan supaya mereka yang sering berselisih itu agar takut kepada Allah. Kerana memecah perpaduan umat Islam adalah perbuatan keji dan mungkar yang paling besar.

Wallahu a'alam

Rujukan:

1. Al-Quran al-Karim.
2. Kitab hadis Soheh Imam Bukhari.
3. Kitab hadis Soheh Imam Muslim.
4. Kitab hadis Soheh Al-Jami' As-Soghir,
oleh Al-Alamah Al-Albaani.
5. Silsilatu Al-Ahadis As-Sohehah,
oleh Al-Alamah Al-Albaani
6. Silsilatu Al-Ahadis Ad-Dhaifah wa al-Maudhu'ah,
oleh Al-Alamah Al-Albaani.
7. Tafsir al-Quran al-Azim,
oleh Al-Hafiz Ibn Kathir.
8. Al-Jami' li Ahkami al-Quran,
oleh Imam Qurtubi.
9. Fathul Baari, Syarhu Sohehul Bukhari,
oleh Al-Hafiz Ibn Hajar As-Asqalani.
10. Syarhu Soheh Muslim,
oleh Imam Nawawi.
11. Al-Fitan wa Al-Malahim, At-Bidayah wa An-Nihayah,
oleh Al-Hafiz Ibn Kathir.
12. Al-I'tisham,
oleh Al-Imam As-Syathibi.
13. Risalah Al-Kasyfu an-Mujawazati Hazihi Al-Ummah
Al-Alfa, oleh Al-Imam As-Suyuti.

14. Al-Urf Al-Wardi fii Akhbar Al-Mahdi,
oleh Imam As-Suyuti.
15. Al-Bayan fii Akhbari Shahibi Az-Zaman,
oleh Al-Alamah Ibn Kaj As-Syafii
16. 'Aqdu Ad-Durur fii Akhbari Al-Muntazhar,
oleh Al-Imam Jalaluddin Yusuf Ibn Yahya Ali
Al-Maqdisi AsSyafii.
17. Ar-Raddu 'alaa man Kazzaba bi Al-Ahadis As-Sohehah
Al-Waridah fii Al-Mahdi dan Aqidatu Ahlisunnah
wa Al-Athar fii Al-Mahdi Al-Muntazar,
oleh Asy-Syaikh Abdul Muhsin Al-Abbad.
18. Haqiqatut Khabar Anil Al-Mahdi Al-Muntazar,
oleh Al-Ustaz Salahudin Abdul Hamid Al-Hadi.

PUSTAKA AZHAR
5B/110(B), Ground Floor,
Larkin Transport Terminal,
Jalan Garuda,
80310 Johor Bahru, Johor.
Tel : 07-2210 244 Fax : 07-2210 243
Website : <http://www.pustakaazhar.com>

TERBITAN TERBARU

Stok Nama	Harga Jual
Hijab Memelihara Kesucian Wanita Muslimah	RM 9.00
Lambaian Syurga Untuk Anak Yang Berbakti Pada Kedua Ibubapa	RM 18.00
Percanggahan Darwinisme Terhadap Al-Quran	RM 34.90
20 Dalil Sains Terhadap Al-Quran	RM 29.90
1001 Doa-doa Pilihan Dari Al-Quran Dan Sunnah	RM 7.00
Amalan-amalan Sunnah Rasulullah	RM 9.00
25 Tip Kebahagiaan Suami Isteri	RM 10.00
Meneladani Kemuliaan Ahklak Rasulullah	RM 13.00
3 Tokoh Bakal Menakluk Dunia (Hard Cover)	RM 34.90

AGAMA

Kod	Stok Nama	Harga Jual
978934021221	Risalah Wirid Doa Selepas Solat	RM 7.00
9789833092000	TMKJ Mengatasi Gelisah	RM 8.00
9789833092017	Keajaiban Ikhlas Kerana Allah	RM 10.00
9789833092024	Janji dan Sumpah Iblis	RM 10.00
9789833092031	Kaum-Kaum yang Telah Dimusnahkan	RM 10.00
9789833092048	The Status Of Sunnah	RM 7.00
9789833092062	Panduan Lengkap Solat Fardu dan Solat Sunat	RM 10.00
9789833092079	Amalan Mustajab dan Murah Rezeki	RM 10.00
9789833092086	10 Sebab Doa Terhijab	RM 8.00
9789833092093	Rumah Yang Disukai Oleh Malaikat Rahmat	RM 13.00
9789833092109	Panduan Menjadi Lelaki Paling Bahagia	RM 10.00
9789833092116	Batas-batas Aurat dan Pergaulan	RM 9.00
9789833092123	Kasyfus Syubat	RM 12.00
9789833092130	Cinta dan Rindu kepada Allah	RM 10.00
9789833092147	Bimbingan dan Kursus Perkahwinan	RM 12.00
9789833092154	99 Keajaiban Khazanah Lelaki	RM 15.00
9789833092178	Dosa-dosa yang Dipandang Ringan oleh Manusia	RM 13.00
9789833092185	Pintu-pintu Menggodanya Orang-orang Soleh	RM 6.00

AGAMA

Kod	Stok Nama	Harga Jual
9789833092222	Menyuci dan Mengubat Penyakit Hati	RM 12.00
9789833092239	Fadilat & Amalan Membaca Surah Surah Pilihan	RM 15.00
9789833092246	3000 Nama-Nama Indah Tips Amalan Ibu Mengandung	RM 15.00
9789833092253	Al-Quran Penyembuh Penyakit & Penangkal Musibah	RM 13.00
9789833092260	Panduan Haji Umrah	RM 13.90
9789833092284	Nabi Nuh AS	RM 4.90
9789833092291	Nabi Salih AS	RM 4.90
9789833092307	Nabi Adam AS	RM 4.90
9789833092314	Nabi Ibrahim AS	RM 4.90
9789833092321	Nabi Lut AS	RM 4.90
9789833092338	Nabi Ayub AS	RM 4.90
9789833092345	Nabi Yunus AS	RM 4.90
9789833092352	Nabi Muhammad SAW	RM 4.90
9789833092369	Nabi Ismail AS	RM 4.90
9789833092376	Nabi Musa AS	RM 4.90
9789833092383	Nabi Sulaiman AS	RM 4.90
9789833092390	Nabi Isa AS	RM 4.90
9789833092581	Nabi Daud AS	RM 4.90
9789833092598	Nabi Hud AS	RM 4.90
9789833092604	Nabi Yaakub AS	RM 4.90
9789833092611	Nabi Yusuf AS	RM 4.90
9789833092628	Kamus Al Azhar (Hard Cover)	RM 28.90
9789833092673	Perkara Pelik Ganjil Di Dunia	RM 18.00
9789833092727	Mengekang Gelora Nafsu	RM 8.00
9789833092734	Penawar Bagi Hati	RM 15.00
9789834021207	Panduan Asas Fardhu Ain	RM 10.00
9789834021214	99 Solat Sunat	RM 6.00
9789834021214A	Doa Wirid dan Zikir	RM 10.00
9789834021221	Risalah Wirid dan Doa	RM 7.00
9789834021238	Kamus Al Azhar Melayu Arab Inggeris (Kulit Nipis)	RM 19.90
9789834021245	Doa Wirid & Zikir Jawi	RM 10.00
9789834021290	Seksa Meninggalkan Solat	RM 9.00
9789834185305	Panduan Lengkap Menghalusi Solat Bergambar	RM 18.90
9789854021270	Fitnah Dajjal dan Yajuj Majuj	RM 9.00
AYATPENAWAR	Ayat-Ayat Penawar Gangguan Syaitan	RM 3.50
HKPNABI	Himpunan Kisah Perjuangan Nabi Set 16 Tajuk	RM 78.40
MINYAKWANGIM	Minyak Wangi Mekah	RM 0.00
YASINPA	Yasin Pustaka Azhar	RM 2.50
YASINPA2	Yasin & Tahlil Sedang	RM 2.20

BUKU

Kod	Stok Nama	Harga Jual	
9789833092055	Kamus Bestari	RM	11.00

ELEKTRONIK

Kod	Stok Nama	Harga Jual	
CDAYATPENAWAR	CD Ayat Penawar Jin Syaitan	RM	19.90
VCDDHK	VCD Doa Harian Karaoke PA	RM	19.90